

Bab

1

PENDAHULUAN

1. PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Kemunculan Ajaran yang Menyeleweng

Islam adalah agama Allah s.w.t yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w dan para nabi a.s sebelum baginda yang berisikan iman dan amal. Iman adalah akidah dan perkara pokok yang membentuk syariat Islam dan cabang-cabangnya. Amal pula adalah syariat dan cabang-cabang yang terhasil daripada iman dan akidah. Iman dan amal atau akidah dan syariat kedua-duanya saling berkaitan antara satu sama lain umpama pokok dengan buah, atau seperti sebab dengan kesan atau natijah dengan permulaan.¹

Allah s.w.t mementingkan persoalan akidah manusia. Al-Qur'an diturunkan sebagai pedoman untuk manusia membina akidahnya kerana akidah yang sah merupakan asas pembinaan ummah dan ketamadunan manusia. Penjagaan akidah dan tauhid adalah perkara pertama yang dilakukan oleh Islam dalam penetapan syariat. Memerangi akidah jahiliah yang dipelopori penyembahan berhala yang menyesatkan adalah satu perkara yang mesti untuk menyucikan masyarakat Islam daripada bahaya syirik dan sisa kesesatan.²

Ketulusan akidah yang diajarkan Allah s.w.t melalui utusanNya, Rasulullah s.a.w menerima ancaman fahaman ajaran yang menyeleweng yang yang didokongi orang yang mementingkan diri sendiri mengikut kehendak *al-Hawā*. Zahirnya

¹ Sayyid Sābiq (t.t), *al-Aqā'id al-Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h.8.

² Al-Qaraḍāwī, (Dr.), Yūsuf (1994), *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h.219.

perwatakan mereka seperti orang yang alim, taat, khusyuk dan tawaduk dalam menunaikan perintah Allah s.w.t. Hakikatnya perbuatan lahiriah itu hanya dijadikan tarikan kepada ajaran Islam yang telah mereka selewengkan.

Fenomena penyelewengan akidah bukanlah satu fenomena yang baru, bahkan telah wujud ketika Rasulullah s.a.w masih hidup dengan kemunculan beberapa orang yang mendakwa diri sebagai nabi. Antara mereka ialah Aswad al-Ansī, Ṭulayḥah al-Khuwailid dan Musaylamah al-Kadhdhāb.³ Dakwaan mereka jelas menzahirkan penyelewengan yang dilakukan kerana Nabi Muhammad s.a.w adalah nabi akhir zaman, tiada lagi nabi selepas baginda s.a.w sebagaimana firman Allah s.w.t :

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ
وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

Maksudnya :

“Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala nabi-nabi. dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

(Surah al-Aḥzāb[33]:40)

Dari zaman ke zaman, akidah Islam terus diseleweng dengan rekaan pelbagai bentuk ajaran. Antaranya ialah yang diketuai oleh Aḥmad bin Ḥusain al-Mutanabbi⁴,

³ Al-Banjari al-Makki, Muhammad Noeruddin Marbu (1999), *Gejala Murtad Mengikut pandangan al-Qur'an dan al-Sunnah*. Kedah: Maahad li al-Tafaquh fi al-Dīn, h. 84-87.

⁴ Aḥmad bin Ḥusain adalah penyair terkenal dan pakar Bahasa Arab yang dilahirkan di Kufah pada tahun 306 h dan membesar di Syam. Beliau digelar al-Mutanabbi yang bermaksud mendakwa diri sebagai nabi kerana dia mendakwa dirinya nabi dan menerima wahyu. Selepas ditangkap dan dipenjarakan, al-

Laqīt bin Mālik al-Azdi ⁵, Al-Bāb ⁶, Amīr bin Ḥarb dan ramai lagi. Malaysia juga turut menerima impaknya dengan kemuculan ajaran Taslim⁷, Aurad Muhammadiyah yang dibawa oleh kumpulan Al-Arqam⁸, ajaran Ayah Pin⁹ yang menggemparkan Malaysia pada satu ketika dan banyak lagi yang seumpama dengannya.

Penyelewengan akidah memberi implikasi negatif terhadap kesucian akidah iaitu murtad daripada Islam. Orang yang murtad halal darahnya dalam Islam kecuali apabila dia bertaubat dan kembali kepada Islam. Hukuman berat ini adalah simbolik kepada bahayanya gejala murtad hasil daripada penyelewengan akidah seseorang.

Mutanabbi bertaubat dan kembali kepada akidah Islam. Lihat, Muhammad Isa Selamat, (*et. al*) (1998), *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenalinya*. Kuala Lumpur: Dar al-Nukman., h. 170- 172.

⁵ Laqīt adalah tokoh dari Oman yang mengaku dirinya nabi selepas Rasulullah s.a.w wafat. Dalam waktu yang singkat, pengikutnya semakin ramai kerana orang ramai enggan membayar zakat. Puak Muslimin memerangi mereka sehingga Laqīt terbunuh bersama lebih kurang sepuluh ribu orang pengikutnya. Lihat, *Ibid.*, h. 174-180.

⁶ Namanya ialah Mirza 'Ali Aḥmad, dilahirkan pada 1233 H di Syiraz Persia. Pada ketika mudanya, dia ingin banyak beribadah dan menjadi orang yang soleh. Dia pergi ke Baghdad untuk menziarahi makam orang-orang soleh dan para wali Allah s.w.t. Pada usia 25 tahun, dia mengaku dirinya sebagai al-Bāb iaitu pintu perantaraan untuk seseorang hamba itu memohon hajat kepada Allah s.w.t. Kemudian, dia mengaku sebagai al-Mahdi dan akhirnya mengaku dirinya sebagai Rasul yang membawa syariat. Al-Bāb kemudiannya ditangkap dan dibunuh pada tahun 1264 H. Lihat, *Ibid.*, h. 201-209.

⁷ Dikenalpasti sebagai ajaran yang menyeleweng yang paling lama bertapak di Tanah Melayu iaitu pada akhir abad ke-17 dan ada yang mengatakan pada akhir abad ke- 19. Dipercayai dibawa oleh Mohamad bin Shafie atau Mohamad Matahari di Kg. Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Setelah dia meninggal ajaran ini dibawa oleh dan anak dan cucunya sehingga tersebar keseluruh negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

⁸ Gerakan al-Arqam diasaskan oleh Ashaari Muhammad pada tahun 1968 yang pada permulaannya menumpukan pengajaran asas-asas agama kepada masyarakat, kegiatan dakwah, pendidikan dan ekonomi. Gerakan ini berpusat di Kg. Sungai Penchala, Selangor. Ajaran yang digunapakai dalam gerakan ini ialah Aurad Muhammadiyyah. Penyelewengan gerakan ini terbongkar dengan keluarnya segelintir ahli gerakan disebabkan mereka meragui pegangan Ashaari Muhammad terhadap Imam Mahdi dan Aurad Muhammadiyyah. Antara penyelewengan akidah yang terdapat dalam gerakan ini ialah pada lafaz syahadah dalam zikir Aurad Muhammadiyyah yang ditambahkan nama Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali serta nama Muhammad Suhaimi yang didakwa sebagai khalifah Rasulullah s.a.w. Lihat, Abdul Halim el-Muhammady (1994), *Penyelewengan al-Arqam dari Aqidah Quran dan Sunnah Mengikut Perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Petaling Jaya: ABIM. Pada tahun 1994 Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan pengharaman al-Arqam, Ashaari Muhammad dan pengikut-pengikutnya diminta supaya bertaubat. Ashaari dan beberapa orang kanannya kemudiannya ditangkap dan dikenakan tahanan ISA.

⁹Ajaran Ayah Pin diasaskan oleh Arifin bin Mohamad yang dikembangkan di Hulu Besut, Terengganu. Ayah Pin mengajarkan bahawa Tuhan adalah manusia, mendakwa dirinya sendiri sebagai Tuhan, menolak keRasulan Rasulullah s.a.w, menafikan kewajipan solat dan banyak lagi ajaran yang disebarikan yang menyeleweng daripada akidah Islam. Fatwa ajaran Ayah Pin dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu pada 4 Disember 1997. Lihat, <http://www.jheat.terengganu.gov.my/ajaranSesat.php> pada 07 Jun 2010, 1:07 pm.

Kemunculan pelbagai fahaman yang menyeleweng daripada akidah Islam juga memberi kesan kepada perpecahan umat Islam. Setiap kumpulan membawa ajaran Islam yang saling berbeza antara satu sama lain berdasarkan pendapat dan pemikiran yang berasaskan *al-Hawā* masing-masing berteraskan kepentingan individu dan mereka mendakwa bahawa itu adalah ajaran Islam sebenar dan yang terbaik. Perbezaan antara mereka bukanlah perkara furuk bahkan perbezaan itu adalah perbezaan pokok yang selama-lamanya tidak akan bertemu pada titik yang sama. Natijahnya mereka akan sering bertelagah dan memecah-belahkan kesatuan umat Islam dengan mendakwa hanya mereka berada pada jalan yang sebenar. Mereka hanya memperjuangkan kumpulan mereka dengan menafikan kebenaran orang lain. Kondisi ini mempamerkan kelemahan kesatuan akidah umat Islam dan menggembirakan kafir *laknatullah* yang begitu teruja melihat perpecahan umat Islam.

Di samping itu, penyelewengan akidah turut mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Antara peristiwa yang berlaku ialah pada 19 Oktober 1974 apabila salah seorang daripada kumpulan ajaran sesat 4 sahabat di Kg. Dedap, Rantau Panjang, Kelantan telah mati ditembak dalam satu pertempuran dengan pasukan keselamatan dan peristiwa Tajul Ariffin yang mengaku dirinya Imam Mahdi telah mencederakan Imam Masjid Rapat Setia, Ipoh, Perak iaitu Tuan Haji Damanhuri Abd. Wahab pada 7 Julai 1979.¹⁰ Pada tahun yang sama juga pada 19 Ogos, seramai 4 orang pengikut Ilmu Kasyaf pimpinan Haji Kamaruddin @ Abdullah Sani Kajang mati terbunuh dalam satu peristiwa di Kerling, Selangor. Pada 16 Oktober 1980 pula, seramai 8 orang daripada kumpulan ajaran sesat pimpinan Nasir Kemboja yang mengaku sebagai Imam Mahdi

¹⁰Sumber: JAHEAIK, "Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat" (t.t), (t.t.p), h. 7. Data ini diambil daripada Bahagian Penyelidikan JAHEAIK dan tidak mempunyai catatan yang lengkap.

terbunuh apabila mereka menyerang dan mencederakan anggota yang bertugas di Balai Polis Batu Pahat, Johor.¹¹

Gejala penyelewengan akidah berkait rapat dengan *al-Hawā* manusia. *Al-Hawā*lah yang menjadi mangkin kepada segala perbuatan manusia. *Al-Hawā* yang liar akan mempengaruhi manusia untuk melakukan perbuatan yang bertentangan dengan syarak termasuklah menyelewengkan akidah.

1.1.2. *Al-Hawā*

Al-Hawā disebut dalam bahasa Melayu sebagai hawa nafsu. *Al-Hawā* merupakan unsur penting dalam diri manusia yang diinterpretasikan sebagai kecenderungan seseorang manusia terhadap perkara yang disukainya.¹² Sekiranya manusia tidak didorong *al-Hawā* untuk makan, dia tidak akan makan, sekiranya dia tidak didorong *al-Hawā* untuk minum, dia tidak akan minum, sekiranya dia tidak didorong *al-Hawā* untuk berkahwin, dia tidak akan berkahwin dan begitulah seterusnya segala perkara yang diinginkannya, *al-Hawā*lah yang menggerakkannya.

¹¹ Haji Zamihan Haji Mat Zin al-Ghari (2008), “Ajaran Sesat dan Bahayanya Terhadap Agama dan Negara” (Kertas kerja Seminar Pemantapan Akidah dan Perpaduan Ummah Negeri Melaka di Auditorium Masjid al-Azim, Bukit Palah, Melaka, 3 April 2008), h. 15.

¹² Sayyid Sābiq (t.t), *op.cit.* , h.8.

Senario hari ini memperlihatkan bahawa manusia tidak mengendalikan *al-Hawā* dengan betul menyebabkan berlaku pelbagai gejala negatif sama ada yang melibatkan remaja, dewasa atau warga emas pada semua peringkat sama ada pelajar, pekerja atau yang menganggur. Manusia melakukan pelbagai jenayah termasuk membunuh sesama manusia meskipun disebabkan hal-hal yang remeh dan membunuh diri sendiri kerana tidak sanggup menghadapi dugaan dan tribulasi hidup. Lebih membahayakan apabila gejala negatif manusia yang memperturutkan *al-Hawānya* mengancam akidah umat dengan penularan kes-kes murtad dan penyelewengan akidah.

Sungguhpun *al-Hawā* mengimplicasikan pelbagai implikasi negatif, *al-Hawā* tidak boleh disingkir, dihapus atau dibunuh daripada diri manusia kerana *al-Hawā* adalah sebahagian daripada manusia. Firman Allah s.w.t :

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ...

Maksudnya :

“Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun...”

(Surah Āli 'Imrān [3]:14)

Setiap manusia mempunyai *al-Hawā* yang membezakannya daripada malaikat.

Implikasi negatif *al-Hawā* tidak berpunca daripada hakikat materi *al-Hawā* semata-mata tetapi merujuk kepada tindakan manusia mengikut *al-Hawā* secara total.

Allah s.w.t yang menciptakan manusia beserta *al-Hawānya* menurunkan al-Qur'an sebagai pedoman dan para Rasul r.a sebagai utusanNya agar manusia dapat mengendalikan *al-Hawā* sejajar dengan perintah dan larangan Allah s.w.t. Tindakan manusia memperturutkan *al-Hawā* akan menzahirkan penentangan mereka terhadap syariat Allah s.w.t. Kontradiksi antara perbuatan mengikut *al-Hawā* dan mengikut syariat Allah s.w.t adalah jelas. Firman Allah Taala :

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya :

“Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas satu syariat tentang urusan itu (agama). Maka ikutlah syariat itu dan janganlah kamu ikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui”.

(Surah al-Jāthiyah[45]:18)

Apabila seseorang mengikut kata *al-Hawānya*, bermakna dia menolak wahyu Allah s.w.t. Kuasa pengaruh *al-Hawā* pada diri manusia adalah sangat kuat sehingga mampu merapuhkan akidah manusia yang terpasak kukuh.

Dalam kajian ini penulis memperincikan konsep *al-Hawā*, peranan diikuti pengaruhnya dalam penyelewengan akidah umat.

1.2. Pengertian Tajuk

Dalam ruangan ini, penulis menghuraikan tajuk kajian secara ringkas agar kajian ini tampak lebih jelas dan mudah difahami. Tajuk kajian ini ialah ***AL-HAWĀ* DALAM PENYELEWENGAN AKIDAH : KAJIAN DI KELANTAN.**

***AL-HAWĀ* :**

Al-Hawā adalah fitrah kejadian manusia iaitu berkeinginan dan berkecenderungan untuk melakukan sesuatu. Perbincangan terhadap definisi *al-Hawā* penulis rincikan dalam bab kedua.

DALAM :

Dalam mempunyai pelbagai maksud dan dalam di sini bermaksud yang berkaitan dengan atau terbatas pada lingkungan sesuatu. Dalam tajuk ini dalam dibataskan kepada *al-Hawā* dalam penyelewengan akidah.

PENYELEWENGAN :

Perkataan penyelewengan diambil daripada kata seleweng yang bermaksud menyimpang dari arah yang betul, tidak menurut jalan yang betul, menyimpang dari tujuan sebenarnya dan tidak menurut landasan landasan (syarat, perintah).¹³

AKIDAH :

Akidah diertikan sebagai pegangan dan kepercayaan atau ikatan hati terhadap sesuatu secara yakin dan pasti. Akidah yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah akidah Islam. Akidah Islam boleh difahami sebagai Islam dan Iman. Iman berkait dengan hati dan Islam berbentuk amal. Dasar atau sumber akidah adalah al-Qur'an dan al-Sunnah.

KAJIAN :

Kajian bermaksud kegiatan mengkaji, iaitu penyelidikan yang mendalam atau terperinci supaya seseorang benar-benar mengetahui sesuatu untuk membuat keputusan. Dalam tesis ini, penulis mengkaji *al-Hawā* dalam penyelewengan akidah di Kelantan.

DI :

Di adalah kata sendi yang menunjukkan tempat dan boleh juga bermaksud pada, dalam, kepada, akan, oleh dan dari.

¹³ Teuku Iskandar (1994), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1220.

KELANTAN :

Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri daripada 14 buah negeri di Malaysia yang terletak di bahagian Semenanjung. Kelantan mempunyai keluasan lebih kurang 14,922 km², terletak di timur laut Semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan, dan bersempadan dengan Thailand. Negeri Kelantan mempunyai penduduk seramai 1.4 juta yang terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu Melayu, Cina, India, Siam, dan lain-lain. Majoriti penduduk berbangsa Melayu iaitu sebanyak 94%.¹⁴ Daripada jumlah penduduk, 95% beragama Islam, diikuti dengan agama Buddha 4.4%, Kristian 0.2%, Hindu 0.2% dan agama-agama lain 0.2%.

Negeri ini terbahagi kepada 10 jajahan pentadbiran iaitu, Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang. Kota Bharu, ibu negeri Kelantan ialah sebuah bandar yang sibuk sebagai pusat tumpuan bagi pentadbiran dan aktiviti perniagaan dan mendapat pengiktirafan sebagai Bandaraya Islam pada tahun 2005.

Sehingga kajian ini ditulis, Kelantan diperintah oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Muhammad Faris Petra yang dimasyhurkan sebagai Sultan Muhammad ke-V. Menteri Besar Kelantan ialah Tuan Guru Datuk Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat yang mempunyai latarbelakang pendidikan agama. Cogan kata yang dibawakan Kerajaan Negeri Kelantan ialah Membangun Bersama Islam.

¹⁴ <http://www.kelantan.gov.my/>, 22.08.09, 5.30 p.m.

1.3. Skop Kajian

Kajian ini membincangkan *al-Hawā* dan kedudukannya dalam komposisi diri manusia, berlatarkan kalam wahyu dan pendapat intelektual Islam. Penulis membincang dan menganalisis elemen-elemen *al-Hawā* dalam diri manusia yang berkeupayaan mencetuskan perbuatan-perbuatan yang menyalahi syariat Islam seterusnya mengakibatkan jenayah yang paling besar dalam Islam iaitu penyelewengan akidah.

Penulis menjuruskan penyelewengan akidah kepada ajaran-ajaran menyeleweng yang terdapat di Kelantan berdasarkan rekod JAHEAIK dan difatwakan oleh Jemaah Ulamak Majlis Agama Islam Kelantan iaitu sebanyak 30 kumpulan ajaran. Kebanyakan kumpulan ini telah diambil tindakan dan tidak lagi aktif kecuali beberapa kumpulan yang difatwa meragukan dan tiada bukti jelas terhadap penyelewengannya.

Penulis memfokuskan kajian ini kepada *al-Hawā* dalam penyelewengan akidah yang berlaku di Kelantan. Oleh itu penulis tidak mengupas ajaran yang menyeleweng tersebut secara terperinci. Penulis hanya menyentuh latar belakang ajaran yang menyeleweng secara ringkas kerana tumpuan penulis adalah terhadap elemen-elemen *al-Hawā* yang terdapat dalam ajaran-ajaran tersebut.

1.4. Rasional Kajian

Rasional pemilihan tajuk ini adalah kerana penularan dan perkembangan ajaran yang menyeleweng di Malaysia amnya dan di Kelantan khususnya yang mengancam kesucian akidah umat Islam. Ajaran yang menyeleweng begitu mudah tersebar dan sangat sukar untuk dihapuskan meskipun tindakan telah diambil oleh pihak berkuasa. Kemunculan ajaran yang menyeleweng sangat bahaya kerana ajaran ini berselindung di sebalik agama Islam dan mengelirukan umat Islam yang jahil. Ajaran ini meresapi pemikiran umat Islam dengan mudah dan kekeliruan yang timbul menggoyahkan akidah mereka.

Faktor utama penyelewengan akidah ialah faktor yang dicitaskan *al-Hawā* yang sangat seni kewujudannya dan kurang disedari kebanyakan manusia. *Al-Hawā* adalah unsur dalam diri manusia yang mempengaruhi tingkah lakunya. Perbincangan tentang *al-Hawā* banyak didapati dalam kitab-kitab tasawuf, perkaitannya dengan aspek akidah juga jelas disebutkan dalam kitab-kitab berbahasa Arab, tetapi jarang dibincangkan oleh masyarakat Malaysia secara ilmiah. Kebanyakan tulisan menyebutkan *al-Hawā* dalam konteks pengaruhnya terhadap moraliti tetapi jarang sekali *al-Hawā* dikaitkan dengan penyelewengan akidah. Dalam masa yang sama, anasir-anasir menyemarakkan *al-Hawā* begitu giat dilaksanakan seperti program berbentuk hiburan yang begitu diperajakan dan mendapat sambutan hangat walaupun jelas bertentangan dengan syarak dan pendedahan terhadap cara hidup yang mewah yang dilabelkan sebagai idaman setiap manusia dalam mencapai kesempurnaan hidup. Ironinya, aspek pendidikan dan

pentarbiahan *al-Hawā* diabaikan dengan pengabaian pendidikan kerohanian dan kurang penekanan aspek keagamaan.

Oleh itu, penulis tertarik untuk mengkaji *al-Hawā* secara lebih terperinci dan meneliti pengaruhnya yang cukup berkesan dalam menggoyahkan akidah umat Islam agar dapat dimanfaatkan oleh semua pihak. Keutuhan akidah menatijahkan manusia berperibadi luhur sebaliknya akidah yang tempang mampu merudumkan nilai moral manusia sejagat.

Merujuk kepada tempat kajian, negeri Kelantan menjadi sasaran penulis memandangkan Kelantan adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang mendapat jolokan 'Serambi Mekah' tetapi turut dilanda masalah penyelewengan akidah.

Dari aspek sejarahnya, Kelantan adalah pusat perkembangan ilmu tersohor di Tanah Melayu yang melahirkan ramai tokoh ulamak Melayu terkenal sejak zaman berzaman seperti Tok Kenali, Tok Wan Ali Kutan dan sebagainya. Sehingga kini, Kelantan terus mencipta sejarah apabila ditadbir oleh kepimpinan ulamak yang menggiatkan kegiatan keagamaan sehingga ibu negerinya, Kota Bharu diiktiraf sebagai Bandaraya Islam. Meskipun berlatarbelakangkan ciri keagamaan dengan kesedaran tinggi penduduk terhadap kepentingan ilmu dan agama, masih terdapat kumpulan ajaran-ajaran yang menyeleweng yang disebar dan cuba dihidupkan di negeri ini. Kedudukan Kelantan sebagai pusat perkembangan dan kegiatan ilmu-ilmu agama dilihat seolah-olah tidak menjadi benteng penghalang terhadap kelahiran dan kemunculan ajaran yang memesongkan akidah. Oleh sebab itulah penulis memilih negeri ini sebagai lokasi kajian yang pada hemat penulis begitu bertepatan dengan kajian ini.

1.5. Kajian-Kajian Lepas

Perbincangan tentang *al-Hawā* kebanyakannya didapati di dalam buku-buku yang menjurus kepada ilmu tasauf dan penyucian jiwa.

Antaranya ialah buku *Dhamm al-Hawā* karangan Abū al-Faraj 'Abd al-Raḥmān al-Jawzī. Buku ini dicetak pada tahun 1987 di Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah di Beirut dan ditahqīqkan oleh Aḥmad 'Abd al-Salām 'Aṭā. Dalam kitab ini, al-Jawzī membicarakan *al-'Aql* dan kelebihanannya seterusnya membandingkan *al-Hawā* dan *al-Syahwah* dengan *al-'Aql*. Buku ini menghimpunkan hadis-hadis Rasulullah s.a.w, athar sahabat dan kata-kata hikmah para ulamak dan cendikiawan yang berkisar tentang kekejian *al-Hawā* dan cemuhan terhadap perbuatan-perbuatan keji yang lain dan galakan kepada perkara yang baik seperti *mujahadah al-Nafs* dan bersifat sabar. Kajian ini banyak memandu penulis dalam penghuraian *al-Hawā* dan kesan negatif dorongan *al-Hawā* dan seterusnya penulis kaitkan pertaliannya dengan pengasasan ajaran yang menyeleweng di Kelantan yang menjadi fokus kajian penulis.

Selain itu, terdapat kajian-kajian tentang kejadian dan jiwa manusia yang secara tidak langsung membincangkan *al-Hawā* manusia kerana *al-Hawā* adalah sebahagian jiwa manusia. Antaranya buku karangan Muḥammad Quṭb (1967) bertajuk *Dirāsāt fī al-Nafs al-Insāniyyah* yang tidak disebutkan tempat cetaknya. Muḥammad Quṭb

membahaskan hakikat dan tabiat manusia, agen-agen yang menjadi pendorong kepada tingkah laku manusia yang beliau fokuskan kepada perasaan cintakan dunia. Beliau turut mengemukakan unsur-unsur bertentangan dalam diri manusia seperti takut dan harap, benci dan cinta, realiti dan khayalan dan unsur positif dan negatif. Kajian tentang kejiwaan manusia juga ditelusuri oleh Dr. Fākhir 'Āqil dalam buku bertajuk *I'raf Nafsaka Dirāsāt S̄kūlūjiyyah* yang dicetak pada tahun 1968 oleh Dār al-'Ilmi li al-Malāyīn di Beirut. Antara lain, buku ini membicarakan tentang manusia, tabiatnya, akalunya, perasaan dan kehendaknya.

Di samping itu, terdapat buku karangan Muḥammad Mahdī al-Āṣifī (1415 H) yang bertajuk *al-Hawā fi Ḥadith Ahl al-Bayt* yang dicetak oleh percetakan al-Mu'awaniyyah al-Thaqāfiyyah li al-Majma' al-'Ālamī li Ahl al-Bayt, buku karangan Mohd Ali bin Abu Bakar (1986), *Kejadian Manusia dan Perjuangan Hidup* yang dicetak di Kota Bharu oleh Pustaka Aman Press, buku karangan Dr. Muḥammad Ibn Luṭfī al-Ṣabbāgh (1992), *al-Insān fī al-Qur'ān al-Karīm*, cetakan Al-Maktab al-Islāmi di Beirut dan buku karangan Nor Anisah Abdul Malek (1992) bertajuk *Konsep Manusia Menurut Pandangan Islam, Satu Pembentukan ke Arah Teori Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd., buku karangan Jaafar Salleh (1996) yang bertajuk *Tingkatan-tingkatan Nafsu Kemuliaan Martabat Insan yang dicetak di Kuala Lumpur* oleh Era Ilmu Sdn.Bhd., buku *Jiwa Manusia dalam Sorotan al-Qur'an* yang ditulis oleh Muhammad Uthman Najati (2001) cetakan Cendekia Sentra Muslim, tulisan bertajuk *al-Hawā* oleh Nuṣaybah 'Abd al-'Azīz al-'Alī Muṭawwi' yang dicetak oleh Lajnat Said Akhāka al-Muslim fī Kulli Makān pada tahun 2003 dan buku karangan Sa'īd

Ḥawwā yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu dengan tajuk *Intisari Ihyā' Ulūmuddīn Imām al-Ghazzālī, Mensucikan Jiwa Kaedah Tazkiyatun Nafs Bersepadu*, cetakan tahun 2007 di Selangor oleh Pustaka Dini. Buku-buku ini penulis jadikan panduan untuk memperincikan *al-Hawā*, kedudukannya dalam diri manusia dan kompetitifnya dengan unsur lain dalam menstruktur kerajaan diri manusia.

Perbahasan *al-Hawā* juga dibincangkan di dalam buku-buku berkaitan syaitan dan iblis kerana merekalah yang menyuluh *al-Hawā* manusia. Buku *Talbīs Iblīs* ditulis oleh Al-Jawzī yang dicetak oleh Dār al-Qalam di Beirut pada tahun 1403 H yang mengandungi keterangan dan penjelasan ciri-ciri dan sifat syaitan. *Talbīs* bermaksud syaitan menzahirkan kebatilan dalam rupa gambaran yang baik dilihat oleh manusia. Al-Jawzī menyenaraikan *talbīs* syaitan terhadap diri manusia mengikut martabat atau taraf manusia, contohnya *talbīs* terhadap akidah manusia, terhadap penyembah berhala, terhadap ulamak, terhadap orang yang beribadat, orang zuhud, ahli hadis dan sebagainya. Kajian beliau memperjelaskan bahawa syaitan sentiasa mengambil kesempatan dan mencari-cari ruang untuk menyuntik manusia dengan jarum kebatilannya. Kekuatan dan kelemahan pengaruh syaitan terhadap manusia bergantung kepada kesedaran dan kealpaan manusia terhadap Allah s.w.t.

Kajian tentang iblis juga dilakukan oleh Dr. Amran Kasimin (1992) dengan tajuk kajiannya *Liku-liku Iblis Menipu Manusia* cetakan Dinie Publishers Kuala Lumpur. Beliau mengutarakan definisi makhluk halus, permusushan iblis dan manusia dan azamnya untuk menipu manusia dan tipu helah yang dilakukan sehingga membawa

kepada amalan khurafat dalam tradisi masyarakat Melayu seperti main puteri. Kedua-dua kajian ini membantu dalam kajian penulis kerana dengan azam dan tekad syaitanlah manusia mengikut telunjuk *al-Hawā* dan engkar dengan wahyu.

Menyentuh kajian penyelewengan akidah, kajian penyelewengan akidah bukanlah kajian yang baru. Terdapat banyak kajian yang membincangkan penyelewengan akidah yang antara lainya menggunakan istilah ajaran sesat. Cuma yang membezakannya adalah skop kajian yang dilakukan.

Antaranya terdapat buku yang ditulis oleh Abdulfatah Haron (1987) dari Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk *Ajaran Sesat*. Tulisan beliau berfokuskan ajaran sesat yang berlatarkan tasawuf Waḥdah al-Wujūd dan Bāṭiniyyah. Antara ciri-ciri ajaran ini ialah mencaci alim ulamak dan fuqahak Islam dengan tujuan menolak kerasulan Nabi Muhammad s.a.w, Islam zahir dan batin iaitu setiap ibadat mempunyai pengertian zahir atau syariat dan batin atau hakikat, bermuka dua iaitu menolak zahir syariat (mengikut pandangan mereka) yang dianggap sebagai kulit seperti solat Jumaat, bahkan solat hanya untuk menjaga adat dan undang-undang dan gerakan rahsia dengan menyembunyikan ajaran mereka. Beliau mengupas tentang ajaran Bāṭiniyyah dari segi sejarah perkembangan dan kesesatan ajaran Bāṭiniyyah seperti kiamat tidak berlaku, 30 huruf hijāiyyah, nikah batin dan sebagainya.

Seterusnya buku yang ditulis oleh Siti Norbaya Abdul Kadir (2002) yang bertajuk *Ajaran Sesat Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya* cetakan al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur. Buku beliau mengutarakan sejarah kemunculan ajaran sesat

dan bentuk-bentuknya seterusnya beliau memfokuskan ulasan kitab *Miftāh al-Zirah al-Aqwāl 'Idah* karangan Ismail Abdul Rahman dan unsur-unsur penyelewengan akidah di dalam kitab tersebut. Hasil kajian beliau mendapati kitab tersebut mengandungi konsep *wahdah al-Wujūd*, ajaran *Bāṭiniyyah*, penggunaan *dhawq* sebagai sumber ilmu dan penggunaan nas al-Qur'an sebagai dalil yang tidak kena dengan madlulnya.

Selain itu, terdapat juga buku tulisan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007) yang bertajuk *Ajaran Sesat Mengenali Jalan yang Terpesong* terbitan PTS Publications yang berkisarkan ajaran sesat dari segi definisi, sejarah, perspektif al-Qur'an dan al-Hadith, implikasi, penguatkuasaan dan sebagainya. Tulisan beliau menjurus kepada memberi maklumat dan kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan menjaga akidah dan bahayanya penyelewengan akidah yang semakin berleluasa.

Begitu juga buku karangan Farahwahida Mohd. Yusof (2007) terbitan Universiti Teknologi Malaysia yang bertajuk *Aliran Kepercayaan Sejarah dan Perkembangannya di Malaysia* yang memuatkan perbincangan tentang sejarah ajaran sesat, aliran-aliran kepercayaan yang terdapat di Malaysia, faktor-faktor penularan ajaran sesat dan kesan ajaran sesat bagi memberi kefahaman kepada masyarakat agar mereka tidak terjerumus dalam kesesatan ini.

Di samping itu, terdapat juga kajian tesis yang mengkaji penyelewengan akidah. Contohnya tesis Sarjana Abdul Haris dari Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 2001/2002. Beliau mengkaji *Sejarah Perkembangan Ajaran Sesat di Hulu Besut, Terengganu*. Beliau menekankan aspek sejarah perkembangan ajaran sesat secara

umum dan kemudian memberi tumpuan kepada Hulu Besut Terengganu iaitu ajaran Zikrullah Ayah Pin. Menurut beliau, sejarah kelahiran ajaran sesat dalam Islam berpunca daripada pengaruh Hindu, Parsi, Nasrani dan Falsafah Yunani. Ajaran sesat juga lahir hasil daripada kemunculan ideologi-ideologi seperti sekularisme, komunisme, kapitalisme dan sebagainya. Beliau mengkaji ajaran sesat Zikrullah Ayah Pin dan asas pengajarannya yang terpesong daripada akidah Islam. Pengasasnya iaitu Ayah Pin adalah pengikut ajaran Hasan Anak Rimau.

Seterusnya kajian yang bertajuk *Penyelewengan Akidah di Negeri Kelantan : Kajian Kes Ajaran Hassan Anak Rimau di Jajahan Tanah Merah, Kelantan*. Penulisnya Nawi@MohdNawi bin Ismail dari Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 2004. Kajian beliau memfokuskan ajaran sesat Hasan Anak Rimau di Tanah Merah, Kelantan. Beliau mengkaji tentang proses ajaran, pusat kegiatan, keahlian dan pengaruh ajaran tersebut. Dari segi penyelewengannya terhadap akidah, beliau mendapati bahawa ajaran Hasan Anak Rimau menyamakan makhluk dengan Tuhan dengan mengatakan bahawa diri mereka sendiri adalah Tuhan. Mereka juga mempercayai bahawa manusia mempunyai sifat sebagaimana Tuhan, tidak perlu beriman kepada Nabi s.a.w malah mengagungkan ‘maha guru’ mereka kerana Nabi s.a.w juga adalah makhluk, sama seperti ‘maha guru’ mereka. Mereka juga menafikan konsep dosa dan pahala, azab kubur dan tidak percaya akan kewujudan malaikat. Kajian ini mendapati bahawa kumpulan ini turut melakukan penyelewengan dari segi ibadat dengan melakukan sembahyang hakikat, sekadar pejam mata dan niat, menafikan kefardhuan zakat, haji di Makkah al-Mukarramah dan banyak lagi penyelewengan yang dilakukan.

Terdapat juga tesis Doktor Falsafah yang dilaksanakan oleh saudara Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi, juga dari Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya Kuala Lumpur pada tahun 2006. Tajuk kajian beliau ialah *Ajaran Sesat di Negeri Terengganu: Kajian Terhadap Faktor Penyebaran dan Langkah Mengatasinya*. Beliau menganalisa perkembangan ajaran sesat di Malaysia dengan memberikan fokus kepada negeri Terengganu. Dalam kajian tersebut beliau mengkaji beberapa ajaran sesat yang terdapat di negeri tersebut. Hasil kajian beliau mendapati bahawa faktor ajaran sesat di Malaysia amnya dan di Terengganu khususnya adalah disebabkan oleh kelemahan penguatkuasaan dan peruntukan undang-undang, kelemahan kurikulum Pendidikan Islam, pengaruh budaya Barat dalam kehidupan umat Islam, pengisian unsur negatif dalam media massa, kepercayaan purba dan adat istiadat seperti kepercayaan kepada bomoh dan pawang, ciri-ciri dan daya tarikan ajaran sesat seperti mudah diikuti dan kejahilan terhadap Islam. Beliau turut memuatkan huraian terperinci terhadap kepercayaan dan amalan kumpulan ajaran sesat tersebut dan aspek penyelewengan mereka terhadap akidah Islam.

Tulisan dan kajian yang dinyatakan mengulas dan membincangkan tentang ajaran sesat yang menjadi ancaman kepada negara. Skop kajian masing-masing berbeza, iaitu perbincangan ajaran sesat secara umum seperti tulisan Engku Ahmad Zaki dan Farahwahida, memfokuskan kepada ajaran tertentu seperti Abdulfatah yang memfokuskan ajaran Bāṭiniyah, Zikrullah Ayah Pin tulisan Abdul Haris, manakala saudara Nawī mengulas tentang ajaran Hasan Anak Rimau.

Dalam kajian ini, penulis mengkaji punca berlakunya penyelewengan akidah iaitu peranan yang dimainkan *al-Hawā* yang mencetuskan kepada terasasnya kumpulan ajaran sesat atau ajaran yang menyeleweng. Penulis mengetengahkan elemen-elemen

al-Hawā yang terdapat dalam ajaran yang menyeleweng di lokasi kajian penulis iaitu di negeri Kelantan.

1.6. Objektif Kajian

Penulis mempunyai beberapa objektif dan tujuan dalam mengkaji tajuk ini, iaitu :

- 1.6.1. Mengetahui konsep *al-Hawā* mengikut perspektif Islam sama ada definisi *al-Hawā*, kedudukan di dalam al-Qur'an dan al-Hadith dan beberapa aspek berkaitan *al-Hawā*.
- 1.6.2. Mengkaji peranan *al-Hawā* dalam penyelewengan akidah dalam konteks perkembangan sejarah Islam dan ajaran yang menyeleweng di Kelantan.
- 1.6.3. Menganalisis elemen-elemen *al-Hawā* dalam penyelewengan akidah secara khusus di Kelantan.

1.7. Kepentingan Kajian

Kajian ini berkait rapat dengan jiwa manusia. Keberadaan manusia sebagai makhluk yang paling mulia akan terjejas dengan pudarnya iman dan takwa kepada Allah s.w.t. Justeru kajian tentang *al-Hawā* ini penting kerana peranan bahayanya yang mampu menyelewengkan akidah dari jalan yang benar lantas menjejaskan reputasi jiwa seorang manusia di sisi Allah s.w.t.

Kajian ini penting dalam usaha meminimakan keruntuhan sosial dan jenayah seperti penyelewengan akidah yang begitu membimbangkan iaitu dengan cara mendidik *al-Hawā* yang menjadi ibu kepada segala kecelakaan. Penekanan pendidikan *al-Hawā* akan dapat melahirkan individu yang memiliki keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Al-Hawā* yang tunduk kepada pendidikan *al-'Aql* akan terikat, menjadi lemah dan mengikut agenda *al-'Aql*. *Al-'Aql* akan membawa manusia melakukan kebaikan, perbuatannya selari dengan wahyu dan membawa manusia berfikir tentang akibat perbuatan yang dilakukan. Justeru, masalah sosial, jenayah dan keruntuhan tamadun juga akan berkurang.

Kajian ini akan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan mengendalikan *al-Hawā* dengan cara yang betul agar mereka tidak keliru dalam menilai keinginan-keinginan diri sendiri. Masyarakat akan dapat memahami bahawa *al-Qalb* mereka menjadi rebutan antara *al-Hawā* dan *al-'Aql* dan menerima dua

bisikan sama ada daripada syaitan atau malaikat. Kefahaman terhadap *al-Hawā* akan membantu masyarakat untuk mengenal *al-Hawā* masing-masing. Kefahaman ini sangat penting agar mereka dapat menilai bisikan yang datang, mengawal diri daripada dikuasai syaitan dan menolak bisikannya dengan cara mengawal pintu masuknya iaitu *al-Hawā* kerana syaitan tidak pernah tidur dalam menjalankan misinya.

Kesedaran terhadap bahaya *al-Hawā* juga akan mendorong masyarakat untuk memperhebatkan senjata melawan *al-Hawā*. Peperangan dengan *al-Hawā* adalah peperangan yang terbesar berbanding peperangan dengan kuffar kerana kuffar itu boleh dibunuh dan dihapuskan tetapi *al-Hawā* tidak bisa dihapuskan. Peperangan dengan kuffar hanya berlaku dalam masa yang tertentu tetapi peperangan dengan *al-Hawā* sentiasa berterusan, tidak berkesudahan kecuali dengan ketibaan ajalnya. Untuk melawan *al-Hawā*, senjata yang paling ampuh adalah ilmu wahyu. Ilmu wahyu mendekatkan manusia dengan Allah s.w.t, menambahkan ketaatan dan ketakwaan kepadaNya. Ketinggian takwa manusia kepada Allah s.w.t akan menjarakkan syaitan dan *al-Hawā* menjadi semakin lemah.

Kajian ini juga dapat membangkitkan kesedaran terhadap kepentingan pendidikan jiwa manusia sama ada bagi pemerintah untuk mendidik rakyatnya, guru untuk mendidik para pelajarnya, ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka dan masyarakat untuk mendidik masyarakat. *Al-Hawā* perlu ditundukkan dengan kekuatan *al-Aql* yang bersenjatakan ilmu. Dalam masa yang sama, ruang pembesaran dan

kekuatan *al-Hawā* iaitu lapangan keseronokan semata-mata juga perlu disempitkan agar *al-Hawā* tidak bebas dan menjadi kuat dengan bantuan syaitan.

1.8. Metodologi Kajian

Penulis melaksanakan kajian ini melalui penyelidikan perpustakaan (*library research*). Penulis menggunakan metodologi berbentuk penyelidikan terhadap objek-objek korpus di perpustakaan untuk mengumpulkan data-data penting. Dalam Metod Pengumpulan Data, penulis mengaplikasikan Metod Historis atau Persejarahan, Metod Dokumentasi dan Metod Wawancara.

Metod Historis atau Persejarahan ialah adalah landasan sejarah penyelidikan. Metod ini juga boleh didefinisikan sebagai sesuatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian.¹⁵ Penggunaan Metod Historis berkaitan penyelidikan perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah kerana sejarah merupakan catatan peristiwa yang benar-benar berlaku. Penggunaan metod ini bertujuan untuk mendapatkan data dan fakta yang mempunyai nilai sejarah. Penulis menggunakan metod ini untuk mengkaji aspek sejarah ajaran yang menyeleweng dalam dunia Islam dan sejarahnya di Kelantan seterusnya penulis dapat mengaitkan dengan kemunculannya pada hari ini.

¹⁵ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP- IKIP, h. 52.

Di samping itu, penulis menggunakan Metod Dokumentasi. Penulis memperolehi maklumat daripada dokumen-dokumen iaitu al-Qur'an, al-Hadith, kitab, kamus, risalah, majalah, tesis, kertas kerja ilmiah, artikel, laporan dan seumpamanya. Penulis menggunakan metod ini dalam semua bab kajian ini seperti maklumat *al-Hawā* dan maklumat ajaran yang menyeleweng.

Seterusnya, untuk mendapat gambaran dan maklumat yang lebih jelas tentang realiti perkembangan pergerakan ajaran sesat di Kelantan dan perkaitannya dengan *al-Hawā* penulis menggunakan Metod Wawancara. Informan penulis ialah Datuk Mufti Kelantan dan Penolong Pengarah Kanan Akidah dan Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JAHEAIK). Di samping itu, penulis turut mendapat informasi daripada metod ini dengan mewawancara beberapa individu yang yang dikenalpasti mempunyai maklumat berkenaan ajaran yang menyeleweng yang mereka perolehi daripada pengikut dan bekas pengikut ajaran yang menyeleweng.

Dalam proses menganalisis data-data yang diperolehi, penulis menggunakan Metod Analisis Data yang bersifat kualitatif iaitu analisis yang tidak memerlukan pengklasifikasian sebagaimana yang dikehendaki dalam analisis data secara kuantitatif. Analisis kualitatif mendasarkan kepada wujudnya hubungan semantis antara *variable* yang sedang diteliti. Penulis menggunakan analisis ini menganalisa elemen-elemen *al-Hawā* yang terdapat dalam diri pengasas dan pengamal ajaran yang menyeleweng yang mendorong kepada terbentuk dan menularnya ajaran-ajaran yang menyeleweng di Kelantan.

Dalam menganalisis data, penulis menggunakan metod induktif¹⁶ dan deduktif¹⁷. Melalui metod induktif penulis menganalisis kedudukan dan pengaruh *al-Hawā* dalam diri manusia yang membawa kepada penyelewengan akidah dan dan elemen-elemen *al-Hawā* yang terkandung dalam ajaran yang menyeleweng di Kelantan.

Melalui metod deduktif pula penulis menganalisis *al-Hawā*, definisi dan penghuraiannya serta ajaran yang menyeleweng dan faktor-faktor kemunculannya.

Penulis menggunakan Metod Komparatif dalam membuat perbandingan antara *al-Hawa*, *al-'Aql*, *al-Qalb*, *al-Nafs* dan *al-Syahwah*. Penulis membuat perbandingan antara peranan *al-Hawā* dalam penyelewengan akidah pada masa sekarang dengan peristiwa yang telah berlaku pada masa lepas iaitu pada dan zaman Nabi Musa a.s, zaman Rasulullah s.a.w dan sahabat r.a.

Dalam menjalankan penyelidikan ini, penulis menggunakan sumber rujukan asli berbahasa Melayu, Arab dan juga Inggeris sebagai rujukan utama dan rujukan-rujukan lain. Penulis mengunjungi beberapa perpustakaan dalam mencari sumber-sumber rujukan ini termasuklah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Akademi Islam Nilam Puri, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Majlis Agama

¹⁶ Metod induktif ialah cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Lihat, *Ibid.*, h. 51.

¹⁷ Metode deduktif bermaksud pola berfikir yang mencari pembuktian dengan cara berpijak kepada dalil umum terhadap hal ehwal yang khusus. Lihat, A.S. Hombyy (t.t), *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. C. IV, (t.t.p): Oxford University Press, h. 636.

Islam dan Adat Istiadat Kelantan, Perpustakaan Maahad Tahfiz MAIK, Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan Perpustakaan Dar Nur al-Zahra' Kota Bharu.

1.9. Susunan Kajian

Dalam mempersembahkan penyelidikan ini, penulis membahagikannya kepada beberapa bab agar lebih tersusun dan mudah difahami.

Dalam Bab Pertama iaitu Bab Pendahuluan penulis memuatkan latarbelakang kajian, pengertian tajuk kajian, skop kajian, rasional kajian, tinjauan penulis terhadap kajian-kajian lepas, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi yang digunakan penulis dalam melaksanakan kajian ini dan susunan kajian.

Dalam Bab Kedua iaitu Konsep *al-Hawā* penulis menyentuh topik hakikat kejadian manusia dari aspek perbincangan unsur kejadian, tujuan, tabiat manusia dan kemuliaan dan kehinaan manusia sebagai pengenalan sebelum mengemukakan definisi *al-Hawā* berdasarkan kamus dan definisi mengikut pandangan ulama. Seterusnya penulis mengemukakan *al-Hawā* dalam bicara wahyu. Penulis turut membincangkan korelasi *al-Hawā* dengan beberapa unsur lain dalam diri manusia iaitu *al-'Aql*, *al-Qalb*, *al-Nafs* dan *al-Syahwah*. Mengakhiri bab kedua penulis membuat komparatif antara *al-Hawā*, *al-'Aql* dan *al-Qalb*.

Dalam Bab Ketiga iaitu *Al-Hawā*: Peranan Dan Pengaruhnya dalam Penyelewengan Akidah penulis mengemukakan definisi akidah, akidah Islam dan konsep penyelewengan akidah secara ringkas merangkumi istilah yang digunakan dan kriteria penyelewengan akidah. Penulis juga menyentuh realiti penyelewengan akidah yang berlaku di Kelantan mencakupi sejarah perkembangan, bentuk penyelewengan akidah, ciri-ciri dan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh negeri Kelantan dalam membanteras penyelewengan akidah. Seterusnya penulis mengemukakan kaitan *al-Hawā* dengan penyelewengan akidah dengan membincangkan *al-Hawā* dalam penyelewengan akidah menurut perspektif al-Qur'an dan al-Hadith, dalam konteks sejarah Islam dan elemen-elemen *al-Hawā* dalam penyelewengan akidah di Kelantan.

Bab Keempat adalah Analisis *al-Hawā* dalam Penyelewengan Akidah: Kajian di Kelantan. Berdasarkan maklumat dan data yang diperolehi dan perbincangan dalam bab-bab sebelum ini, penulis menganalisis elemen-elemen *al-Hawā* yang dikesani terdapat dalam ajaran-ajaran yang menyeleweng di Kelantan yang penulis pecahkan kepada beberapa subtopik.

Bab yang terakhir ialah Penutup. Di sini penulis membuat kesimpulan daripada keseluruhan kajian yang telah dijalankan dan penulis turut mengemukakan beberapa saranan untuk diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Bab

2

KONSEP

AL-HAWĀ

2.0 KONSEP *AL-HAWĀ*

2.1 Hakikat Kejadian Manusia

Sebelum memulakan perbincangan tentang *al-Hawā*, seeloknya kita mengikuti perbincangan ringkas kejadian seseorang manusia. Ini kerana *al-Hawā* merupakan salah satu unsur dalam diri manusia yang perlu difahami kedudukan dan perbandingannya dengan unsur-unsur yang lain.

2.1.1 Unsur Penciptaan dan Kejadian Manusia

Manusia terdiri daripada bentuk zahir iaitu badan dan bentuk batin iaitu hati atau roh.¹⁸

Dalam al-Qur'an, Allah s.w.t menjelaskan penciptaan manusia dengan terperinci.

Firman Allah s.w.t :

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّنْ طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً
فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً
فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا ثُمَّ أَدْنَيْنَاهُ خَلْقًا
ءَاخِرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

¹⁸ Al-Ghazzāli (1978), *Kimia Kebahagiaan*. 'Abd al- Majīd Hayy Khaṭīb (terj.), Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h.10.

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari suatu saripati (berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan saripati itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kukuh (rahim). Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maha Sucilah Allah, Pencipta Yang Paling Baik”.

(Surah al-Mu'minūn [23]: 12-14)

Manusia pertama iaitu Nabi Adam a.s dicipta daripada tanah dan keturunan manusia seterusnya terbentuk daripada cantuman benih lelaki dan perempuan lalu ditiupkan roh kepada mereka.

Manusia merupakan makhluk yang terbaik kejadiannya dan mulia darjatnya.

Firman Allah Taala :

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya :

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”.

(Surah al-Tīn [95] :4)

Sesungguhnya Allah s.w.t menciptakan manusia daripada pati tanah, kemudian ditiupkan roh kepadanya. Dari segi tanah, manusia berkongsi sifat tumbuhan iaitu saling memerlukan makanan untuk hidup. *“Dan Allah menghidupkan untuk kamu daripada tanah itu tumbuh-tumbuhan”.* (Surah Nūḥ [71]:17)

Begitu juga manusia menyamai haiwan dari segi punya keinginan dan syahwat. “Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan umat-umat (juga) seperti kamu...”. (Surah al-An’ām [6]:38). Kemudian Allah s.w.t menjadikan manusia sebaik-baik kejadian. “...dalam bentuk yang sebaik-baiknya”. (Surah al-Tīn [95]:4). Dari segi rohnya pula, Allah s.w.t membekalkannya risalah wahyu dan meletakkannya di pundaknya (tanggungjawab) yang wajib dilaksanakan.¹⁹

Dari perspektif lain, pembentukan manusia terdiri daripada dua unsur penting iaitu unsur kebendaan (material) dan unsur kejiwaan (spiritual) dari satu sudut dan terdiri daripada unsur bumi atau tanah dan langit dari sudut yang lain. Kedua-dua unsur ini mempunyai daya tarikan (graviti) yang tersendiri yang mempunyai kesan-kesan berlainan antara satu sama lain. Umpamanya unsur tanah atau bumi sentiasa meruntun manusia menghala ke bawah lalu melahirkan sifat kebinatangan yang lebih pada seseorang itu.²⁰ Unsur langit pula menjadikan manusia itu bersifat *malakiyyah* (malaikat) yang sentiasa mengarah manusia beribadat kepada Tuhan.²¹

Mengikut kajian sains, manusia terbentuk daripada sel daging, tulang, saraf, darah yang membentuk jasad dan kejiwaan yang membezakannya daripada haiwan.²²

Hubungan antara roh dan jasad merupakan satu kerangka yang mengikat manusia dalam satu kenyataan hidup dan sebagai satu kebersamaan yang saling

¹⁹ Muḥammad al-Ṣādiq 'Affī, (Dr.) (1977), *al-Fikr al-Islāmī*, Kaherah: Maktabah Al-Khānji, h. 50.

²⁰ Mohd Ali bin Abu Bakar (1986), *Kejadian Manusia dan Perjuangan Hidup*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h.83.

²¹ *Ibid.*, h.84

²² Harun Din, (Prof., Dr.) *et al.* (1990), *Manusia dan Islam*, j. 3. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 148-149.

berkaitan. Tiap-tiap roh diberikan jasad sebagai alat untuknya bergerak dan melakukan aktiviti bagi kehidupan dan kesempurnaan diri. Dengan ini jasad perlu dilindungi dan dijaga. Melalui pembinaan unsur-unsur syahwat²³ dan *ghadab*²⁴, manusia dapat mempertahankan dirinya daripada ancaman.²⁵

Justeru, manusia adalah gabungan dua unsur iaitu jasad dan roh yang menjadikan manusia sebagai makhluk yang paling istimewa dan sempurna di sisi Allah s.w.t. Kesempurnaan zahir dengan adanya anggota kerja dan kesempurnaan batin dengan adanya tenaga jiwa yang menjadi sumber kepercayaan (ketuhanan), perasaan dan kemahuan. Justeru dari sumber ini terhasillah perbuatan, muncullah amalan dan wujudlah pembalasan.²⁶

2.1.2 Tujuan Penciptaan Manusia

Sesungguhnya Allah s.w.t memberikan keistimewaan kepada manusia dengan menjadikan segala yang di langit dan di bumi tunduk kepada manusia. *“Dan Dia telah menundukkan....”*. (Surah al-Jāthiyah[45]:12)

Semua makhluk diciptakan untuk manusia, justeru manusia pula diciptakan untuk Allah s.w.t dalam erti kata untuk melaksanakan segala hak Allah s.w.t, mengabdikan diri kepadaNya dan mensyukuri segala nikmatNya. Apabila manusia

²³ Bermaksud keinginan dan kehendak.

²⁴ Bermaksud sifat marah.

²⁵ Nor Anisah Abdul Malek (1992), *Konsep Manusia menurut Pandangan Islam, Satu Pembentukan Ke Arah Teori Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd., h. 35.

²⁶ Harun Din (1990), *op.cit.*, h.134.

menyeleweng dari matlamat ini, sesungguhnya dia sesat daripada jalan yang benar.²⁷

Firman Allah s.w.t :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya :

“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu”.

(Surah al-Dhāriyāt [51]:56)

Justeru, dengan perintah ibadah tersebut, Dia menguji manusia dengan kehidupan dunia sebagaimana dalam firmanNya :

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٢﴾
إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا ﴿٣﴾

Maksudnya :

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari setitis mani yang bercampur yang kami hendak mengujinya (dengan perintah dan larangan), kerana itu Kami jadikan dia mendengar dan melihat. Sesungguhnya Kami telah menunjukinya jalan yang lurus; ada yang bersyukur dan ada pula yang kafir”.

(Surah al-Insān [76]:2-3)

Dalam menempuh cabaran hidup dunia, manusia dibekalkan dengan medium pencarian ilmu iaitu pendengaran dan penglihatan. Allah s.w.t juga membekalkan manusia dengan kemampuan berfikir (*al-'Aql*) dan menilai lalu dia dapat mengenal hidayah, jalan yang betul dan salah. Selepas diuji, zahirilah dua golongan manusia,

²⁷ Muḥammad al-Ṣādiq 'Afīfī, (Dr.) (1977), *op.cit.*, h. 51.

hamba yang bersyukur dan hamba yang kufur lalu dibalas dengan balasan sebagaimana dijanjikan. Firman Allah s.w.t :

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ
عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ ﴿١١٧﴾

Maksudnya :

“Dan barangsiapa yang menyembah tuhan yang lain di samping Allah, padahal tidak ada suatu dalil pun baginya tentang itu, maka sesungguhnya perhitungannya di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tiada beruntung”.

(Surah al-Mu'minūn [23]:117)

2.1.3 Tabiat Manusia

Manusia adalah ciptaan Allah s.w.t yang disifatkan dengan pelbagai tabiat. Menurut Al-Ghazzāli, sebahagian daripada sifat-sifat manusia itu adalah bercorak kebinatangan, sebahagiannya bersifat iblis dan sebahagian lagi bersifat malaikat.²⁸ Justeru, jikalau manusia ingin menjadi binatang, buatlah apa sahaja yang dia mahu. Iblis juga sentiasa berikhtiar menyesatkan manusia. Sebaliknya sekiranya manusia ingin bersifat malaikat, mereka perlu memikirkan kebesaran Ilahi dan membebaskan diri daripada belenggu *al-Hawā*.

²⁸ Al-Ghazzāli (1978), *op.cit.*, h.10.

Antara tabiat manusia adalah sebagaimana berikut :

- i. Kehidupan manusia penuh dengan perjuangan dan cabaran.

Sejak dari alam rahim manusia bersaing untuk hidup. Apabila dilahirkan pula manusia menempuh pelbagai kesukaran, cabaran dan halangan dalam mencapai kehendak dan cita-citanya. Hidup, cita-cita dan berjuang adalah hakikat manusia. Firman Allah s.w.t :

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي كَبَدٍ ﴿٩٠﴾

Maksudnya :

“Sesungguhnya Kami ciptakan manusia berada dalam susah payah.

(Surah al-Balad [90]:4)

Manusia mesti bertarung dengan godaan syaitan dan *al-Hawā* agar dirinya sentiasa berada di jalan Allah s.w.t.

- ii. Manusia mampu menerima ilmu. Allah s.w.t anugerahkan manusia dengan *al-Aql*. Oleh itu manusia dapat mempelajari dan mengetahui pelbagai perkara. Contohnya kisah penciptaan Nabi Adam a.s yang Allah s.w.t muliakan baginda dengan ilmu pengetahuan lalu para malaikat bersujud kepada baginda dengan perintah Allah s.w.t. Islam mewajibkan umatnya agar menuntut ilmu kerana ilmu adalah wasilah pembinaan ketamadunan manusia.

iii. Manusia sentiasa berjidal sebagaimana firman Allah s.w.t :

...وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَشَيْءٍ جَدَلًا ﴿٥٤﴾

Maksudnya :

“...dan manusia adalah makhluk yang paling banyak membantah”.

(Surah al-Kahfi [18]:54)

Antara sebabnya adalah kerana kemampuan berfikir yang dikurniakan Allah s.w.t. Dia mampu berargumentasi sama ada mempertahankan kebenaran atau kebatilan, ditambah dengan kemampuan berdebat dan berhujah yang dibekalkan Allah s.w.t. Apabila didorong oleh *al-Hawā* yang jahat, dia sanggup melangkaui batasan kebenaran, keadilan dan kemuliaan. Dia sentiasa berkeinginan untuk tampil sempurna di hadapan khalayak dan lahiriah pula keinginan yang kuat untuk mengukuhkan kedudukan. Justeru, dia akan terus mempergunakan kebatilan untuk menghias dan memperelokkan dirinya walaupun *khilaf* dengan hakikat. Apabila berlaku pertembungan, dia akan berjidal sama ada benar atau batil dan memastikan dirinya menang. Dia bukan berjuang untuk menegak kebenaran tetapi untuk meninggikan diri sendiri.²⁹

iv. Manusia makhluk yang lemah. Firman Allah s.w.t :

...وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا ﴿٢٨﴾

²⁹ Al-Maydānī, 'Abd Raḥmān Ḥasan Ḥannabakah (1999), *al-Akhlāq al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, j. 1. Damsyik: Dār al-Qalam, h. 361.

Maksudnya :

“...dan manusia dijadikan bersifat lemah”.
(Surah al-Nisā’[4]:28).

Dari segi lahiriah, manusia lemah tanpa makanan dan minuman menyebabkan kelemahan tubuh badan dan daya pemikirannya. Apabila ditimpa musibah, manusia berasa sedih, kecewa dan putus asa. Begitu juga apabila menerima kejutan yang kadang-kadang menyedihkan dan adakalanya menggembirakan. Kalau tidak cukup rehat pula badannya keletihan, apatah lagi apabila ditimpa kecelakaan atau diserang penyakit. Keadaan ini mencerminkan kelemahan makhluk bernama manusia. Manusia yang lemah rohani atau kemampuannya untuk menilai, hatinya mudah pula dikuasai *al-Hawā*.³⁰

v. Manusia bersifat kedekut. Firman Allah s.w.t :

...وَكَانَ إِلَّا نَسْنُنُ قَتُورًا

Maksudnya :

“...dan sememangnya manusia itu bertabiat bakhil kedekut”.
(Surah al-Isrā’ [17]:100)

Ini disebabkan sifat tamak dan haloba dalam dirinya. Dia bimbang hartanya semakin menyusut apabila didermakan kepada orang lain walaupun mereka sangat memerlukan.

³⁰ Al-Maydānī, 'Abd Raḥmān Ḥasan Ḥannabakah (1999), *Ibid.*, h. 372-373.

- vi. Manusia sentiasa dalam keadaan resah gelisah.

Dengan sifatnya yang selalu inginkan penampilan yang hebat di hadapan khalayak, manusia akan resah gelisah seandainya ditimpa sebarang masalah. Manusia berkeinginan untuk kekal hidup, berada dalam keadaan selamat dan aman, seronok merasai kemewahan dunia dan melayani *al-Hawānya*. Oleh itu apabila ditimpa sebarang kesusahan yang menggugat keselesanya, dia merasakan dirinya terancam dan mula merasa resah dan bimbang. Firman Allah s.w.t :

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾

Maksudnya :

“Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah”.
(Surah al-Ma'ārij [70]:19)

- vii. Manusia suka tergesa-gesa dan gelojoh.

Manusia suka terburu-buru walaupun dalam perkara yang remeh, tetapi suka bertangguh pula menghadapi perkara yang lebih besar. Faktornya adalah kerana terlalu menurut dorongan diri sendiri dan tidak menggunakan *al-'Aql* untuk menilai dan menghukum sesuatu perkara. Contohnya manusia ingin cepat menjadi kaya, cepat mendapat pengaruh dan kedudukan walaupun terpaksa melakukan perkara yang salah di sisi syarak.

Inilah antara tabiat-tabiati manusia yang pelbagai yang diciptakan oleh Allah s.w.t secara fitrahnya. Tabiat-tabiati ini diceritakan Allah s.w.t dalam al-Qur'an dan selayaknyalah Dia menceritakan tabiat ini kerana Dialah Pencipta manusia.

2.1.4 Kemuliaan dan Kehinaan Manusia

Kemuliaan dan kehinaan manusia tidak dapat ditentukan oleh manusia sendiri sebaliknya penentuan kemuliaan dan kehinaan manusia adalah hak mutlak Allah s.w.t sebagai Penciptanya. Oleh sebab itu, dalam kajian ini penulis memuatkan ukuran kemuliaan dan kehinaan manusia mengikut skema yang ditentukan oleh Allah s.w.t.

Secara umumnya, manusia adalah makhluk yang dimuliakan Allah s.w.t sebagaimana firmanNya :

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ...

Maksudnya :

“...dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam...”
(Surah al-Isrā’[17]:70)

Banī Ādam dimuliakan dengan penciptaannya yang cukup indah dan sempurna dari semua segi sama ada anggota badan secara lahiriah, akal pemikiran, agama, ilmu dan keupayaannya mentransformasikan ilmu dan kemahiran dalam kehidupan. Allah s.w.t mengukur kemuliaan manusia berdasarkan ketaatan dan ketakwaan kepadaNya. Firman Allah s.w.t :

...إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَنكُمْ....

Maksudnya :

“...Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya...”.

(Surah al-Hujurāt[49]:13)

Manusia yang paling mulia yang adalah manusia yang paling bertakwa. Apabila lenyap ketaatan dan ketakwaan terhadap Yang Maha Esa, tergelincirlah manusia yang mulia ke taraf kehinaan. Realiti tersebut dapat kita fahami melalui firman Allah s.w.t :

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤١﴾ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٤٢﴾
إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٤٣﴾

Maksudnya :

“Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.”

(Surah al-Tīn[95]:4-6)

Bahkan manusia yang sesat dengan kekufurannya dan menyimpang daripada fitrah asal ketentuan Allah s.w.t disamakan oleh Allah s.w.t dengan haiwan.

...وَالَّذِينَ كَفَرُوا يَتَمَتَّعُونَ وَيَأْكُلُونَ كَمَا تَأْكُلُ الْأَنْعَامُ وَالنَّارُ مَثْوًى

هُم

Maksudnya :

“...dan (sebaliknya) orang-orang yang kafir menikmati kesenangan di dunia serta mereka makan minum sebagaimana binatang-binatang ternak makan minum, sedang nerakalah menjadi tempat tinggal mereka”.

(Surah Muḥammad[47]: 12)

Betapa adil neraca yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Manusia adalah makhluk ciptaanNya mesti taat dan patuh kepada perintahNya lalu dijanjikannya pula dengan kesenangan di akhirat. Sebaliknya manusia yang angkuh dan engkar kepada perintahNya, mensyirikkan Allah s.w.t dengan unsur lain, selayaknya menerima kehinaanNya di dunia dan akhirat.

2.2 Definisi *al-Hawā*

Memulakan perbincangan konsep *al-Hawā*, penulis membawakan beberapa definisi *al-Hawā* agar perbahasan lebih jelas dan mudah difahami.

Al-Hawā adalah kalimah bahasa Arab berasal daripada perkataan (هَوَى) dan kata terbitannya adalah (الهُوَى). Lafaz jamaknya adalah (الْأَهْوَاء).

Muqātil menterjemahkan *al-Hawā* sebagai kecenderungan jiwa terhadap syahwat.³¹

Al-Hawā turut diterjemahkan sebagai *al-Nafs*. Ibn Sayyidah mengatakan *al-Hawā* adalah keinginan sama ada dalam perkara kebaikan atau perkara keburukan. *Hawā al-Nafs* bermaksud kehendak. Ahli bahasa berpendapat bahawa *al-Hawā* adalah kesukaan dan kecintaan manusia terhadap sesuatu lalu menguasai hatinya. Firman Allah s.w.t :

...وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾

Maksudnya :

“serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsunya”
(Surah al-Nāzi'āt [79]:40)

Iaitu penahanan diri daripada mengikuti syahwatnya yang menuju kemaksiatan terhadap Allah s.w.t.³²

Al-Ṭibrisī menafsirkan *al-Hawā* sebagai melakukan perkara-perkara haram yang disukai dan diingini.³³

³¹ Ṣadiq Ḥasan Khān (t.t), *Fatḥ al-Bayān fī Maqāṣid al-Qur'ān*, j. 10. (t.t.p): Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 230.

³² Ibn Manẓūr (t.t), *Lisān al-'Arab*, j. 6. Taḥqīq: 'Abdullah 'Alī al-Kabīr, Muḥammad Aḥmad Ḥasbullah, (t.t.p): Dār al-Ma'ārif, h.4728.

³³ Al-Ṭibrisī, al-Syaykh Abū 'Alī al-Faḍl ibn al-Ḥasan (t.t), *Majma' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*, j. 5. Taḥqīq: al-Ḥāj al-Sayyid Hasyim al-Rasūlī, al-Maḥallātī, Beirut: Dār al-Turāth al-'Arabī, h. 435.

Muḥammad 'Abduh menyifatkan *al-Hawā* sebagai kecelakaan yang abadi.

Beliau mendefinisikan *al-Hawā* manusia sebagai pandangan dan pendapat mereka dan kecenderungan hati mereka.³⁴

Al-Hawā merupakan kecenderungan jiwa terhadap perkara yang disukai dan perkara yang lazat tanpa mempedulikan syarak. Sahl berkata bahawa manusia tidak akan selamat daripada *al-Hawā* kecuali para anbiak dan sebahagian *ṣiddīqīn*.³⁵

Al-Qurṭubī menyatakan *al-Hawā* sebagai pelaku perbuatan maksiat dan haram³⁶ dalam menafsirkan firman Allah s.w.t :

وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾

Sebahagian ulamak besar mengatakan bahawa *al-Hawā* adalah ibarat daripada tujuh *al-Syahwah* yang disebutkan Allah s.w.t dalam al-Qur'an iaitu kesukaan *al-Syahwah* kepada para wanita, anak-anak lelaki, harta emas dan perak, kuda, ternakan dan tanaman dalam ayat³⁷ :

³⁴ 'Ali Ibn Abī Ṭālib (t.t), *Nahj al-Balāghah*, Syarḥ al-Syaykh Muḥammad 'Abduh, j. 1. Beirut: Dār al-Hudā al-Waṭaniyyah, h. 73.

³⁵ Hakkī, al-Syaykh Ismā'īl Bursali (1928), *Tafsīr Ruḥ al-Bayān*, j. 10. Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 327.

³⁶ Al-Qurṭubī, Abū 'Abdillah Muḥammad ibn Aḥmad al-Anṣārī (1968), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, j. 19. Kaheerah: Maktabah al-'Arabiyyah, h. 208.

³⁷ *Ibid.*

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ
 مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَمِ وَالْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَّعُ
 الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَآبِ ﴿١٤﴾

Al-Hawā mengikut pandangan yang dikemukakan oleh al-Rāghib al-Aṣḫānī ialah kecenderungan jiwa terhadap perkara yang disukai. Dinamakan *al-Hawā* sebagai kerana menjerumuskan pemiliknya di dunia ke dalam bencana atau kemungkaran dan di akhirat pula ke neraka *Hāwiyah*. Allah s.w.t menitikberatkan celaan terhadap orang-orang yang mengikut *al-Hawā*. Antara firmanNya :

أَفَرَأَيْتَ مَنْ آتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ ...

Maksudnya :

“Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya...”

(Surah al-Jāthiyah [45]:23)

Terdapat juga penggunaan lafaz jamak iaitu *al-Ahwā'* (الأهواء) di dalam al-Qur'an sebagaimana firmanNya :

...وَلِئِنْ أَتَّبَعْتَهُمْ...

Maksudnya :

“...dan sekiranya kamu mengikut hawa nafsu mereka...”.

(Surah al-Baqarah [2]:120)

Penggunaan lafaz jamak ini sebagai menarik perhatian bahawa setiap orang mempunyai *al-Hawā* yang tidak sama dengan orang lain. *Al-Hawā* tidak akan berakhir dan kemuncaknya adalah kesesatan.³⁸

Ibn Taymiyyah menyatakan bahawa *al-Hawā* pada asalnya adalah kecintaan dan kebencian terhadap diri sendiri. *Al-Hawā* bukanlah sesuatu yang tercela kerana kadang-kadang kedua-duanya di luar kehendak manusia, tetapi yang dicela adalah manusia yang menuruti *al-Hawā*nya sebagaimana firman Allah s.w.t :

...وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ...^ع

Maksudnya :

“...dan janganlah kamu menuruti hawa nafsu, maka hawa nafsu menyesatkan kamu dari jalan Allah”.

(Surah Şād [38]:26)

Kecintaan dan kebencian adalah perasaan yang akan lahir apabila wujudnya perkara yang disukai dan perkara yang dibenci dan adanya keinginan serta kemahuan. Oleh itu, sesiapa yang mengikut kehendak kedua-duanya dengan mengabaikan perintah Allah s.w.t dan RasulNya, dialah orang yang mengikuti *al-Hawā*nya tanpa hidayah Allah s.w.t. Bahkan manusia akan terdorong menjadikan *al-Hawā*nya sebagai tuhan.

³⁸ Al-Rāghib Al-Aṣfahānī, (Al-'Allāmah) (1972), *Mu'jam Mufradāt Alfāz Al-Qur'an*. Taḥqīq: Nadīm Mar'ashlī, (t.t.p): Dār al-Kātib al-'Arabī, h.545

Menurut kehendak *al-Hawā* dalam urusan beragama adalah perkara yang lebih dahsyat daripada mengikut *al-Hawā* terhadap syahwat atau keinginan lain.³⁹

Dalam *Dictionary of Islam*, *al-Hawā* disebut sebagai *desire, love; hankering after. A term used by the Sufi Mystics for lust, or unholy desire. Hawa -i- Nafsani, "the lust of the flesh". Ahl-i- Hawa "a sceptic, an unbeliever"* iaitu bermaksud keinginan, nafsu dan kecintaan. Istilah ini digunakan oleh orang-orang Sufi bagi menggambarkan nafsu dan keinginan yang tidak baik. *Ahl al-Hawā* adalah orang yang tidak boleh dipercayai.⁴⁰

Dalam *al-Munjid fī al-Lughah wa al-I'lām* pula, *al-Hawā* ditakrifkan sebagai keinginan sama ada terhadap kebaikan atau keburukan atau keinginan dan kecenderungan nafsu terhadap perkara yang disukai. Perkara tersebut terdiri daripada perkara terpuji atau tercela dan biasanya yang tercela. Disebutkan, seseorang itu mengikut *al-Hawā*nya bermaksud untuk mencelanya. Disebutkan juga si fulan itu adalah *ahl al-Hawā* iaitu orang yang terseleweng daripada jalan yang benar atau melakukan bidaah.⁴¹

Dalam Kamus Dewan didapati perkataan 'hawa' didefinisikan sebagai hawa nafsu yang bermaksud keinginan (kehendak, dorongan hati) yang kuat untuk melakukan sesuatu.⁴²

³⁹ Ibn Taymiyyah (1980), *al-Ḥisbah Fī al-Islām*. Riyadh: Mansyūrāt al-Mu'assasah al-Su'ūdiyyah, h. 126-127.

⁴⁰ Thomas Patrick Hughes (1982), *Dictionary of Islam*. New Delhi: Cosmo Publications, h. 169.

⁴¹ Ujayl, Luwis (1987), *al-Munjid fī al-Lughah wa al-I'lām*, c. 29. Beirut: Dār al-Masyriq, h. 879.

⁴² Teuku Iskandar (1994), *op. cit.*, h. 447.

Dalam *Mu'jam Tafsīr Kalimāt al-Qur'an*, *al-Hawā* dimaksudkan sebagai celaka atau terjerumus ke dalam kecelakaan berdasarkan firman Allah s.w.t ⁴³ :

...وَمَنْ تَحَلَّلَ عَلَيْهِ غَضَبِي فَقَدْ هَوَىٰ ﴿٨١﴾

Maksudnya :

“...dan barangsiapa ditimpa oleh kemurkaanKu, maka sesungguhnya binasalah ia.”

(Surah Ṭāha [20]:81)

Sa'īd Ḥawwā mendefinisikan *al-Hawā* sebagai perkara yang menyakitkan atau mengotorkan. Beliau mengklasifikasikan *al-Hawā* kepada dua iaitu *al-Hawā al-Muharram* yang bermaksud kecenderungan diri terhadap syahwat keinginan yang haram dan *al-Hawā al-Makruh* iaitu kecenderungan diri terhadap keinginan yang makruh.⁴⁴

Keputusan bersumberkan *al-Hawā* adalah rosak dan batil kerana *al-Hawā* berbeza-beza dan tidak konsisten.⁴⁵

Berdasarkan definisi *al-Hawā* yang diutarakan, penulis merumuskan bahawa kalimah *al-Hawā* dalam bahasa Arab dan ‘hawa nafsu’ dalam bahasa Melayu merujuk

⁴³ Muḥammad 'Adnān Salīm, Muḥammad Wahabī Sulaymān (1996), *Mu'jam Tafsīr Kalimāt Al-Qur'an*. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 466.

⁴⁴ Sa'īd Ḥawwā (1999), *al-Asās fī al-Tafsīr*, j.2. Kaherah: Dar al-Salam, h. 2362.

⁴⁵ 'Abd al-'Azīz Ḥājī (2003), *Tafsīr Āyāt al-'Aqīlah*, j. 1. Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, h. 49.

kepada keinginan dan kecenderungan manusia untuk melakukan perbuatan yang dikeji dan buruk sama ada oleh syariat Islam atau *al-'Aql* manusia. *Al-Hawā* adalah fitrah manusia, oleh itu tidak mungkin manusia dapat mengelakkan diri daripada pengaruh *al-Hawā*. Perkara yang menjadi isu adalah tindakan manusia yang mengikut kehendak *al-Hawānya*. Apabila *al-Qalb* dikuasai *al-Hawā*, *al-'Aql* tidak dapat berfungsi dengan baik. *Al-Hawā* secara mutlaknya teruja dengan kelazatan dan keseronokan dengan mengabaikan aspek pemikiran terhadap akibat yang bakal menyusul. *Al-Hawā* mendorong manusia untuk memperolehi sesuatu yang disukainya dengan cepat dan segera sekalipun membawa akibat kerosakan berbeza dengan *al-'Aql* yang memikirkan akibat yang diterima dan menolak keseronokan sementara.

Berdasarkan definisi yang dibentangkan juga, ada pendapat mengatakan bahawa *al-Hawā* yang mendorong kepada keburukan boleh juga mencetuskan kebaikan. Penulis tidak menolak pandangan ini kerana bagi penulis, pandangan ini merujuk kepada *al-Hawā* yang telah dididik, diasuh dan dijaga dengan baik, akan meluahkan perbuatan yang baik iaitu apabila *al-Hawā* telah dapat dikekang *al-'Aql*. (Penulis membincangkan perkara ini secara terperinci dalam sub topik yang ke seterusnya).

Kajian penulis terhadap *al-Hawā* merujuk kepada peranan *al-Hawā* yang mengasak seseorang melakukan perbuatan tercela yang merupakan kezaliman yang cukup besar dalam Islam iaitu penyelewengan akidah. Tiadalah kezaliman yang lebih besar daripada syirik kepada Allah s.w.t.

...إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya :

“Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar”.

(Surah Luqmān[31]:13)

2.3 *Al-Hawā* dalam al-Qur’an

Al-Qur’an merupakan kunci segala ilmu kerana Allah s.w.t lebih mengetahui keadaan diri hamba-hambaNya. Justeru, bagi memperjelaskan pengertian *al-Hawā*, penulis akan mengungkapkan beberapa ayat al-Qur’an berkenaan *al-Hawā*. Perkataan *al-Hawā* diungkapkan sebanyak 38 tempat dalam al-Qur’an menggunakan lafaz (هُوَى), (الهُوَى), (هاوِيَّة), (هَوَاء), (اسْتَهْوَتْهُ), (أَهْوَى), (تَهْوَى), (تَهْوَى), (الأهواء).⁴⁶ Dalam kajian ini penulis hanya memuatkan beberapa ayat sahaja sebagaimana berikut :

i- Firman Allah s.w.t :

قُلْ إِنِّي نُهَيْتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ قُلْ
لَا أَتَّبِعُ أَهْوَاءَكُمْ قَدْ ضَلَلْتُ إِذًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

⁴⁶ Al-Ḥamṣī, Dr., Muhammad Hasan, (t.t), *Qurān Karīm Tafṣīr wa Bayān ma’l Asbāb al-Nuzūl li al-Suyūṭī ma’l Fahāris Kāmilah li al-Mawāḍi’ wa al-alfāz*. Beirut: Dār al-Rasyīd, h. 226.

Maksudnya :

“Katakanlah (wahai Muhammad) : “Sesungguhnya aku dilarang menyembah mereka yang kamu sembah selain dari Allah”. Katakanlah (lagi) : “Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu kerana andai aku turut, sesungguhnya sesatlah aku, dan tiadalah aku daripada orang-orang yang mendapat petunjuk.”

(Surah al-An'am[6]:56)

ii- Firman Allah Taala :

بَلِ اتَّبَعَ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَهْوَاءَهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَمَنْ يَهْدِي
مَنْ أَضَلَّ اللَّهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya :

“Orang-orang yang zalim itu (tidak berfikir), bahkan menurut hawa nafsu mereka (melakukan syirik) dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Maka tiada sesiapa yang dapat memberi petunjuk kepada orang yang telah disesatkan oleh Allah (disebabkan bawaannya sendiri), dan tiada pula bagi mereka sesiapa yang dapat menolong melepaskan mereka daripada azab.”

(Surah al-Rūm [30]:29)

Meneliti ayat-ayat di atas, penulis dapat menyimpulkan bahawa *al-Hawā* sebagaimana yang disebutkan itu membawa pengertian hawa nafsu ataupun perbuatan mengikut hawa nafsu yang akhirnya membawa kecelakaan. Ibn Abbas r.a menyatakan bahawa tidaklah Allah s.w.t menyebutkan *al-Hawā* dalam al-Qur'an melainkan mengejinya.⁴⁷ Perbuatan mengikut *al-Hawā* Allah s.w.t nisbahkan kepada orang-orang kafir dan syirik yang memilih untuk mengikut *al-Hawā* justeru menolak segala ajaran

⁴⁷ Wahbah al-Zuhaylī (2005), *al-Tafsīr al-Munīr fi al-'Aqā'id wa al-Syarā'ih wa al-Manhaj*, j. 13. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 297.

Allah s.w.t yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w dan nabi-nabi sebelum baginda. *Al-Hawā* tidak bersekongkol dengan hidayah, apabila seseorang mengikut *al-Hawā*nya, automatiknya dia telah menolak hidayah dan petunjuk Allah s.w.t. Justeru, jadilah mereka sebagai orang-orang yang sesat sama ada mereka sedar atau tidak.

Bahkan Allah s.w.t menyifatkan mereka itu seperti seekor anjing sebagaimana dalam firmanNya :

وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ بِهَا وَلَكِنَّهُ أَخْلَدَ إِلَى الْأَرْضِ وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَمَثَلُهُ
 كَمَثَلِ الْكَلْبِ إِنْ تَحَمَلَ عَلَيْهِ يَلْهَثُ أَوْ تَتْرَكَهُ يَلْهَثُ ذَلِكَ مِثْلُ
 الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا فَاقْصُصِ الْقَصَصَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٧٦﴾

Maksudnya :

“Dan kalaulah Kami menghendaki, nescaya Kami tinggikan pangkatnya dengan (sebab mengamalkan) ayat-ayat itu, tetapi ia bermati-mati cenderung kepada dunia dan menurutkan hawa nafsunya; maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya: ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah ,dan jika engkau membiarkannya: ia menghulurkan juga lidahnya termengah-mengah. Demikianlah bandingannya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Maka ceritakanlah kisah itu supaya mereka berfikir”.

(Surah al-A'rāf [7]:176)

Allah s.w.t menafikan perbuatan mengikut *al-Hawā* pada diri Rasulullah s.a.w yang *ma'sūm* dalam menyampaikan ajaranNya. Bahkan *al-Hawā* adalah unsur yang bertentangan dengan wahyu atau ajaran Allah. Firman Allah s.w.t :

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٢﴾ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾

Maksudnya :

“Dan tiadalah yang diucapkannya itu (Al-Qur’an) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)”.

(Surah al-Najm [53]:3-4)

Nabi s.a.w tidak memperkatakan sesuatu bersumber daripada *al-Hawā* atau kepentingan baginda sendiri. Baginda mengucapkan perkara yang diperintahkan kepada baginda s.a.w. Baginda s.a.w menyampaikan perintah Allah s.w.t dengan lengkap dan sempurna, tanpa sebarang penambahan atau pengurangan.⁴⁸ Nabi s.a.w juga tidak memperkatakan al-Qur’an dengan kebatilan.⁴⁹ Maksud perkataan Nabi s.a.w turut merangkumi perbuatan baginda s.a.w.⁵⁰

Oleh sebab itu, Allah s.w.t melarang manusia daripada mengikut *al-Hawā* dalam beberapa firmanNya. Antaranya :

i- Firman Allah s.w.t :

...فَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَىَٰ أَنْ تَعْدِلُوا وَإِن تَلُودُوا أَوْ تَعْرِضُوا فَإِنَّ اللَّهَ

كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٢٥﴾

Maksudnya :

“...oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu menterbalikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

⁴⁸ Ibn Kathīr (1998), *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*, j. 7. Arab Saudi: Dār al-Qiblah, h. 3325.

⁴⁹ Wahbah al-Zuhaylī, (Dr.) (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fi al-Aqālāh wa al-Syarāh wa al-Manhaj*, j. 27. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu’āshir, h. 96.

⁵⁰ Şadiq Ḥasan Khān (t.t), *op.cit.*, j. 9, h. 159.

ii- Firman Allah s.w.t :

...وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ ...

Maksudnya :

“...dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah s.w.t...”.

(Surah Şād [38]:26)

iii- Firman Allah :

قُلْ يٰٓأَهْلَ الْكِتٰبِ لَا تَغْلُوا فِي دِيْنِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا
تَتَّبِعُوْا اَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوْا مِنْ قَبْلُ وَاَضَلُّوْا كَثِيْرًا وَّضَلُّوْا
عَنْ سَوَآءِ السَّبِيْلِ

Maksudnya :

“Katakanlah : “Wahai ahli Kitab! Janganlah kamu melampau-lampau dalam agama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul.”

(Surah al-Mā'idah [5]:77)

Lantaran itu, Allah s.w.t juga memberi janji kesesatan di dunia dan azab serta kesusahan di akhirat bagi orang-orang yang mengikut *al-Hawā*.

i- Firman Allah s.w.t :

فَلَا يَصُدُّكَ عَنْهَا مَنْ لَّا يُؤْمِنُ بِهَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَتَرْدَى ﴿١٦﴾

Maksudnya :

“Maka janganlah engkau dihalangi daripada mempercayainya oleh orang yang tidak beriman kepadaNya serta ia menurut hawa nafsunya, kerana dengan itu engkau akan binasa”.

(Surah Tāha [20]:16)

ii- Firman Allah s.w.t :

فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُوا لَكَ فَاعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ أَهْوَاءَهُمْ
وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ اتَّبَعَ هَوَاهُ بِغَيْرِ هُدًى مِّنَ اللَّهِ إِنَّ
اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya :

“...dan tidaklah ada yang lebih sesat daripada orang yang menurut hawa nafsunya dengan tidak berdasarkan hidayah petunjuk dari Allah s.w.t. Sesungguhnya Allah tidak memberi pimpinan kepada kaum yang zalim (yang berdegil dengan keengkarannya)”.

(Surah al-Qaṣaṣ [28]:50)

Ironinya, orang-orang yang mampu menahan diri daripada mengikuti *al-Hawānya* akan beroleh kemenangan, kejayaan dan ganjaran besar daripada Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t :

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾

Maksudnya :

“Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya (untuk dihisab), serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsunya. Maka sesungguhnya syurgalah tempat kediamannya”.

(Surah al-Nāzi'āt[79]:40-41)

2.4 *Al-Hawā* dalam al-Hadith

Firman Allah s.w.t :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ...

Maksudnya :

“Hai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul...”

(Surah Muḥammad [47]:33)

Al-Hadith merupakan sumber utama dalam memahami al-Qur'an dan sumber kedua perundangan Islam. Nabi Muhammad s.a.w merupakan manusia yang paling kukuh akidahnya dan paling luhur akhlakunya. Allah s.w.t menegaskan bahawasanya RasulNya tidak berlandaskan *al-Hawā* dalam menyempurnakan tugas baginda. Baginda menyampaikan apa yang difirmankan oleh Allah s.w.t tanpa sebarang penambahan atau pengurangan. Perkara ini disebutkan dalam firmanNya :

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۗ

Maksudnya :

“Dan ia (Nabi s.a.w) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Tidaklah ia melainkan wahyu daripada Allah s.w.t.”

(Surah al-Najm[53]:3-4)

Antara peranan al-Hadith adalah untuk memperkukuhkan perkara yang telah disebutkan dalam al-Qur'an. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penulis ingin mengemukakan beberapa sabda Nabi Muhammad s.a.w yang dapat memperjelaskan lagi konsep *al-Hawā*.

Antaranya hadith riwayat Ahmad daripada Anas bin Mālik r.a bahawasanya seorang lelaki telah memuji-muji Rasulullah s.a.w secara berlebihan lalu baginda bersabda :

(يَا أَيُّهَا النَّاسُ عَلَيْكُمْ بِتَقْوَالِكُمْ وَلَا يَسْتَهْوِيَنَّكُمْ الشَّيْطَانُ أَنَا مُحَمَّدُ
ابْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ وَاللَّهِ مَا أَحَبُّهُ أَنْ تَرْفَعُونَنِي فَوْقَ مَنْزِلَتِي
الَّتِي أَنْزَلَنِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ)⁵¹

Maksudnya :

“Wahai manusia, hendaklah kamu berpegang kepada takwamu dan janganlah biarkan nafsu kamu dipengaruhi oleh syaitan. Aku adalah Muhammad bin Abdullah, hamba Allah dan RasulNya. Demi Allah, sesungguhnya aku tidak menyukai kamu mengangkat-ngangkat darjatku melebihi darjat yang telah dikurniakan Allah Azza wa Jalla untukku.”

⁵¹ Ahmad Ibn Hanbal (t.t), *Musnad*, j. 3. Beirut: Al-Maktab Al-Islāmī, h. 153.

Hadith di atas mengandungi larangan Nabi s.a.w terhadap pujian yang berlebihan ke atas baginda, tetapi di sini penulis ingin menarik perhatian terhadap peringatan baginda iaitu supaya tidak membiarkan *al-Hawā* dipengaruhi oleh syaitan. Nabi s.a.w, memerintahkan supaya berpegang teguh dengan ketakwaan kepada Allah s.w.t dan menjauhi syaitan. Apabila hati diseliputi takwa kepada Allah s.w.t dan dipenuhi wahyuNya, tertutuplah peluang bagi syaitan untuk mempengaruhi *al-Hawā*. Ini kerana syaitan sentiasa berusaha untuk menguasai diri anak Adam dan menyesatkan mereka dengan cara menyusup masuk ke dalam *al-Hawā* mereka. Allah s.w.t menyebutkan :

إِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا إِذَا مَسَّهُمْ طَٰئِفٌ مِّنَ الشَّيْطٰنِ تَذَكَّرُوا
 فَإِذَا هُمْ مُبْصِرُونَ ﴿٢٠١﴾

Maksudnya :

“Sesungguhnya orang yang bertakwa bila mereka ditimpa was-was daripada syaitan, mereka ingat kepada Allah s.w.t, maka ketika itu juga mereka melihat kesalahan-kesalahannya.”

(Surah Al-A'rāf[7]:201)

Sabda Nabi s.a.w ini menjelaskan bahawasanya *al-Hawā* merupakan wadah syaitan dalam usaha menyesatkan manusia dan bersama-sama menanggung akibat kederhakaan terhadap Allah s.w.t.

Al-Hawā adalah fitrah kejadian manusia, walaubagaimanapun bahaya yang dibawa oleh *al-Hawā* cukup besar, kudrat manusia semata-mata tidak mampu membendungnya. Adakalanya manusia mampu menghindari *al-Hawā*nya kerana penuh isi hatinya dengan ilmu dan *zīkr Allah*. Adakalanya juga manusia tidak berdaya menahan godaan syaitan yang sentiasa datang dan pergi yang menyebabkan dirinya tewas dengan *al-Hawā*. Seandainya tergelincir, maka balasan yang berat menunggu mereka di akhirat kelak.

Justeru, Nabi s.a.w mengajarkan umat baginda agar memohon pertolongan daripada Allah s.w.t dalam menghindari *al-Hawā* mereka daripada menguasai diri agar mereka selamat daripada kebinasaan. Sabda Rasulullah s.a.w :

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ وَالْأَهْوَاءِ) ⁵²

Maksudnya :

“Ya Allah, aku mohon perlindungan daripadaMu daripada kerosakan akhlak, perbuatan dan hawa nafsu”.

Penyelewengan dan kesesatan akibat mengikut *al-Hawā* merupakan antara perkara yang amat dibimbangi oleh Rasulullah s.a.w menimpa umat baginda. Perkara ini dijelaskan dalam hadis baginda daripada Abū Barzah :

(إِنَّ مِمَّا أَخْشَى عَلَيْكُمْ شَهَوَاتِ الْعَيِّ فِي بُطُونِكُمْ وَفُرُوجِكُمْ وَمُضَلَّاتِ الْهَوَى) ⁵³

⁵² Al-Tirmidhī (t.t), *Sunan, Kutub al-Sittah*, j. 5. Istanbul: Gagri Yayinlari, h. 575.

⁵³ Aḥmad Ibn Ḥanbal, (t.t), *op.cit.*, h. 420.

Maksudnya :

“Sesungguhnya antara perkara yang aku bimbangi terhadap kamu adalah kesesatan syahwat yang berada di perut dan kemaluanmu dan kesesatan hawa nafsu.”

Baginda bimbang hidup umat baginda s.a.w tidak sejahtera di dunia dan binasa di akhirat kerana memperajakan keinginan perut untuk makan makanan mewah dan keghairahan kemaluan melakukan persetubuhan haram dan memperturutkan sahaja jalan kesesatan yang dibawa oleh keinginan-keinginan *al-Hawā* yang mengalpakan manusia daripada Tuhannya.

Baginda s.a.w juga bersabda,

(...وَأِنَّهُ سَيَخْرُجُ مِنْ أُمَّتِي أَقْوَامٌ تَجَارَى بِهِمْ تِلْكَ الْأَهْوَاءُ كَمَا
يَتَجَارَى الْكَلْبُ لِصَاحِبِهِ)⁵⁴

Maksudnya :

“Dan sesungguhnya akan timbul dalam kalangan umatku beberapa puak yang dijajari oleh bahaya penyakit suka mengada-ngadakan bidaah sebagaimana menjalarnya penyakit anjing gila kepada mangsanya-tidak ada satu urat atau satu sendi tubuhnya melainkan penyakit itu meresap masuk menjalarnya”.

Dalam hadith tersebut, Rasulullah s.a.w memberi peringatan terhadap dua perkara buruk impak daripada pengaruh *al-Hawā* dalam diri, iaitu :

Pertama : Umat Islam akan melakukan penyelewengan daripada ajaran-ajaran Islam sebenar, seperti yang telah dilakukan kaum Bani Israel. Baginda s.a.w menyebut perihal

⁵⁴Abī Dawūd (1998), *Sunan*, Kitab al-Sunnah. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, h.698.

kaum Bani Israel ini adalah kerana penyelewengan mereka adalah seburuk-buruk contoh yang wajib dijauhi dan disingkirkan.

Kedua : Akan berlaku perpecahan dalam kalangan umat Islam mengenai akidah kepercayaan dan amalan agama, seperti yang telah berlaku kepada Bani Israel, padahal perpecahan demikian bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar, dan semua puak yang berpecah itu salah dan sesat belaka, kecuali satu sahaja iaitu puak yang tetap menurut jalan pimpinan Rasulullah s.a.w dan bawaan sahabat-sahabat r.a tanpa mengurangi, menokok tambah atau menyeleweng sedikitpun.⁵⁵

Manusia yang mengikuti *al-Hawā*nya merupakan manusia yang tercela. *Al-Hawā* mengarah manusia ke arah kesesatan. Segala perbuatan yang terhasil daripada dorongan *al-Hawā* merupakan perbuatan yang dikeji oleh manusia dan dibenci oleh Allah s.w.t. Justeru Nabi s.a.w menyifatkan orang yang menurut *al-Hawā* sebagai seburuk-buruk hamba di sisi Allah s.w.t.

(بئسَ العَبْدُ عَـبْدٌ تَخَـيَّلَ... بئسَ العَبْدُ عَـبْدٌ هـَـوَى يُضِلُّهُ،
بئسَ العَبْدُ عَـبْدٌ رَغِبَ بِحُلِّهِ) ⁵⁶

Maksudnya :

“Seburuk-buruk hamba adalah hamba yang sentiasa berangan-angan...seburuk-buruk hamba adalah hamba yang disesatkan hawa nafsunya dan seburuk-buruk hamba adalah hamba yang dihinakan oleh keinginannya”.

⁵⁵Syaykh 'Abdullah ibn Muḥammad Bāsmīḥ (1989), *Mastika Hadis Rasulullah s.a.w*, j. 1, c. 5. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, h. 35-38.

⁵⁶Ābu 'Īsā Muḥammad ibn 'Īsā ibn Sūrah al-Tirmidhī (1983), *Sunan al-Tirmidhī*, j. 4, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 152.

Sabda Nabi s.a.w tentang *al-Hawā* lebih bersifat peringatan agar umat baginda s.a.w tidak terjerumus ke lembah kejahatan *al-Hawā*. Nabi s.a.w amat bimbang serangan mengikut *al-Hawā* terhadap umat baginda s.a.w kerana lantaran itulah dia bakal diseret ke neraka. Hanya dengan mengikut wahyu Allah s.w.t sahaja yang akan membawa manusia ke arah kebahagiaan dan jalan yang benar. Firman Allah s.w.t :

وَأَنْ أَعْبُدُونِي ۚ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾

Maksudnya :

“Dan hendaklah kamu menyembahKu. Inilah jalan yang lurus”.
(Surah Yāsīn[36]:61)

2.5 *Al-Hawā* dan *al-Nafs*

Kalimah *al-Hawā* dan *al-Nafs* agak mengelirukan kerana kadang kala kedua-duanya sinonim dan kadang kalanya tidak. Dalam perbincangan ini, penulis mengemukakan perbahasan *al-Nafs* dan penggunaannya di dalam al-Qur’an bagi mengetahui sejauh manakah persamaan antara dua kalimah ini.

2.5.1 Definisi *al-Nafs*

Al-Nafs adalah perkataan bahasa Arab (النَّفْس) yang mempunyai maksud yang pelbagai.

Al-Nafs, lafaz jamaknya adalah *al-Anfus* (الأنفُس) dan *al-Nufūs* (النُّفُوس) yang membawa maksud roh atau zat. *Al-Nafs* bermaksud darah, apabila tiada darah, tiadalah *al-Nafs*. Dikatakan seseorang itu mempunyai *al-Nafs* yang besar iaitu jasad tubuh badannya, peribadi, hemah, kemahuan dan pandangan. *Al-Nafs* digunakan dengan lafaz *mu'annas* dengan maksud roh, keluarlah *al-Nafs*nya iaitu rohnya dan digunakan dengan lafaz *mudhakkar* membawa maksud seseorang, contohnya saya mempunyai lima belas *al-Nafs* iaitu orang.⁵⁷

Al-Nafs sifatnya berbeza-beza. Orang Arab menggunakan kalimah *al-Nafs* dalam maksud dua *al-Nafs* yang berbeza. *Al-Nafs* kadang-kadang menyuruh melakukan sesuatu dan kadang-kadang melarang. Contohnya ketika ingin melakukan sesuatu perbuatan yang tidak baik, *al-Nafs*lah yang mengarahnya dan yang melarangnya juga adalah *al-Nafs*, tetapi *al-Nafs* yang lain. *Al-Zujāj* mengatakan setiap manusia mempunyai dua *al-Nafs* iaitu *Nafs al-Tamyēz* yang mempunyai sifat berbeza-beza dan *Nafs al-Ḥayāh* yang bermaksud roh.⁵⁸

⁵⁷ Ujayl, Luwis (1987), *op.cit.*, h. 826.

⁵⁸ Ibn Manẓūr (t.t), *op.cit.*, j. 6, h. 4500.

Al-Nafs membawa beberapa pengertian iaitu yang pertamanya *al-Nafs* adalah mekanisme yang mempunyai dorongan kemarahan dan berkeinginan dalam diri manusia sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w :

(أَعْدَىٰ عَدُوِّكَ نَفْسُكَ الَّتِي بَيْنَ جَنْبَيْكَ)

Maksudnya:

“Musuh kamu yang paling sengit ialah *al-Nafs* kamu yang berada di dalam diri kamu”.

dan yang kedua *al-Nafs* bermaksud diri manusia itu sendiri tetapi *al-Nafs* bersifat dengan pelbagai sifat. Apabila *al-Nafs* berada dalam keadaan tenang kerana berjaya melawan keinginannya *al-Nafs* disebut sebagai *al-Nafs al-Muṭmainnah*. Apabila ketenangannya belum cukup sempurna dan dia berusaha mempertahankan diri daripada keinginan syahwat dia dinamai *al-Nafs al-Lawwāmah* kerana mencela dirinya yang lalai daripada ketaatannya terhadap Allah s.w.t. Apabila dia tidak lagi melawan keinginannya malah mengikut segala keinginan syahwatnya dan dorongan syaitan, dia dinamai *al-Nafs al-Ammārah bi al-Sū'*.⁵⁹

Al-Nafs yang disandarkan kepada manusia adalah *al-Nafs al-Ammārah bi al-Sū'* iaitu yang mendorong manusia melakukan kejahatan dan *al-Nafs* yang disandarkan kepada Tuhan membawa maksud kekuasaan yang dimilikinya.⁶⁰

⁵⁹ Abū Ḥāmid ibn Muḥammad al-Ghazzālī (t.t), *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*, j. 3. Beirut: Dār al-Ma'arifah li al-Tabā'ah wa al-Nasyr, h. 4.

⁶⁰ Al-Rāghib Al-Aṣfahānī, (Al-'Allāmah) (1972), *op.cit.*, h. 523.

2.5.2 Hubungan *al-Hawā* dan *al-Nafs*

Kalimah *al-Nafs* dari segi istilahnya, hampir sama dengan *al-Hawā* yang dikeji di sisi syarak.⁶¹ Istilah *al-Nafs* secara mutlaknya digunakan dengan maksud *al-Nafs al-Ammārah bi al-Sū'*.⁶²

وَمَا أُبْرِي نَفْسِي ۚ إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي ۗ ...

Maksudnya :

“Dan tiadalah Aku berani membersihkan diriku; Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu)..”.

(Surah Yūsuf[12]:53)

Persamaan antara *al-Hawā* dan *al-Nafs* jelas ditunjukkan dalam al-Qur'an al-Karim. Terdapat lima ayat al-Qur'an yang membawa maksud demikian dan empat daripadanya dihubungkan dengan kalimah *al-Hawā*. Firman Allah s.w.t :

أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَىٰ أَنفُسُكُمْ أَسْتَكْبِرْتُمْ فَفَرِيقًا
كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ ﴿١٧﴾

⁶¹ Muḥammad Ibn Luṭfī al-Ṣabbāgh, (Dr.) (1992), *al-Insān fī al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, h. 269.

⁶² *Ibid.*, h. 273.

Maksudnya :

“...maka patutkah, tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolaknya), sehingga sebahagian dari Rasul-rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?”

(Surah al-Baqarah[2]:87)

Dalam ayat lain, Allah s.w.t berfirman :

...كَمَا جَاءَهُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَىٰ أَنفُسُهُمْ ...

Maksudnya :

“...tiap-tiap kali datang seorang Rasul kepada mereka dengan membawa apa yang tidak disukai oleh hawa nafsu mereka...”

(Surah al-Mā'idah[5]:70)

Seterusnya, firman Allah s.w.t :

...إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَمَا تَهْوَىٰ الْأَنفُسُ ...

Maksudnya :

“...mereka yang berbuat demikian, tidak menurut melainkan sangkaan-sangkaan dan apa yang diinginkan oleh hawa nafsunya...”

(Surah al-Najm[53]:23)

Dalam ayat lain pula, Allah s.w.t berfirman :

... وَنَهَىٰ النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾

Maksudnya :

“...serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu”.

(Surah al-Nāzi'āt[79]:40)

Keempat-empat ayat al-Qur'an di atas menunjukkan bahawa perkataan *al-Hawā* dan *al-Nafs* digandingkan kerana kedua-duanya mempunyai maksud yang hampir sama iaitu merujuk kepada keinginan dan kecenderungan untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang tercela. Ayat yang kelima juga membawa maksud persamaan antara *al-Hawā* dan *al-Nafs* walaupun tidak menggandingkan kedua-dua kalimah. Firman Allah s.w.t :

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسَّوَسُ بِهِ نَفْسُهُ...

Maksudnya :

“Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya...”.

(Surah Qāf[50]:16)

Dalam konteks bahasa Melayu, kedua-dua perkataan ini turut dipadukan iaitu perkataan hawa nafsu yang diertikan sebagai keinginan.⁶³

Kekuatan dan kelemahan pengaruh *al-Hawā* terhadap manusia akan menzahirkan *al-Nafs* kepada beberapa peringkat iaitu :

⁶³ Teuku Iskandar (1994), *op.cit.*, h. 447.

Peringkat pertama: *al-Nafs al-Ammārah*. Iaitu *al-Nafs* yang cenderung kepada tabiat badan dan mengarahnya dengan keseronokan yang dilarang syarak dan menurunkan taraf *al-Qalb* ke peringkat yang rendah. *Al-Nafs* ini tempat berkumpulnya segala kejahatan dan sifat-sifat keji seperti tamak dan sombong.

Peringkat kedua: *al-Nafs al-Lawwāmah*. Iaitu *al-Nafs* yang bercahaya dengan cahaya *al-Qalb*, mengikut *al-'Aql* satu ketika dan melakukan maksiat pula pada satu ketika yang lain. Kemudian *al-Nafs* menyesal dan mencela dirinya sendiri. *Al-Nafs* ini tempat penyesalan kerana dipengaruhi *al-Hawā*, keinginan dan ketamakan.

Peringkat ketiga: *al-Nafs al-Mutmainnah*. Iaitu *al-Nafs* yang bercahaya dengan cahaya *al-Qalb* sehingga kosong daripada sifat-sifat mazmumah. Kedudukannya adalah kedudukan kesempurnaan dan begitu hampir hubungannya dengan Allah s.w.t.

Peringkat keempat: *al-Nafs al-Mulhamah*. Iaitu *al-Nafs* yang diilhamkan Allah s.w.t ilmu, tawadhuk, bersifat cukup dengan apa yang ada. Ia adalah kedudukan kesabaran dan kesyukuran.

Peringkat kelima: *al-Nafs al-Rāḍiyah*. Iaitu yang redha kepada Allah s.w.t. *Al-Nafs* ini menyerah diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t dan berlaizat dengan keasyikan terhadap Allah s.w.t.

Peringkat keenam: *al-Nafs al-Marḍīyyah*. Iaitu Allah s.w.t redha kepadanya dan mezhirkan keredhaanNya dengan karamah, ikhlas dan zikir. Dia mengenali Allah s.w.t dengan hakikat sebenarnya.

Peringkat ketujuh: *al-Nafs al-Kāmilah*. Iaitu *al-Nafs* yang menjadikan kesempurnaan itu sebagai tabiat. Kesempurnaannya meningkat dan diarahkan kembali kepada manusia untuk memberi bimbingan kepada manusia lain. Dia berjalan dengan Allah s.w.t, kepada Allah s.w.t dan datang daripada Allah, kembali kepadaNya.⁶⁴

Kalimah *al-Nafs* sinonim dengan *al-Hawā* dari segi maksud keinginan dan ada kalanya keduanya berbeza kerana *al-Nafs* juga bermaksud roh, nyawa atau jiwa. *Al-Nafs* pada peringkat pertama dan kedua, sinonim dengan *al-Hawā* tetapi pada peringkat ketiga dan seterusnya, *al-Nafs* sudah dapat menghindarkan diri daripada tunduk kepada *al-Hawā*.

2.6 *Al-Hawā* dan *al-Syahwah*

Al-Syahwah adalah kalimah yang turut digunakan Allah s.w.t bagi menggambarkan sesuatu keinginan dan kecenderungan manusia. Oleh itu penulis turut membincangkan serba sedikit konsep *al-Syahwah* dalam merincikan konsep *al-Hawā*.

⁶⁴ Al-'Azāmā, al-Syaykh Salāmah (t.t), *Tanwīr al-Qulūb fī Mu'āmalah 'Allām al-Ghuyūb*. Tahqīq: Najm al-Dīn Amīn al-Kardīy, (t.t.p): Dār al-Fikr, h. 465-466.

2.6.1 Definisi *al-Syahwah*

Al-Syahwah adalah kalimah bahasa Arab (الشهوة) yang bermaksud keinginan *al-Nafs* terhadap sesuatu dan lafaz jamaknya adalah *al-Syahawāt* (الشهوات)⁶⁵.

Al-Syahwah juga bermaksud gerakan *al-Nafs* untuk menuntut atau melakukan sesuatu perbuatan yang tercela.⁶⁶

Dalam pentafsiran lain, *al-Syahwah* bermaksud dorongan *al-Nafs* kepada perkara yang dikehendaknya. *Al-Syahwah* di dunia ada dua jenis iaitu *Sādiqah* (yang benar) dan *Kādhibah* (yang dusta). *Syahwah Sādiqah* bermaksud *al-Syahwah* yang tidak sempurna tubuh badan tanpanya seperti *al-Syahwah* kepada makanan ketika lapar. *Syahwah Kādhibah* bermaksud sebaliknya. *Al-Syahwah* kadangkala digunakan untuk menunjukkan perkara yang diinginkan dan kadangkala digunakan untuk menunjukkan perasaan keinginan tersebut.⁶⁷

⁶⁵ Rajab 'Abd al-Jawwād Ibrāhīm, (Dr.) (2002), *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Islāmiyah fī al-Miṣbāh al-Munīr*. Kaherah: Dār al-Āfāq al-'Arabiyyah, h.163.

⁶⁶ Al-Jurjāni, 'Alī Ibn Muḥammad al-Sayyid al-Syarīf (2004), *Mu'jam al-Ta'rīfāt*. Kaherah: Dār al-Faḍlāh, h. 111.

⁶⁷ Al-Rāghib Al-Aṣfahānī, (Al-'Allāmah) (1972), *op.cit.*, h. 277.

Al-Syahwah digunakan dalam bahasa Melayu dengan menggunakan perkataan ‘syahwat’ yang mempunyai maksud keinginan yang lebih khusus iaitu keinginan (untuk melakukan persetubuhan), nafsu bersetubuh dan keberahian.⁶⁸

2.6.2 Hubungan *al-Hawā* dan *al-Syahwah*

Berdasarkan definisi *al-Syahwah*, dapat diperhatikan persamaan maksud di antara *al-Syahwah* dan *al-Hawā* iaitu keinginan atau kehendak terhadap sesuatu perkara. *Al-Syahwah* juga adalah fitrah manusia yang sebagaimana *al-Hawā*. Firman Allah s.w.t :

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ ...

Maksudnya :

“ Dahiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu...”.

(Surah Āli 'Imrān[3]:14)

Sebagaimana pengikut *al-Hawā* dicela oleh Allah s.w.t, begitu juga dengan pengikut *al-Syahwah* turut dicela perbuatannya. Firman Allah s.w.t :

خَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهَوَاتِ

فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا ﴿٥١﴾

⁶⁸ Teuku Iskandar (1994), *op.cit.*, h. 1332.

Maksudnya :

“Maka datanglah sesudah mereka, pengganti (yang jelek) yang menyia-nyikan solat dan memperturutkan hawa nafsunya, maka mereka kelak akan menemui kesesatan”.

(Surah Maryam [19]:59)

Orang yang memperturuti kehendak *al-Syahwahnya*, tidak akan menemui petunjuk Allah s.w.t sebagaimana pengikut *al-Hawā*, dia hanya akan menemui kesesatan kerana keseronokan yang diutamakan berbanding perintah dan larangan Allah s.w.t.

2.7 *Al-Hawā* dan *al-'Aql*

Al-Hawā mempunyai kaitan rapat dengan *al-'Aql* dan perbincangan tentang *al-Hawā* tidak akan lengkap tanpa perbahasan tentang *al-'Aql*. Justeru, dalam kajian ini penulis turut membincangkan konsep *al-'Aql* secara ringkas.

2.7.1 Definisi *Al-'Aql*

Al-'Aql berasal daripada perkataan Arab. Menurut *Kamus Lisān al-'Arab*, *al-'Aql* bermaksud kekangan atau larangan dan lawannya adalah kebodohan. *Al-'Aql* dinisbahkan kepada orang yang mempunyai kecerdikan dan kepintaran. Orang yang

berakal adalah orang yang mampu mengekang dan menolak dirinya daripada mengikut *al-Hawā*. *Al-'Aql* turut diertikan sebagai penetapan dalam sesuatu perkara. *Al-'Aql* juga dimaksudkan sebagai *al-Qalb* dan *al-Qalb* adalah *al-'Aql*. Dinamakan *al-'Aql* kerana dapat mengekang pemiliknya daripada kebinasaan. *Al-'Aql* menjadi unsur yang membezakan manusia daripada haiwan.⁶⁹ Manusia dikatakan sebagai makhluk yang berakal sebaliknya haiwan adalah makhluk yang tidak berakal.

Al-Ghazzālī mendefinisikan *al-'Aql* kepada dua pengertian iaitu ;

Pertama: Mengetahui hakikat segala sesuatu. Dalam konteks ini, *al-'Aql* diibaratkan sifat ilmu yang terletak di *al-Qalb*.

Kedua: Yang menangkap dan mendapatkan segala ilmu. Dalam konteks ini, *al-'Aql* bererti *al-Qalb* dalam erti yang halus.⁷⁰

Al-'Aql dikatakan sebagai *jawhar* yang tidak berbentuk tetapi diiringi oleh perbuatan iaitu *al-'Aql* sebagai diri yang berbicara yang dapat dilihat melalui penggunaan perkataan 'saya'. *Al-'Aql* disebut sebagai *jawhar rūhānī*⁷¹ yang diciptakan oleh Allah s.w.t yang bergantung dengan tubuh badan manusia. *Al-'Aql* bertindak sebagai cahaya hati yang dapat mengenali kebenaran dan kebatilan.⁷²

⁶⁹ Ibn Manẓūr (t.t), *op cit.*, j. 4, h. 3046.

⁷⁰ Al-Ghazzālī (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 4.

⁷¹ Berbentuk metafizik

⁷² Al-Jurjāni, 'Alī Ibn Muḥammad al-Sayyid al-Syarīf (2004), *op.cit.*, h. 128.

Al-'Aql adalah *gharizah* (غَرِيْزَةٌ) iaitu naluri yang dijadikan oleh Allah s.w.t dalam diri hamba-hambanya dan digunakan oleh manusia yang telah baligh untuk berhujah. Allah s.w.t berinteraksi dengan manusia melalui *al-'Aql* sama ada menjanjikan kenikmatan dan ancaman, memberi arahan dan larangan dan mewajibkan sesuatu perkara atau memberi galakan (perkara sunat). *Al-'Aql* adalah naluri yang tidak dapat dikenali atau diketahui rupa bentuk dan keadaannya tetapi dapat dilihat kesan kewujudan dan pengaruhnya pada *al-Qalb* dan anggota badan. *Al-'Aql* tidak akan dapat disifat atau digambarkan bentuknya tanpa adanya perbuatan yang dilakukan anggota zahir.⁷³

Al-'Aql didefinisikan dari segi bahasa sebagai menegah atau memegang, manakala dari segi istilah maksud *al-'Aql* terbahagi kepada dua iaitu :

Pertama: Kekuatan seseorang untuk menerima ilmu. Iaitu apabila dikaitkan berkenaan terangkatnya taklif daripada seseorang hamba kerana tidak berakal sebagaimana firman Allah s.w.t :

وَمَا يَعْزُبُ عَنْهَا إِلَّا الْعَالِمُونَ

Maksudnya :

“...dan tiada memahaminya kecuali orang-orang yang berilmu.”
(Surah al-'Ankabūt [29]:43)

⁷³ Al-Muḥāsibī, al-Ḥārith ibn Asad (1969), *al-Masā'il fī 'al-Mā' al-Qulūb wa al-Jawāriḥ, wa al-Makāsib wa al-'Aql*. Kaherah: 'Ālim al-Kutub, h. 238.

Kedua: Ilmu yang digunakan atau dimanfaatkan oleh manusia melalui kekuatan tersebut dan ini boleh difahami menerusi celaan Allah s.w.t terhadap orang-orang kafir yang tidak menggunakan *al-'Aql* sebagaimana firman Allah s.w.t ⁷⁴:

وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ
إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمُّ بِكُمْ عُمَىٰ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٧١﴾

Maksudnya :

“Dan perumpamaan (orang yang menyeru) orang-orang kafir adalah seperti penggembala yang memanggil binatang yang tidak mendengar selain panggilan dan seruan saja. Mereka tuli, bisu dan buta, maka (oleh sebab itu) mereka tidak mengerti”.

(Surah al-Baqarah [2]:171)

Dari sudut pandangan lain, dikatakan sesungguhnya *al-'Aql* mengikat diri daripada mengikuti *al-Hawā* sebagaimana tali binatang peliharaan menghalang binatang daripada memakan tanaman.⁷⁵

Dalam pengertian bahasa Melayu, kalimah *al-'Aql* disebut sebagai akal yang mengandungi pelbagai pengertian iaitu budi, fikiran, daya upaya, ikhtiar, muslihat dan tipu daya.⁷⁶

⁷⁴ Al-Rāghib Al-Aṣfahānī, (Al-'Allāmah) (1972), *op.cit.*, h.354.

⁷⁵ Al-Jūzū, Dr., Muḥammad 'Alī (1983), *Mafhūm al-'Aql wa al-Qalb fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 27.

⁷⁶ Teuku Iskandar (1994), *op.cit.*, h. 19.

Al-'Aql merupakan naluri manusia yang membolehkannya memahami percakapan seseorang.⁷⁷ *Al-'Aql* adalah hakikat cahaya yang menyingkap segala rahsia dan makrifah, agar beriman dengan yakin, sedar dan tahu.⁷⁸

Kesimpulannya, *al-'Aql* adalah *jawhar rūhānī* yang tidak dapat dilihat tapi dapat dirasai kewujudannya dengan menilai perbuatan manusia. *Al-'Aql* mempunyai korelasi hampir dengan ilmu dan ulamak. *Al-'Aql* meninggikan darjat manusia berbanding makhluk lain dengan keberadaannya sebagai wahana tadahan wahyu. *Al-'Aql* yang menjadi wadah interaksi manusia dengan makhluk dan dengan Pencipta makhluk berfungsi untuk berfikir dan memahami konsepsi sesuatu perkara. *Al-'Aql* berperanan mengikat perbuatan manusia dengan preskripsi, peraturan, hukum, adab dan seumpamanya. Orang yang hilang *al-'Aql*nya digelar orang gila yang boleh melakukan apa sahaja perbuatan tanpa sebarang halangan dan perbuatannya tidak akan diambil kira oleh syariat atau oleh manusia. Untuk lebih memahami konsep *al-'Aql*, seeloknya dikaji bicara wahyu tentang *al-'Aql*.

2.7.2. *Al-'Aql* dalam al-Qur'an

Mekanisme manusia untuk memahami, menguasai, mengesan dan mengetahui sesuatu ilmu adalah *al-'Aql*.⁷⁹ *Al-'Aql* bersumberkan wahyu. *Al-'Aql* menerima preskripsi Tuhan

⁷⁷ Rajab 'Abd al-Jawwād Ibrāhīm, (Dr.) (2002), *op.cit.*, h. 211.

⁷⁸ Al-Jūzū, Dr., Muḥammad 'Alī (1983), *op.cit.*, h. 100.

yang dibawakan oleh Rasulullah s.w. *Al-'Aql* tidak berperanan untuk menetapkan dasar, prinsip atau asas Islam, bukan untuk membahas atau mengubahnya. Bicara al-Qur'an tentang *al-'Aql* menggunakan pelbagai lafaz iaitu (عَقْلُوهُ), (يَعْقِلُونَ), (تَعْقِلُونَ), (يَعْقِلُهَا), (نَعْقِلُ) dalam 49 ayat ⁸⁰.

Allah s.w.t memerintahkan manusia supaya menggunakan *al-'Aql* terutamanya untuk mengenal Allah s.w.t melalui pemerhatian dan pemikiran terhadap ciptaan-ciptaanNya yang pelbagai. Antaranya, firman Allah s.w.t :

وَاحْتَلَفِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ رِزْقٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ ؕ آيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya :

“Dan (pada) pertukaran malam dan siang silih berganti, dan juga (pada) rezeki yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu ia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta (pada) peredaran angin, (semuanya itu mengandungi) tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, serta keluasan rahmatNya) bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran”.

(Surah al-Jāthiyah [45]:5)

Dalam ayat lain, Allah s.w.t berfirman :

وَمِنْ آيَاتِهِ يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنزِلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً

⁷⁹ Al-Jūzū, Dr., Muḥammad 'Alī (1983), *op.cit.*, h. 85.

⁸⁰ Al-Ḥamṣī, Dr., Muḥammad Ḥasan (t.t), *op.cit.*, h. 152-153.

فِيْحِيءِ بِهٖ اَلْاَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَآ اِنَّ فِيْ ذٰلِكَ لَاٰيٰتٍ
لِّقَوْمٍ يَعْقِلُوْنَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya :

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kebesarannya dan kekuasaannya, ia memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan ia menurunkan hujan dari langit, lalu ia hidupkan bumi sesudah matinya. dengan hujan itu. Sesungguhnya yang demikian mengandung keterangan-keterangan bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahaminya.

(Surah Al-Rūm[30]:24)

Al-'Aql dalam al-Qur'an juga bermaksud memahami iaitu dalam erti kata memahami segala perintah dan larangan Allah s.w.t dan memahami segala ajaran Islam.

Firman Allah s.w.t :

وَتِلْكَ اَلْاَمْثَلُ نَضْرِبُهَآ لِلنَّاسِ وَمَا يَعْقِلُهَآ اِلَّا اَلْعٰلِمُوْنَ ﴿٢٩﴾

Maksudnya :

“Misal-misal perbandingan yang demikian itu Kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang-orang yang berilmu yang dapat memahaminya.

(Surah al-'Ankabūt[29]:43)

Hanya orang-orang yang berakal yang memahami ilmu-ilmu Allah s.w.t dan tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. Begitu juga dalam memahami sejarah manusia-manusia terdahulu, hanya orang yang berakal dapat mengambil manfaatnya. Firman Allah s.w.t :

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِيَ إِلَيْهِمْ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ ۗ
 أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ
 مِنْ قَبْلِهِمْ ۗ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya :

“Dan tiadalah Kami mengutus Rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki dari penduduk bandar, yang Kami wahyukan kepada mereka. Maka mengapa orang-orang (yang tidak mahu beriman) itu tidak mengembara di muka bumi, supaya memerhatikan bagaimana akibat orang-orang kafir yang terdahulu dari mereka? Dan (ingatlah) sesungguhnya negeri akhirat lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu, mengapa kamu (wahai manusia) tidak mahu memikirkannya?”

(Surah Yūsuf[12]:109).

Justeru, orang-orang yang menggunakan *al-Aqlnya* untuk menilai dan memahami hakikat kebenaran dipuji oleh Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t :

...فَبَشِّرْ عِبَادِ ﴿١٧﴾ الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ ۗ
 أُولَٰئِكَ الَّذِينَ هَدَىٰ اللَّهُ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْأُولَاءِ ﴿١٨﴾

Maksudnya :

“...sebab itu sampaikanlah berita (gembira) itu kepada hamba-hambaKu yang mendengar perkataan lalu mengikuti apa yang baik daripadanya. Mereka itulah orang-orang yang mempunyai akal.”

(Surah al-Zumar [39]:17-18)

Ironinya, al-Qur'an menyifatkan orang yang tidak menggunakan *al-'Aql* untuk memahami ayat-ayat Allah s.w.t sebagai orang yang pekak dan bisu. Firman Allah s.w.t :

إِنَّ شَرَّ الدَّوَابِّ عِنْدَ اللَّهِ الصُّمُّ الْبُكْمُ الَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya :

“Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melata, pada sisi (hukum dan ketetapan) Allah, ialah orang-orang yang pekak lagi bisu, yang tidak mahu memahami sesuatupun (dengan akal fikirannya)”.

(Surah Al-Anfāl [8]:22)

Mereka bukan pekak kerana telinga mereka tidak mendengar tetapi mereka pekak kerana tidak mahu mendengar ayat-ayat Allah s.w.t. Mereka bukan bisu kerana tidak dapat bercakap tetapi mereka bisu kerana tidak mahu mengakui keEsaan dan kekuasaan Allah s.w.t.

Islam mencela pengabaian manusia terhadap aspek *al-'Aql* seperti perbuatan mengikut sahaja sesuatu perkara tanpa berfikir terlebih dahulu (taklid) sebagaimana dalam firman Allah s.w.t :

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا آفَيْنَا عَلَيْهِ ءَابَاءَنَا أُولَئِكَ كَانُوا ءَابَاءَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٧﴾ وَلَا يَهْتَدُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya :

“Dan apabila dikatakan kepada mereka : “Ikutilah apa yang telah diturunkan Allah, mereka menjawab : Tidak! Tetapi kami hanya mengikuti apa yang telah kami dapati daripada (perbuatan) nenek moyang kami. (Apakah mereka akan mengikutinya juga) walaupun

nenek moyang mereka itu tidak mengetahui suatu apa pun, dan tidak mendapat petunjuk?”

(Surah al-Baqarah [2]:170)

Mereka bakal menerima azab daripada Allah s.w.t di akhirat kelak. Firman Allah s.w.t :

وَمَا كَانَتْ لِنَفْسٍ أَنْ تُؤْمِنَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَجْعَلُ الرَّجْسَ
عَلَى الَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٧٠﴾

Maksudnya :

“Dan tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang untuk beriman melainkan dengan izin Allah (melalui undang-undang dan peraturannya); dan Allah menimpakan azab atas orang-orang yang tidak mahu memahami (perintah-perintahNya)”.

(Surah Yūnus [10]:100)

Konsekuennya, mereka akan mengakui kesilapan mereka yang tidak mahu menggunakan *al-'Aql* setelah merasai sendiri bahang kepanasan api neraka yang membakar seluruh tubuh mereka. Firman Allah s.w.t :

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ ﴿٦٧﴾

Maksudnya :

“Dan mereka berkata: Kalaulah kami dahulu mendengar dan memahami (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah Kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka”.

(Surah al-Mulk [67]:10)

Al-'Aql yang kosong daripada ilmu, menyemarakkan kejahilan yang menatijahkan kelalaian, kejahatan, kesesatan dan kekafiran. Orang-orang yang tidak mahu berusaha untuk berfikir mendalam akan terus menerus hidup dalam kelalaian dan kesesatan. Kelalaian manusia yang tidak berfikir adalah kerana lupa atau secara sengaja tidak menghiraukan penciptaan diri mereka serta kebenaran ajaran agama.⁸¹

2.7.3. *Al-'Aql* dalam al-Hadith

Al-'Aql disebutkan dalam hadith sama ada dalam bentuk kata nama (اسم) atau perbuatan (فعل). Kitab-kitab hadith sahih mendefinisikan kalimah *al-'Aql* berhubung dengan kemampuan memperolehi sesuatu, menguasai, menghafaz atau menjaganya, kecerdikan dan kesedaran.⁸²

Nabi s.a.w bersabda :

(رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ : عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ ،
وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ)⁸³

Maksudnya :

“Terangkatnya pena (tidak dicatat) daripada tiga golongan : daripada orang yang tidur hinggalah dia bangkit, daripada bayi sehinggalah dia bermimipi (baligh) dan daripada orang yang gila sehinggalah dia berakal”.

⁸¹ Harun Yahya (2002), *Bagaimana Seorang Muslim Berfikir (Deep Thinking)*. Catur Sriherwanto (terj.), Jakarta: Rabbani Press, h. 9-10.

⁸² Al-Jūzū, Muḥammad 'Alī, Dr. (1983), *op. cit.*, h.142.

⁸³ Abī Dawud (1998), *op.cit.*, j. 4, Kitāb al-Hudūd, h. 141

Hadith di atas menjelaskan *al-'Aql* sebagai kayu ukur penetapan sesuatu hukum dalam Islam. Orang yang tidak mempunyai *al-'Aql* tidak diambil kira kesalahan atau dosa yang mereka lakukan. Dengan kata lain, taklif dalam Islam ditentukan dengan kedudukan *al-'Aql* seseorang itu, sebaliknya orang yang tidak berakal tiada taklifan bagi mereka.

Rasulullah s.a.w bersabda dalam menyifatkan wanita sebagai manusia yang mempunyai *al-'Aql* yang kurang berbanding dengan lelaki,

84 (... نَاقِصَاتِ عَقْلٍ وَدِينٍ ...)

Maksudnya :

“...orang-orang (wanita) yang kurang akal dan agamanya”.

Wanita dikatakan kurang *al-'Aql* dan agamanya tidak bermaksud mereka kurang cerdas. Disebutkan dalam hadith selanjutnya bahawa perkaratersebut merujuk kepada aspek kesaksian wanita iaitu dua orang saksi wanita menyamai seorang saksi lelaki. Al-Qur'an telah menjelaskan perkara ini. Firman Allah s.w.t :

... فَرَجُلٌ وَأَمْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى...

⁸⁴ Muḥammad al-Bukhārī (1981), *al-Bukhārī bi Syarḥ al-Kirmānī*, j.3, c.2. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 169.

Maksudnya :

“...kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi...”.

(Surah al-Baqarah [2]:282)

Al-'Aql juga disebutkan dalam hadith dalam bentuk (فعل) iaitu kata kerja.

Seorang sahabat iaitu Jābir Ibn 'Abdillah meriwayatkan ziarah Nabi s.a.w. ketika beliau

sedang sakit. Katanya :

⁸⁵(... وَأَنَا مَرِيضٌ لَا أَعْقِلُ فَتَوَضَّأْتُ فَصَبُّوا عَلَيَّ مِنْ وُضُوئِهِ فَعَقَلْتُ...)

Maksudnya :

“..sedangkan aku sedang sakit, tidak sedar, lalu Nabi s.a.w berwudhuk kemudian air wudhuk Nabi s.a.w mereka curahkan ke atasku, lalu aku sedar...”.

Dalam hadith di atas sahabat Nabi s.a.w menggunakan kalimah (لَا أَعْقِلُ) yang

bermaksud dia hilang kesedaran. Kemudian diriwayatkan bahawa air wudhuk Nabi s.a.w dicurahkan ke atasnya lalu dia terjaga dan kembali sedar.⁸⁶

⁸⁵ Al-Nawawī (t.t), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, j. 11. (t.t.p): Al-Maṭba'ah al-Miṣriyyah wa Maktabatuha, h. 56

⁸⁶ Al-Jūzū, Dr., Muḥammad 'Alī (1983), *op.cit.*, h. 143.

2.7.4. Hubungan *al-Hawā* dengan *al-'Aql*

Al-Hawā mempunyai kaitan dengan *al-'Aql*. Sebagaimana *al-Hawā* bertempat di *al-Qalb*, begitu jugalah dengan *al-'Aql* yang juga menempati *al-Qalb*. Hubungan *al-Hawā* dengan *al-'Aql* berbentuk antitesis. Hala tuju *al-'Aql* berbeza dengan *al-Hawā*. Orang yang mempertuturkan *al-Hawā* adalah orang yang mengabaikan aspek pemikiran atau rasional. Dia mengabaikan pertimbangan *al-'Aql* kerana diri sudah dipengaruhi *al-Hawā*. Sebaliknya orang yang bijak menggunakan *al-'Aql* tidak akan mudah terpengaruh dengan *al-Hawā*.

Islam tidak menafikan *al-Hawā* kerana fitrah manusia mempunyai *al-Hawā* tetapi *al-Hawā* mesti tunduk kepada *al-'Aql*.⁸⁷ *Al-'Aql* mestilah berpandukan wahyu dan keimanan kepada Allah s.w.t agar dapat memimpin *al-Hawā* dan membimbingnya ke arah kebaikan, menjauhkannya daripada kejahatan. Ini kerana *al-Hawā* yang tidak dididik membawanya menyimpang daripada jalan wahyu. Firman Allah s.w.t :

قُلْ إِنِّي نُهَيْتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ قُلْ لَا أَتَّبِعُ
أَهْوَاءَكُمْ قَدْ ضَلَلْتُمْ إِذَا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

⁸⁷ Muḥammad al-Sādiq 'Afīfī, (Dr.) (1977), *op.cit.*, h. 59.

Maksudnya :

“Katakanlah (wahai Muhammad) : “Sesungguhnya aku dilarang menyembah mereka yang kamu sembah selain dari Allah”. Katakanlah (lagi) : “Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu kerana andai aku turut, sesungguhnya sesatlah aku, dan tiadalah aku daripada orang-orang yang mendapat petunjuk.”

(Surah al-An'ām [6]:56)

Oleh sebab itu, Allah s.w.t menjadikan *al-'Aql* sebagai pengimbang *al-Hawā*

agar manusia selamat menuju jalan kebenaran.⁸⁸ Nabi s.a.w bersabda :

(لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ بِهِ)⁸⁹

Maksudnya :

“Tidak sempurna iman seseorang dalam kalangan kamu sehinggalah al-Hawānya mengikut apa yang aku bawa (risalah Islam)”.

Dalam hadis tersebut, Nabi s.a.w mengingatkan manusia agar *al-Hawānya* mesti tunduk dan mengikut *al-'Aql* yang berisikan wahyu. Dalam pada itu, Allah s.w.t menempelak tindakan manusia yang tidak mahu menggunakan *al-'Aql* untuk berfikir mengendalikan keliaran *al-Hawā* semasa di dunia sebagaimana dalam firmanNya :

وَهُمْ يَصْطَرِّخُونَ فِيهَا رَبَّنَا أَخْرِجْنَا نَعْمَلْ صَالِحًا غَيْرَ الَّذِي كُنَّا
نَعْمَلُ أَوَلَمْ نُعَمِّرْكُم مَّا يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَن تَذَكَّرَ وَجَاءَكُمُ النَّذِيرُ

⁸⁸ *Ibid*, h. 60.

⁸⁹ Wahbah Al-Zuhaylī, (2005), *op.cit.*, j. 13, h. 297. Lihat juga al-Fawzān, (Dr.), Ṣāleḥ ibn Fawzān ibn Abdullah (2006), *al-Khuṭab al-Minbariyyah*, j. 6. Riyāḍ: Dār al-Āṣimah, h. 327.

Maksudnya :

“Dan mereka berteriak dalam neraka itu : “Ya Tuhan kami, keluarkanlah kami nescaya kami akan mengerjakan amal yang soleh berlainan dengan yang telah kami kerjakan”. Dan apakah kami tidak memanjangkan umurmu dalam masa yang cukup untuk berfikir bagi orang yang mahu berfikir, dan (apakah tidak) datang kepada kamu pemberi peringatan? Maka rasakanlah (azab Kami) dan tidak ada bagi orang-orang yang zalim seorang penolong pun”.

(Surah Fāṭir [35]:37)

Bahkan Allah s.w.t menyifatkan manusia yang *al-'Aql*nya dipengaruhi *al-Hawā*

sebagai manusia yang pincang ciri kemanusiannya sebagaimana firman Allah s.w.t :

هُم قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا
لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ

Maksudnya :

“...mereka mempunyai hati tetapi tidak dipergunakannya untuk (ayat-ayat Allah s.w.t) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.”

(Surah al-A'rāf [7]:179)

Al-Hawā mendorong kepada kelazatan dan keseronokan sementara tanpa berfikir akibat yang mendatang dan mendesak untuk keseronokan di dunia sekalipun perkara tersebut menjadi satu kepedihan di akhirat dan menghalang kelazatan di akhirat.

Sedang *al-'Aql* menahan manusia daripada terpengaruh dengan *al-Hawā* untuk memikirkan akibat yang bakal diterima dengan menolak keseronokan sementara.

2.8 *Al-Hawā* dan *al-Qalb*

Al-Hawā juga mempunyai kaitan yang rapat dengan *al-Qalb* sebagaimana juga *al-'Aql*. Malah kaitannya lebih rapat dan kadang-kadang sukar untuk dibezakan antara keduanya. Oleh sebab itu, walaupun perbincangan tentang *al-Qalb* begitu luas dan kompleks, penulis ingin menyelitkan juga dalam perbincangan ini dengan menghadkan skopnya.

2.8.1. Definisi *al-Qalb*

Al-Qalb mengambil daripada perkataan Arab iaitu (قَلْبٌ-قَلْبًا). *Al-Qalb* diertikan sebagai ubahan dan sebaliknya. *Al-Qalb* juga dimaksudkan sebagai hati.⁹⁰

Al-Qalb bermaksud mengubah sesuatu daripada bentuknya. *Al-Qalb* turut diertikan sebagai jantung iaitu segumpal darah yang tergantung dengan tali jantung. *Al-Qalb* diibaratkan sebagai *al-'Aql* sebagaimana pendapat al-Farrā' dalam menghuraikan firman Allah s.w.t :

⁹⁰ Al-Marbawī, Muḥammad Idrīs 'Abd al- Ra'ūf (t.t), *Qāmūs al-Marbawī*. Singapura: Pustaka Nasional, h.150.

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِمَنْ كَانَ لَهُ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى السَّمْعَ

وَهُوَ شَهِيدٌ

Maksudnya :

“*Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat peringatan bagi orang-orang yang mempunyai hati atau yang menggunakan pendengarannya, sedang dia menyaksikannya*”.

(Surah Qāf [50]:37)

iaitu yang mempunyai akal.⁹¹

Menurut pandangan Al-Ghazzāli, *al-Qalb* mempunyai dua maksud, iaitu seketul daging yang terletak di bahagian kiri dada. Daging tersebut mempunyai ciri tertentu, di dalamnya ada rongga yang mempunyai darah hitam yang menjadi tempat tumbuhnya roh. *Al-Qalb* ini ada pada haiwan, bahkan ada pada orang yang telah mati.

Kedua, *al-Qalb* adalah naluri ketuhanan rohani dan mempunyai kaitan dengan *al-Qalb* yang jasmani. Naluri ini adalah hakikat diri manusia. *Al-Qalb* ini diertikan kepada dua iaitu yang berkait dengan ilmu rahsia dan yang hakikatnya akan membawa kepada penyelongkaran tentang rahsia roh.⁹²

⁹¹ Ibn Manẓūr, (t.t) *op.cit.*, j. 5, h. 3713-3714.

⁹² Al-Ghazzāli, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad (1996), *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*, j. 3. Taḥqīq: al-Syahḥāt al-Ṭahḥan, Abdullah al-Minsyāwī, Manṣūrah: Maktabah al-Īmān, h. 4.

Al-Qalb disebut sebagai wadah jiwa, *al-'Aql*, ilmu, kefahaman dan keazaman.

Ada pendapat mengatakan, disebut sebagai *al-Qalb* kerana sifatnya yang sentiasa berbalik-balik dengan pelbagai lintasan, keazaman, kepercayaan dan kemahuan.⁹³

Al-Qalb diterjemahkan sebagai sesuatu yang sentiasa berbalik-balik atau bertukar-tukar dari satu keadaan kepada keadaan yang lain. Dinamakan *al-Qalb* manusia kerana banyaknya sifat berbalik-balik dalam diri manusia. *Al-Qalb* juga diibaratkan kepada makna yang lebih khusus iaitu roh, ilmu, keberanian dan sebagainya. *Al-Qalb* juga bermaksud ilmu dan kefahaman, mempunyai belas kasihan, dan mempunyai *al-'Aql*.⁹⁴

Dalam pengertian lain *al-Qalb* bermaksud satu anggota dalaman yang menempati bahagian kiri dada dan merupakan anggota badan paling penting dalam pengaliran darah iaitu jantung. *Al-Qalb* juga bermaksud hati, *al-'Aql* dan pati.⁹⁵

Dalam Kamus Dewan terdapat perkataan 'hati' yang bermaksud organ dalam badan yang berwarna perang kemerah-merahan terletak di dalam perut di bahagian sebelah kanan (tugasnya mengeluarkan hempedu, mengawal kandungan gula dalam darah, menawarkan kesan keracunan nitrogen, menghasilkan urea, menyimpan glikogen). Hati juga bermaksud batin dan jiwa.⁹⁶

⁹³ Al-Jawzī, Jamāluddīn Abū al-Faraj 'Abd Raḥmān (1985), *Nuzhah al-Ayun al-Nawāzīr fī 'Ilm al-Wujūh wa al-Nazā'ir*. Taḥqīq: Muḥammad 'Abd al-Karīm Kaẓīm al-Rādī, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 482.

⁹⁴ Al-Rāghib Al-Aṣfahānī, (Al-'Allāmah) (1972), *op.cit.*, h. 426.

⁹⁵ Al-Bustānī, Fu'ād Ifrām (1956), *Munjid al-Tullāb*. C. 15, Lubnan: Dār al-Masyriq, h. 608.

⁹⁶ Teuku Iskandar (1994), *op.cit.*, h. 445.

Kesimpulannya, *al-Qalb* adalah anugerah Allah s.w.t kepada manusia yang dapat diinterpretasikan kepada dua maksud iaitu yang zahir dan ghaib. *Al-Qalb* yang zahir bermaksud organ hati atau organ jantung. *Al-Qalb* yang ghaib pula sangat kompleks. *Al-Qalb* ini adalah raja kerajaan manusia. *Al-Qalb* ini juga menjadi titik perbezaan antara manusia yang dan haiwan, orang mukmin dan kafir, mukmin yang soleh atau fajir, ikhlas atau riya' dan seumpamanya. *Al-Qalb* inilah yang menjadi titik penilaian Allah s.w.t terhadap hamba-hambanya sama ada dituliskan dosa atau pahala, dibalas neraka atau ditempatkan di syurga. Kegembiraan, ketenangan, kebahagiaan, kesedihan, kemarahan hanya dapat dirasai dan dinilai *al-Qalb* yang ghaib ini. *Al-Qalb* yang merasai lazatnya makanan, nyamannya kediaman, bahagia atau celakanya kehidupan. *Al-Qalb* adalah jiwa manusia. Dalam bahasa Melayu banyak terdapat istilah yang menggambarkan *al-Qalb* jenis ini seperti 'suka hati', 'kecil hati', 'hati batu', 'makan hati', 'terang hati' dan sebagainya.

Al-Qalb adalah pola tingkah laku manusia. Kepatuhan anggota zahir kepada *al-Qalb* dari satu seginya seumpama kepatuhan malaikat kepada Tuhan yang tidak pernah menyeleweng. Dari sudut yang lain, malaikat patuh kepada Tuhan tanpa sebarang pertikaian tetapi anggota badan patuh kepada *al-Qalb* kerana seumpama dipaksa.⁹⁷ Perkara yang diarahkan oleh *al-Qalb*, itulah yang dilakukan anggota zahir. *Al-Qalb* memerlukan anggota badan bagi menzahirkan ketaatannya kepada Tuhan yang menjadi sebab manusia diciptakan. Firman Allah s.w.t :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

⁹⁷ Al-Ghazzāli (1988), *Keajaiban Hati*. Nurhickmah (terj.), Singapura: Pustaka Nasional, h. 7.

Maksudnya :

“Dan tidaklah Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaKu”.

(Surah Al-Dhāriyāt [51]:56)

2.8.2. *Al-Qalb* dalam al-Qur’an

Pemahaman terhadap hakikat *al-Qalb* memerlukan kajian terhadap kalam wahyu dalam menyifatkan *al-Qalb* kerana hakikatnya yang ghaib. Kalimah *al-Qalb* disebutkan dalam al-Qur’an dalam 122 ayat menggunakan lafaz yang pelbagai seperti (قَلْبٌ), (قُلُوبٌ), (تُقَلِّبُونَ), (قَلْبُوا), (تُقَلِّبُ) dan banyak lagi. Penggunaan lafaz *al-Qalb* dalam al-Qur’an mewakili beberapa aspek dalam konteks diri manusia. Ada kalanya *al-Qalb* membawa maksud dari aspek akal, atau akal itu sendiri, adakalanya *al-Qalb* bermaksud perasaan dan emosi bahkan *al-Qalb* juga membawa maksud koordinasi antara *al-Aql* dan perasaan.⁹⁸

Al-Qalb yang bermaksud perasaan adalah sebagaimana yang difirmankan Allah

s.w.t :

...وَجَعَلْنَا فِي قُلُوبِ الَّذِينَ اتَّبَعُوهُ رَأْفَةً وَرَحْمَةً...

Maksudnya :

“...dan Kami jadikan dalam hati orang-orang yang mengikutnya perasaan belas kasihan (sesama sendiri)...”.

⁹⁸ Al-Jūzū, Dr., Muḥammad 'Alī (1983), *op.cit.*, h. 186.

Al-Qalb yang bermaksud gabungan dengan *al-'Aql* pula adalah sebagaimana firman Allah s.w.t :

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ
يَسْمَعُونَ بِهَا ...

Maksudnya :

“Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya -dengan melihat kesan-kesan yang tersebut- mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami...”.

(Surah al-Ḥajj [22]:46.

Dalam ayat lain, Allah s.w.t menyatakan *al-Qalb* sebagai yang dipertanggungjawabkan.⁹⁹ Firman Allah s.w.t :

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا كَسَبَتْ قُلُوبُكُمْ ...

Maksudnya :

“Allah tidak mengira kamu bersalah tentang sumpah kamu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi ia mengira kamu bersalah (dan akan mengenakan hukuman) dengan sebab sumpah yang diusahakan (disengajakan) oleh hati kamu (dengan niat bersumpah)...”.

(Surah al-Baqarah [2]:225)

Di dalam al-Qur'an, disebutkan bahawa *al-Qalb* sebagai wadah ilmu dan makrifah serta akidah yang kukuh.¹⁰⁰ Firman Allah s.w.t :

⁹⁹ Al-Jūzū, Dr., Muḥammad 'Alī (1983), *Ibid.*, h. 189

رَبَّنَا لَا تُرِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا ...

Maksudnya :

“(Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami...”

(Surah Āli 'Imrān [2]:8)

Al-Qalb menjadi ukuran keikhlasan seseorang manusia, ketaatan, kepatuhan dan keimanan terhadap Allah s.w.t. Oleh itu, manusia yang engkar Allah s.w.t. sifatkan manusia yang mempunyai *al-Qalb* yang berpenyakit yang menjadi punca kekufuran dan kederhakaan terhadap Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t :

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا...

Maksudnya :

“Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka...”

(Surah al-Baqarah [2]:10)

Menurut satu pandangan lain, ulamak tafsir menyebutkan bahawa kalimah *al-Qalb* dalam al-Qur'an merujuk kepada tiga keadaan iaitu *al-Qalb* yang menempati jiwa (مَحَلِّ النَّفْسِ) manusia sebagaimana firman Allah s.w.t :

¹⁰⁰ Anas Aḥmad Karzun, (Dr.) (1997), *Manhaj al-Islām fīTazkiyati al-Nafs*, j. 1. Arab Saudi: Dār Nūr al-Maktabāt, h.32.

...فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبَ الَّتِي فِي الصُّدُورِ ﴿٤٦﴾

Maksudnya :

“...yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.

(Surah al-Ḥajj[22]:46)

Keadaan kedua ialah pandangan (الرأْيُ) sebagaimana firmanNya dalam al-

Qur'an :

...حَسَبَهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ ...

Maksudnya :

“...Engkau menyangka mereka bersatu padu, sedang hati mereka berpecah belah (disebabkan berlainan kepercayaan mereka)...

(Surah al-Ḥasyr[59]:14)

Keadaan *al-Qalb* yang ketiga ialah *al-'Aql* (العقل), antaranya firman Allah s.w.t

¹⁰¹ :

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكْرٍ لِّمَن كَانَ لَهُ قَلْبٌ ...

Maksudnya :

“Sesungguhnya (keterangan-keterangan dan peristiwa-peristiwa) yang tersebut itu, tidak syak lagi mengandungi pengajaran bagi sesiapa yang mempunyai hati (yang sedar pada masa membacanya)...

(Surah Qāf [50]:37)

¹⁰¹ Al-Jawzī, Jamāluddīn Abū al-Faraj 'Abd Raḥmān (1985), *op.cit.*, h. 483.

Al-Qalb merupakan raja bagi anggota zahir seperti mata, kaki dan tangan yang bertindak mengarah, mengawal segala tindakan anggota zahir. *Al-Qalb* fitrahya sentiasa inginkan kebaikan. Kecenderungan *al-Qalb* adalah kepada Allah s.w.t¹⁰² kerana ia telah mengikat perjanjian untuk taat dan patuh segala perintah Allah s.w.t. Perkara ini disebutkan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya :

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ
أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا...

Maksudnya :

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman) : “Bukankah Aku ini Tuhanmu?” Mereka menjawab : “Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi...”

(Surah Al-A'rāf[7]:172)

Al-Qalb berfungsi menyerap ilmu, hikmah dan makrifah, mencintai Allah s.w.t dan beribadah kepadaNya. *Al-Qalb* memikul tanggungjawab terhadap segala perbuatan zahir. Setiap perkara yang dilakukan manusia, nilainya adalah pada *al-Qalb*. Firman Allah s.w.t :

...وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُم بِهِ ۚ وَلَٰكِن مَّا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ ۚ ...

Maksudnya :

“...dan tidak ada dosa atasmu terhadap apa yang kamu khilaf padanya, tetapi (yang ada dosanya) apa yang disengaja oleh hatimu”.

(Surah al-Aḥzāb[33]:5)

¹⁰² Zuhriah Mohd Juoi, (2002), *Penyaki Jiwa ! Bagaimana Mengubatinya?*. Johor: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, h. 20.

Ayat-ayat al-Qur'an yang dikemukakan mengertikan *al-Qalb* dengan maksud *al-Qalb* yang ghaib. Malah banyak lagi ayat al-Qur'an yang memperkatakan *al-Qalb* yang tidak dibawakan penulis di dalam kajian ini. Hanya dengan firman Allah s.w.t. dan sabda Nabi s.a.w yang dapat membuka rahsia *al-Qalb*, di samping kajian yang dilakukan oleh para ulamak kerana hakikat kejadiannya yang ghaib, unik dan kompleks untuk dibicarakan.

2.8.3. *Al-Qalb* dalam al-Hadith

Al-Qalb adalah kayu ukur kualiti profil manusia. Nabi s.a.w banyak menyebutkan *al-Qalb* dalam sabda-sabda baginda s.a.w sama ada *al-Qalb* yang bermaksud zahir atau ghaib.

Antaranya, sabda Nabi s.a.w :

(...أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضَغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ)¹⁰³

Maksudnya :

“...Ketahuilah, di dalam tubuh ada segumpal daging. Apabila daging itu baik maka baik pulalah tubuh itu semuanya. Dan apabila daging itu rosak, maka binasa pulalah tubuh itu seluruhnya. Ketahuilah daging itu ialah jantung”.

¹⁰³ Al-Bukhāri (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h.33

Hadith tersebut menunjukkan betapa bernilainya *al-Qalb* yang zahir iaitu jantung kepada seorang manusia. Jika baik keadaan jantung, jasad akan baik, sihat dan bertenaga sebaliknya jantung yang tidak baik menyebabkan jasad menjadi lemah dan tidak bertenaga kerana fungsi jantung adalah untuk mengepam darah ke seluruh badan. Darah tersebut mengandungi makanan dan oksigen untuk pertumbuhan sel-sel. Apabila jantung mempunyai masalah, darah tidak dapat dipam dengan baik ke seluruh badan menyebabkan badan menjadi lemah dan tidak bermaya.

Al-Qalb dalam hadith tersebut juga diterjemahkan dengan *al-Qalb* yang ghaib. Orang-orang mukmin tenang *al-Qalbnya* dengan mengingati Allah s.w.t. *Al-Qalbnya* tidak bergelojak, tidak gelisah, tidak berkecamuk dengan pelbagai keinginan, tiada syak dan tiada keraguan.¹⁰⁴ Justeru, terzahirlah sifat-sifat mahmudah, perbuatan dan amalan yang baik yang selari dengan kehendak Allah s.w.t dan RasulNya. *Al-Qalb* yang kotor dan berpenyakit mengeluarkan sifat mazmumah dan perbuatan yang melampaui batas dan had yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t dan RasulNya. Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam menyifatkan orang-orang munafik, :

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا

Maksudnya :

“Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki)...

(Surah al-Baqarah[2]:10)

¹⁰⁴ Al-Qaraḍāwī, (Dr.), Yūsuf (1994), *Tafsīr Sūrah al-Ra'ḍ*. Taḥqīq Maḥmūd 'Iwaḍ, Mesir: Dār al-Basyīr li al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, h. 213-214.

Al-Qalb yang ikhlas mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah s.w.t. Sabda Nabi s.a.w :

(مَنْ شَهِدَ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُخْلِصًا مِنْ قَلْبِهِ دَخَلَ الْجَنَّةَ)¹⁰⁵

Maksudnya:

“Barangsiapa yang bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah, ikhlas daripada hatinya, dia akan masuk syurga”.

Ibadat yang dilakukan oleh anggota badan memerlukan keikhlasan *al-Qalb* agar diterima oleh Allah s.w.t. Ibadat tanpa penghayatan oleh *al-Qalb* umpama buah berkulit tidak berisi.

Dalam hadith lain, Nabi s.a.w menjelaskan bahawa nilai Allah s.w.t terhadap manusia adalah pada keadaan *al-Qalb*nya, bukan pada penampilan luaran atau material. Sabda Nabi s.a.w yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah r.a :

(إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ)¹⁰⁶

Maksudnya :

“Sesungguhnya Allah tidak memandang rupa paras dan harta kamu, tetapi Dia memandang kepada hati dan amalan kamu”.

Kesimpulannya, pembentukan diri manusia berasaskan *al-Qalb*. *Al-Qalb* adalah ketua, penguasa, pemerintah dan raja tubuh badan manusia. Amalan yang terzahir

¹⁰⁵ Al-Haythamī, Nūr al-Dīn 'Alī ibn Abī Bakr (t.t), *Mawārid al-Zam'ān ilā Zawā'id Ibn Hibbān. Taḥqīq*: Muḥammad 'Abd al-Razzāq Ḥamzah, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 30.

¹⁰⁶ Al-Nawawī (1995), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 8. (t.t.p): Dār Ibn Ḥayyān, h.363

mengisbatkan apa yang ada dalam *al-Qalb*. *Al-Qalb* adalah pusat keimanan, sumber segala kebaikan, sasaran wahyu Allah s.w.t dan kayu ukur nilai amalan manusia di sisi Allah s.w.t. *Al-Qalb* juga pusat kekufuran, sumber segala kejahatan dan kederhakaan. Segala-galanya bermula daripada *al-Qalb*. Manusia melakukan kebaikan atau kerosakan dan menerima kebahagiaan atau kecelakaan dengan *al-Qalb*.

2.8.4. Hubungan *al-Hawā* dan *al-Qalb*

Al-Qalb adalah instrumen paling penting kepada makhluk bergelar manusia. Keberadaannya sebagai raja pemerintah mutlak diri manusia mempunyai pengaruh yang cukup besar untuk menggerakkan segala anggota badan manusia. *Al-Qalb* yang memperoleh bimbingan *al-'Aql* akan menatijahkan tindakan-tindakan yang baik dan wajar sebaliknya perbuatan yang bertentangan dengan syariat adalah hasil daripada *al-Qalb* yang dikuasai *al-Hawā*.

Kedudukan *al-Qalb* yang begitu penting menjadi sasaran *al-Hawā*. *Al-Hawā* mesti mempengaruhi *al-Qalb* agar menerima keputusannya. Apabila *al-Hawā* yang menjadi penasihat utama *al-Qalb*, *al-Hawā* akan mencorakkan *al-Qalb* dengan corak lukisan syaitan. *Al-Hawā* juga akan mewarnakan *al-Qalb* dengan kehitaman dosa dan noda. Kehitaman yang tidak dibersihkan akan terus melekat dan menggelapkan hati sehingga tiada ruang cahaya petunjuk. Kejahatan dan dosa semakin bertambah dan amalan kebaikan semakin menyisih.

Kekuatan autoriti *al-Hawā* terhadap *al-Qalb* akan menghakis ketaatannya kepada Allah s.w.t yang merupakan fitrah kejadiannya yang taat kepada Allah s.w.t sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. *Al-Hawā* membawa *al-Qalb* jauh daripada Allah s.w.t. Ukuran keimanan dan ketaatan manusia semuanya berpusat pada *al-Qalb*. Apabila *al-Qalb* mendengar bisikan *al-Hawā* dan semakin jauh daripada Allah s.w.t, *al-Qalb* mula lalai daripada mengingati Allah s.w.t, perintah dan laranganNya. Bermula dengan kelalaian dan kecuaiannya pelaksanaan syariat, lama kelamaan ikatan akidah yang kuat semakin longgar, terlucut dan tersasar daripada jalan Allah s.w.t. Inilah kejayaan yang dicapai *al-Hawā* yang mendapat suntikan jarum syaitan.

Hubungan *al-Hawā* dan *al-Qalb* adalah hubungan yang berkemungkinan erat dan sebaliknya. *Al-Qalb* yang kosong daripada isian *al-'Aql* akan erat dengan *al-Hawā* yang mengisi kekosongan *al-Qalb*. Manakala *al-Qalb* yang dikuasai *al-'Aql*, mempunyai hubungan yang jauh dengan *al-Hawā*.

2.9. Hubungan *al-Hawā*, *al-'Aql* dan *al-Qalb*

2.9.1. Pendahuluan

Al-Hawā, *al-'Aql* dan *al-Qalb* merupakan tiga komponen dalam diri manusia yang saling berkait. Ketiga-tiganya mempunyai persamaan dari segi unsur iaitu ketiga-

tiganya adalah unsur yang ghaib. Ketiga-tiganya sentiasa beriringan dan tidak mungkin wujud bersendirian. Integrasi antara *al-Hawā*, *al-'Aql* dan *al-Qalb* menghasilkan satu jiwa manusia. Dari segi fungsi, ketiga-tiganya mempunyai peranan berbeza.

Al-Qalb menjadi bahan rebutan antara *al-Hawā* dan *al-'Aql*. Al-Ghazzāli mengibaratkan *al-'Aql* sebagai *Hizb Allah* manakala *al-Hawā* sebagai *Hizbu al-Syaitan*. Sekiranya *al-Qalb* dikuasai *al-'Aql*, beruntunglah manusia kerana *al-'Aql* mengikut kehendak Allah s.w.t. Sebaliknya jika *al-Qalb* dikuasai *al-Hawā*, maka *al-Qalb* akan binasa dan menanggung kerugian selama-lamanya. Begitulah realitinya pada kebanyakan makhluk. *Al-'Aql* mereka tunduk kepada *al-Hawā*. Ironinya, *al-Hawā* boleh juga tunduk kepada *al-'Aql*.¹⁰⁷

2.9.2. Sumber *al-Hawā*

Sumber *al-Hawā* adalah kejahilan. Kejahilan menyebabkan manusia menjadi buta, tidak mengenal Allah s.w.t. Kejahilan menyebabkan manusia tidak dapat membezakan perkara yang baik dan buruk, benar dan salah. Dia cenderung untuk menjadikan *al-Hawā* sebagai ikutan dan panduannya. Apabila manusia jahil, *al-Qalb*nya kosong, memberi ruang kepada syaitan mengisinya.

¹⁰⁷ Mohd. Ali bin Abu Bakar (1986), *op. cit.*, h. 8-9.

Syaitan adalah makhluk Allah s.w.t yang mempunyai dua peranan yang utama iaitu memperhiaskan (التزيين) dan menyesatkan (الإغواء)¹⁰⁸. Syaitan memperhias atau memanjakan segala amalan buruk manusia agar dia melihatnya sebagai perbuatan yang baik. Syaitan bermotif menyesatkan manusia yang merupakan musuh tradisinya dengan memanipulasi *al-Hawā* agar manusia dihumban ke neraka bersama-samanya. Apabila manusia menjadi pengikut syaitan dia mempertuhankan *al-Hawā* nya dan dia menolak wahyu Allah s.w.t.

Al-Ghazzālī mengumpamakan syaitan sebagai anjing lapar yang mendekati manusia. Jika tangannya tiada sepotong roti atau daging, anjing akan segera meninggalkannya selepas diherdik. Tetapi sekiranya di tangannya ada sepotong roti atau daging sedangkan anjing itu dalam keadaan lapar, anjing itu akan menyerang daging tersebut dan tidak dapat diusir dengan herdikan semata-mata.¹⁰⁹

Manusia yang melebihkan *al-Hawā*nya mudah dihasut oleh syaitan yang bersemayam dalam *al-Qalb*nya. Lalu apabila syaitan berjaya menguasai *al-Qalb*, sirnalah keimanannya kepada Allah s.w.t, tiada al-Qur'an, tiada zikir, tiada ibadat malah melakukan kerosakan, merampas hak orang lain dan melakukan kezaliman. Tiada lagi penilaian baik dan buruk, dosa mahupun pahala. Yang ada hanyalah ketamakan memenuhi segala keinginan *al-Hawā*.

¹⁰⁸ Al-Qaraḍāwī, (Dr.), Yūsuf (1994), *op.cit.*, h. 242.

¹⁰⁹ Sa'id Ḥawwā (2007), *Intisari Iḥyā' Ulūmuddīn Imām al-Ghazzālī Mensucikan Jiwa Kaedah Tazkiyatun Nafs Bersepadu*. Aunur Rafiq Shaleh Tamhid (terj.), Selangor: Pustaka Dini, h. 161.

2.9.3. Sumber *al-'Aql*

Al-'Aql bersumberkan wahyu. *Al-'Aql* bertindak sebagai wahana penerimaan ilmu dalam komposisi jiwa manusia. *Al-'Aql* yang menerima ilmu daripada Allah s.w.t membawa manusia mengenal Allah s.w.t, beriman dengan kitab-kitabNya, Rasul-RasulNya, hari Kiamat dan malaikat. Manusia yang berilmu adalah manusia yang ditinggikan darjatnya oleh Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t :

...يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ

Maksudnya :

“...supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) beberapa darjat...” (Surah al-Mujādalah[58]:11)

Apabila *al-'Aql* kosong daripada ilmu, manusia akan jahil dan apabila *al-Qalb* kosong daripada penghayatan agama, syaitan mudah mempengaruhinya. Sekiranya datang bisikan malaikat sekalipun, kejahilan yang menyelubunginya tidak mampu menangkap bisikan kebaikan tersebut. Kehidupannya menjadi terumbang-ambing lantaran arah perjalanan kehidupannya dikaburkan oleh kejahilan. Destinasinya sirna kerana *al-Qalb*nya gelap tanpa cahaya ilmu.

Melalui rasional pemikiran *al-'Aql*nya yang dipandu wahyu manusia tega melaksanakan perintah Allah s.w.t dan meninggalkan laranganNya. Kebijaksanaan dan

kekuatan *al-'Aql* mampu memecahkan tembok keraguan manusia terhadap kewujudan dan keEsaan Allah s.w.t. *Al-'Aql* yang waras dipenuhi wahyu Ilahi juga mampu meletakkan garis panduan untuk menyelamatkan dirinya sendiri daripada melakukan kezaliman, merampas, menipu dan melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Allah s.w.t.

Keilmuan akan meningkatkan keimanan. Keimanan yang kental menjadi benteng jiwa seseorang manusia daripada diarah *al-Hawā* yang digoda syaitan.

2.9.4. Kompetitif *al-Hawā* dan *al-'Aql*

Sebagaimana Allah s.w.t mencampakkan permusuhan antara syaitan dan malaikat, begitulah Allah s.w.t mencampakkan permusuhan antara *al-Hawā* dan *al-'Aql*.¹¹⁰ *Al-'Aql* dan *al-Hawā* saling berhubung secara kompetitif merebut *al-Qalb*. *Al-Qalb* yang sifatnya ghaib menjadi tempat makhluk yang ghaib menyampaikan bisikannya. Syaitan menyampaikan bisikan jahat, manakala malaikat menyampaikan bisikan yang baik¹¹¹.

Seandainya *al-'Aql* memenangi persaingan merebut *al-Qalb* dengan muatan ilmu dan wahyu, *al-Qalb* akan selamat kerana *al-'Aql* mengekang manusia daripada

¹¹⁰ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muḥammad ibn Abī Bakr (t.t), *al-Fawā'id*. Taḥqīq: Muḥammad Uthmān al-Khasyat, (t.t.p): Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 92.

¹¹¹ Harun Din, (Prof. Dr.), *et al.* (1990), *op.cit.*, h. 164.

melakukan kemungkarannya, manakala apabila *al-Qalb* dan *al-'Aql* dikuasai *al-Hawā* dorongan syaitan, *al-'Aql*nya tidak lagi berfungsi dengan baik sebagaimana firman Allah s.w.t :

هُم قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ آذَانٌ
لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ...

Maksudnya :

“Mereka mempunyai hati tetapi tidak dipergunakan (untuk memahami ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah) dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi..”

(Surah al-A'rāf[7]: 179)

Lantaran itu *al-Qalb* akan ditimpa pelbagai penyakit cintakan dunia, gilakan harta kekayaan, pangkat dan kuasa, takabbur, riak dan seumpamanya lalu dunia dijadikan Tuhannya. Kendatipun begitu, *al-Hawā* boleh dilemahkan. Kekuatan kuasa *al-'Aql* mampu melemahkan *al-Hawā* dan membebaskannya daripada belenggu syaitan dengan senjata ilmu dan wahyu Allah s.w.t.

Al-'Aql yang kuat dengan ilmu dan wahyu akan menguasai *al-Hawā*, dapat mendidik *al-Hawā* dan menjadikan *al-Hawā* mengikut kehendak *al-'Aql*. *Al-'Aql* akan mendidik *al-Hawā* daripada tingkatan yang paling rendah dan paling jahat akhlaknya iaitu *al-Nafs al-Ammārah* kepada *al-Nafs al-Lawwāmah* seterusnya naik ke peringkat

al-Nafs al-Muṭmainnah. Apabila sudah mencapai peringkat yang tertinggi ini, tiada lagi asakan *al-Hawā* yang jahat kerana *al-Hawā* lemah tunduk kepada *al-'Aql* dan mengikuti segala agenda *al-'Aql*.

Kompetitif antara *al-Hawā* dan *al-'Aql* sentiasa berlaku dalam menentukan firasat dan pendirian *al-Qalb*. Keputusan di tangan *al-Qalb* dan *al-Qalb* pula berkemungkinan menerima nasihat daripada dua sisi pandang yang berbeza sama ada *al-Hawā* atau *al-'Aql*. Kemenangan antara dua unsur inilah yang bakal mencorakkan hala tuju *al-Qalb* sama ada ke arah kebaikan atau kejahatan.

2.10 Penguasaan *al-Hawā* Terhadap Manusia

Al-Hawā yang berjaya menguasai *al-Qalb* mempunyai kuasa autonomi dalam segala perbuatan, tingkah laku manusia. *Al-Hawā* sukakan hidup yang aman, lalai daripada Allah s.w.t, kerehatan, berdiam diri tanpa pekerjaan dan bermalas-malas.¹¹² *Al-Hawā* menggelincirkan manusia daripada landasan wahyu, mengeluarkan manusia daripada kepompong keimanan. Dalam memperjelaskan konsep *al-Hawā* sini penulis menyenaraikan beberapa kesan penguasaan *al-Hawā* terhadap diri manusia.

¹¹² Al-Ghazzālī, Abū Hāmid Muḥammad Ibn Muḥammad (1999), *Mukāṣyafah al-Qulūb al-Muqarrab Ila Haḍrah Allām al-Ghuyūb*. Taḥqīq: Ṭāha 'Abd al-Ra'ūf Sa'ad. Kaheerah: Maktabah Zahrān, h. 22.

2.10.1 Cintakan duniawi

Manusia yang dikawal oleh *al-Hawā* menyintai duniawi melebihi ukhrawi. Aspirasinya berpolakan harta dan kemewahan, dia ingin memilih makanan yang sedap dan mewah, memiliki kediaman dengan perabot-perabot dan peralatan yang mewah, memiliki kenderaan yang mewah dan sentiasa baru, sentiasa bersikap tamakkan harta dan bersifat bakhil kerana takut dirinya ditimpa kepapaan. Cintakan dunia melalaikan manusia daripada Allah s.w.t dan menjadi punca segala kejahatan yang dilakukan manusia.

2.10.2. Hidup tanpa sebarang peraturan

Al-Hawā tidak suka dikongkong atau dibelenggu dengan peraturan. Manusia yang dikuasai *al-Hawā* akan cenderung untuk membebaskan dirinya daripada kekangan peraturan. Manusia tidak suka kepada agama Islam kerana menggariskan pelbagai peraturan dan manusia tidak suka beribadat yang mempunyai rukun, syarat, tata tertib dan adab tertentu. Rentetan itu, dia cuba menubuhkan kumpulan sendiri, berasaskan kehendak dan keinginan sendiri yang bebas daripada prinsip peraturan Islam.

2.10.3. Sentiasa bermegah dengan diri sendiri

Penguasaan *al-Hawā* juga mengakibatkan manusia dibaluti kemegahan terhadap dirinya sendiri. *Al-Hawā* juga mendorong perasaan riak, ujub dan sentiasa ingin menonjolkan diri sendiri yang dirasakannya lebih hebat daripada orang lain. *Al-Hawā* menyebabkan manusia terlalu suka dipuja puji, disanjung dan mendapat perhatian ramai. Kemegahan dan takabbur menyebabkan manusia tidak mahu tunduk kepada peraturan dan arahan, bahkan semakin angkuh dengan kelebihan, kemewahan, harta dan kedudukan yang dikuasainya.

2.10.4. Membesarkan *al-Ghaḍab*

Al-Ghaḍab adalah sifat marah pada diri manusia yang akan dapat menjaganya daripada sebarang ancaman. Manusia yang dikuasai *al-Hawā* berlebih-lebih dan membesarkan *al-Ghaḍab* menyebabkan manusia bertindak melampau apabila dirinya disakiti sehingga sanggup memukul, menganiaya malah membunuh. Sifat *al-Ghaḍab* menyebabkan manusia lupa Allah s.w.t, menghilangkan kewarasan dan sanggup melakukan apa sahaja yang hanya membuka pintu yang luas kepada syaitan memanipulasikan dirinya.

Inilah antara pengaruh *al-Hawā* terhadap *al-Qalb* manusia yang berkuasa mengarahkan anggota zahir melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan syariat Islam tetapi selari dengan kehendak syaitan. Apabila keadaan seumpama ini

berlaku tersungkurlah reputasi manusia ke tahap dasar kehinaan sebagaimana firman Allah s.w.t :

ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٥﴾

Maksudnya :

“ Kemudian Kami kembalikan dia ke tempat yang serendah-rendahnya (neraka)”.

(Surah al-Tīn[95]:5)

Al-Ghazzālī menganalogikan *al-'Aql* sebagai pemilik kuda, *al-Hawā* sebagai kuda dan anjing sebagai sifat marah. Sekiranya pemilik kuda itu bijak dan cerdas, dia akan dapat menundukkan kudanya dan mengajar anjingnya, seterusnya dia akan menemui kejayaan, manakala jika pemilik itu tidak sempurna kecerdikannya, kudanya liar dan anjingnya tidak mendengar kata, dia akan keletihan dan menemui kegagalan. Kurang cerdas itu menggambarkan kejahilan dan liarnya kuda itu adalah penguasaan *al-Hawā* terhadap dirinya, manakala anjing itu penguasaan sifat marah dalam dirinya.¹¹³

¹¹³ Al-Ghazzālī (t.t), *op.cit.*, j. 3, h. 7.

Bab

3

AL-HAWĀ: PERANAN
DAN PENGARUHNYA
DALAM
PENYELEWENGAN
AKIDAH

3.0. *AL-HAWĀ* : PERANAN DAN PENGARUHNYA DALAM PENYELEWENGAN AKIDAH

3.1. Pendahuluan

Firman Allah s.w.t dalam al-Qur'an :

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ...

Maksudnya :

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam .

(Surah Āli 'Imrān [3]:19)

Manusia dibekalkan oleh Allah s.w.t dengan *al-'Aql* yang menobatkan keberadaannya sebagai makhluk yang berprestij berbanding makhluk lain. Manusia dituntut menggunakan *al-'Aql*nya untuk memikirkan segala urusan kehidupannya, tetapi tidak dalam hal yang bersangkutan dengan akidah.

Akidah adalah urusan Allah s.w.t. Allah s.w.t yang menjadikan manusia telah menetapkan akidah bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia. Manusia dalam peringkat alam rahimnya telah mengikat perjanjian ini dengan Allah s.w.t sebagaimana yang diceritakan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya :

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَى

أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا ...

Maksudnya :

“Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya dengan firmanNya): “Bukankah Aku Tuhan kamu?” mereka semua menjawab: “Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi...”

(Surah al-A'rāf [7]:172)

Lantaran itu, Allah s.w.t mengutuskan para Rasul sebagai perantara untuk menunjuki akidah manusia kepada akidah yang benar iaitu akidah Islam yang selari dengan fitrah manusia. Semua ajaran Islam menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat. Oleh itu, sesiapa yang memilih akidah atau cara hidup selain daripada Islam, mereka disifatkan oleh Allah s.w.t sebagai orang-orang yang mengalami kerugian.

Firman Allah s.w.t :

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَاسِرِينَ

Maksudnya :

“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak di antara orang-orang yang rugi”.

(Surah Āli 'Imrān [3]:85)

3.2 Definisi Akidah

Dari segi etimologi, kalimah akidah berasal daripada perkataan Arab iaitu (عَقَدَ-عَقْدًا) yang bermaksud mengikat, mengira, berjanji dan banyak lagi makna-makna lain bagi kalimah ini yang digunakan dalam perspektif yang berbeza.

Kalimah (عَقَدَ-عَقْدًا) adalah lawan kepada kalimah *al-Hall* (الْحُلُّ) yang bermaksud melepaskan ikatan. *Al-'Aqd* (العَقْدُ) dan jamaknya adalah *al-Uqūd* (العُقُودُ) juga bermaksud janji. Firman Allah s.w.t :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَوْفُوْا بِالْعُقُوْدِ ...

Maksudnya :

“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian...”

(Surah Al-Mā'idah[5]:1)

iaitu janji. (عَقَدَ) juga dalam perihal pembinaan membawa maksud melekat atau tertampal.¹¹⁴

¹¹⁴ Ibn Manzur (1997), *op.cit.*, j. 4, h. 386.

Kata *'aqīdah* (عَقِيدَة) pula membawa maksud apa yang telah diikatkan oleh hati atau agama seseorang manusia. Kata jamaknya adalah *'aqā'id* (عَقَائِد).¹¹⁵

Akidah juga didefinisikan sebagai ikatan, penguasaan, pengukuhan, ikatan yang kuat, pegangan, ketetapan, keyakinan dan juga kepastian. Oleh itu, sebarang perkara yang telah diikat oleh oleh seseorang secara yakin dan pasti, itulah dinamakan sebagai akidah sama ada perkara itu benar atau salah.¹¹⁶

Dalam Kamus al-Wasīt, akidah diterjemahkan sebagai satu hukum yang tidak menerima sebarang sangkaan dalam kalangan penganutnya. Akidah dalam agama pula bermaksud apa yang dimaksudkan dengan kepercayaan bukan amalan sebagaimana percaya akan kewujudan Allah s.w.t.¹¹⁷ Maksud ini menyamai pentakrifan yang terdapat dalam al-Ta'rīfāt iaitu akidah membawa maksud sebagai kepercayaan, bukan perbuatan atau amalan.¹¹⁸

Dalam definisi lain, akidah bermaksud pegangan seseorang manusia, contohnya dia mempunyai akidah yang baik dan selamat daripada keraguan.¹¹⁹

Kamus Dewan pula menyebutkan akidah sebagai kepercayaan dan keyakinan.¹²⁰

¹¹⁵ Fu'ād Ifrām al-Bustānī (1956), *op.cit.*, h. 489.

¹¹⁶ Al-Atharī, 'Abdullah ibn 'Abd al-Ḥamīd (2003), *Al-Wajīz fī 'Aqīdah al-Salaf al-Sōleḥ*, c. 4. Beirut: Dār Ibn Kathīr, h. 29.

¹¹⁷ Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (2004), *Al-Muḥjam al-Wasīf*. Kaherah: Maktabah al-Syurūq al-Dawliyyah, h. 614.

¹¹⁸ Al-Jurjāni (2004), *op.cit.*, h. 128.

¹¹⁹ Rajab 'Abd al-Jawwād Ibrāhīm, (Dr.) (2002), *op.cit.*, h. 210.

¹²⁰ Teuku Iskandar (1994), *op.cit.*, h. 21.

Dari segi istilah, akidah bermaksud tauhid iaitu ilmu yang menyelidiki dan memeriksa kepercayaan seseorang berkaitan ketuhanan, kerasulan dan *sam'iyā* (السَّمْعِيَّات) dengan dalil-dalil *yaqīniyyah* (يَقِينِيَّة) yang 'aqliyyah (عَقْلِيَّة) dan *naqliyyah* (نَقْلِيَّة) yang boleh menghilangkan semua keraguan yang ada dalam hati seseorang manusia.¹²¹

Akidah ialah perkara-perkara yang wajib dipercayai oleh hati, yang menenangkan jiwa, sehingga jiwa menjadi benar-benar yakin, tetap, tidak menerima sebarang keraguan dan tidak dicampuri sebarang syak wasangka.¹²²

Kesimpulannya, akidah merupakan kepercayaan anutan seseorang yang bertaraf yakin tanpa sebarang keraguan. Sekiranya tidak sampai darjat yakin, tidak dinamakan akidah kerana akidah bermaksud mengikat dan menyimpulkan hati dengan penuh tetap, yakin dan konsisten. Kata akidah boleh disandarkan kepada agama yang dianuti manusia sama ada agama Islam, Yahudi, Kristian, Buddha, Hindu atau agama-agama yang lain. Dalam kajian ini, penulis membicarakan penyelewengan akidah daripada landasan akidah Islam.

¹²¹ Haji Sa'īd Haji Ibrāhīm (2000), *'Aqā'id Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Kuala Lumpur: Dār al-Ma'rifah, h. 9.

¹²² Al-Atharī, 'Abdullah ibn 'Abd al-Ḥamīd (2003), *op.cit.*, h. 30.

3.3 Akidah Islam

Akidah Islam boleh difahami sebagai perkara-perkara dasar yang terbina di atasnya cabang-cabang, asas-asas, dan benteng yang mesti bagi menjaga pemikiran manusia daripada lintasan-lintasan syak dan sebarang anasir menyesatkan. Setiap amalan yang dilakukan manusia bagi mendapat keredhaan Allah s.w.t digantung penerimaannya oleh Allah s.w.t berdasarkan kesahihan akidahnya. Apabila terpesongnya akidah maka terpesonglah keimanan, terpesong keimanan bermaksud kufur dan Allah s.w.t tidak menerima amalan daripada orang kafir.¹²³

Secara ringkasnya, akidah yang menjadi asas Islam meliputi :

- i- Kewujudan Allah s.w.t dan keEsaanNya. Allah s.w.t sahaja yang menciptakan makhluk, mentadbir dan mengurus. Dia suci dan bebas daripada sebarang sekutu dalam kekuasaanNya, tiada yang menyamai zat dan sifatNya dan hanya Dialah yang wajib diibadati.
- ii- Allah s.w.t melantik utusan daripada kalangan manusia yang dikehendakinya, bertugas menyampaikan ajaranNya, mengajak mereka kepada keimanan dan amal soleh.
- iii- Keimanan kepada malaikat.

¹²³ Hasan Ayyūb (1979), *Tabṣīr al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*. Kuwait: Dār al-Buḥūth al-'Ilmiyyah, h. 20.

- iv- Beriman dengan kandungan ajaran Islam iaitu adanya Hari Kebangkitan dan Pembalasan, adanya peraturan yang telah ditentukan kepada hambaNya,.¹²⁴

Akidah Islam ialah akidah tauhid iaitu penyerahan diri kepada satu pola kepercayaan, tidak bercabang atau bercapah. Akidah Islam memusatkan maksud dan tujuan yang satu iaitu kepercayaan kepada Allah s.w.t dan akidah ini merupakan anugerah Allah s.w.t yang terbesar kepada manusia. Akidah *La Ilaha Illa Allah* menjadi asas kejayaan manusia, menjadikannya seorang yang berkeyakinan dan bersemangat waja.¹²⁵

Dari aspek yang lain, kata akidah Islam melalui 3 tahap perkembangan makna iaitu :

Tahap Pertama : Akidah diertikan dengan ;

- i- Tekad yang bulat
- ii- Mengumpulkan
- iii- Niat
- iv- Menguatkan perjanjian
- v- Sesuatu yang diyakini dan dianuti oleh manusia sama ada benar atau batil.

¹²⁴ Maḥmūd Syaltūt (1966), *al-Islām 'Aqīdah wa Syarīah*, c. 3. Kaherah: Dār al-Qalam, h. 19-20.

¹²⁵ Naceur Jabnoun (2005), *Islam and Management*. Arab Saudi: International Islamic Publishing House, h. 38.

Tahap Kedua : Perbuatan hati

Di sini akidah mula diertikan sebagai perbuatan hati seorang hamba. Makna ini lebih sempit dari tahap sebelumnya. Dari sini kemudian akidah didefinisikan sebagai keimanan yang tidak mempunyai kontra. Makna ini dapat dianggap sebagai makna yang *syarī*. Tidak ada kemungkinan selain bahawa ia beriman kepadanya. Maka semua kemungkinan akan adanya kontra seperti keraguan, dugaan, waham, ketidaktahuan, kesalahan, kelupaan tidak termasuk dalam batasan ini. Makna inilah yang secara aplikatif berlaku pada tiga zaman paling utama iaitu zaman sahabat, *tābi'īn* dan *tābi'tābi'īn*.¹²⁶

Tahap Ketiga :



Di sini akidah telah memasuki peringkat kematangan di mana akidah telah terstruktur sebagai disiplin ilmu dengan ruang lingkup permasalahan tersendiri. Inilah tahap kemapanan iaitu akidah didefinisikan sebagai ilmu tentang hukum-hukum syariat dalam bidang akidah yang diambil daripada dalil-dalil *yaqīniyyah* (mutlak) dan menolak syubhat dan dalil-dalil *khilāfiyyah* yang cacat.¹²⁷

Akidah Islam adalah satu ketetapan Allah s.w.t kepada manusia yang selaras dengan fitrahnya. Manusia mesti menerima ketetapan yang telah dibuat oleh Allah s.w.t iaitu meletakkan diri di bawah naungan akidah tauhid. Akidah menentukan ruang lingkup pemikiran *al-'Aql* dan *al-Qalb*. *Al-'Aql* mesti melaksanakan operasinya

¹²⁶ Al-Buraikan, Dr., Ibrahim Muhammad bin Abdullah (2001), *Pengantar Pengajian Aqidah Islam Mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah*. Selangor: Pustaka Dini, h. 4.

¹²⁷ *Ibid.*, h. 5.

memikirkan pemilihan akidah dan tidak hanya menurut sahaja tanpa berfikir. Seinggalah keputusan dapat dibuat berasaskan dalil yang kukuh daripada *al-'Aql* yang sejahtera. Justeru, al-Qur'an mengajak manusia menjauhi *al-zan*¹²⁸ dalam persoalan akidah dan mengeji *al-Hawā* kerana *al-zan* tidak membawa kepada *al-Haq*.¹²⁹ Firman Allah s.w.t :


 إِنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ لَيَسْمُونُ الْمَلَائِكَةَ تَسْمِيَةَ الْأُنثَىٰ
 وَمَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ
 الْحَقِّ شَيْئًا
 

Maksudnya :

“Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat sahajalah, yang tergamak menamakan malaikat itu dengan nama perempuan, Sedang mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya. mereka tidak lain hanyalah mengikut sangkaan semata-mata, padahal sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (iktiqad).”
 (Surah al-Najm [53]:27-28)

Oleh itu segala perbuatan dan aktiviti kehidupan manusia mestilah berpaksikan akidah Islam yang diimani oleh *al-Qalb* yang ikhlas dan suci. Inilah cara Allah s.w.t mengikat hamba-hambaNya agar mereka tidak sesat dalam kehidupan dunia dan menerima kesudahan yang baik di Akhirat kelak.

¹²⁸ Pengetahuan yang tidak sampai ke tahap yakin.

¹²⁹ 'Abd al-'Azīz Ḥājī (2003), *op.cit.*, j. 1, h. 49.

3.4 Penyelewengan Akidah

3.4.1. Pendahuluan

Islam merupakan garis panduan cara hidup manusia dari sisi Allah s.w.t yang lengkap dan sempurna, mampu mengurus seluruh aspek kehidupan manusia sama ada dari segi urusan agama, hubungan sesama manusia, ekonomi, politik dan sebagainya yang berkaitan dengan manusia. Islam tidak mempunyai sebarang ruang pembaikan, tokok tambah atau pengurangan oleh tangan-tangan manusia, tidak sebagaimana yang didakwa golongan yang menyelewengkan akidah.

3.4.2. Istilah Penyelewengan Akidah

Penyelewengan akidah berlaku apabila seseorang Muslim merasa tidak berpuas hati dengan ajaran Islam lalu mereka atau mencipta fahaman dan ajarannya sendiri. Pelbagai istilah digunakan yang menggambarkan penyelewengan akidah seperti ajaran sesat, ajaran salah, ajaran menyimpang dan sebagainya. Dalam kajian ini, penulis ingin membincangkan tiga istilah yang lazim digunakan umum yang pada hakikatnya menunjukkan berlakunya penyelewengan akidah iaitu ajaran sesat, bidaah dan murtad.

i- Ajaran Sesat

Ajaran sesat disebut juga sebagai ajaran salah, ajaran yang menyeleweng atau ajaran yang menyimpang. JAKIM menggunakan istilah ajaran sesat dalam mengungkapkan penyelewengan akidah dan mendefinisikan ajaran sesat sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang didakwanya berdasarkan kepada ajaran Islam, tetapi sebenarnya ajaran atau amalan tersebut adalah berlawanan dengan akidah dan syariah Islam berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah.¹³⁰

Manakala mengikut definisi mantan pengarah YADIM, Haji Mohd. Amin Salleh, ajaran salah atau sesat adalah semua bentuk ajaran atau amalan yang didapati bertentangan dengan syariat Islam atau bertentangan dengan mana-mana sumber hukum Islam (al-Qur'an, al-Hadith, ijmak dan qias) sedangkan ajaran atau amalan yang bertentangan itu didakwa atau dikatakan dari ajaran Islam. Ajaran itu pula diajarkan kepada masyarakat sama ada dengan secara sulit atau rahsia atau untuk ahli sahaja atau diajarkan dengan secara terbuka kepada orang ramai, seterusnya ajaran itu diamalkan atau menjadi pegangan kepada individu atau kumpulan yang berkenaan.¹³¹

¹³⁰Risalah Isu Semasa Pusat Penyelidikan Islam Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (2008), *Penjelasan Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat*, c. 2. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, h. 3. Lihat juga, <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/ajaransesat.html>. 4 Ogos 2009, 10.15 p.m.

¹³¹Haji Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid, Dato' Seri Utama Diraja (2007) "Ancaman Ajaran Sesat Terhadap Keharmonian Rakyat Malaysia" (Kertas Kerja Simposium Dakwah Daerah Klang, Selangor), h. 2.

ii- Bidaah

Bidah bermaksud perbuatan mencipta atau mereka sesuatu ajaran baru yang tiada dalam nas syarak. Bidaah bererti memberi bentuk lain kepada syariat Allah s.w.t dengan mengubah bentuknya. Hukum mereka bidaah adalah haram berdasarkan peraturan al-Qur'an, al-Hadith dan ijmak ulamak.¹³² Firman Allah s.w.t memberi amaran kepada manusia :

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ
وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَفُصِّلَ لِقُضَىٰ بَيْنَهُمْ ...

Maksudnya :

“Patutkah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang menentukan mana-mana bahagian dari agama mereka sebarang undang-undang yang tidak diizinkan oleh Allah? Dan kalaulah tidak kerana kalimah ketetapan yang menjadi pemutus (dari Allah, untuk menanggungkan hukuman hingga ke suatu masa yang tertentu), tentulah dijatuhkan azab dengan serta-merta kepada mereka (yang berbuat demikian)...”.

(Surah al-Syūrā[42]:21)

Perbuatan bidaah adalah perbuatan yang keji yang telah dilarang oleh Nabi s.a.w

:

(...وَأَيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ،
وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ)¹³³

¹³² Al-Jazā'irī, Abū Bakr Jābir (1999), “Kullu Bid'ah Ḍalalah wa Kullu Ḍalalah fī al-Nār”. Abdullah al-Qari bin Haji Saleh (terj.), Pengasuh, Bil. 558, Muharram-Safar 1420/ Mei-Jun 1999, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 37.

¹³³ Abī Dāwūd (1998), *op.cit.*, j. 11, h. 13.

Maksudnya :

“Jauhilah kamu daripada mereka-reka urusan agama, kerana setiap rekaan (dalam agama dan ibadat) itu adalah bidaah dan setiap bidaah itu adalah sesat”.

Bidaah berbeza dengan maksiat. Maksiat melanggar nas atau tidak mengikuti ketentuan manakala bidaah merosakkan nas dan ketentuan daripada Allah s.w.t. Bidaah bererti keluar dengan membawa *khitaḇ Ilāhī*(ketentuan Allah s.w.t) dengan dicampuri *al-Hawā* dan menyimpang daripada jalan yang lurus.¹³⁴ (Dalam ruang ini, penulis tidak bermaksud untuk membincangkan bidaah secara terperinci. Penulis hanya sekadar menjelaskan bidaah yang dikaitkan dengan penyelewengan akidah).

Penyelewengan akidah adalah sebahagian daripada bidaah yang haram yang bersalahan dengan al-Qur'an dan al-Hadith. Orang yang melakukan bidaah tercela kerana syariat Allah s.w.t telah lengkap dan sempurna, tidak perlu ditambah atau dikurangkan.¹³⁵ Orang yang melakukan bidaah realitinya seorang penentang syariat Allah s.w.t. Allah s.w.t suci daripada segala kelemahan dan kekurangan, Dia Maha Mengetahui keadaan hamba-hambaNya, segala keperluan, kepentingan dan kemaslahatan mereka dunia dan akhirat berbanding diri mereka sendiri.¹³⁶

¹³⁴ Muhammad al-Ghazali (1978), *Bukan Dari Ajaran Islam*. H. Mu'ammal Hamidy (terj.), Surabaya: PT Bina Ilmu, h. 97.

¹³⁵ 'Alī Maḥfūz (1956), *al-Ibdā'fīMaḍār al-Ibtidā'*, c. 5. Mesir: Dār al-I'tiṣām, h. 98

¹³⁶ *Ibid.*, h. 99

Orang yang melakukan bidaah adalah pengikut *al-Hawā* kerana *al-Aql* yang berfikir tidak mengikut landasan syarak akan dikuasai oleh *al-Hawā* dan pengikut *al-Hawā* adalah orang-orang yang sesat.¹³⁷

Orang yang melakukan bidaah sama ada dalam akidah atau ibadat hakikatnya telah melakukan penyelewengan akidah. Dia menyangka dia berada di jalan kebenaran sedangkan dia telah dipengaruhi *al-Hawānya*.¹³⁸ Dia sebenarnya jahil dengan syariat Allah s.w.t menyebabkan dia menyelewengkan syariat Allah s.w.t dan keluar daripada garisan syariat sebenar.

iii- Murtd

Murtd atau dalam bahasa Arabnya '*al-riddah*' (الردّة) bermaksud kembali ke jalan asal, atau keluar daripada agama Islam, tidak setia pada agama ataupun kembali menjadi kafir setelah Islam. Akidah seseorang yang menganut Islam dengan mengucap dua kalimah syahadah akan binasa atau rosak setelah dia melakukan sesuatu perbuatan atau berkata dengan perkataan yang boleh merosakkan akidah dengan iktikad (keyakinan)nya.¹³⁹

Murtd berlaku jika seseorang itu keluar daripada Islam secara sukarela dan senang hati, tanpa sebarang paksaan daripada mana-mana pihak. Oleh sebab akidah dan

¹³⁷ *Ibid.*, h. 100

¹³⁸ *Ibid.*, h. 101

¹³⁹ Muhammad Isa Selamat *et al.* (1998), *op. cit.*, h. 1-2.

iman bertempat dalam *al-Qalb*, manusia tidak mampu menilai akidah dan keimanan seseorang secara pasti. Justeru, untuk membuktikan kemurtadan dan kekufurannya, bukti yang jelas diperlukan.

Antara perkara yang membuktikan kekufuran seseorang ialah :

- i- Mengingkari ajaran agama yang telah ditetapkan secara pasti atau yang termasuk prinsip asas dalam agama. Contohnya mengingkari keEsaan Allah s.w.t, mengingkari ciptaan Allah s.w.t terhadap alam, mengingkari keRasulan Nabi Muhammad s.a.w, mengingkari al-Qur'an sebagai wahyu Allah s.w.t dan sebagainya.
- ii- Menghalalkan sesuatu yang telah disepakati pengharamannya. Contohnya menghalalkan arak, zina, riba dan seumpamanya.
- iii- Mengharamkan sesuatu yang telah disepakati penghalalannya seperti mengharamkan makan nasi.
- iv- Mencaci dan mencerca Nabi Muhammad s.a.w dan nabi-nabi Allah s.w.t sebelum baginda.
- v- Meremeh-remehkan nama-nama Allah s.w.t, perintah dan laranganNya.

Seseorang yang melakukan mana-mana perbuatan yang berkaitan dengan perkara tersebut membuktikan bahawa dia telah murtad. Pada dasarnya, murtad berlaku dalam tiga bentuk iaitu murtad dalam akidah seperti meragui kebenaran perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah seperti kebenaran Allah s.w.t, keRasulan Nabi

Muhammad s.a.w atau para nabi lain a.s, kebenaran isi kandungan al-Quran, adanya hari kebangkitan dan seumpamanya, murtad dalam perbuatan misalnya sujud kepada berhala atau makhluk lain seperti sujud kepada manusia sendiri dan murtad dalam ucapan seperti menghina atau mengejek nama-nama Allah s.w.t, mengejek dan mempermainkan janji Allah s.w.t tentang syurga dan neraka, mengeji dan mengutuk perintah Allah s.w.t seperti solat, puasa dan sebagainya dan mengucapkan kata-kata yang mengeji dan mencaci para ulamak.

Meneliti perkara-perkara di atas, dapat dikatakan bahawa gejala murtad merupakan satu unsur penyelewengan akidah. Orang yang murtad menyelewengkan akidah yang Islam dianutinya dan bertukar kepada agama atau kepercayaan lain. Pegangan dan keyakinannya terhadap Allah s.w.t telah terseleweng dan tersasar ke jalan yang salah apabila dia memilih untuk meragui Islam atau Allah s.w.t atau Nabi Muhammad atau para nabi a.s, atau perintah dan larangan Allah s.w.t seterusnya menolak Islam secara total.

Bezanya, orang yang murtad menolak akidah Islam secara total manakala orang yang menyelewengkan akidah masih menjaja dirinya Islam sekalipun hakikatnya akidahnya telah tersasar jauh daripada akidah Islam.

Istilah-istilah ajaran sesat, bidaah dan murtad melambangkan penyelewengan akidah. Apapun istilah yang digunakan, asas penyelewengan akidah ialah penambahan dan penolakan terhadap mana-mana syariat Allah s.w.t dengan keyakinan bahawa penambahan tersebut membawa kebaikan kepada seseorang dan penolakan itu menolak kemudharatan terhadapnya. Iktikad tersebut menunjukkan seolah-olah Allah s.w.t mempunyai kekurangan, dan Islam itu masih tidak lengkap. (Maha Suci Allah s.w.t

daripada segala kekurangan dan keaiban). Allah s.w.t Maha Mengetahui perkara yang terbaik untuk makhluk-makhluk ciptaanNya.

3.4.3. Kriteria Penyelewengan Akidah

Dalam konteks Malaysia, penetapan daripada Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura telah mempersetujui kriteria penyelewengan akidah sebagaimana dinyatakan dalam buku Kriteria-kriteria Ajaran Sesat Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri 1994. Kriteria ajaran sesat yang ditetapkan ialah¹⁴⁰ :

- i- Kepercayaan kepada rukun iman, asas akidah yang bertentangan dan tidak selaras dengan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, mempercayai adanya kitab dan kiblat lain, mendakwa diri sebagai Rasul dan memusnahkan al-Qur'an dan al-Hadith.
- ii- Mempertikaikan dan menafikan kebenaran al-Qur'an dan al-Hadith.
- iii- Mendakyah diri sendiri atau ketua sebagai nabi terakhir, Nabi Isa, Imam Mahdi atau istilah yang seumpama dengannya.

¹⁴⁰Abdul Hamid @ Yusoff bin Yunus (2008), *Penjelasan Terhadap 58 Ajaran Sesat di Malaysia*. Kota Bharu: JAHEAIK, h. 1. Lihat juga, Nawi @Mohd. Nawi Haji Ismail (2006), *Pemurnian Akidah Islamiah*, Kota Bharu: Percetakan dan Perniagaan Nik Daud Sdn. Bhd., h. 36-37.

- iv- Mengadakan bidaah atau pendapat baru yang bertentangan dengan akidah dan syariat seperti menghapuskan kewajipan berjihad, solat Jumaat, haji di Makkah al-Mukarramah dan sebagainya.

3.4.4. Penyelewengan Akidah di Kelantan

Walaupun negeri Kelantan terkenal dengan jolokan ‘Serambi Mekah’, pusat penyebaran ilmu dan kemunculan tokoh-tokoh ulamak berwibawa sejak zaman berzaman,¹⁴¹ negeri ini tidak terlepas daripada dilanda fahaman ajaran yang menyeleweng walaupun tidak begitu ketara. Dalam membicarakan penyelewengan akidah di Kelantan, penulis mengemukakan sejarah dan perkembangan ajaran yang menyeleweng di negeri ini, tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, bentuk-bentuk ajaran dan ciri-cirinya.

3.4.4.1. Sejarah dan Perkembangan Penyebaran Ajaran yang Menyeleweng

Menyoroti sejarah penyelewengan akidah di Kelantan, ajaran yang menyeleweng dipercayai muncul seawal tahun 1940-an pada masa dakwah Islam masih belum

¹⁴¹Bermula dengan pendidikan Islam yang dipelopori oleh Tuan Syeikh Haji Abdul Halim pada akhir abad ke-18 membuka mata pemerintah dan rakyat terhadap kepentingan pendidikan Islam. Pengajian Islam berkembang dengan sokongan pemerintah sehingga munculnya pondok-pondok sebagai pusat pengajian dan lahirnya ulamak-ulamak yang terus memperhidupkan semangat keilmuan. Antara mereka ialah Tok Kenali, Tuan Tabal, Tok Pulai Chondong, Tok Wan Ali Kutan dan sebagainya. Lihat, Abdul Halim Ahmad (1982), “Pendidikan Islam di Kelantan”, *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Lihat juga, Ismail Awang (1986), “Sejarah Masuknya al-Qur’an ke Kelantan”, *Warisan Kelantan V*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

menyeluruh di Kelantan. Pengajian dan pengajaran ilmu Islam hanya tertumpu di pondok-pondok sahaja. Enakmen pencegahan dan penguatkuasaan juga masih belum ditubuhkan.¹⁴² Menurut sejarah juga, ajaran yang menyeleweng di Kelantan bermula dengan kemunculan Ajaran Subud dan Ajaran Martabat Tujuh yang disebarkan pada tahun 1950-an. Ajaran Subud hampir hilang tetapi Ajaran Martabat Tujuh dipercayai masih hidup dan turut tersebar ke negeri-negeri lain.¹⁴³

Menurut sumber lain, ajaran sesat di Kelantan bermula dengan kemunculan ajaran Tok Gedong iaitu nama sebenarnya Haji Ibrahim. Tok Gedong kemudiannya mendapat hukuman dari pihak MAIK pada tahun 1950-an. Walaubagaimanapun, ajarannya turut merebak ke bahagian utara Kelantan termasuk Kedah, Perak dan Pulau Pinang.¹⁴⁴

Seterusnya, penyelewengan akidah berkembang dengan kemunculan pelbagai ajaran yang menyelewengkan akidah melalui cara penyelewengan dalam aspek ketuhanan dan juga pelaksanaan ibadat. Antara ajaran yang muncul ialah Ajaran Wan Omar yang mengajarkan niat sembahyang semasa takbir adalah tidak perlu, cuma perlu ingat Tuhan Maha Besar, Ajaran Pak Teh Selamat yang mengajarkan bahawa puasa adalah sedekah, bukan meninggalkan makan minum dan Ajaran Tarikat Hasan Anak Rimau yang mengatakan diri manusia sendiri adalah Tuhan dan mengaku mikraj sebanyak 17 kali.¹⁴⁵

¹⁴²Sumber: JAHEAIK, "Menangani Ajaran Sesat: Pengalaman Negeri Kelantan", (t.t), (t.t.p), h. 3. Data ini tidak mempunyai catatan yang lengkap.

¹⁴³Abd. Aziz bin Jusoh (2000), "Mengenal Ajaran Sesat" (Kertas Kerja Kursus Penguatkuasaan, Penyiasatan dan Pendakwaan di ILIM, JAKIM, 19 Jun 2000), h. 2.

¹⁴⁴Mohd Zabri Yusoff (1996), *Ajaran-ajaran Sesat di Kelantan: Satu Kajian Terhadap Ajaran Mat Yamin Buloh Poh*. Tesis, BA Usu., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 45.

¹⁴⁵Sumber: JAHEAIK, "Laporan Perkembangan Ajaran Sesat Terkini/ Aktif Negeri Kelantan Tahun 2000", (Kertas Laporan Bahagian Penyelidikan JAHEAIK), (t.t), (t.t.p). Data ini tidak mempunyai catatan yang lengkap.

Berdasarkan laporan Bahagian Penyelidikan JAHEAIK, bermula tahun 1970-an sehingga tahun 2000, terdapat 30 kumpulan ajaran yang dapat dikesan sebagai ajaran menyeleweng, ajaran yang meragukan dan perlu dijauhi. Kesemua mereka telah diambil tindakan dan sehingga kini (2009), ajaran-ajaran tersebut semakin kurang aktif dan berkurangan. Terdapat saki baki mereka yang masih aktif tetapi tidak dapat diambil tindakan kerana tiada bukti yang jelas.¹⁴⁶

Sayyid Sābiq dalam buku beliau *al-Aqā'id al-Islāmiyyah* menyatakan bahawa sebab penyelewengan akidah daripada landasan yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w ialah perselisihan politik, hubungan dengan aliran pemikiran dan agama lain dan penerokaan akal terhadap perkara yang tidak mampu dicapai oleh akal.¹⁴⁷ Dalam konteks di Kelantan, mengikut kajian yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan JAHEAIK, lahirnya ajaran sesat di Kelantan adalah disebabkan oleh faktor peribadi pembawa dan pengikut. Faktor pembawa dikenalpasti sebagai mereka yang inginkan kuasa, harta, memuaskan nafsu dan jahil. Manakala pengikut pula sama ada mempunyai cita rasa yang sama, ingin cara mudah untuk beribadat, cepat mendapat hasil atau jahil urusan agama.¹⁴⁸

¹⁴⁶Puan Noorlailawati bt Mamat, Penolong Pengarah Kanan Akidah dan Syariah, JAHEAIK. Temubual pada 26 Oktober 2009.

¹⁴⁷Sayyid Sābiq (t.t), *op. cit.*, h. 13.

¹⁴⁸Sumber: JAHEAIK, "Rancangan 5 Tahun Pembasmian Ajaran Sesat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan", (Kertas kerja yang dibentangkan dalam Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat JAHEAIK), (t.t), (t.t.p). Data ini tidak mempunyai catatan yang lengkap.

3.4.4.2. Bentuk Penyelewengan Akidah

Dalam sub topik ini penulis mengklasifikasikan penyelewengan akidah di Kelantan kepada beberapa bentuk ajaran yang penulis huraikan secara ringkas. Huraian yang lebih terperinci penulis kemukakan dalam perbahasan akan datang.

Bentuk-bentuk penyelewengan akidah antaranya ialah berbentuk tarekat yang pada hakikatnya disiplin ilmu yang benar dan luhur yang dirangka oleh ulamak untuk menyampaikan diri kepada Allah s.w.t.¹⁴⁹Walaubagaimanapun, seringkali tarekat diselewengkan individu berkepentingan dengan menyelitkan zikir atau ratib yang direka-reka sendiri yang bertentangan dengan akidah Islam. Di Kelantan, terdapat ajaran-ajaran yang menyeleweng menggunakan nama tarekat iaitu Tarekat Hasan Anak Rimau, Tarekat Naqsyabandiah (Medan), Tarekat Mohd. Yamin dan Tarekat Ahmad Jibril. Mereka mengamalkan ratib yang menyeleweng di samping mencipta pelbagai amalan yang bercanggah dengan syarak.

Seterusnya, penyelewengan berbentuk ajaran dan amalan seperti Ajaran Haji Mat Pring (Thailand), Ajaran Mat Laksamana, Ajaran Sapie, Kumpulan Tal Tujuh, Ajaran Tok Ayah Yamin Sham bin Abdullah, Ajaran Wan Omar, Ajaran Mohd. Nor Seman, Ajaran Abdul Kadir Haji Salam, Ajaran Daud Majid dan beberapa ajaran lain. Antara ajaran menyeleweng yang disebarkan kepada pengikut ialah mendakwa diri sebagai Tuhan, mendakwa diri sebagai Nabi atau Rasul, mengamalkan solat hakikat dan menolak kepercayaan terhadap malaikat.

¹⁴⁹ Haji Zamihan Haji Mat Zin al-Ghari (2008), *op.cit.*, h. 4.

Terdapat juga kumpulan ajaran yang menyeleweng yang menggunakan *uslub* Ilmu Hakikat dan Tasauf, sedangkan intisari ajaran yang diamalkan bercanggah dengan disiplin Ilmu Hakikat. Contohnya ialah kumpulan Ilmu Tajalli yang meletakkan tujuan belajar Ilmu Hakikat ialah untuk menjadi Tuhan, Ajaran Mohd. Nor Mohamed dan Ajaran Razi Haji Ahmad.

Selain itu, terdapat juga ajaran berbentuk khurafat dan mitos yang direka-reka untuk menarik perhatian umum iaitu Ajaran Rahim Gombak yang mendakwa jika selalu minum air tawar gurunya, tidak boleh lagi minum air zamzam.

Terdapat juga ajaran berbentuk pemujaan iaitu Ajaran Jah binti Mohamed yang melakukan upacara pemujaan dan menyimpan patung-patung kecil dalam sebuah bilik. Di samping itu, ajarannya juga berbentuk perbomohan yang meminta pesakitnya menyebutkan lagu apa yang diingini.

Selain daripada bentuk-bentuk penyelewengan yang disebutkan di atas, terdapat juga ajaran yang menyeleweng yang disebarkan di Kelantan yang merupakan picisan daripada ajaran yang menyeleweng yang difatwakan di peringkat Malaysia iaitu Rufaqa' yang merupakan penjenamaan semula al-Arqam, Ayah Pin dan Syiah.

3.4.4.3. Ciri-ciri Ajaran yang Menyeleweng di Kelantan

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan bertanggungjawab dalam mengenalpasti dan mengambil tindakan terhadap pengasas dan juga pengikut ajaran-ajaran yang

menyeleweng yang muncul di Kelantan seterusnya melaksanakan tindakan pembasmian terhadap ajaran-ajaran tersebut yang mendatangkan bahaya yang cukup besar terhadap akidah umat Islam di Kelantan.

Sehubungan itu, JAHEAIK menggariskan ciri-ciri ajaran yang menyeleweng sebagai berikut¹⁵⁰ :

- i- Mengaku diri atau gurunya sebagai nabi atau wakilnya dan mendakwa menerima wahyu.
- ii- Mengaku diri atau gurunya sebagai Imam Mahdi atau mempercayai bahawa orang-orang tertentu tidak mati dan akan muncul sebagai manusia istimewa seperti Imam Mahdi dan sebagainya.
- iii- Mempercayai bahawa roh orang yang mati menjelma semula ke dalam jasad orang yang masih hidup.
- iv- Mendakwa pengikut-pengikut ajaran atau tarikatnya sahaja yang dijamin masuk syurga.
- v- Mendakwa gurunya memegang kunci pintu syurga.
- vi- Mempercayai gurunya boleh menebus dosa dengan wang.
- vii- Mendakwa semua agama adalah sama.
- viii- Mempercayai orang yang telah mati boleh memberi pertolongan apabila diseru namanya.

¹⁵⁰ Sumber: JAHEAIK, "Rancangan 5 Tahun Pembasmian Ajaran Sesat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan", *op.cit.*, h. 2-3.

- ix- Memohon kepada benda-benda tertentu seperti batu, cincin dan sebagainya untuk sampai kepada tuhan.
- x- Melakukan penyerahan rohani dan jasmani kepada guru melalui nikah batin dengan tujuan untuk mendapat anak yang soleh atau anak hakikat.
- xi- Mengaku Allah s.w.t menjelma dalam diri.
- xii- Mendakwa atau mengaku dirinya sebagai wakil nabi yang boleh memberi syafaat kepada muridnya.
- xiii- Mendakwa ajaran atau tarikatnya yang diamal sekarang diambil terus daripada Rasulullah s.a.w secara 'yaqazah' (sedar).
- xiv- Mengaku dan mempercayai bahawa seseorang itu boleh berhubung dengan Allah s.w.t melalui Nur Muhammad yang berada di dalam dirinya dan dengan demikian didakwa pasti masuk syurga.
- xv- Memansuhkan syariat-syariat Islam seperti sembahyang, puasa, haji dan membuat syariat baru atau menganggapkan apabila sampai kepada hakikat maka tidak perlu lagi syariat.
- xvi- Meninggalkan sembahyang Jumaat kerana mengamalkan suluk.
- xvii- Mendakwa ibadah haji tidak semestinya ditunaikan di Mekah tetapi boleh ditunaikan di tempat-tempat lain.
- xviii- Mengubah dengan sengaja ayat al-Qur'an dan maksudnya.
- xix- Mengaku dan mempercayai bahawa azimat (tangkal) boleh memberi kesan.

xx- Mendakwa bahawa setiap yang zahir ada batinnya dan setiap ayat yang diturunkan ada takwilnya seperti puasa, haji, nikah dan sebagainya ada batinnya. Mereka mendakwa orang yang mengamalkan syariah hanya kulit dan tidak sampai kepada matlamat sebenar.

3.4.4.4. Tindakan Penguatkuasaan

Tindakan penguasaan yang berkesan terhadap aktiviti ajaran yang menyeleweng hanya berlaku pada awal 1970-an. Pejabat Penyelia Agama mengambil langkah bertindak terhadap kumpulan ajaran-ajaran ini dengan kerjasama banyak pihak terutamanya orang awam, polis dan jabatan kerajaan yang lain.

Tindakan tersebut adalah berasaskan Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Bil. 2/1966. Antaranya ialah tentang mengajar tanpa tauliah Seksyen 68 MAIK 2/66 dan kesalahan mengajar atau mengadakan upacara yang bercanggah dengan hukum syarak di bawah Seksyen 69 MAIK 2/66.¹⁵¹ Undang-undang ini kemudiannya dimansuhkan dan digantikan dengan enakmen baru pada tahun 1994. Undang-undang ini diperuntukkan di bawah seksyen 93, 113 hingga 120, 126 dan 127. Hukuman yang dikenakan berbentuk denda berjumlah antara RM3000 hingga RM5000 atau penjara 6 bulan hingga 4 tahun atau kedua-keduanya sekali.¹⁵²

Agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam menangani penularan ajaran yang menyeleweng di Kelantan ialah JAHEAIK melalui Bahagian Penguatkuasaan,

¹⁵¹ Sumber: JAHEAIK, "Menangani Ajaran Sesat: Pengalaman Negeri Kelantan", *op.cit.*, h. 3.

¹⁵² Mohd Zabri Yusoff (1996), *op.cit.*, h. 46.

Bahagian Penyelidikan, Bahagian Dakwah dan Bahagian Pendakwaan, Jabatan Kehakiman Syarie, Jabatan Mufti dan MAIK. Tindakan yang dilaksanakan seperti penguatkuasaan undang-undang terhadap pengasas dan pengikut ajaran yang menyeleweng, sesi dakwah dan penerangan yang diberikan kepada orang ramai terhadap bahaya penyelewengan akidah serta risalah-risalah yang diedarkan berjaya memperlahankan perkembangan ajaran yang menyeleweng daripada terus tersebar.

Di samping itu, kondisi masyarakat Islam Kelantan banyak terdedah kepada kefahaman Islam¹⁵³ turut melembabkan penyebaran ajaran yang menyeleweng. Penubuhan sekolah-sekolah agama di setiap daerah seluruh negeri, program Kuliah Jumaat dan kuliah di masjid-masjid yang giat dijalankan banyak membantu masyarakat memahami Islam seterusnya dapat memperkukuh benteng akidah yang bisa mengelakkan mereka daripada terjebak dengan fahaman yang menyimpang daripada akidah Islam sebenar.

3.5. *Al-Hawā* dalam Penyelewengan Akidah

3.5.1. Pendahuluan

Al-Hawā memegang teraju penting di dalam diri seseorang manusia sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab yang lepas. *Al-Hawā* yang menggunakan arahan

¹⁵³ Kepimpinan Ulama di Kelantan begitu memberi penekanan terhadap kesedaran dan kefahaman Islam rakyat Kelantan. Nilai teras kerajaan negeri merangkumi Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan. Lihat, portal Kerajaan Negeri Kelantan di alamat <http://www.kelantan.gov.my/>.

syaitan, mendorong manusia melakukan kejahatan dan kerusakan sehingga boleh menyesatkan manusia daripada jalan yang benar.

Syaitan menyusup masuk ke dalam diri manusia menerusi pelbagai pintu menurut tingkat orang yang dimasuki dan mendorong *al-Hawā* nya melakukan perkara yang jahat dan keji. Dalam ayat sebelum ayat ini Allah s.w.t berfirman :

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا
تَتَّبِعُوا خُطُوتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya :

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”
(Surah al-Baqarah[2]:168)

Bermula dengan mengikut *al-syahwah* perut tanpa mempedulikan halal atau haram dan lupakan pesanan wahyu syaitan akan dapat menguasai *al-Hawā* manusia. Tanpa membiarkan kesempatan yang ada syaitan berusaha supaya manusia mengatakan terhadap Allah s.w.t perkara yang mereka tidak tahu. Apabila manusia digoda syaitan dan syaitan dapat menyelinap masuk mencampuri urusan agamanya, manusia akan berani menambah agama, mendakwa peraturan daripada Allah s.w.t sedangkan bukan daripada Allah s.w.t, mendakwa agama sebagai perkara yang bukan agama dan

sebaliknya. Lama kelamaan dia akan merasai itulah agamanya¹⁵⁴ dan *al-Hawānya* begitu menyenangkan kondisi tersebut dan akhirnya berlakulah penyelewengan akidah daripada landasan Islam yang sebenar.

3.5.2. Perspektif al-Qur'an

Manusia yang dikuasai *al-Hawā* terdorong melakukan pelbagai kemaksiatan dan kemuncaknya dia akan menyekutukan Allah s.w.t kerana terlalu mengikutkan kesedaran *al-Hawānya*. Manusia yang menjadikan *al-Hawā* sebagai tuhannya adalah manusia yang sesat. Firman Allah s.w.t :

أَرَأَيْتَ مَنْ أَخَذَ إِلَهَهُ هَوْنَهُ أَفَأَنْتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِيلًا ﴿٤٣﴾

Maksudnya :

“Nampakkah (Wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhan yang dipuja lagi ditaati? Maka dapatkah engkau menjadi pengawas yang menjaganya agar tidak sesat?”

(Surah al-Furqān[25]:43)

Ayat ini menunjukkan peringatan bahawa tiada gunanya dakwah kepada orang yang dikuasai *al-Hawānya* kepada agama yang benar. Dia menjadikan *al-Hawā* sebagai

¹⁵⁴Hamka, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah, (Prof. Dr.) (1984), *Tafsir al-Azhar*, j. 2. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., h. 54-55.

tuhan lantas menolak keEsaan Allah s.w.t sebagai Tuhan. Dia patuh segala arahan *al-Hawā*, menyebabkan dia tidak boleh ditegah daripada syirik dan maksiat.

Manusia yang dikuasai *al-Hawā* seolah-olah buta, pekak dan bisu daripada melihat kebenaran sehingga sanggup menolak kebenaran yang telah diterima dan menggunakan *al-Hawānya* sebagai pedoman. Firman Allah s.w.t :

وَأْتَلُّ عَلَيْهِمْ نَبَأَ الَّذِي ءَاتَيْنَاهُ ءَايَاتِنَا فَآذَسَلَخَ مِنْهَا فَاتَّبَعَهُ الشَّيْطَانُ فَكَانَ
مِنَ الْغَاوِينَ ﴿١٧٥﴾ وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ بِهَا وَلَكِنَّهُ أَخْلَدَ إِلَى الْأَرْضِ
وَاتَّبَعَ هَوَاهُ ...

Maksudnya :

“Dan bacakanlah kepada mereka (Wahai Muhammad), khabar berita seorang yang Kami beri kepadanya (pengetahuan mengenai) ayat-ayat (Kitab) kami. kemudian ia menjadikan dirinya terkeluar dari mematumhinya, lalu ia diikuti oleh syaitan (dengan godaannya), maka menjadilah dari orang-orang yang sesat. Dan kalau Kami kehendaki nescaya Kami tinggikan pangkatnya dengan (sebab mengamalkan) ayat-ayat itu. tetapi ia bermati-mati cenderung kepada dunia dan menurut hawa nafsunya...”

(Surah al-A'rāf[7]:175-176)

Manusia yang telah mengimani ayat-ayat Allah s.w.t tidak terlepas daripada godaan syaitan dan menuruti kehendak *al-Hawānya*. Mengenal atau mengetahui ayat-ayat Allah s.w.t semata-mata tidak memberi manfaat seandainya manusia jahil dalam mengendalikan *al-Hawā* bahkan dirinya sendiri akan terlepas dan terlucut daripada pautan ayat-ayat tersebut.

Nabi s.a.w diperintahkan oleh Allah s.w.t menceritakan keadaan orang yang telah mengerti ayat-ayat Allah s.w.t, fasih membacanya, mengetahui halal dan haram, mengetahui ilmu fikah dan tafsir tetapi roh agama sudah tidak ada lagi dalam dirinya. Kemunduran jiwa ini disebabkan pengaruh *al-Hawā*, ayat-ayat Allah s.w.t yang telah diketahui sebelum ini tidak lagi menerangkan jiwanya, sebaliknya membawanya ke kancah kegelapan. Dia telah menjadi pengikut syaitan. Dengan kesesatan akidahnya, dia sanggup menyelewengkan ayat-ayat yang pernah dihafal untuk mempertahankan kesesatannya dengan jalan yang salah.¹⁵⁵

Seandainya Allah s.w.t menghendaki, dia akan diangkat ke martabat yang lebih tinggi dengan ilmunya, tetapi dia sendiri yang merendah dan menghina dirinya dengan mengikut perintah *al-Hawānya*.¹⁵⁶ Begitu hebat penangan *al-Hawā* sehingga manusia sanggup menolak kebenaran ayat-ayat Allah s.w.t yang menjadi akidahnya sebelum ini.

Al-Hawā inginkan kekayaan, kedudukan dan pangkat yang tinggi, dihormati dan dipuja-puja. Keinginan ini dikuatkan dengan dorongan *al-Hawānya* tanpa menimbang dengan pertimbangan *al-Aql* dan wahyu. Apabila mereka memperturukkan *al-Hawā* dengan menyelewengkan akidah, maka Allah s.w.t akan mematikan hati-hati mereka dan tidak lagi memberi petunjuk kepada mereka. Firman Allah s.w.t :

...فَلَمَّا زَاغُوا أَزَاغَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿١٠٠﴾

¹⁵⁵ *Ibid.*, j. 9, h. 189.

¹⁵⁶ *Ibid.*, h. 190.

Maksudnya :

“...maka ketika mereka menyeleweng (dari kebenaran yang mereka sedia mengetahuinya), Allah selewengkan hati mereka (dari mendapat hidayah petunjuk); dan sememangnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang fasik.

(Surah al-Şaff[61]:5)

Tanpa petunjuk Allah s.w.t, manusia akan sesat dan tidak menemui jalan bahagia biarpun harta bertimbun, pangkat semakin tinggi dan dipuja dipuji umum.

3.5.3. Perspektif al-Hadith

Nabi s.a.w adalah manusia yang dipelihara oleh Allah s.w.t daripada ditunggangi *al-Hawā*. Arab Quraisy dalam satu usaha menghentikan dakwah Nabi s.a.w telah menawarkan tiga bentuk tawaran kepada Nabi s.a.w iaitu kuasa, kemewahan dan perempuan yang menjadi kesukaan *al-Hawā*. Tetapi Nabi s.a.w bukanlah pengikut *al-Hawā* lantas baginda menolak terus menolak tawaran mereka. Nabi s.a.w tidak menggadaikan akidah untuk mengikut *al-Hawā*.

Nabi s.a.w memperingatkan umat baginda terhadap gejala negatif *al-Hawā* agar mereka tidak terikut dengan *al-Hawā*. Nabi s.a.w bersabda dalam menyifatkan pengaruh *al-Hawā*:

(حُبُّكَ الشَّيْءَ يُغْمِي وَيُصِمُّ)¹⁵⁷

Maksudnya :

“Kecintaanmu terhadap sesuatu membutakanmu dan memekakkanmu”.

Iaitu membutakan dan memekakkannya daripada urusan akhirat.¹⁵⁸ Pengikut *al-Hawā* dibutakan daripada melihat dan dipekakkan daripada mendengar akibat dan balasan perbuatan jahat mereka pada hari akhirat kelak oleh kesukaan *al-Hawā* menyebabkan mereka sanggup menanggung risiko melampiaskan apa sahaja keinginan *al-Hawā* tanpa memikirkan balasan Allah s.w.t pada hari akhirat. Kemuncaknya akidah digadaikan dengan keinginan *al-Hawā* yang tiada infinitinya.

Perbuatan mengikut *al-Hawā* menyebabkan manusia tergelincir daripada landasan wahyu Allah s.w.t. Nabi s.a.w memperingatkan umat baginda agar tidak terjebak dalam kemelut mengikut *al-Hawā*. Peringatan tersebut difahami melalui sabda baginda :

(لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ بِهِ)¹⁵⁹

Maksudnya :

“Tidak sempurna iman seseorang dalam kalangan kamu sehingga al-Hawānya mengikut perkara yang aku bawa”.

¹⁵⁷ Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Asy'ath al-Sajistānī al-Azdī (t.t), *Sunan AbīDāwūd*, j.4. (t.t.p): Dār al-Fikr, h. 334.

¹⁵⁸ Al-Mundhirī (t.t), *Mukhtaṣar Sunan AbīDāwūd*, j. 6. Taḥqīq: Muḥammad Ḥāmid al-Fiqī, Kaherah: Maktabah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, h. 31

¹⁵⁹ Wahbah al-Zuḥaylī (2005), *op.cit.*, j. 13, h. 297.

Orang yang menolak wahyu, mengenyepikan al-Hadith, merekalah orang-orang yang memperturutkan kehendak *al-Hawānya*. Dia mengutamakan keinginan *al-Hawānya* berbanding ketaatan terhadap Allah s.w.t dan Rasul s.a.w, oleh itu iman mereka disifatkan Nabi s.a.w sebagai iman yang kurang sempurna. Pincangnya iman mereka kerana *al-Hawā* yang mereka jadikan panduan hidup, bukan Allah s.w.t dan Rasul s.a.w. Kepincangan iman manusia mengakibatkan kepincangan seluruh kehidupannya.

Dalam sabda lain Nabi s.a.w mewasiatkan :

(اَثْرُ كُونِي مَا تَرَكْتُكُمْ، فَإِذَا حَدَّثْتُكُمْ فَخُذُوا عَنِّي)¹⁶⁰

Maksudnya :

“Tinggalkanlah perkara yang aku tinggalkan. Dan apabila aku beritakan sesuatu perkara kepada kamu maka ambillah(ikutilah)”.

Manusia tidak akan selama-lamanya sesat selagi al-Qur’an dan al-Hadith menjadi dustur hidupnya. Ironinya, jika *al-Hawā* yang diturutkan, manusia lupa ayat-ayat Allah s.w.t, terpisah daripadanya dan arah hidupnya menuju kesesatan. Dia melakukan apa sahaja kesukaan *al-Hawānya* tanpa mengambil kira batasan agama sehingga menyelewengkan akidah yang telah diimani.

¹⁶⁰ Al-Tirmidhī (1983), *op.cit.*, j. 4, h. 152.

Penyelewengan akidah yang menatijahkan kesesatan hidup manusia akibat desakan *al-Hawā* diperkukuhkan lagi dengan beberapa sabda baginda s.a.w, antaranya

Nabi s.a.w bersabda :

(إِنَّ مِمَّا أَخْشَىٰ عَلَيْكُمْ شَهَوَاتِ الْعَيِّ فِي بُطُونِكُمْ وَفُرُوجِكُمْ وَمُضَلَّاتِ الْهَوَىٰ) ¹⁶¹

Maksudnya :

“Sesungguhnya antara perkara yang aku bimbangi terhadap kamu adalah kesesatan syahwat yang berada di perut dan kemaluanmu dan kesesatan hawa nafsu.”

Dalam hadith yang lain, Nabi s.a.w bersabda :

(...بِئْسَ الْعَبْدُ عَبْدٌ هَـوَ يُوَىٰ يُضِلُّ هـَـ...) ¹⁶²

Maksudnya :

“...seburuk-buruk hamba adalah hamba yang disesatkan hawa nafsunya...”

Perkara ini dijelaskan lagi dalam sabda baginda s.a.w :

(ثَلَاثٌ مُّهِلِكَاتٌ وَثَلَاثٌ مُّنْجِيَاتٌ. فَالْمُهْلِكَاتُ شُحُّ مَطَاعٍ، وَهَوَىٰ مُتَّبِعٌ وَإِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ...) ¹⁶³

¹⁶¹ Aḥmad Ibn Ḥanbal (t.t), *op.cit.*, j. 3, h. 420.

¹⁶² Al-Tirmidhī (1983), *op.cit.*, j. 4, h. 50.

¹⁶³ Wahbah al-Zuḥaylī (2005), *op.cit.*, j. 13, h. 298.

Maksudnya :

“Tiga perkara yang membinasakan dan tiga perkara yang menyelamatkan. Perkara yang membinasakan ialah kebakhilan yang ditaati, hawa nafsu yang diikuti dan kekaguman seseorang terhadap dirinya sendiri...”

Hadith-hadith di atas menjadi penguat bahawasanya perbuatan mengikut *al-Hawā* merupakan faktor utama yang membawa manusia kepada kesesatan dan kecelakaan. *Al-Hawā* menjadi wadah syaitan dalam usaha menyesatkan akidah manusia. Sabda-sabda Nabi s.a.w juga memberi keyakinan bahawa orang-orang yang mengikut telunjuk *al-Hawānya* adalah orang-orang yang sanggup menggadaikan akidahnya, menolak perintah Allah s.w.t dan RasulNya. Mereka dibuai keseronokan duniawi, menghalalkan perkara yang haram yang disukai *al-Hawā*, mengharamkan perkara yang halal yang dibenci *al-Hawā* dan mereka hakikatnya menuju kehancuran dan kesesatan.

3.5.4. Perspektif Sejarah

3.5.4.1. Pendahuluan

Sejarah mempunyai nilai yang sangat tinggi dalam mencorak kehidupan manusia. Manusia banyak belajar daripada sejarah sama ada sejarah diri sendiri atau masyarakat dan persekitaran. Mengambil iktibar daripada sejarah menjadi titik permulaan jatuh bangunnya seseorang individu atau masyarakat dalam peradaban dan ketamadunan.

Allah s.w.t dalam kitabNya banyak menekankan aspek sejarah agar manusia dapat mengambil pengajaran dan pedoman daripada sejarah yang telah berlaku selanjutnya melakukan transformasi terhadap dirinya.

Penyelewengan akidah bukan isu yang baru timbul. Al-Qur'an telah membicarakan sejarah penyelewengan akidah yang berlaku sejak zaman berzaman, begitu juga Nabi Muhammad s.a.w. Penyelewengan akidah berkait rapat dengan dendam kesumat syaitan terhadap keturunan manusia. Sejak Nabi Adam a.s diturunkan oleh Allah s.w.t ke dunia, sejak itulah syaitan berikhtiar habis-habisan untuk menyelewengkan akidah manusia. Syaitan mengeksploitasi *al-Hawā* bagi menjayakan hasratnya.

Umat Islam di Malaysia tidak terlepas daripada terjebak dengan penyelewengan akidah. Perkara ini dapat dilihat dengan kemunculan kumpulan-kumpulan ajaran yang menyeleweng atau lebih dikenali sebagai ajaran sesat di merata-rata tempat seluruh negara. Kemunculan kebanyakan ajaran ini banyak dipengaruhi oleh kebudayaan, adat dan kepercayaan karut yang mengandungi unsur-unsur animisme dan dinamisme dan dicampur aduk pula dengan doktrin lain seperti Kristianiti, Hinduisme, Budhisme dan Neo-Platonisme.¹⁶⁴

Dari perspektif sejarah *al-Hawā* dalam penyelewengan akidah dalam kajian ini, penulis membincangkan sejarah penyelewengan akidah yang berlaku pada zaman sebelum kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w dengan mengambil contoh kisah Sāmiriyy pada zaman Nabi Musa a.s yang banyak diceritakan dalam al-Qur'an dan pada zaman

¹⁶⁴ Siti Norbaya Abd. Kadir (2002), *Ajaran Sesat Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, h. 5.

Nabi Muhammad s.a.w dan selepas baginda wafat dengan mengambil contoh Aswad al-Ansiy, Ṭulaiḥah al-Asadī dan Musaylamah al-Kadhdhāb yang merupakan orang-orang yang paling berpengaruh dalam mencetuskan krisis penyelewengan akidah dalam kalangan umat Islam seantaro dunia.

3.5.4.1. Sāmiriyy

Allah s.w.t banyak menceritakan dalam al-Qur'an kisah Nabi Musa a.s bersama kaumnya Bani Israil dan keengkaran Firaun menerima dakwah yang dibawa. Nabi Musa a.s berjaya menyelamatkan Bani Israil daripada cengkaman Firaun yang sentiasa menindas dan memperhambakan mereka. Allah s.w.t mengurniakan mukjizat kepada Nabi Musa a.s membolehkan baginda dan kaum baginda membelah dan merentasi laut menyelamatkan diri daripada dikejar Firaun dan bala tenteranya.

Selepas peristiwa pembelahan laut tersebut, Nabi Musa a.s dan pengikut baginda hidup aman tanpa gangguan Firaun. Nabi Musa a.s kemudiannya diperintah menemui Allah s.w.t di Bukit Ṭūr Sīnā dan baginda mengamanahkan Nabi Harun a.s untuk mengambil alih tugas baginda memimpin Bani Israil. Dalam tempoh tersebut salah seorang pengikut baginda iaitu Sāmiriyy begitu berani menyelewengkan akidah tauhid kepada Allah s.w.t Yang Maha Esa yang diajarkan Nabi Musa a.s kepada penyembahan berhala anak lembu emas (*ijl*).

Sāmiriyy adalah seorang yang pandai mengambil kesempatan, mengaku sebagai pengikut Nabi Musa a.s pada zahirnya tetapi mempunyai maksud yang tersirat di sebaliknya. Sāmiriyy memperdayakan kaum Bani Israil dan mengukir patung lembu yang diperbuat daripada barang-barang kemas mereka yang dikumpulkan dan dibakar. Sāmiriyy menjadikannya bersuara dengan melenguh¹⁶⁵ sebagaimana lembu. Penyelewengan yang dilakukan Sāmiriyy berjaya memperdayakan Bani Israil lalu sebahagian daripada mereka menjadi pengikut Sāmiriyy. Firman Allah s.w.t :

فَأَخْرَجَ لَهُمْ عِجْلًا جَسَدًا لَهُ خُورٌ فَقَالُوا هَذَا إِلَهُكُمْ وَإِلَهُ مُوسَىٰ

فَنَسِيَ ﴿٨٨﴾

Maksudnya :

“Kemudian Sāmiriyy mengeluarkan untuk mereka dari leburan barang-barang itu (patung) seekor anak lembu yang bertubuh lagi bersuara, lalu mereka berkata: "Ini ialah Tuhan kamu dan Tuhan bagi Musa, tetapi Musa telah lupa!”

(Surah Ṭāha[20]:88)

Sāmiriyy telah terpengaruh dengan *al-Hawānya* untuk mendapat perhatian dan memperoleh pengaruh dalam kalangan kaumnya. Sāmiriyy mendakwa melihat apa yang mereka tidak lihat dan mengetahui apa yang mereka tidak tahu.¹⁶⁶ Sāmiriyy sendiri

¹⁶⁵ Bunyi lembu.

¹⁶⁶ Sesetengah ahli tafsir menyatakan bahawa Sāmiriyy mempunyai ilmu ghaib yang mendalam dan dapat melihat malaikat Jibril turun ke bumi semasa peristiwa pembelahan laut, Jibril naik kuda dan dia nampak dengan jelas tapak kaki kuda seterusnya naik ke langit. Dia mengambil segenggam tanah bekas tapak kaki kuda Jibril dan dimasukkan ke dalam kerongkong patung lembunya yang membolehkannya untuk bersuara. Lihat, Hamka (1984), *op.cit.*, j. 16, h. 211-212.

mengaku bahawa dirinya telah dipengaruhi *al-Hawānya* sebagaimana dalam firman

Allah s.w.t :

قَالَ بَصُرْتُ بِمَا لَمْ يَبْصُرُوا بِهِ فَقَبَضْتُ قَبْضَةً مِّنْ أَثَرِ الرَّسُولِ
فَنَبَذْتُهَا وَكَذَلِكَ سَوَّلَتْ لِي نَفْسِي ﴿٩٦﴾

Maksudnya :

“...ia menjawab: “Aku mengetahui dan menyedari apa yang tidak diketahui oleh mereka, lalu aku mengambil segenggam dari kesan jejak Rasul itu, kemudian aku mencampakkannya; dan demikianlah aku dihasut oleh hawa nafsuku”.

(Surah Ṭāha[20]:96)

Jelaslah bahawa penyelewengan yang dilakukan Sāmiry adalah hasil dorongan *al-Hawā* suntikan syaitan untuk menyesatkan manusia. Walaupun telah menerima dakwah Nabi Musa a.s, dan Nabi Musa a.s pun masih bersamanya ketika itu Sāmiry tidak lagi dapat memandu *al-'Aqlnya* dengan baik. *Al-Qalbnya* telah dikuasai *al-Hawā* sehingga sanggup menyelewengkan akidah tauhid yang telah diimani hasil dakwah Nabi Musa a.s.

Pengikut-pengikut yang jahil begitu mudah sahaja diperbodohkan dan menerima dakwaan Sāmiry tanpa menyiasat atau berfikir dengan *al-'Aql*. *Al-'Aql* mereka juga buta kerana mereka jahil ilmu Allah s.w.t. *Al-Hawā* jualah yang menguasai diri mereka lantas menerima ajaran baru yang disampaikan Sāmiry

walaupun perkara tersebut menyalahi keimanan dan akidah mereka terhadap Allah s.w.t.

Keinginan *al-Hawā* Sāmīriy untuk menjadi ikutan kaumnya begitu melonjak dalam dirinya sehingga sanggup mencemarkan akidah tauhid yang dianuti sebelum itu. Keinginannya untuk dilihat sebagai manusia yang luar biasa dan hebat dalam kalangan kaumnya mengilhamkannya untuk mengukir patung lembu yang boleh mengeluarkan suara. Penyelewengan yang dilakukan menzahirkan hebatnya pengaruh dan monopoli *al-Hawā* terhadap dirinya sehingga berjaya menyirnakkan kepatuhannya kepada Allah s.w.t dan Nabi Musa a.s.

3.5.4.2. Aswad al-Ansiy

Aswad al-Ansiy menyelewengkan akidah dengan mendakwa dirinya nabi. Peristiwa ini berlaku pada tahun ke-10 hijrah, iaitu detik-detik terakhir kehidupan Rasulullah s.a.w. Namanya yang sebenar ialah Abhalah ibn Ka'ab ibn Ghawth yang berasal dari negeri yang dipanggil Kahf Ḥannan.¹⁶⁷ Ada juga yang menyatakan namanya ialah Ayhalah ibn Ka'ab al-Madhiji.¹⁶⁸

¹⁶⁷Ibn Kathīr (2005), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 6. Ahmad Nasir Mohd Yusoff *et al.* (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 561.

¹⁶⁸Mahayudin Hj. Yahaya (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, j. 1. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 141.

Pendapat lain mengatakan bahawa nama sebenarnya ialah Ailat ibn Ka'ab ibn 'Awf al-Ansiy, berketurunan bangsa hitam Habsyah yang tinggal di Semenanjung Tanah Arab. Oleh sebab itulah dia digelar Aswad iaitu yang bermaksud si hitam pekat.¹⁶⁹

Sebelum mengisytiharkan dirinya sebagai nabi, Aswad dikenali sebagai seorang pengamal ilmu hitam dan sihir yang mahir. Dia mampu memperlihatkan perkara-perkara yang aneh pada pandangan umum dan menakjubkan mereka dengan ilmu sihirnya. Aswad dihormati malah digeruni oleh kaumnya dengan kebolehan dan pengaruhnya, tambahan pula dia pandai menarik perhatian mereka dengan gaya bahasanya yang menarik.

Apabila Aswad mengisytiharkan kenabiannya (yang palsu), ramai orang mempercayainya. Dia mendapat pengaruh yang kuat dan penyokong yang ramai kerana ajaran yang dibawakan sangat sesuai dengan *al-Hawā* mereka. Malah mereka sanggup mati untuk mempertahankan Aswad dan bersedia jika Aswad mengarah untuk menyerang kota Madinah, pusat pentadbiran Nabi Muhammad s.a.w.¹⁷⁰

Keinginan mendapat pengaruh dan kedudukan yang tinggi membutakan hati Aswad terhadap kemurnian Islam dan mengasak dirinya untuk mengisytiharkan diri sebagai nabi. Dia mendengar dan mengetahui kemasyhuran dan pengaruh Nabi Muhammad s.a.w dalam kalangan orang ramai. Aswad merasakan dirinya juga layak menjadi nabi yang sentiasa disanjung dan disebut-sebut, ditaati dan dihormati kerana

¹⁶⁹ Muhammad Isa Selamat *et al.* (1998), *op.cit.*, h. 108.

¹⁷⁰ *Ibid.*

dia juga mempunyai kehebatan dan kuasa luar biasa. Dia ingin menyaingi kewibawaan Nabi s.a.w.¹⁷¹

Ajaran utama yang dibawa oleh nabi palsu Aswad ialah membebaskan manusia daripada kewajipan solat dan membayar zakat dan menghalalkan zina.¹⁷² Ajaran yang dibawa Aswad jelas bertentangan dengan wahyu Allah s.w.t dan tidak lain melainkan berasaskan dorongan *al-Hawā*. Hakikatnya, solat merupakan satu perkara yang berat kecuali bagi orang-orang yang khusyuk. Allah s.w.t telah menyatakan perkara ini dalam al-Qur'an :

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya :

“dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk”.

(Surah al-Baqarah [2]: 45)

Jiwa yang mengikut telunjuk *al-Hawā* merasakan solat adalah satu perkara yang berat dan membebankan. Apabila mendengar ajaran Aswad yang menghapuskan solat, para pengikut *al-Hawā* segera menyatakan sokongan kerana ajaran yang dibawa selari dengan *al-Hawā* mereka.

¹⁷¹ Mahayudin Hj. Yahaya (1987), *op. cit.*, h. 141.

¹⁷² Muhammad Isa Selamat *et al.* (1998), *op.cit.*, h. 108.

Begitu juga dengan ajaran Aswad untuk menghapuskan zakat. Zakat turut dianggap sebagai satu beban. Betapa berat hati mereka untuk mengeluarkan harta yang diperolehi kepada orang lain kerana diri telah dikuasai *al-Hawā* yang memikirkan kerugian seandainya wang atau harta yang diperolehi diberikan kepada orang lain. Terlupa segala janji-janji balasan baik Allah s.w.t kepada orang yang mengeluarkan zakat dan terluput kedudukannya sebagai salah satu rukun Islam daripada pandangan mereka.

Ajaran Aswad turut menghalalkan zina yang jelas pengharamannya dalam Islam. Orang yang melakukan zina adalah orang yang kalah dengan serangan syaitan dan dorongan *al-Hawā* dan menganggapnya sebagai satu hiburan dan keseronokan untuk kepuasan *al-Hawā*. Oleh sebab itulah Aswad menghalalkan zina kepada pengikut-pengikutnya untuk kepuasan *al-Hawā* mereka.

Perbuatan menghalalkan perkara yang haram di sisi Islam adalah manifestasi *al-Hawā*. *Al-Qalb* Aswad jelas telah dikuasai *al-Hawā*nya tuntas mendorongnya untuk menyelewengkan akidah seterusnya mencipta pelbagai ajaran berasaskan keseronokan dan kepuasan *al-Hawā*. Matanya telah buta dan telinganya telah tuli dan *al-'Aql* yang bertugas sebagai perantara antara manusia dan wahyu telah terlucut tugasnya dan tidak mampu mengekang *al-Hawā* yang liar.

Al-Hawā mendorong manusia untuk mempunyai kuasa dan pengaruh untuk kepentingan diri sendiri. Aswad berjaya menyerang kota Najran dan menduduki Najran serta wilayah di sekitarnya. Selepas itu Aswad bersama pengikut-pengikutnya seramai

700 orang menyerang kota Ṣan'a' yang dikuasai pemerintah Islam bernama Shahr ibn Badham. Shahr syahid bersama sejumlah tentera Islam yang lain dan Aswad berjaya menguasai Ṣan'a' dan seluruh Yaman. Aswad berjaya memurtadkan orang Islam yang lain dengan ajaran palsunya itu¹⁷³ walhal pada masa tersebut Rasulullah s.a.w masih hidup. Dorongan *al-Hawā* yang begitu dominan melenyapkan iman yang selama ini menyinari jiwa mereka.¹⁷⁴

Penyelewengan akidah yang dicetuskan Aswad menggambarkan kehebatan desakan *al-Hawā* yang dihasut oleh syaitan untuk menyesatkan dirinya. Aswad inginkan pengaruh orang ramai sebagaimana nabi, kemewahan dan kuasa memerintah. Keinginan tersebut dilonjak *al-Hawā*nya sehingga dia mendakwa diri sebagai nabi dan mencipta pelbagai ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam dan semestinya mengikut keinginan *al-Hawā*nya. Kuasa yang diperoleh dan sokongan padu yang diraih daripada pengikut *al-Hawā* yang lain begitu memuaskan hatinya, menyemarakkan lagi semangatnya untuk terus berada dalam kesesatan sehingga beliau sanggup melancarkan serangan terhadap orang Islam.

¹⁷³Ibn Kathīr (2005), *op. cit.*, j. 6, h. 562. Lihat juga, Muhammad Isa Selamat *et al.* (1998), *op.cit.*, h. 109.

¹⁷⁴Apabila Rasulullah s.a.w mendapat maklumat terperinci tentang Aswad baginda s.a.w menghantar sepucuk surat kepada Wabr ibn Nuḥays al-Daylamīy memerintahkan agar orang Islam yang masih tinggal di Yaman bangun dan menentang Aswad. Aswad akhirnya berjaya dibunuh oleh panglima perangnya sendiri. Lihat, Ibn Kathīr (2005), *ibid.*, h. 562-566.

3.5.4.4. Ṭulayḥah al-Asadiy

Nama sebenarnya ialah Ṭulayḥah ibn Khuwaylid al-Asadiy al-Kāhin. Ṭulayḥah memeluk Islam pada tahun 9 hijrah dan pernah ke Madinah al-Munawwarah menemui Rasulullah s.a.w. Beliau kemudiannya murtad selepas mengetahui Rasulullah s.a.w sedang sakit dan mendakwa dirinya adalah seorang nabi. Ṭulayḥah kembali semula kepada Islam dan mati syahid dalam Perang Nahawand pada tahun 21 hijrah.¹⁷⁵

Ṭulayḥah sememangnya dianugerahkan beberapa keistimewaan oleh Allah s.w.t. Dia bijak berkata-kata, bersyair dan merupakan seorang tukang sihir sebelum memeluk Islam. Oleh sebab itu beliau mempunyai pengaruh yang kuat dan menjadi seorang tokoh yang dihormati dalam kalangan kaumnya. Ṭulayḥah juga mempercayai dia mempunyai kehebatan yang luar biasa apabila ramalannya benar-benar menjadi kenyataan.¹⁷⁶ Ṭulayḥah merasakan dia layak menjadi nabi.

Meneliti kisah Ṭulayḥah, didapati bahawa Ṭulayḥah banyak menerima pengaruh *al-Hawā* yang didalangi iblis disebabkan kejahilannya. Ṭulayḥah baru memeluk Islam tetapi begitu berani mengubah syariat yang telah ditentukan. Keistimewaan yang dianugerahkan Allah s.w.t kepadanya telah menimbulkan perasaan ujub, riak dan

¹⁷⁵ Muhammad Isa Selamat *et al.* (1998), *op. cit.*, h.117.

¹⁷⁶ Diceritakan bahawa pada suatu hari Ṭulayḥah bersama kaumnya ditimpa kehausan dalam perjalanan. Puas mereka mencari air namun tidak berjumpa. Tiba-tiba Ṭulayḥah membuat ramalan sekadar untuk menghiburkan kaumnya, “Sebentar lagi di hadapan sana lebih kurang sekian batu dari sini, kita akan mendapatkan air”. Ternyata perkara yang diucapkan tersebut benar, mereka menemui air sebagaimana jarak yang telah diberitahu oleh Ṭulayḥah. Lihat, *Ibid.*, h. 118.

sombong. Sifat-sifat ini merupakan pintu masuk syaitan untuk menggodanya agar terus sesat. Sehingga dia akhirnya berani mendakwa dirinya nabi dan menerima wahyu daripada malaikat Jibril a.s.

Sebagaimana Aswad, Ṭulayḥah turut mencipta ajaran tersendiri berasaskan *al-Hawānya*. Ajaran pertama yang direka ialah menghapuskan sujud dalam solat. *Al-Hawānya* berpandangan bahawa kepala dan wajah manusia diciptakan Tuhan bukan untuk dihinakan dengan mencium bumi sebanyak lima kali sehari semalam.¹⁷⁷ Keengganan *al-Hawā* Ṭulayḥah sujud kepada Allah s.w.t menzahirkan keegoannya dan menjadi simbol keengkarannya terhadap Allah s.w.t dalam melaksanakan urusan agama. Ṭulayḥah jelas menerima bisikan syaitan yang juga satu ketika dahulu engkar perintah Allah s.w.t enggan sujud kepada Nabi Adam a.s kerana ego dengan kejadiannya yang dianggap lebih mulia daripada manusia.

Ṭulayḥah kemudiannya memansuhkan kewajipan zakat yang dipandang berat oleh *al-Hawā*. *Al-Hawā* bersifat bakhil bimbang kesenangan dan kemewahan yang dirasainya akan kehabisan. Pengikut-pengikut *al-Hawā* yang lain menerima baik ajaran yang dibawa Ṭulayḥah dan memberikan sokongan kepadanya.

Di samping itu, Ṭulayḥah banyak melontarkan cerita-cerita dongeng dan tahyul yang berdasarkan khayalannya sendiri. Ṭulayḥah sebenarnya jahil dalam urusan agama Islam. Kejahilannya menyebabkan dia mudah diresapi syaitan dan menurut kehendak

¹⁷⁷*Ibid.*

al-Hawānya. *Al-Hawānya* melintaskan pelbagai cerita dongeng agar orang ramai melihatnya sebagai satu pengetahuan dan kebolehan luar biasa yang dimiliki Ṭulayḥah lantas mempercayainya dan menjadikannya sebagai ikutan. *Al-Hawā* suka mempunyai pengikut yang ramai kerana dia akan merasa kuat.

Ṭulayḥah mempunyai keistimewaan anugerah Allah s.w.t tetapi dia telah menerimanya dengan keangkuhan. Dia ingin dilihat hebat oleh umum dan mencanangkan keistimewaan yang ada pada dirinya. Bagi merealisasikan keinginan tersebut, Ṭulayḥah mendakwa dirinya nabi. Walaupun dia mengetahui bahawa tindakan tersebut bertentangan dengan akidah Islam, keinginan *al-Hawā* telah mengelabui matanya sehingga dia tidak menyedari kederhakaannya kepada Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w. Kejahilannya yang baru memeluk Islam tidak mampu mengekang amukan *al-Hawā* yang begitu liar.

3.5.4.5. Musaylamah al-Kadhdhāb

Nama sebenarnya ialah Thumāmah ibn Ḥabīb. Dia adalah seorang tokoh yang disegani dalam kalangan Banī Yamāmah. Musaylamah mempunyai kemahiran bersyair dan berpidato. Dia pernah bertemu Rasulullah s.a.w untuk berbaiah kepada baginda sebagai seorang Muslim. Hairannya, setelah kembali kepada kaumnya, Musaylamah mendakwa berkongsi kenabian dengan Nabi Muhammad s.a.w. Ada riwayat mengatakan bahawa

Musaylamah mengaku dirinya nabi sebelum Nabi Muhammad s.a.w dan ada pendapat mengatakan pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.¹⁷⁸

Musaylamah terpengaruh dengan *al-Hawānya* lalu melupakan baiahnya dengan Rasulullah s.a.w. Dia begitu teringin untuk digelar sebagai nabi sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w yang begitu mulia dan dipandang tinggi oleh seluruh umat Islam. Bagi menarik perhatian umum, Musaylamah mendakwa menerima wahyu daripada Allah s.w.t dan mencipta surah-surah berdasarkan lintasan *al-Hawā* dan khayalannya.¹⁷⁹ Berbanding dengan nabi-nabi palsu yang lain, pendustaan yang dilakukan Musaylamah terhadap Islam terlalu banyak. Oleh sebab itulah dia digelar *al-Kadhdhāb* yang bermaksud pendusta besar.

Dengan dorongan *al-Hawā*, Musaylamah menyeleweng akidah Islam dan mencipta syariat baru. Antaranya ialah apabila seseorang wanita berkahwin dengan seseorang lelaki lalu melahirkan anak lelaki, dengan serta merta pasangan tersebut tidak boleh lagi menjadi suami isteri. *Al-Hawānya* ingin menunjukkan kekuasaan sebagai penggubal undang-undang dengan mengharamkan perkara yang dihalalkan oleh Islam. Musaylamah juga mengikut kata *al-Hawānya* apabila menjadikan pemansuhan kewajipan solat Asar sebagai mahar perkahwinannya dengan nabi palsu Sajah.¹⁸⁰ *Al-*

¹⁷⁸ Mahayudin Hj. Yahaya (1987), *op. cit.*, j. 3, h. 915.

¹⁷⁹ Musaylamah sentiasa memasang telinga untuk mendengar wahyu-wahyu terbaru yang turun kepada Rasulullah s.a.w lalu menirunya. Dia meniru surah al-Kauthar dan mereka surah al-Jawāhir, al-Fīl yang meniru al-Qāri'ah, surah Katak dan seumpamanya. Musaylamah mentakrifkan orang yang muflis sebagai orang yang tidak mampu menyalin pakaiannya, dan berkata tentang kata-kata penghutang kepada pemiutang yang berbentuk ancaman sekiranya tidak membayar hutang.

¹⁸⁰ Ibnu Tabatiba meriwayatkan perkahwinan Musaylamah al-Kadhdhāb dengan Sajah iaitu seorang wanita bangsa 'Arab dari suku Tamim juga mengaku mendapat wahyu dan menjadi nabi, kumpulannya lebih ramai daripada kumpulan Musaylamah. Musaylamah telah mengatur pertemuan dengan Sajah dan mengesyorkan supaya diadakan pertemuan di antara mereka untuk mengkaji wahyu-wahyu mereka dan

Hawā ingin dilihat sebagai pemegang tampuk kuasa sehingga boleh memansuhkan ibadat utama dalam Islam iaitu ibadat solat.

Disebabkan keterujaannya untuk dipuja pengikutnya sebagai nabi, Musaylamah mendakwa mempunyai mukjizat yang menakjubkan bahkan membanding-bandingkan dirinya sehebat Nabi Muhammad s.a.w. Jelasnya, pengikut-pengikut Musaylamah juga adalah pengikut *al-Hawā*. Sekalipun mereka mengetahui Musaylamah itu penipu mereka tetap menjadi penyokongnya. Mereka pernah meminta Musaylamah meludah ke dalam perigi untuk membanyakkan air, tetapi air yang ada sedikit itu menjadi kering, masin dan sebagainya. Musaylamah juga pernah cuba untuk merawat seorang anak lelaki yang mempunyai masalah kulit kepala dan keguguran rambut, tetapi apabila sahaja diusap kepalanya, kepalanya terus menjadi botak. Malah Musaylamah membuatkan seorang yang hanya sakit mata menjadi buta sejeurus dia mengusap matanya.¹⁸¹ Walaupun pembohongan yang dilakukan begitu jelas, pengikut-pengikutnya seolah-olah buta kerana *al-Qalb* mereka telah dipengaruhi *al-Hawā* yang dipandu syaitan yang menginginkan agar mereka terus sesat. *Al-Hawā* mereka sebenarnya yang begitu senang dengan ajaran yang dibawa oleh Musaylamah yang mendaulatkan *al-Hawā* meskipun *al-'Aql* mereka dapat menangkap penyelewengan yang dilakukan. *Al-'Aql* yang lemah tidak mampu mengekang asakan *al-Hawā* yang begitu kuat. Lalu tenggelamlah mereka dalam kesenangan dan keseronokan *al-Hawā* menuju kesesatan.

mana yang didapati lebih benar mestilah diikuti oleh yang lain. Sajah telah menerima tawaran itu. Akhirnya mereka bersetuju bahawa wahyu yang mereka terima berasal dari punca yang sama. Sajah mengumumkan kepercayaannya kepada Musaylamah begitu juga sebaliknya. Mereka mendakwa sama-sama menjalankan tugas kenabian. Musaylamah kemudiannya mengemukakan hasrat untuk mengahwini Sajah. Musaylamah pun menghantar mas kahwin kepada keluarga Sajah. Mas kahwin itu ialah memberi cuti kepada keluarga Sajah daripada solat Asar. Lihat <http://www.mailarchive.com/harakahdaily@yahoo.com/msg00735.html>. 5 Ogos 2009, 6.30 a.m.

¹⁸¹ Muhammad Isa Selamat *et al.* (1998), *op. cit.*, h. 145-146.

Antara pengikut yang setia ialah Rajjāl ibn 'Unfuwah. Dia asalnya memeluk Islam dan belajar dengan Nabi Muhammad s.a.w. Selepas kewafatan baginda s.a.w, Rajjāl ditugaskan oleh Khalifah Abū Bakr al-Ṣiddīq untuk berdakwah kepada orang yang murtad iaitu Musaylamah dan pengikutnya agar mereka kembali kepada Islam. Rajjāl menjalankan misinya dan mendapati Musaylamah dikelilingi kemewahan, kekayaan, kesenangan dan dikelilingi orang-orang kaya yang mencurahkan kemewahan kepadanya. Rajjāl teruja dan terpengaruh dengan *al-Hawānya* untuk turut merasai kemewahan tersebut. Desakan *al-Hawā* yang begitu kuat untuk hidup mewah menyebabkan Rajjāl mengisytiharkan dirinya menjadi pengikut Musaylamah. Dia dilantik sebagai orang kanan Musaylamah dan sentiasa memerah otak untuk mencipta dalil-dalil yang menyokong dakwaan nabi palsu Musaylamah dengan harapan mendapat habuan yang lumayan.¹⁸² Dengan dorongan *al-Hawā*, Musaylamah menyelewengkan akidah dan dengan dorongan *al-Hawā* juga Rajjāl menjadi pengikutnya.

Hasrat *al-Hawā* Musaylamah untuk menjadi nabi melupakannya terhadap syahadah dan bai'ah yang telah dilakukan terhadap Rasulullah s.a.w. Wahyu yang disampaikan Rasulullah s.a.w sudah tidak menjadi panduan bagi dirinya bahkan *al-Hawānya* berusaha keras meniru wahyu-wahyu yang diterima oleh Nabi s.a.w untuk memperkukuhkan dakwaan kenabian palsunya itu.

¹⁸² *Ibid.*, h. 148.

Dalam perkara ini Ibn Kathīr berpandangan bahawa kesemua dakwaan mereka ini (nabi-nabi palsu) sekadar mendedahkan kebodohan dan kejahilan mereka yang diruntun *al-Hawā* yang sesat lagi mundur.¹⁸³ Betapa mundurnya manusia yang menyelewengkan kebenaran yang telah dibawa oleh Rasulullah s.a.w daripada wahyu Allah s.w.t Tuhan Yang Maha Bijaksana.

3.5.5. *Al-Hawā* dalam Ajaran yang Menyeleweng di Kelantan

3.5.5.1. Pendahuluan

Penyebaran ajaran yang menyeleweng di Kelantan didasari keinginan *al-Hawā*. Pencetus ajaran menyeleweng sebenarnya mencipta suatu ajaran yang menyeleweng daripada landasan Islam kerana desakan keinginan *al-Hawā*. *Al-'Aql* tidak mendorong manusia melakukan perkara kejahatan kecuali *al-'Aql* telah ditundukkan oleh *al-Hawā*. Allah s.w.t telah mengingatkan manusia agar tidak mereka atau mencipta hukum sendiri sebagaimana disebutkan firmanNya :

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَلٌ وَهَذَا
حَرَامٌ لِّتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ ۚ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ
لَا يُفْلِحُونَ ﴿١١٦﴾

Maksudnya :

¹⁸³ Ibn Kathīr (2005), *op.cit.*, h. 592

“Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: "Ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah, sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya.”

(Surah al-Nahl [16]:116)

Berdasarkan maklumat yang diperolehi¹⁸⁴, penulis mengenalpasti elemen-elemen *al-Hawā* yang mendokong penularan ajaran yang menyeleweng di Kelantan. Penulis membincangkan pengaruh *al-Hawā* dalam penyelewengan akidah di Kelantan berpandukan kepada elemen-elemen tersebut.

3.5.5.2. Pengakuan diri menjadi tuhan

Perkara ini menjadi isi pengajaran kumpulan Tarikat Hasan Anak Rimau¹⁸⁵ yang menyatakan “Tuhan itu adalah tubuh badan kita” dan mereka juga menanamkan faham “Mu tuhanmu, aku tuhan aku, mu tuhan aku tuhan”¹⁸⁶, kumpulan Ilmu Tajalli¹⁸⁷ yang

¹⁸⁴ Maklumat terperinci ajaran sesat di Kelantan penulis perolehi daripada JAHEAIK dalam bentuk dokumen dan temubual.

¹⁸⁵ Kumpulan ini diketuai oleh Hasan bin Yaakob dan memperkembangkan ajarannya di Bukit Mas dan Bukit Gading, Tanah Merah. Dia sebenarnya penjual anak pokok limau lalu digelar Hasan Anak Limau. Lama-kelamaan, sebutan Limau bertukar menjadi Rimau. Temubual bersama SS. Datuk Mohammad Syukri Mohammad, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Temubual pada 5hb November 2009.

Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan memfatwakan ajaran ini bertentangan dengan hukum syarak dan telah menerima hukuman di bawah Seksyen 69 Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Bilangan 2/66 dan didenda sebanyak RM200.00 atau sebulan penjara. Sumber: JAHEAIK, “Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat”, (t.t), (t.t.p), h. 4. Data ini tidak mempunyai catatan yang lengkap. Dikatakan bahawa ajaran ini tidak lagi digiatkan di Kelantan kerana Ayah Soh yang merupakan anak Hasan telah berpindah ke Tasik Cini, Pahang. Temubual Puan Noorlailawati Mamat, *op.cit.*.

¹⁸⁶ Sumber: JAHEAIK, “Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat”, *op. cit.*, h. 3.

¹⁸⁷ Kumpulan Ilmu Tajalli diketuai oleh Haji Ahmad Laksamana bin Omar dan menggiatkan ajarannya di Kampung Wakaf Stan, Kubang Kerian. Dia menggunakan buku Hakikat Insan yang dikarang sendiri dan mendakwa mendapat Ilmu Ladunni tanpa perlu belajar. Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan memfatwakan pengajaran Ahmad Laksamana bertentangan dengan hukum

menyatakan “Diri kita adalah tuhan” dan “Matlamat mengaji ilmu hakikat ialah nak jadi Allah”¹⁸⁸, kumpulan ajaran Ayah Pin yang disebarikan dalam kalangan orang asli di Kampung Orang Asli Kelaik Gua Musang meyakini bahawa Ayah Pin adalah tuhan yang turun dari langit, menguasai kerajaan langit, boleh menyembuhkan penyakit dan menghalau binatang buas. Ayah Pin juga dipercayai sebagai Tuhan Orang Asli (Tuhan Alek) yang ditunggu dan dipuja selama ini melalui Ajaran Alek iaitu agama kepercayaan mereka sebelum ini.¹⁸⁹

Dakwaan diri mereka menjadi tuhan adalah natijah keinginan *al-Hawā* untuk berkuasa, berpengaruh, dihormati dan dipuja manusia dan diagung-agungkan. *Al-Hawā* juga enggan menundukkan diri dan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t kerana mereka akan terikat dengan segala hukum hakam yang disyariatkan Allah s.w.t.

syarak dan beliau juga menganut dan menyebarkan ajaran salah. Dia dihukum di bawah Undang-undang 68(1) Majlis Agama Islam 2/66 dan didenda RM250.00 atau 3 bulan penjara, dihukum di bawah Undang-undang 69 Enakmen yang sama dan didenda RM250.00 atau 3 bulan penjara dan dihukum di bawah Undang-undang 74(1) Enakmen yang sama dengan penjara 3 bulan. Bukunya juga telah diharamkan. Sumber: JAHEAIK, “Laporan Perkembangan Ajaran Sesat Terkini/Aktif Negeri Kelantan Tahun 2000, *op. cit.*

¹⁸⁸ *Ibid.*

¹⁸⁹ Ajaran Ayah Pin adalah ajaran sesat yang telah disenaraikan oleh JAKIM dan berpusat di Terengganu. Ajaran ini merebak ke kawasan pedalaman di Kelantan dengan menjadikan masyarakat Orang Asli sebagai sasaran mereka dan orang yang bertanggungjawab sebagai penyebarannya adalah pengikut ajaran Ayah Pin yang bernama Mokhtar dan dibantu anaknya dan seorang lagi pengikut yang bernama Abd. Razak. Mereka telah membawa Ayah Pin sendiri ke Kampung Orang Asli Kelaik, Gua Musang, Kelantan. Ajaran mereka mendapat tempat di hati orang Asli Islam dan dianggarkan 100 orang yang terlibat, antaranya ialah orang yang telah layak menjadi Imam. Mereka diberi ganjaran RM100.00 seorang dan mengikut kepercayaan mereka, wang itu tidak akan habis sampai bila-bila. Sumber: JAHEAIK, “Laporan Penyebaran Ajaran Salah Kumpulan Ayah Pin di Perkampungan Orang Asli Negeri Kelantan”, (t.t), (t.t.p), (Kertas Laporan JAHEAIK). Data ini tidak mempunyai catatan yang lengkap.

3.5.5.3. Keengganan beriman dengan malaikat

Ajaran Tarikat Hasan Anak Rimau menolak kewujudan malaikat. Ajaran Encik Idris¹⁹⁰ dan Abdul Kadir Haji Salam¹⁹¹ juga menolak kewujudan malaikat. Perbuatan tidak mempercayai kewujudan malaikat boleh membawa kepada ketidakpatuhan manusia terhadap perintah dan larangan Allah s.w.t. Mereka boleh melakukan apa sahaja mengikut kehendak *al-Hawā* kerana bagi mereka tiada malaikat pencatat amalan.

Teori penafian kewujudan malaikat menzahirkan penyelewengan akidah yang cukup nyata didasari dorongan *al-Hawā* yang sesat.

3.5.5.4. Dakwaan diri sebagai nabi dan utusan tuhan dan penolakan keimanan terhadap Nabi Muhammad s.a.w

Ketua Ajaran Abd. Mutalib, Nabi Isa Akhir Zaman mendakwa menerima wahyu sebagai Nabi Isa dan ditugaskan untuk menyampaikan kepada semua umat. Bapanya mengaku sebagai rasul bergelar Muhammadanil Mustafa al-Hadi Rasul Akhir Zaman.¹⁹²

Berbeza pula dengan ajaran Pak Teh Selamat yang mempercayai bahawa kita semua

¹⁹⁰ Ajaran ini dipelopori Idris dari Pulai Chondong, Machang dan digiatkan di kampung yang sama. Tiada tindakan dapat diambil kerana ketiadaan saksi. Sumber: JAHEAIK, "Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat, *op. cit.*, h. 9.

¹⁹¹ Diasaskan oleh Abdul Kadir bin Haji Salam dari Kampung Rusa, Bachok. Ajarannya digiatkan di kampung ini. Tiada tindakan dapat diambil kerana tiada saksi. Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 8.

¹⁹² Ketua ajaran ini ialah Syed Abd. Mutalib bin Mohd. Anuar Shamsuddin @ Abd. Mutalib bin Haji Ibrahim dari Pengkalan Kubor, Tumpat. Dia memperkembangkan ajarannya di Kampung Kedat, Rantau Panjang. Dia telah dihukum di bawah Undang-undang 74(1) dan 68(2) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 2/66 dengan penjara selama 6 bulan. Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 4-5.

adalah Muhammad.¹⁹³ Ajaran Tarikat Hasan Anak Rimau mengatakan bahawa mahaguru mereka sama dengan Muhammad, Muhammad itu adalah makhluk, oleh itu tidak perlu bagi mereka untuk beriman dengan makhluk.¹⁹⁴

Dakwaan diri mereka menjadi nabi dan utusan tuhan adalah kerana desakan *al-Hawā* agar mereka memperoleh pengaruh orang ramai dan ditaati segala perintah dan larangannya. Perletakan kepercayaan diri sendiri menjadi nabi pula boleh menyebabkan seseorang itu melakukan apa sahaja perbuatan yang disukai *al-Hawā* atau meninggalkan apa sahaja perbuatan yang tidak disukai *al-Hawā* kerana mereka adalah Muhammad, utusan Allah s.w.t. Bagi mereka yang menolak kenabian Nabi Muhammad s.a.w pula sudah tentu mereka terlepas daripada mengikut segala sunnah Nabi s.a.w.

3.5.5.5. Pendustaan terhadap Allah s.w.t dan RasulNya

Demi mengikut kehendak *al-Hawā*, pengamal ajaran yang menyeleweng sanggup mendustakan Allah s.w.t dan Rasul s.a.w untuk memperteguhkan ajaran menyeleweng mereka.

¹⁹³ Ajaran ini digiatkan oleh Awang Teh bin Kamal dari Kampung Batul, Jelawat, Bachok dan berkembang di kawasan ini. Awang Teh dihukum di bawah Undang-undang 74(1) Majlis Agama Islam Kelantan 2/66 dengan penjara 10 bulan, di bawah Undang-undang 69 Majlis Agama Islam Kelantan 2/66 dengan denda RM1700.00 atau penjara 1 tahun dan di bawah Undang-undang 68(1) Majlis Agama Islam Kelantan 2/66 dengan denda sebanyak RM800.00 atau penjara selama 3 bulan. Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 7.

¹⁹⁴ Nawi@Mohd. Nawi Haji Ismail (2009), *Ajaran Sesat Hassan Anak Rimau*. Kelantan: Dedikasi Sarjana Enterprise, h. 43.

Ajaran Haji Mat Pring (Thailand) mengajarkan bahawa “*Dalam kalimah syahadah tidak perlu sebut Muhammad, cukup dengan Asyhadu Anna Rasulallah kerana kita-kita ni Rasulallah*”.¹⁹⁵

Ajaran Tarikat Mohd. Yamin menyebarkan pendustaan dengan mendakwa Rasulallah s.a.w sering ke rumahnya dan mengatakan Rasulallah s.a.w melarang membaca al-Qur’an dan hadith.¹⁹⁶ Ajaran Idris pula menafikan tugas kerasulan Rasulallah s.a.w dengan mendakwa bahawa Rasulallah s.a.w merahsiakan satu ilmu, hanya kepada Saidina Abu Bakar diberitahu ilmu tersebut.¹⁹⁷

Ajaran Razi Haji Ahmad membuat tuduhan melampau apabila mengatakan Muhammad itu Allah dan Allah itu Muhammad. Menurutnya lagi, ibu merupakan hakikat Muhammad, bapa merupakan hakikat Allah, apabila sempurna hakikat kedua ibu bapa, maka wujudlah Allah itu dengan Muhammad.¹⁹⁸ Begitu juga dengan ajaran Ayah Pin yang mengatakan bahawa Rasulallah tidak sembahyang tetapi berzikir, dan Rasulallah bengkok-bengkok kaki kerana lama bersila untuk berzikir, bukan kerana sembahyang.¹⁹⁹

Mereka mendakwa dengan pelbagai dakwaan dusta berteraskan petunjuk *al-Hawā*. *Al-Hawā* suka menonjolkan diri supaya dilihat hebat dan disanjung oleh itu mereka-reka fahaman dengan tujuan menunjukkan kealiman mereka dan keluarbiasaan

¹⁹⁵ Ajaran ini dibawa oleh Haji Mat Pring dan digiatkan di Tumpat. Maklumat ajaran ini kurang jelas dan masih dalam siasatan. Sumber: JAHEAIK, “Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat”, *op.cit.*, h. 10.

¹⁹⁶ Pengasasnya bernama Haji Mat Yamin bin Abdul Rahman dari Kampung Buluh Poh, Ketereh, Kelantan. Ajarannya dikembangkan di Kampung Buluh Poh sendiri dan Kampung Telaga Lanas, Tumpat. Haji Mat Yamin dihukum di bawah Undang-undang 69 dan 68 (1) Majlis Agama Islam Kelantan dengan penjara 1 tahun dan denda RM900.00 atau penjara 5 bulan. Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 7.

¹⁹⁷ Sumber: JAHEAIK, “Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat”, *ibid.*, h. 9.

¹⁹⁸ Ajaran ini dibawa oleh Razi bin Dato’ Haji Ahmad dari Jalan Atas Banggol, Kota Bharu dan dikembangkan di tempat yang sama. Mengikut maklumat, belum tidak diambil undang-undang dan laporan telah dihantar ke MAIK. Ajaran ini sudah tidak aktif. Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 10.

¹⁹⁹ Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 12.

ajaran mereka untuk menarik perhatian pengikut dan menyimpulkan kepercayaan terhadap ajaran kumpulan mereka.

3.5.5.6. Penafian konsep dosa dan azab kubur.

Tarikat Hasan Anak Rimau menafikan konsep dosa dan adanya siksaan kubur. Mereka juga tidak mempercayai adanya hari kiamat. Ajaran Encik Idris turut menafikan adanya siksa kubur.

Penolakan mereka terhadap dosa, azab kubur dan hari kiamat melambangkan penaklukan *al-Hawā* yang dominan terhadap diri mereka. Mereka tidak terikat untuk melakukan apa sahaja kehendak mereka, mereka tidak perlu takut akan dosa atau menerima azab kubur dan dihisab pada hari kiamat. Mereka tidak perlu risau dan bimbang akan segala perbuatan jahat mereka di dunia. *Al-Hawā* mendorong mereka melakukan perbuatan jahat tanpa dan meleraikan sebarang halangan oleh perasaan takut dan bimbang.

3.5.5.7. Pengubahsuaian pelaksanaan ibadat mengikut cita rasa sendiri

Perkara ini menjadi kepercayaan beberapa ajaran menyeleweng yang mengelakkan ibadat solat iaitu Tarikat Hasan Anak Rimau meyakini bahawa solat lima waktu dan

solat Jumaat tidak wajib dilaksanakan tetapi mereka melakukan sembahyang hakikat dengan memejam mata dan niat²⁰⁰, ketua Tarikat Hasan Anak Rimau juga mengatakan haji tidak wajib, kalau nak buat pun boleh di negeri sendiri, Ajaran Daud Majid juga mengamalkan solat hakikat,²⁰¹ Ajaran Husein bin Awang mengatakan tidak perlu solat Jumaat,²⁰² Ajaran Abd. Mutalib Nabi Isa Akhir Zaman mengatakan solat hanya tiga waktu sahaja,²⁰³ Ajaran Dollah bin Jusoh mengatakan solat jemaah tidak dikehendaki kerana tidak dinyatakan dalam al-Qur'an,²⁰⁴ Ajaran Pak Teh Selamat pula mempercayai bahawa solat yang sebenarnya ialah menyebut "Allah Muhammad" sahaja, zakat sebenarnya ialah bersyarah atau memberitahu kepada orang ramai, puasa yang sebenarnya meninggalkan perkara jahat dan melakukan perkara kebaikan dan haji yang sebenarnya ialah taat kepada Allah s.w.t²⁰⁵ dan Tarikat Ahmad Jibril yang turut mengamalkan solat hakikat dan niat sahaja, sembahyang boleh diawalkan sedikit sebelum masuk waktu sekadar satu atau dua minit jika mustahak, seseorang itu diberi pilihan untuk rukuk ataupun tidak dan ketuanya iaitu Haji Ahmad bin Jusoh mendakwa dia ke Mekah dengan jiwa bukan dengan jasad²⁰⁶ dan Tarikat Naqsyabandiyah mengutamakan pergi ke Medan daripada naik haji di Mekah.²⁰⁷

²⁰⁰ Nawi@Mohd. Nawi Haji Ismail (2009), *op. cit.*, h. 52.

²⁰¹ Ajaran ini digiatkan di Kampung Perupok, Bachok dan pengasasnya dihukum di bawah Undang-undang 68(1) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 2/66 dan didenda RM60.00. Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 4.

²⁰² Ajaran ini dipelopori Husein bin Awang dari Kampung Padang Bongor, Kota Bharu. Ajarannya telah digiatkan di Kampung Kok Lanas, Kota Bharu. Wakaubagaimanapun, ajaran ini masih dalam perhatian dan sebarang keputusan atau hukuman yang ditetapkan. Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 9.

²⁰³ Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 5.

²⁰⁴ Ajaran ini diasaskan oleh Dollah bin Jusoh dari Pengkalan Nangka, Tumpat. Dia menggiatkan ajaran ini di Kampung Bechah Temalir, Tumpat. Tidak dapat diambil tindakan kerana tiada saksi dan gurunya tidak dapat dikesan. Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h.9.

²⁰⁵ Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 6-7.

²⁰⁶ Ajaran ini dipelopori Haji Ahmad bin Jusoh dari Kampung Kubang Bemban, Pasir Mas atau Jalan Geale, Kuala Krai. Ajarannya juga digiatkan di dua tempat iaitu di Kuala Krai dan di Kampung Aur Duri, Pasir Mas. Haji Ahmad didakwa di Mahkamah Qadhi Besar di bawah Seksyen 68, 69 dan 74 (1) Majlis Agama Islam 2/66. Perbicaraan tidak dapat diteruskan kerana dia disahkan mempunyai tanda-tanda sakit jiwa dan sedang menjalani rawatan. Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 7-8.

²⁰⁷ Kumpulan ini dibawa oleh Nik Matdari Wakaf Che Yeh, Kota Bharu dan dikembangkan di Bukit Marak, Bunut Payung dan Sungai Keladi Kota Bharu. Jemaah Ulama Majlis Ugama Islam memfatwakan pengajaran ini bertentangan dengan hukum syarak. Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 6.

Bagi Kumpulan Tal Tujuh pula, mereka diajarkan bahawa sudah gugur hukum wajib haji kerana melepaskan tanah suci daripada pengaruh Amerika dan Yahudi lebih *afdal* daripada menunaikan haji.²⁰⁸ Ada dalam kalangan mereka yang mempermudah urusan perkahwinan dengan mengamalkan nikah batin seperti ajaran Mohd. Noor bin Seman²⁰⁹ dan ajaran Ayah Pin.²¹⁰

Tindakan mereka mengubahsuai ibadat yang telah diwajibkan oleh Allah s.w.t mengikut cita rasa mereka sendiri adalah disebabkan terpengaruh dengan bisikan *al-Hawā*. *Al-Hawā* tidak suka terikat dengan peraturan sedangkan ibadah solat mempunyai rukun yang telah ditetapkan oleh syariat. Solat dengan hanya memejam mata dan niat sahaja bukanlah solat yang diajar oleh Nabi s.a.w tetapi rekaan mereka sendiri kerana *al-Hawā* mereka berat dan malas mendirikan solat. Menunaikan haji di Mekah adalah satu syariat yang telah ditetapkan, tetapi untuk kemudahan mereka dan menjimatkan kos, mereka membolehkan untuk menunaikan haji di negeri sendiri, di rumah sendiri dan di mana-mana sahaja. Pengubahsuaian ketentuan Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w dan rekaan begini adalah kerana mereka memperturutkan *al-Hawā* mereka yang tidak mahu membelanjakan harta atau bersusah-susah untuk menunaikan ibadat. *Al-Hawā* tidak suka mengeluarkan tenaga dan membelanjakan wang untuk beribadah. Di samping itu mereka juga seolah-olah ingin menagih perhatian pengikut bahawa mereka lebih

²⁰⁸ Kumpulan ini juga dikenali sebagai Ajaran Kumpulan Abdullah bin Mohammad Syarif atau Kumpulan Tal Tujuh. Ketuanya iaitu Abdullah bin Mohammad Syarif tidak mempunyai latarbelakang pendidikan agama. Dia pernah belajar di Universiti Malaya Kuala Lumpur dalam bidang Sastera. Tetapi gagal menamatkan pengajian kerana diberhentikan pada tahun kedua pengajian. Kumpulan ini difatwakan oleh Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan sebagai ajaran yang meragukan daripada ajaran Islam. Puan Noorlailawati bt Mamat, *op. cit.*.

²⁰⁹ Ajaran ini diperkenalkan oleh Mohd. Noor bin Seman yang berasal dari Kampung Pangkal Chuit, Machang dan dikembangkan di Kampung Gaal Pasir Puteh. Dia telah dihukum di bawah seksyen 68(1) Undang-undang MAIK 2/66 dan sekarang sudah tidak aktif. Sumber: JAHEAIK, "Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat, *op. cit.*, h. 4.

²¹⁰ Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 12.

pandai, lebih tahu dan boleh menokok tambah atau mengurangkan ibadat yang telah disyariatkan.

3.5.5.8. Dakwaan memiliki keistimewaan-keistimewaan.

Pengamal ajaran yang menyeleweng biasanya mencari pengaruh dan pengikut dengan pelbagai dakwaan yang menonjolkan kehebatan dan keistimewaan diri mereka. Hasan bin Yaakob, pengasas Tarikat Hasan Anak Rimau mengaku mikraj sebanyak 17 kali.²¹¹ *Al-Hawā* nya mendorongnya untuk membuat dakwaan sedemikian agar dirinya dipandang hebat kerana boleh melakukan mikraj seperti Nabi s.a.w. Mohd. Noor bin Seman yang mencipta ajaran dengan namanya sendiri mengaku boleh nampak zat Tuhan,²¹² begitu juga dengan Ajaran Hussein bin Awang yang mendakwa boleh nampak tuhan²¹³ hasil bisikan *al-Hawā* nya untuk meraih kepercayaan pengikut dan menundukkan mereka dengan keistimewaan yang ada pada dirinya. Haji Mat Yamin pengasas ajaran Tarikat Mohd. Yamin mendakwa Rasulullah sering berada di rumahnya dan dia boleh bertanya kepada Rasulullah. Dia mendakwa Rasulullah sudah lama memberitahu kepadanya bahawa dia akan mati sebelum 21 Rejab 1410 hijrah.²¹⁴

Bagi pengikut Ashaari Muhammad (pengasas al-Arqam) yang muncul selepas pengharaman al-Arqam dengan menggelarkan diri mereka sebagai Rufaqa²¹⁵, Haji

²¹¹ Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 3.

²¹² Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 4.

²¹³ Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 9.

²¹⁴ Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 7.

²¹⁵ Kumpulan ini digiatkan di Kelantan oleh Dr. Hanif bin Abd. Rahman dari Kampung Panji, Kemumin, Pengkalan Chepa. Ajaran ini berpusat di Taman Uda Murni, Pengkalan Chepa, Kota Bharu dan di Kampung Belukar, Banggol Judah, Machang. Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat

Ashaari bin Muhammad adalah Ṣāhib al-Zamān (mujaddid), manakala Sheikh Muḥammad al-Suhaimi adalah Imam Mahdi. Mereka turut meyakini bahawa Haji Ashaari mampu meramal perkara yang akan berlaku pada masa hadapan. Dia juga mendakwa mendapat ilmu secara langsung daripada Sheikh Suḥaimi dan Rasulullah. Dia tidak memerlukan kitab untuk mengajar kerana ilmunya terus daripada Tuhan.

Dalam al-Arqam, Syeikh Suhaimi menjadi ikon yang diagung-agungkan walaupun beliau sendiri telah meninggal dunia dan diwar-warkan sebagai Imam Mahdi yang akan muncul bila-bila masa saja. Al-Arqam juga mempercayai Syeikh Suhaimi termasuk dalam khalifah-khalifah Rasulullah s.a.w bersama-sama Sayyidina Abu Bakr, Sayyidina Umar, Sayyidina Uthman dan Sayyidina Ali r.a.²¹⁶ Ashaari Muhammad sendiri pula mendakwa beliau adalah pemuda Bani Tamim. Dalam masa beberapa tahun sahaja, gelarannya sentiasa meningkat daripada ‘ustaz’ kepada ‘mudir’, kemudian ‘syeikhul’, kemudian ‘abuya’, kemudian pula ‘imam’, daripada ‘imam’ kepada ‘al-Tamimi’ dan akhirnya kepada ‘ayatuLlah’.²¹⁷ Dikatakan targetnya tidak lain untuk meluaskan kehendaknya untuk menjadi pemerintah agung dunia, bukan sekadar Malaysia.²¹⁸

Bagi orang-orang Asli yang menjadi pengikut Ayah Pin pula, mereka diajarkan bahawa kaabah dan air zam-zam adalah hak milik Ayah Pin. Lebih sesat lagi apabila Ayah Pin mendakwa memiliki kerajaan langit. Dia juga mendakwa boleh

Melayu Kelantan memfatwakan bahawa ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa oleh Haji Ashaari bin Muhammad dan pengikutnya termasuklah orang yang terlibat secara langsung dalam Rufaqa' Corporation dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam. Sumber: JAHEAIK, “Senarai Ajaran Sesat di Negeri Kelantan”, (t.t), (t.t.p). Data ini tidak mempunyai catatan yang lengkap.

²¹⁶ Abdul Halim el-Muhammady (1994), *op.cit.*, h. 76.

²¹⁷ *Ibid.*, h. 77.

²¹⁸ *Ibid.*, h. 111.

meyembuhkan penyakit dengan minum air tawarnya dan sebut namanya 7 kali, binatang buas juga akan tunduk jika disebut namanya sebanyak 7 kali. Dia juga mendakwa mempunyai keajaiban seperti boleh menyumpah manusia menjadi batu dan boleh nampak menembusi bukit bukau. Dia juga mendakwa isteri-isterinya bukan manusia biasa tetapi Puteri Gunung Ledang, Puteri Saadong, Puteri Manau dan Puteri Matahari.²¹⁹

Ketua Ajaran Kumpulan Tal Tujuh pula mendakwa bahawa jemaah mereka diwujudkan sebagai persiapan menyambut ketibaan Imam Mahdi, pengikutnya mendakwa bahawa makam ketuanya itu lebih tinggi daripada makam Ibrahim bin Adham dan memperolehi Ilmu Ladunni secara terus daripada Allah s.w.t tanpa perlu belajar daripada guru atau kitab.²²⁰

Keinginan *al-Hawā* untuk mempunyai pengaruh dengan harapan dapat menjadi menjadi ketua, pemimpin, disanjung, dihormati dan diagung-agungkan dalam kalangan manusia lain khususnya pengikut-pengikut menyebabkan pengasas ajaran yang menyeleweng menonjolkan kehebatan diri masing-masing sama ada yang sememangnya telah dianugerahkan Allah s.w.t ataupun yang direka-reka sendiri. Keinginan untuk mempunyai pengaruh sememangnya keinginan *al-Hawā* setiap manusia. Sekiranya manusia tidak menggunakan panduan iman, dia akan melakukan apa sahaja untuk meraih pengaruh walaupun melakukan perkara yang haram di sisi syariat seperti mencipta ajaran yang menyeleweng, yang dicanangkan lebih istimewa daripada ajaran Islam. Mereka akan mendakwa mempunyai keistimewaan yang

²¹⁹ Sumber: JAHEAIK, "Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat", *op. cit.*, h. 12.

²²⁰ Sumber: JAHEAIK, "Fatwa Mengenai Ajaran Kumpulan Abdullah bin Mohammad Syarif, Tal Tujuh, Pasir Mas", (t.t), (t.t.p), h. 63-64. Lihat juga, "Ajaran Kumpulan Tal Tujuh", JAHEAIK, (t.t), (t.t.p). Data ini tidak mempunyai catatan yang lengkap.

melayakkan diri mereka menjadi pilihan Allah s.w.t agar mereka mendapat kepercayaan pengikut. Dakwaan bahawa mereka mendapat Ilmu Ladunni terus daripada Allah tanpa proses pembelajaran adalah dakwaan yang meragukan. Allah s.w.t memerintahkan manusia untuk menuntut ilmu sebagaimana difirmankan dalam al-Qur'an :

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Maksudnya :

“Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).”

(Surah al-'Alaq [96]:1)

Nabi s.a.w mempelajari bacaan al-Qur'an dengan malaikat Jibril dalam siri-siri tadarus baginda bersama malaikat Jibril. Keinginan *al-Hawā* untuk mendapat pengaruh orang ramai menyebabkan manusia berani mendakwa pelbagai dakwaan palsu dan tahyul dan tidak bersandarkan mana-mana nas.²²¹

3.5.5.9. Keharusan pergaulan lelaki dan wanita bukan mahram

Menurut sumber, pernah berlaku dalam amalan ratib ajaran Ayah Pin percampuran antara lelaki dan perempuan dan lampu dipadamkan.²²² Apabila dipertikaikan, mereka mengatakan bahawa setiap orang mukmin itu adalah bersaudara. Amalan ratib

²²¹SS. Datuk Mohammad Syukri Mohammad, *op. cit.*.

²²² *Ibid.*.

bercampur gaul antara lelaki dan perempuan juga diamalkan oleh Tarikat Hasan Anak Rimau.²²³

Ajaran Mat Yamin memberi ajaran bahawa tidak haram seseorang perempuan yang bukan muhrim berdua-duaan dengan lelaki, tetapi keharusan itu hanya dikhususkan untuk guru sahaja. Menurutnya, martabat guru lebih mulia daripada segala-galanya termasuklah ibu bapa dan suami. Oleh yang demikian, setiap kali Mat Yamin jatuh sakit, maka muridnya daripada kaum wanita harus menjaga dan melayannya sehingga sembuh. Dengan fatwa sesat harus percampuran guru dengan ahli wanita, menyebabkan dia berbuat sesuka hati terhadap ahli wanita termasuklah isteri pengikut-pengikutnya. Dia pernah memikat wanita atau isteri pengikut yang cantik-cantik sehingga berlaku pergaduhan antara Mat Yamin dengan pengikutnya. Mat Yamin memberi peringatan bahawa ahli mesti faham bahawa keadaan demikian dibolehkan sebab mulianya martabat seorang guru. Sesiapa yang engkar, dia penderhaka guru dan akan dilaknat Allah s.w.t.²²⁴ Dalam kes ini, pengasas ajaran menyeleweng menggunakan kuasanya sebagai guru untuk memuaskan *al-Hawā* dan *al-Syahwah* terhadap wanita. Malah dia mempermainkan dan menggunakan nama Allah s.w.t untuk menutup kejahatannya agar pengikutnya takut dan tunduk kepadanya.

Manakala dalam ajaran Ayah Pin, adanya upacara pengampunan yang memerlukan seseorang lelaki berbaiah dengan Ayah Pin secara berjabat tangan, tetapi perempuan disyaratkan untuk menanggalkan pakaian dan untuk mendapat berkat, perlu bersetubuh dengan Ayah Pin.²²⁵ Ayah Pin mempergunakan ajarannya untuk memuaskan kehendak *al-Hawā* sendiri. Dengan berselindung di sebalik dakwaan palsu yang

²²³ Haji Mamat bin Deraman, penduduk Kampung Bukit Gading. Temubual pada 7 Disember 2010.

²²⁴ Mohd Zabri Yusoff (1996), *op. cit.*, h. 92-93.

²²⁵ Sumber: JAHEAIK, "Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat", *op. cit.*, h. 12-13.

mendewakan diri sendiri, *al-Hawā*nya bebas melakukan kesukaan dan keseronokannya tanpa ada sebarang halangan.

Begitu juga dengan amalan nikah batin yang diamalkan dalam beberapa ajaran. Melalui amalan nikah batin, mereka bersekedudukan antara pengikut lelaki dan wanita dan bertukar-tukar pasangan sesuka hati mereka.²²⁶ Amalan tersebut membolehkan mereka melampiaskan *al-Hawā* masing-masing tanpa rasa berdosa.

3.5.5.10. Ketamakan terhadap harta kekayaan.

Keinginan *al-Hawā* terhadap harta memang tidak dapat dinafikan. Menurut sumber, segelintir pengikut Kumpulan Tal Tujuh terdiri daripada golongan profesional dan ahli perniagaan yang kaya raya. Mereka mencurahkan kemewahan kepada ketua mereka dan menunaikan segala permintaan ketua yang berbentuk material. Bagi golongan biasa, mereka sanggup mengerah keringat bekerja dan berniaga dan hasilnya diberikan kepada ketua dan upah yang diberikan sekadar untuk menyara diri sahaja. Ahli-ahli tidak digalakkan menunaikan haji dan digalakkan memberi sumbangan harta kepada baitulmal mereka.²²⁷

Ajaran Tok Ayah Yamin Syam bin Abdullah juga mempergunakan pengikut untuk kepentingan *al-Hawā* ketuanya untuk hidup mewah. Ketua memaksa pengikut

²²⁶Zaleha binti Hashim (bukan nama sebenar). Temubual pada 12 Disember 2010. Beliau memperoleh maklumat tersebut daripada rakannya yang terlibat dengan ajaran tersebut.

²²⁷ Puan Noorlailawati bt Mamat, *op.cit.*.

memberikan harta sehingga pengikut terpaksa menjual harta benda dan menggadaikan rumah kerana ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada ketuanya. Ketuanya juga menetapkan bahawa jika pengikut tersilap janji, dia mesti membayar kifarat. Bayaran kifarat itu memerlukan mereka untuk meminta daripada anak dan isteri menyebabkan berlaku perbalahan dalam keluarga. Walaupun diperhambakan oleh ketua, pengikut tidak berani menentang atau keluar dari kumpulan kerana diancam akan menjadi babi, anjing dan lain-lain dan tiada ubat dapat menyembuhkannya.²²⁸

Hasan Anak Rimau juga dikatakan mempunyai pengikut-pengikut yang kaya raya yang sanggup mencurahkan harta yang banyak kepadanya. Dia juga lebih memberi perhatian kepada mereka berbanding penduduk setempat kerana mereka kurang memberi harta dan wang ringgit.²²⁹ Walaupun Hasan telah meninggal, isteri mudanya hidup dalam kemewahan dan kekayaan hasil biayaan pengikut-pengikut.²³⁰

Dalam satu ajaran yang masih dalam siasatan, seorang wanita dikatakan diperdaya oleh ketua ajaran yang menyeleweng untuk mengahwininya seterusnya dia mengikis harta wanita tersebut sedikit demi sedikit. Bermula dengan menjual rumahnya, dan wang tersebut diserahkan kepada ketua, kemudian dia dipaksa membuat pinjaman bank mencecah beratus ribu ringgit untuk diberikan kepadanya sehingga akhirnya wanita tersebut dikelilingi hutang dan menjadi buruan kerana tidak mampu membayar hutang yang terlalu banyak.²³¹ Ketua ajaran mengambil kesempatan terhadap pengikutnya untuk memperolehi wang dengan cara mudah dan cepat tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapi pengikutnya.

²²⁸ Ajaran ini dibawa oleh Shafie bin Dollah yang lebih dikenali sebagai Rahim yang bertindak selaku pengantara. Ajaran ini dikembangkan di Kampung Lundang, Kota Bharu dan masih dalam siasatan. Sumber: JAHEAIK, "Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat", *op. cit.*, h. 11.

²²⁹ Haji Mamat bin Deraman, *op. cit.*.

²³⁰ Yahya bin Yusof (bukan nama sebenar), penduduk Kampung Bukit Gading, Tanah Merah, Kelantan. Temubual pada 7 Disember 2010.

²³¹ Zaleha binti Hashim, *op. cit.*.

Al-Hawā manusia tamakkan harta kekayaan. Harta kekayaan melambangkan kekuasaan yang diinginkan *al-Hawā*. *Al-Hawā* juga ingin hidup dalam keadaan serba mewah sama ada rumah, kenderaan, pakaian dan segala kelengkapan yang digunakan. Cara mudah untuk mendapat harta ialah dengan meminta daripada orang lain tanpa berpenat lelah dan cara mudah untuk meminta daripada orang lain ialah dengan cara menundukkan mereka melalui ajaran yang menyeleweng.

3.5.5.11. Kegelojohan untuk merasai nikmat syurga

Tabiat diri manusia inginkan sesuatu dengan cepat dan segera sekalipun melangkaui jalan atau cara yang telah disyariatkan. Bagi sesetengah pengikut ajaran yang menyeleweng mereka ingin cepat dapat pahala dan mudah masuk syurga khususnya bagi golongan yang berharta. Dengan keinginan untuk masuk syurga dengan mudah tanpa bersusah payah melakukan ibadat yang dirasakan berat dan kejahilan yang menyelubungi, mereka terpedaya dengan dakwaan kumpulan-kumpulan ajaran menyeleweng.

Dengan menyogokkan harta mereka menganggap menyertai ajaran yang menyeleweng adalah '*short cut*' untuk memperolehi syurga.²³² *Al-Hawā* mereka malas beribadat dan menghadapi pelbagai kesukaran tetapi dia tetap ingin masuk syurga. *Al-*

²³² SS. Datuk Mohammad Syukri Mohammad, *op.cit.*.

Hawānya membisikkan agar mengikuti ajaran yang menyeleweng yang menawarkan pelbagai tawaran istimewa untuk ke syurga.

3.5.5.12. Pemisahan diri daripada ikatan peraturan.

Setiap urusan mempunyai cara, adab atau peraturan tertentu. Allah s.w.t menjadikan manusia di bumi dan menetapkan peraturan-peraturan tertentu sama ada berbentuk perintah atau larangan untuk manusia patuhi.

Al-Hawā manusia lebih suka bebas dan tidak terikat dengan apa-apa peraturan, larangan dan seumpamanya. Oleh sebab itulah, manusia mencipta ajaran sendiri yang mengaw^lākan *al-Hawā* seperti sembahyang hakikat sebagaimana yang terdapat dalam Tarikat Hasan Anak Rimau, Ajaran Daud Majid dan Tarikat Ahmad Jibril. Mereka tidak terikat dengan masa, rukun solat dan syarat-syarat sah solat. Di samping itu juga, terdapat ajaran (sebagaimana yang telah disebut sebelum ini) yang menafikan dosa dan siksa kubur dan menafikan adanya malaikat.

Kepercayaan yang ditanam ini menyebabkan mereka bebas melakukan kehendak *al-Hawā* kerana tiada konsep pembalasan (dosa dan siksa kubur). Mereka juga bebas melakukan maksiat kerana tiadanya malaikat yang mencatat segala amalan mereka. Rasa tidak mahu terikat dengan sebarang peraturan dan ingin bebas inilah yang menjerumuskan mereka ke kancah penyelewengan akidah.

3.5.5.13. Kesimpulan

Al-Hawā dan *al-Aql*, jahil dan berilmu, syaitan dan wahyu selama-lamanya tidak akan bersatu. Manusia yang menerima *al-Hawā* secara automatikya menolak wahyu. Wahyu menyeru manusia mengikut perintah Ilahi sama ada suka ataupun tidak sedangkan syaitan menggoda *al-Hawā* untuk mengikut kehendak sendiri sekalipun terpaksa derhaka kepada Allah s.w.t sebagaimana syaitan derhaka terhadap perintah Allah s.w.t kerana mengikutkan kehendaknya sendiri. Firman Allah s.w.t :

﴿ إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴾

Maksudnya :

“Ia (syaitan) hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji, dan (menyuruh) supaya kamu berkata (dusta) terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui (salah benarnya)”.

(Surah al-Baqarah[2]:169)

Daya momentum *al-Hawā* yang dikuasai syaitan begitu kuat sehingga berjaya meremukkan akidah manusia yang telah beriman. Mereka mencipta fahaman, amalan dan ajaran-ajaran yang berasaskan *al-Hawā*. Kegagalan mereka mengendalikan *al-Hawā* menyebabkan mereka menjadi mangsa perangkap syaitan yang sentiasa membisikkan bisikan keraguan terhadap akidah Islam.

Bab 4

ANALISIS *AL-HAWĀ*

DALAM

PENYELEWENGAN

AKIDAH

DI KELANTAN

4.0 ANALISIS *AL-HAWĀ* DALAM PENYELEWENGAN AKIDAH DI KELANTAN

4.1. Pendahuluan

Hakikatnya, kejadian manusia terdiri daripada jasad dan roh atau disebut sebagai jiwa. Jasad dipertalikan dengan roh melalui *al-Qalb*.²³³ *Al-Qalb* adalah raja dan rakyat jelatanya adalah anggota tubuh badan manusia. *Al-Aql* dan *al-Hawā* sentiasa bersaing kedudukan untuk mempengaruhi *al-Qalb*, menguasai dan mencorak sikap, tindak tanduk dan perilakunya selanjutnya menentukan titik kesudahan manusia.

Al-Hawā dimiliki semua manusia yang melengkapkan kejadian seseorang manusia. *Al-Hawā* mempunyai dominasi yang kuat mendorong manusia ke arah kejahatan sehingga mampu memesongkan akidahnya. Jika *al-Qalb* dikuasai *al-Hawā* yang merupakan mekanisme syaitan, *al-Hawā* akan mematahkan unsur *al-Aql* yang merupakan wadah wahyu seterusnya manusia akan hidup dalam kehinaan dan kesesatan. Sekiranya manusia dikuasai *al-Aql*, *al-Aql* akan menundukkan *al-Hawā*, mengekangnya daripada sifat mazmumah dan seterusnya manusia akan dimuliakan Allah s.w.t dan selamat sampai ke destinasi akhirnya.

²³³ Nor Anisah Abdul Malek (1992), *op.cit.*, h. 35.

Dalam bab ini, penulis menganalisis unsur-unsur dan pengaruh yang dimainkan *al-Hawā* sehingga mengimpakkan kemusnahan akidah manusia dengan berlakunya penyelewengan akidah dalam kalangan masyarakat di negeri Kelantan.

4.2. Analisis *Al-Hawā* dalam Penyelewengan Akidah Di Kelantan

Bersumberkan maklumat dan data yang diperolehi daripada badan yang bertanggungjawab membanteras penyelewengan akidah iaitu JAHEAIK dan kajian-kajian yang pernah dilakukan terhadap ajaran yang menyeleweng, penulis menganalisis elemen-elemen *al-Hawā* yang terdapat dalam ajaran-ajaran yang menyeleweng di Kelantan. Hasil analisis penulis persembahkan dalam bentuk sub-sub topik berikut :

4.2.1. Mengaku diri menjadi tuhan.

Allah s.w.t adalah Tuhan Yang Maha Esa, tiada tuhan selain Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t :

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Maksudnya :

“Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa”.

(Surah al-Ikhlāṣ[112]:1)

Tiada makhluk yang dapat menyamai Allah s.w.t.

... لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۖ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Maksudnya :

“...tiada sesuatupun yang sebanding dengan (zatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat”.

(Surah al-Syūrā[42]:11)

Tauhid kepada Allah merupakan intipati dakwah Nabi Muhammad s.a.w dan para Nabi a.s yang terdahulu. Para Nabi a.s dan para ulamak r.a begitu tegar memperjuangkan kalimah (لا إله إلا الله) dan menyingkirkan penyembahan manusia terhadap selain Allah s.w.t. Nabi s.a.w memecahkan tradisi Arab Jahiliah yang menyembah berhala dengan dakwah tauhid kepada Allah. Berbeza pula dengan senario negara Malaysia yang diduduki rakyat majoriti Melayu dan menetapkan Islam sebagai agama rasmi, wujud pula individu Muslim yang berlagak alim dan abid, disulami takabbur yang menebal, mengangkat martabat diri sendiri dan memecah tradisi umat mengaku menjadi Tuhan.

Kondisi ini berlaku kepada beberapa pengasas ajaran yang menyeleweng seperti pengasas Tarikat Hasan Anak Rimau yang mendakwa dirinya Tuhan dan turut menyemai kefahaman kepada semua pengikutnya bahawa diri mereka sendiri adalah Tuhan.²³⁴ Begitu juga Ajaran Tajalli yang mengaku bahawa diri mereka sendiri adalah Tuhan. Matlamat mereka belajar ilmu hakikat ialah kerana nak jadi tuhan.²³⁵ Selain itu,

²³⁴ Sumber: JAHEAIK, “Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat”, *op. cit.*, h. 3.

²³⁵ Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 6.

ajaran Ayah Pin turut menyebarkan bahawa Ayah Pin adalah Tuhan mereka yang perlu ditaati, malah mereka diugut disumpah menjadi batu jika engkar arahannya.²³⁶

Dorongan *al-Hawā* untuk berkuasa, dipuja, ditaati dan digeruni menyebabkan pengasas ajaran yang menyeleweng mengaku dirinya menjadi Tuhan. Mereka ingin mengalihkan ketundukan dan keakuran manusia kepada mereka sebagai pemegang kuasa kerana fitrah manusia mengakui bahawasanya yang paling berkuasa adalah Tuhan. Keinginan *al-Hawā* kepada kekuasaan, pangkat dan kedudukan ini merupakan natijah kecintaannya terhadap dunia yang melebihi segala-galanya yang pada hakikatnya pencetus pelbagai kejahatan sebagaimana sabda Nabi s.a.w :

237 (حُبُّ الدُّنْيَا رَأْسُ كُلِّ خَطِيئَةٍ)

Maksudnya :

“Kecintaan kepada dunia merupakan kepala (pencetus) segala kesalahan”.

Kerakusan terhadap duniawi memerlukan mereka untuk mempunyai kekuasaan dan kekuatan bagi memastikan dunia berada dalam genggaman. Oleh itu, *al-Hawā* membisikkan kepada mereka untuk mengaku diri menjadi Tuhan agar manusia mengakui kekuasaan dan kekuatan yang dimilikinya.

Apabila mereka mengaku menjadi Tuhan, mereka berjaya mempasakkan keyakinan kepada pengikut bahawa merekalah yang berkuasa, memiliki kekuatan dan

²³⁶ Sumber: JAHEAIK, *ibid.*, h. 12.

²³⁷ Al-Ghazzālī (1999), *op.cit.*, h. 118.

kelebihan diri yang melayakkan mereka bergelar Tuhan. Kata-kata mereka dijadikan azimat pegangan pengikut. Arahan mereka tidak akan diingkari malah jika diingkari pengikut bimbang ditimpa kecelakaan. Perbuatan mereka dijadikan ikutan malahan keseluruhan jasad dan jiwa mereka sentiasa dipuja-puja oleh pengikut. Ketundukan pengikut kepada mereka merupakan peluang keemasan kepada mereka untuk memberi arahan kepada pengikut melunaskan kehendak dan kepentingan sendiri. *Al-Hawā* juga merasa gah apabila dirinya menjadi Tuhan, ditakuti, ditaati dan dipuja pengikut yang jahil. Inilah kepuasan yang dicapai oleh *al-Hawā* dengan mengaku diri menjadi Tuhan.

Al-Hawā berhasrat mengaku menjadi Tuhan kerana *al-Hawā* ingin bebas melakukan apa sahaja keinginan tanpa sebarang halangan. Mereka tidak perlu takut kepada pihak berkuasa, bala Tuhan atau apa sahaja ancaman kerana status diri mereka adalah Tuhan. Tuhan tidak boleh dihalang, kalau tidak mereka derhaka kepada Tuhan.

Penetapan akidah mereka bahawa diri mereka adalah Tuhan adalah kejayaan pengaruh *al-Hawā* terhadap diri mereka yang memberikan mandat kepada *al-Hawā* untuk menggubal syariat sendiri, menetapkan hukum sendiri dan melakukan apa sahaja mengikut kehendak *al-Hawā* sendiri, meleraikan diri daripada ikatan iman.

Betapa besarnya bahaya perhambaan diri terhadap *al-Hawā* sehingga melontarkan manusia ke lembah syirik dan takabbur mencabar keTuhanan Allah s.w.t. Semua dakwaan sebagai Tuhan ini adalah dakwaan yang kosong semata-mata. Mereka langsung tiada bukti melayakkan diri mereka sebagai Tuhan. Mereka terlalu obses dengan bisikan *al-Hawā* yang telah diperalatkan oleh syaitan. Konsep ketuhanan

mencakupi ruang perbahasan yang cukup luas. Tuhan adalah Pencipta segala makhluk, Tuhan adalah Pentadbir seluruh alam, Tuhan memberikan rezeki, menurunkan hujan, menghidup dan mematikan. Tuhan seluruh alam adalah Allah s.w.t Yang Maha Esa. Firman Allah s.w.t :

قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَىٰ ۗ ءَآلَهُ خَيْرٌ ۖ أَمَّا
يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾ أَمَّنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِّنَ
السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَّا كَانَ لَكُمْ
أَنْ تُنْبِتُوا شَجَرَهَا ۗ ءَآلَهُ مَعَ اللَّهِ ۚ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ ﴿٦٠﴾ أَمَّنْ
جَعَلَ الْأَرْضَ قَرَارًا وَجَعَلَ خِلَالَهَا أَنْهَارًا وَجَعَلَ لَهَا رَوَاسِيَ وَجَعَلَ
بَيْنَ الْبَحْرَيْنِ حَاجِزًا ۗ ءَآلَهُ مَعَ اللَّهِ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya :

“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Segala puji tertentu bagi Allah dan selamat sejahtera kepada hamba-hambaNya (Nabi-nabi) yang dipilihNya. manakah yang lebih baik? Allah (yang demikian kekuasaanNya) atau benda-benda yang mereka jadikan sekutu-sekutu bagiNya? Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghidup subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang Tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) Bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid). Atau siapakah yang telah menjadikan bumi tempat penetapan dan telah menjadikan sungai-sungai di antara bahagian-bahagiannya dan telah menjadikan untuknya gunung-ganang yang menetapnya; dan juga telah menjadikan di antara dua laut (yang masin dan yang tawar) sekatan (semula jadi) yang memisahkannya? Adakah sebarang Tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) Bahkan kebanyakan mereka (yang musyrik itu) tidak mengetahui”.

(Surah al-Naml[27]:59-61)

Allah s.w.t menegaskan bahawa semua manusia adalah hambaNya termasuklah para Nabi a.s, manusia pilihan Allah s.w.t. FirmanNya :

إِنْ كُلُّ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا آتَى الرَّحْمَنِ عَبْدًا ﴿١٩﴾

Maksudnya :

“Tidak ada sesiapa pun di langit dan di bumi melainkan ia akan datang kepada (Allah) Al-Rahman, sebagai hamba”.

(Surah Maryam[19]:93)

4.2.2. Menolak keimanan terhadap malaikat

Perkataan malaikat adalah perkataan Arab (ملائكة) dan lafaz jamaknya adalah *malak* (ملك). Perkataan ini adalah pecahan daripada perkataan *al-Alūkah* (الألوكة) yang bermaksud utusan. Malaikat dicipta daripada cahaya dan diberi pelbagai tugas penting oleh Allah s.w.t.²³⁸

Penciptaan para malaikat disebutkan secara jelas oleh Allah s.w.t :

الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَاعِلِ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا أُولِي
أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلُثَ وَرُبْعَ ۚ

²³⁸ Al-Miṣrī, Zakariyyā 'Abd al-Razzāq, (Dr.) (2003), *Uṣūl al-Aqā'id al-Islāmiyyah Durūs wa Tamārīh*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 123.

Maksudnya :

“Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: dua, tiga dan empat;...”

(Surah Fāṭir[35]:1)

Dari perspektif akidah, setiap orang Islam wajib percaya bahawa Allah s.w.t mempunyai sejumlah besar malaikat yang merupakan hamba-hambaNya yang terpelihara daripada mengerjakan maksiat dan suci daripada segala sifat manusia. Bilangan mereka terlalu banyak, hanya Allah s.w.t yang mengetahui.²³⁹ Keimanan kepada malaikat merupakan rangkaian iman kepada Allah s.w.t. Tidak beriman seseorang manusia yang mengaku beriman dengan Allah s.w.t tetapi tidak malaikat.

Firman Allah s.w.t :

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ
وَمَلَائِكَتِهِ ۚ وَكُتُبِهِ ۚ وَرُسُلِهِ ۚ ...

Maksudnya :

“Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan malaikat-malaikatNya dan kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya...”

(Surah al-Baqarah[2]:285)

²³⁹ Al-Faṭānī, Syekh Aḥmad Ibn Muḥammad Zayn (2006), *Mutiara Ilmu Akidah*. Abd al-Ghani Jabal Maraḳi (terj. Farīdat al-Farāid fī 'Ilm al-'Aqā'id), Kota Bharu: Jabal Maraḳi Enterprise, h. 41.

Allah s.w.t menyifatkan mereka yang mengingkari malaikat sebagai orang-orang yang sesat.²⁴⁰ Firman Allah s.w.t :

وَمَنْ يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْأَخِيرِ

فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١٣٦﴾

Maksudnya :

“...dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah dan malaikat-malaikatNya dan kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya dan juga hari akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh”.

(Surah al-Nisā’[3]:136)

Ini adalah ketetapan wahyu untuk diimani manusia. Idea sesetengah pengamal ajaran yang menyeleweng menolak keimanan dan kepercayaan kepada malaikat menzahirkan ikutan sebenar mereka iaitu terhadap dorongan *al-Hawā*. Menolak ajaran wahyu bermaksud mereka menerima ajaran *al-Hawā* kerana kedua-duanya adalah unsur yang kontra. Menolak kepercayaan terhadap malaikat juga melambangkan pembukaan ruang yang seluas-luasnya oleh pengikut ajaran yang menyeleweng terhadap pengaruh syaitan dan menutup ruang buat malaikat kerana malaikat dan syaitan saling bertempur menguasai diri manusia. Ini bermakna mereka hanya

²⁴⁰ Malaikat mempunyai hubungan dengan Allah s.w.t, alam dan manusia. Hubungan malaikat dengan Allah s.w.t adalah sebagai makhluk yang bertasbih kepadaNya, utusanNya kepada manusia, beribadah kepadaNya dan mempunyai ketaatan yang mutlak terhadap Allah s.w.t. Dalam konteks hubungan malaikat dengan alam pula, sebahagian malaikat ditugaskan Allah s.w.t untuk menurunkan hujan, sebahagian malaikat pula menjaga gunung-ganang, menguruskan angin dan sebagainya. Ada yang menjaga syurga dan neraka. Hubungan malaikat dengan manusia pula adalah yang ditugaskan meniup roh apabila sempurnanya penciptaan janin, mencabut roh daripada jasad apabila tiba ajalnya, ada malaikat yang ditugaskan menjaga manusia daripada kejahatan, mencatat amalan baik dan buruk seseorang manusia, menyertainya dalam majlis zikir dan membantu orang mukmin dalam peperangan. Lihat Al-Faṭānī (2006), *ibid.*, h. 125-126.

menerima pengaruh syaitan yang telah dibincangkan peranannya terhadap manusia dalam bab sebelum ini. Syaitan berjaya menempati *al-Hawā* mereka sepenuhnya tanpa sebarang saingan daripada malaikat yang menginspirasi bisikan wahyu.

Pengikut ajaran yang menyeleweng berada dalam kesesatan kerana mengikutkan *al-Hawā* sehingga menolak kewujudan malaikat yang menjadi rukun keimanan mereka sebelum ini. *Al-Hawā* ingin bebas melampiaskan apa sahaja keinginan yang baik dan buruk tanpa berpandukan wahyu. Tugas malaikat sebagai tentera Allah s.w.t menyukarkan penguasaan *al-Hawā* terhadap diri manusia. Lantaran itu, *al-Hawā* membisikkan agar mereka menolak kepercayaan terhadap malaikat kerana bimbang catatan amalan kejahatan mereka direkodkan para malaikat *raqīb* dan *'atīl*, mereka tidak mahu diazab dalam kubur oleh malaikat *munkar* dan *nakīr* atau berhadapan dengan *zabaniyyah* penjaga pintu neraka. Mereka tidak mahu percaya kepada malaikat kerana mereka ingin mengikut kemahuan *al-Hawā* melakukan maksiat dan kemungkaran tanpa diselubungi sebarang perasaan takut atau menyesal. Desakan *al-Hawā* yang ingin bebas menjerumuskan mereka ke kancah kesesatan dengan menolak keimanan terhadap malaikat yang sememangnya telah termaktub di dalam al-Qur'an.

Penolakan ajaran yang menyeleweng terhadap malaikat tidak berdalil atau berhujjah. Mereka sekadar mengikut bisikan *al-Hawā* dan menyebarkan ajaran palsu mereka lalu disambut baik pengikut *al-Hawā*.

4.2.3. Mengingkari keimanan terhadap Nabi Muhammad s.a.w

Nabi Muhammad s.a.w merupakan penghulu segala Nabi dan bagindalah Nabi yang terakhir, tiada lagi Nabi selepas baginda. Keimanan kepada Allah s.w.t mewajibkan seseorang untuk beriman dengan Nabi Muhammad s.a.w sebagaimana terungkapnya dalam kalimah syahadah yang menjadi pas keIslaman seseorang. Kecintaan kepada Allah s.w.t memestikan seseorang untuk mengikut ajaran Nabi Muhammad s.a.w. Firman Allah s.w.t :

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ ...

Maksudnya :

“Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu...”

(Surah Āli 'Imrān[2]:31)

Ketaatan kepada Allah s.w.t memerlukan seseorang untuk mentaati Nabi Muhammad s.a.w. Perintah Rasulullah s.a.w adalah perintah Allah s.w.t, derhaka dan engkar kepada Rasulullah s.a.w adalah keengkaran kepada Allah s.w.t :

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ ۖ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكٰفِرِينَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya :

“Katakanlah (wahai Muhammad): Taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Oleh itu, jika kamu berpaling (menderhaka), maka sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang kafir”.

(Surah Āli 'Imrān[3]:32)

Ayat-ayat ini adalah petunjuk jelas terhadap keRasulan Rasulullah s.a.w. Dakwaan ajaran Tarikat Hasan Anak Rimau bahawa Nabi Muhammad adalah makhluk, oleh itu tidak perlu beriman dengan Nabi Muhammad s.a.w.²⁴¹ adalah dakwaan yang tidak masuk akal. Ibn Kathīr menegaskan bahawa mereka sebenarnya tidak punya sebarang hujjah atau dalil untuk menolak dakwah Nabi s.a.w.²⁴²

Al-Hawā menggagaskan tidak mahu terikat dengan risalah wahyu yang dibawa Nabi Muhammad s.a.w. Wahyu menyekat kebebasan *al-Hawā*. *Al-Hawā* ingin bebas melakukan perkara yang disukai dan mendorong manusia melakukan maksiat tetapi wahyu menghalangnya. Inilah sebabnya *al-Hawā* tidak menyukai wahyu. Oleh itu, *al-Hawā* menghasut manusia untuk menolak pembawa risalah wahyu, menolak kenabian Nabi Muhammad s.a.w.

Al-Hawā disuntik oleh syaitan dengan jarum kemalasan dan kejemuan melaksanakan sunnah Nabi s.a.w. Nabi s.a.w menyeru manusia ke arah keselamatan dunia dan akhirat sedangkan syaitan tidak mahu manusia selamat. Segala sunnah Nabi s.a.w dirasakan *al-Hawā* sebagai perkara yang cukup berat dan sukar untuk

²⁴¹ Nawi@Mohd. Nawi Haji Ismail (2009), *op. cit.*, h. 43.

²⁴² Ibn Kathīr (2002), *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, j. 6. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 257.

dilaksanakan. Lantaran itu mereka menolak sunnah demi memelihara keinginan *al-Hawā* dan lama-kelamaan *al-Hawā* yang kuat bertindak liar dengan menafikan keRasulan Nabi Muhammad s.a.w.

Al-Hawā bersifat ingin berkuasa dan menguasai segala-galanya secara mutlak. Kedudukan Nabi Muhammad s.a.w yang begitu tinggi, ditaati, dikasihi dan sentiasa dipuji menghalang hasrat *al-Hawā* untuk berkuasa secara mutlak. Pengamal ajaran yang menyeleweng menanam kepercayaan untuk mengingkari kenabian Nabi s.a.w dalam kalangan pengikutnya agar mereka menjadikan dirinya sebagai ikutan, bukan Nabi s.a.w. Dirinya dikuasai *al-Hawā* mendorongnya mengingkari kenabian Nabi s.a.w dalam masa yang sama mengangkat dirinya untuk dijadikan ikutan pengikut sebagaimana Nabi s.a.w menjadi ikutan umat. *Al-Hawā* juga mempengaruhinya untuk mereka pelbagai bidaah yang tiada dalil al-Qur'an dan al-Sunnah tetapi berlandaskan *al-Hawā*. Apabila mereka menolak kepercayaan terhadap Nabi s.a.w, bidaah merekalah yang menjadi pedoman pengikut dan diri merekalah yang dipuja disanjung.

Al-Hawā suka anasir-anasir yang bersifat duniawi, sedangkan Nabi s.a.w mengajarkan supaya manusia mengutamakan ukhrawi. *Al-Hawā* tidak suka diarah atau keinginannya dihalang, *al-Hawā* malahan tidak gemar dikongkong, diikat kaki tangannya sedangkan Nabi s.a.w menyampaikan wahyu Allah s.w.t yang mengandungi perintah dan larangan dan tidak memberikan kebebasan mutlak kepada manusia untuk mengikut segala keinginannya demi menjaga keselamatan manusia di dunia dan akhirat.

Seseorang yang menafikan keRasulan mana-mana Nabi atau Rasul, maka tiada khilaf kekufurannya.²⁴³ Tercapai sudah matlamat jahat syaitan menyesatkan manusia. Dakwaan keimanan kepada Allah s.w.t adalah dakwaan palsu, hanya untuk mengaburi mata pengikut-pengikut. Firman Allah s.w.t :

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۖ وَيُرِيدُونَ أَنْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ اللَّهِ
 وَرُسُلِهِ ۖ وَيَقُولُونَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَنْ
 يَتَّخِذُوا بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ﴿١٥٠﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ حَقًّا
 وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٥١﴾

Maksudnya :

“Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada Allah dan Rasul-rasulNya, dan (orang-orang yang) hendak membeza-bezakan iman mereka di antara Allah dan Rasul-rasulNya, dan (orang-orang yang) berkata: Kami beriman kepada setengah Rasul-rasul itu dan kufur ingkar kepada setengahnya yang lain, serta bertujuan hendak mengambil jalan lain antara iman dan kufur itu, mereka itulah orang-orang yang kafir dengan sebenarnya. Dan Kami telah menyediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang menghina”.

(Surah al-Nisā’[4]:150-151)

Dakwaan ini sengaja direka oleh *al-Hawā* kerana hasil inspirasi syaitan. Inilah kedurjanaan perbuatan mengikut *al-Hawā*, membawa manusia kepada kesesatan yang teramat jauh.

²⁴³ Al-Faṭānī (2006), *ibid.*, h. 40.

4.2.4. Mendakwa diri sebagai nabi dan utusan tuhan

Dakwaan sebagai Nabi dan Rasul telah berlaku sebelum Rasulullah s.a.w wafat lagi sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab ketiga. Benarlah sabda Nabi s.a.w :

(وَأَنَّهُ سَيَكُونُ فِي أُمَّتِي ثَلَاثُونَ كَذَّابُونَ ، كُلُّهُمْ يَزْعُمُونَ أَنَّهُ نَبِيٌّ ،
وَأَنَا خَاتَمُ النَّبِيِّينَ لَا نَبِيَّ بَعْدِي)²⁴⁴

Maksudnya :

“Sesungguhnya akan muncul dalam kalangan umatku tiga puluh orang pendusta, setiap mereka mendakwa sebagai Nabi, dan aku adalah penutup segala Nabi, tiada lagi Nabi selepasku”.

Kenabian tidak dapat diusahakan oleh seseorang sekalipun dengan cara melampau dalam melakukan kebajikan dan beribadat bahkan ia semata-mata kurniaan Allah kepada mereka yang dikehendakiNya.²⁴⁵ Rasul adalah manusia yang diwahyukan Allah s.w.t dengan syariat dan diperintah untuk menyampaikan kepada umatnya. Jika tidak diperintah untuk menyampaikan, itu adalah Nabi. Allah s.w.t mengutuskan para Rasul kepada manusia untuk memberi khabar gembira dengan keredhaan Allah s.w.t, pahala dan syurgaNya sekiranya mereka beriman kepadaNya dan Rasul-rasulNya dan memberi ancaman kemurkaan Allah s.w.t sekiranya mereka mengingkariNya.²⁴⁶

وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ...

²⁴⁴ Muḥammad Naʿīm Yāsīn, (Dr.) (t.t), *al-Īmān Arkānuhu wa Haqīqatuhu wa Nawāqiduhu*. Kaheerah: Dār al-Tawzīʿ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, h. 50.

²⁴⁵ Al-Faṭānī (2006), *op.cit.*, h. 41.

²⁴⁶ *Ibid.*, h. 45.

Maksudnya :

“Dan tiadalah Kami utuskan Rasul-rasul itu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pembawa amaran...”.

(Surah al-An'ām[6]:48)

Dalam konteks pengasas ajaran yang menyeleweng yang mendakwa dirinya Nabi dan Rasul, dakwaan mereka adalah dakwaan yang tidak berasas, hasil khayalan semata-mata. Mereka didorong hasutan *al-Hawā* yang begitu kuat sehingga *al-'Aql* mereka tidak berfungsi lantas mendakwa diri adalah nabi seperti Abdul Muttalib yang mendakwa dirinya Nabi Isa.²⁴⁷ Hassan Anak Rimau mendakwa bahawa kedudukan dirinya sama dengan Nabi Muhammad s.a.w bahkan lebih tinggi makamnya.²⁴⁸ Ada juga ketua ajaran yang mendakwa dirinya utusan tuhan dan kumpulan yang dibawahnya itu berperanan menjaga keamanan dunia dan menyelamatkan dunia daripada kemusnahan.²⁴⁹

Orang yang mendakwa dirinya nabi dan utusan tuhan terpengaruh dengan bisikan *al-Hawānya*. Isunya sama dengan orang yang mendakwa jadi Tuhan, iaitu kerana desakan perasaan yang kuat untuk mempunyai kekuasaan. Pada anggapannya, apabila dia berkuasa, dia akan mempunyai pengikut yang sanggup memperhambakan diri untuknya. Dia berkuasa memberi arahan kepada pengikut untuk kepentingan dirinya sendiri. *Al-Hawā* suka mengarah tetapi dirinya sendiri tidak suka diarah. Status kenabian yang tinggi dan istimewa pada pandangan manusia akan dapat menjayakan hasrat meletakkan dirinya pada tingkat kekuasaan yang tinggi.

²⁴⁷ Sumber: JAHEAIK, “Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat”, *op. cit.*, h. 5

²⁴⁸ Nawi@Mohd. Nawi Haji Ismail (2009), *op. cit.*, h. 43.

²⁴⁹ Zaleha binti Hashim, *op. cit.*.

Dakwaan sebagai nabi juga membolehkannya untuk terlepas daripada melakukan sunnah Nabi s.a.w. Sebaliknya dia boleh melakukan perbuatan yang diinginkan *al-Hawān*nya tanpa perlu menjaga batasan syariat. Inilah diinginkan oleh *al-Hawā*, iaitu tidak terikat dengan kerangka syariat. Perbuatannya itu diakui sahaja oleh pengikut kerana dia pandai memutarbelitkan kenyataan dengan meletakkan dirinya sebagai nabi utusan Tuhan dan menerima wahyuNya.

Al-Hawā suka perbuatan jahatnya menular kepada orang lain. *Al-Hawā* suka manusia melakukan kejahatan melangkaui batasan syarak. Dia akan mereka fahaman dan ajaran yang mempertuhankan *al-Hawā*. Apabila dia mengaku menjadi nabi, pengikut akan tunduk patuh kepadanya. Segala dakwaan dan ajarannya akan mudah diterima oleh pengikut yang tertipu dengan permainan kata-katanya. Dia menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan syarak dan menyelewengkan akidah pengikut untuk mengikut selera *al-Hawān*nya.

Perasaan ingin berkuasa dan disanjung orang ramai hasil pengaruh *al-Hawā* menyelubungi *al-Qalb*, menewaskan *al-'Aql* daripada memikirkan kebenaran wahyu dan memalapkan cahaya iman.

4.2.5. Menolak kepercayaan terhadap dosa

Dosa bermaksud maksiat kepada Allah s.w.t atau apa sahaja perbuatan yang dicela pelakunya oleh syarak. Dosa juga disebut maksiat, kesalahan, kejahatan, jenayah dan

larangan yang tercela secara syarak.²⁵⁰ Peringatan Allah s.w.t terhadap manusia untuk menjauhi dosa banyak disebutkan dalam al-Qur'an, antaranya firman Allah s.w.t :

إِنْ تَجْتَنِبُوا كَبَائِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ
وَنُدْخِلْكُمْ مُدْخَلَ كَرِيمًا ﴿٣١﴾

Maksudnya :

“Jika kamu menjauhi dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan Kami akan masukkan kamu ke tempat Yang mulia (syurga)”.

(Surah al-Nisā' [4]:31)

Apabila manusia mengikut dorongan *al-Hawā* dalam perbuatannya, maka perbuatannya mendatangkan dosa kerana *al-Hawā* sentiasa mendorong kepada dosa, sebaliknya jika wahyu yang diikuti, manusia akan selamat daripada dosa. Al-Ghazzālī membahagikan dosa kepada tiga bahagian iaitu dosa yang dipandang berat oleh syarak dan jelas dikira sebagai dosa besar, dosa yang memang sudah jelas dikira dosa kecil dan yang masih diragui dan belum jelas hukumnya.²⁵¹

Al-Hawā menolak konsep dosa untuk menjauhkan manusia daripada Tuhan. Konsep dosa dalam Islam mengandungi pelbagai hikmah. Dosa mendatangkan bahaya besar kepada manusia dan dianggap racun yang membinasakan. Dosa membina tabir

²⁵⁰Muhammad Ibn Muhammad al-Amīr (1948), *Hāsyiyah Muḥammad Ibn Muḥammad al-Amīr 'Alā Syarḥ Abd al-Salām Ibn Ibrāhīm al-Mālikī li Jawharat al-Tawḥīd li al-Imām al-Laqqānī*. Patani: Maṭba'ah Ibn Halābī, h. 157.

²⁵¹Al-Ghazzālī (1991), *Bimbingan Mukminin pada Mencari Redha Rabb al-'Ālamīn*, c.2. Sayyid Aḥmad Samīṭ (terj.), Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 724.

antara seseorang manusia dengan Allah s.w.t lalu memisahkan hatinya daripada Allah s.w.t.²⁵² Firman Allah s.w.t :

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِم مَّا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٨٣﴾

Maksudnya :

“Sebenarnya! (ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) bahkan mata hati mereka telah diselaputi kekotoran (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan maksiat) yang mereka kerjakan”.

(Surah al-Muṭaffifīn[83]:14)

Setiap kali manusia memPERTURUTKAN *al-Hawā* nya, setiap kali itulah kegelapan dosa akan menampal ke dalam hatinya. Apabila karat dan kekotoran itu menebal di hati, maka bertukarlah ia menjadi tabiat dan menabiri hati daripada ketaatan kepada Allah s.w.t.²⁵³ Lama kelamaan, manusia akan semakin jauh daripada Allah s.w.t dan senang dengan perbuatan mengikut *al-Hawā* nya. *Al-Hawā* suka manusia melakukan dosa dan jauh daripada Tuhan kerana *al-Hawā* adalah manifestasi syaitan memisahkan manusia daripada Allah s.w.t dan mengheretnya bersama-sama merasai keperitan api neraka.

Kumpulan ajaran yang menyeleweng yang menolak konsep dosa hakikatnya ditipu keinginan *al-Hawā* mereka sendiri. *Al-Hawā* sentiasa mendorong kepada perbuatan yang mencetuskan dosa. *Al-'Aql* selari dengan wahyu tetapi *al-Hawā* sentiasa khilaf dengan wahyu. Oleh sebab itu, mereka mesti menolak konsep dosa kerana mereka ingin mengikut *al-Hawā* untuk bebas melakukan apa sahaja keinginan mereka

²⁵² *Ibid.*, h. 709.

²⁵³ *Ibid.*, h. 714.

tanpa mempedulikan wahyu. Kepercayaan kepada konsep dosa tidak lain hanya akan membelenggu dan mengongkong *al-Hawā*. *Al-Hawā* tidak suka dikongkong atau dikekang, bahkan ingin sentiasa bebas.

Peringatan terhadap dosa boleh menundukkan keliaran *al-Hawā* kerana diselubungi ketakutan dan kebimbangan terhadap azab yang bakal dirasai hasil daripada dosa-dosa yang dikumpulkan. *Al-Hawā* tidak suka tunduk kepada Allah s.w.t apatah lagi takut kepadaNya. Penolakan kepercayaan terhadap dosa membebaskan *al-Hawā* daripada anasir tersebut.

Konsep dosa hakikatnya boleh menambahkan ketakwaan manusia kepada Allah s.w.t. Manusia tidak akan terlepas daripada melakukan dosa kecuali para Nabi a.s sama ada dosa kecil atau besar dan kuantitinya. Oleh itu manusia mesti sentiasa memohon ampun dan bertaubat kepada Allah s.w.t untuk menyucikan diri daripada dosa-dosanya. Hanya Allah s.w.t yang berkuasa mengampunkan dosa dan Allah s.w.t sangat suka akan hamba-hambaNya yang memohon ampun kembali kepadaNya. *Al-Hawā* tidak suka manusia memohon ampun kepada Allah s.w.t, merendahkan sayap keangkuhan tunduk dan sujud kepadaNya. Oleh itu *al-Hawā* mengikis konsep dosa daripada minda manusia.

Tindakan jahil mereka menolak konsep dosa membuktikan kecelaruan hidup mereka kerana dipandu oleh *al-Hawā*. Pada hari Akhirat kelak, barulah mereka mengakui dosa yang mereka lakukan dan tidak lagi dapat mengelak akibat dosa yang

dilakukan semasa di dunia. Penolakan terhadap dosa hanya menambahkan lagi kesesatan mereka. Firman Allah s.w.t :

قَالُوا رَبَّنَا أَمَتْنَا اثْنَتَيْنِ وَأَحْيَيْتَنَا اثْنَتَيْنِ فَاعْتَرَفْنَا بِذُنُوبِنَا فَهَلْ
إِلَى خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ ﴿١١﴾

Maksudnya :

“Mereka menjawab: "Wahai Tuhan kami! Engkau telah menjadikan kami berkeadaan mati dua kali, dan telah menjadikan kami bersifat hidup dua kali, maka kami (sekarang) mengakui akan dosa-dosa kami. oleh itu Adakah sebarang jalan untuk (Kami) keluar (dari neraka)?”.

(Surah Mu'min[40]:11)

4.2.6. Menolak kepercayaan terhadap azab kubur

Dalam peringkat perjalanan kehidupannya manusia akan melalui satu alam antara kematian dan kebangkitan pada hari kiamat yang dinamai alam barzakh. Barzakh bermaksud yang melindungi antara dua bahagian iaitu antara dunia dan akhirat.²⁵⁴ Mujāhid berkata barzakh ialah dinding antara dunia dan akhirat. Begitu juga kata Muḥammad Ibn Kā'ab. Ahli barzakh bukanlah ahli dunia yang boleh makan dan minum, bukannya juga ahli akhirat yang menerima balasan. Abū Sakhar mengatakan barzakh ialah kubur, bukan di dunia dan bukan di akhirat, mereka berada di sana sehinggalah

²⁵⁴ Al-Faṭānī, Zayn al-'Ābidīn (t.t), *Aqā'id al-Nājīn fi Ilm Uṣūl al-Dīn*. Faṭānī: Maṭba'ah Ibn Halābī, h. 99.

mereka dibangkitkan.²⁵⁵ Sekalipun mayat tersebut tidak ditanam di kubur seperti mayat yang dilemparkan ke laut atau dimakan binatang dan seumpamanya.²⁵⁶

Kebenaran tentang azab kubur adalah satu kepastian. Firman Allah s.w.t :

لَعَلِّيْ أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya :

“Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan”. Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang ia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat)”.

(Surah al-Mu'minūn[23]:100)

Allah s.w.t juga berfirman :

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا

Maksudnya :

“Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit...”.

(Surah Tāha[20]:124)

Nabi s.a.w bersabda, *“Itu (kehidupan yang sempit) adalah azab kubur”.*²⁵⁷

²⁵⁵ Ibn Kathīr (2002), *op.cit.*, j. 5, h. 506.

²⁵⁶ Al-Faṭānī (t.t), *op.cit.*, h. 99.

Penolakan terhadap azab kubur oleh ajaran yang menyeleweng merupakan rentetan daripada penolakan mereka terhadap terhadap konsep dosa. Sekiranya manusia mempercayai azab kubur yang bakal dirasai orang yang melakukan dosa dan kemungkaran, sudah pasti manusia menghindarkan diri daripada melakukan dosa. Sedangkan keinginan *al-Hawā* tertumpu kepada dosa. *Al-Hawā* inginkan kebebasan dalam melakukan apa sahaja. Justeru, *al-Hawā* membisikkan kepada manusia agar menolak kepercayaan terhadap azab kubur agar mereka bebas dalam apa sahaja perbuatan yang diingin dilakukankan, tidak risau dan gusar dengan dosa dan gerun dengan azab kubur. Mereka sebenarnya mengetahui mereka berada pada jalan yang salah dan takut menerima azab Allah s.w.t. Seandainya mereka berada pada jalan kebenaran mereka tidak perlu takut dengan azab kubur. Perhambaan diri terhadap *al-Hawā* mendorong mereka mendakwa apa sahaja dakwaan agar dapat mengelabui mata manusia. Manusia yang merupakan pengikut *al-Hawā* turut merasa senang dengan penolakan ini.

Al-Hawā menolak kepercayaan terhadap azab kubur kerana peringatan kepada azab kubur hakikatnya boleh menzuhudkan syahwat.²⁵⁷ Inilah juga yang ditakuti oleh mereka yang menjadi proksi syaitan kerana syaitan mempunyai hala tuju untuk menyesatkan manusia daripada jalan Allah s.w.t. Apabila mereka menerima kepercayaan terhadap azab kubur *al-Hawā* mereka tidak bebas melakukan apa sahaja perbuatan kerana takut menerima azab. *Al-Hawā* akan menjadi lemah dan tunduk di

²⁵⁷ Al-Mundhirī (t.t), *op. cit.*, j. 7, h. 144.

²⁵⁸ *Ibid.*.

bawah penguasaan *al-'Aql*. Oleh itu syaitan berusaha sedaya upaya agar manusia tidak mempercayai azab kubur, berterusan melakukan dosa dan terus berada di bawah telunjuk *al-Hawā* menuju ke arah kesesatan.

Al-Hawā yang lepas bebas daripada kekangan perasaan takut kepada azab bebas melaksanakan hasrat dan keinginannya yang cenderung kepada kejahatan yang mengundang kemurkaan dan azab Allah s.w.t di dalam kubur yang merupakan gambaran nasib yang bakal diterimanya di akhirat. Dominasi *al-Hawā* yang begitu kuat mengaburkan pandangan mereka terhadap dosa dan pahala, syurga dan neraka. Mereka seolah-olah pekak dan buta daripada melihat kebenaran kerana mereka begitu tegar memperjuangkan kehendak *al-Hawā*.

4.2.7. Meninggalkan ibadat wajib

Ibadat merupakan simbol ketaatan dan kehambaan manusia terhadap Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya :

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”.

(Surah al-Dzāriyāt[51]:56)

Kumpulan ajaran yang menyeleweng terbukti dituntun *al-Hawā* apabila mereka meninggalkan ibadat wajib seperti solat fardhu lima waktu²⁵⁹ dan solat Jumaat²⁶⁰. *Al-Hawā* yang berada di bawah pengaruh syaitan merasakan ibadat cukup berat untuk ditunaikan. *Al-Hawā* juga membisikkan bahawa ibadat adalah sukar dan menyusahkan manusia, tambahan pula pelaksanaan ibadat terikat dengan cara, masa dan tempat yang tertentu. *Al-Hawā* tidak suka terikat dengan peraturan. Apabila kata *al-Hawā* yang diikuti pelaksanaan ibadat diabaikan sebagaimana firman Allah s..w.t :

خَلْفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ ...^ط

Maksudnya :

“Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat)...”.

(Surah Maryam[19]: 59)

Al-Hawā juga hakikatnya tidak suka berada dekat dengan Allah s.w.t. Pelaksanaan ibadat akan mentaqarrubkan seseorang manusia kepada Allah s.w.t. *Taqarrub* kepada Allah s.w.t membawa kepada penyerahan diri kepada Allah s.w.t, mengikut perintah dan laranganNya. *Al-Hawā* tidak mahu menyerah diri dan tunduk kepada Allah s.w.t kerana *al-Hawā* akan terikat dengan peraturan Allah s.w.t. *Al-Hawā* ingin bebas melakukan apa sahaja keinginan tanpa dikekang peraturan Allah s.w.t. Oleh

²⁵⁹Amalan ini terdapat dalam beberapa kumpulan seperti Tarikat Hasan Anak Rimau, Ajaran Daud Majid, Ajaran Pak Teh Selamat, Tarikat Ahmad Jibril dan Ajaran Ayah Pin.

²⁶⁰Ajaran disebutkan terdapat dalam kumpulan Ajaran Husein bin Awang.

itu, *al-Hawā* mempegaruhi manusia meninggalkan ibadat agar semakin jauh daripada Allah s.w.t dan engkar dengan segala peraturanNya.

Al-Hawā tidak suka tunduk kepada wahyu. *Al-'Aql* mengikut panduan wahyu sebaliknya *al-Hawā* suka menentang dan melawan wahyu. Perintah Allah s.w.t dan RasulNya diabaikan sebaliknya larangan Allah s.w.t dan RasulNya dijadikan amalan. Pengikut ajaran yang menyeleweng meninggalkan ibadat wajib demi menjaga kepentingan *al-Hawā* yang tidak mahu tunduk sujud kepada Allah s.w.t.

Orang yang meninggalkan ibadat wajib, akan dikunci hatinya oleh Allah s.w.t daripada melihat perkara yang benar dan semakin sukarlah dirinya melakukan kebaikan sebaliknya keburukan yang menjadi fokus utamanya. Oleh itu, *al-Hawā* semakin kuat dan bertenaga dan semakin liar melakukan penyelewengan demi penyelewengan.

Pengabaian aspek ibadat akhirnya akan melemahkan akidah seseorang dan semakin mudah dirinya dipengaruhi syaitan. *Ahl al-Hawā* tidak suka ibadat kepada Allah s.w.t kerana ibadat kepada Allah bermaksud perhambaan kepada Allah s.w.t. Mereka adalah hamba *al-Hawā*.

4.2.8. Menganggap mudah pelaksanaan ibadat

Islam agama yang mudah kerana ajaran Islam selari dengan naluri dan fitrah. Di dalam al-Qur'an Allah s.w.t berfirman :

هُوَ أَجْتَبَنُكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ...^ع

Maksudnya :

“Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamaNya); dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama...”

(Surah al-Hajj[22]:78)

Nabi s.a.w juga bersabda :

(إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ...)²⁶¹

Maksudnya :

“Sesungguhnya agama Islam adalah mudah...”

Antara buktinya ialah pemberian rukhsah tetapi rukhsah tidak diberikan kepada manusia secara mutlak tanpa sebarang peraturan. Rukhsah bukan bermakna manusia itu terlepas daripada taklif sebaliknya rukhsah dapat mengelakkan manusia daripada mengambil kesempatan dengan bermudah-mudah dengan pelaksanaan perintah Allah s.w.t dan melambangkan peri pentingnya menjaga perintahNya.²⁶² Seseorang yang tidak mampu solat berdiri, dia boleh solat secara duduk atau berbaring. Dia tetap wajib solat tapi dengan cara yang dia mampu lakukan berdasarkan syarak. Melalui rukhsah Allah s.w.t telah menutup ruang alasan seseorang untuk meninggalkan solat.

²⁶¹ Faraj 'Alī al-Faqīr Ḥusayn, (Dr.) (2003), *Mazāhir al-Taysīr wa Raf'i al-Ḥaraj*. Beirut: Dār Qutaybah, h. 11.

²⁶² *Ibid.*

Tabiat manusia menyukai perkara yang mudah. Prinsip kemudahan dalam Islam tidak bermakna syariat Islam boleh diambil mudah sebagaimana yang difahami pengamal ajaran yang menyeleweng. Pengamal ajaran yang menyeleweng memutarbelitkan kefahaman pengikut dalam konsep mudah dalam Islam. Perkara ini dapat dilihat dalam pengamalan solat hakikat iaitu solat hanya dengan memejam mata dan niat sahaja tanpa sebarang penglibatan anggota-anggota lain, memendekkan solat sewenang-wenangnya dan solat sebelum masuk waktunya sekiranya seseorang ada urusan yang mustahak.

Perbuatan meringan-ringankan solat adalah perbuatan *al-Hawā* kerana *al-Hawā* sememangnya tidak menyukai solat yang merupakan ibadat yang menghubungkan manusia dengan Allah s.w.t. Apabila manusia menunaikan solat sempurna syarat dan rukunnya, dia akan semakin dekat dengan Allah s.w.t, dan syaitan akan menjauh. Apabila syaitan menjauh, *al-Hawā* akan menjadi lemah. *Al-Hawā* tidak gemar diikat dengan pelbagai peraturan. Solat mempunyai rukun-rukun dan syarat yang tersendiri yang wajib dipatuhi. Oleh itu, *al-Hawā* membisikkan agar ibadat solat diselewengkan mengikut kehendak dan cita rasa sendiri.

Begitu juga amalan nikah batin yang tidak memerlukan mahar berbentuk material, wali mahupun saksi. *Al-Hawā* mahu berkahwin, tetapi *al-Hawā* tidak mahu mengikut ketetapan Allah s.w.t. *Al-Hawā* kedekut untuk berbelanja untuk urusan perkahwinan, tidak mahu mengisytiharkan perkahwinannya kepada orang ramai kerana akan menimbulkan kesangsian mereka apatah lagi untuk mengadakan jamuan. *Al-Hawā* rimas untuk mengikut segala prosedur yang ditetapkan oleh agama Islam untuk

memastikan perkahwinan itu sah. *Al-Hawā* juga tidak mahu terikat sebagai seorang suami yang mempunyai bebanan yang besar sebagai ketua keluarga sebagaimana ditetapkan Islam. *Al-Hawā* hanya ingin berseronok sahaja.

Timbul juga idea pelaksanaan ibadat haji yang boleh dilakukan di rumah sendiri tanpa pergi ke tanah suci Mekah. *Al-Hawā* bakhil membelanjakan harta untuk beribadat, tidak suka bersesak-sesak dalam banjir manusia di tanah suci Mekah dan tidak mahu berhadapan pelbagai kesukaran lain yang memerlukan kekuatan *al-'Aql* manusia untuk teguh berhadapan dengan kesukaran dan kesulitan sebagai simbol perhambaan kepadaNya. Justeru, orang yang tidak mahu tunduk memperhambakan diri kepada Allah s.w.t, dia memperhambakan diri kepada *al-Hawā*. Betapa besarnya kesesatan yang dicetuskan *al-Hawā* kerana dengan berpandukan kehendak *al-Hawā* yang sesat manusia berani mengubah syariat yang telah ditentukan Allah s.w.t mengikut kehendak dan kepentingan sendiri.

Al-Hawā tidak suka perkara yang rumit dan sukar. *Al-Hawā* hanya suka perkara yang mudah dan cepat sahaja. Prinsip *al-Hawā* bertentangan dengan konsep ibadat yang memerlukan mujahadah dan pengorbanan seseorang manusia dalam merasai kemanisan ibadat. Mereka yang dikuasai *al-Hawā* melakukan penyelewengan akidah dengan mempermudah ajaran Islam mengikut cita rasa dan kepentingan diri sendiri. Konsep mudah dalam ajaran yang menyeleweng adalah mengikut dorongan *al-Hawā*. Mereka mencampur adukkan keinginan *al-Hawā* dengan taklifan yang diberikan Allah s.w.t.

Apa yang disukai *al-Hawā*, itulah yang dilakukan walaupun bertentangan dengan syariat. Lama kelamaan, *al-Hawā* yang menjadi anutanannya.

4.2.9. Menghalalkan pergaulan lelaki dan perempuan bukan mahram

Tabiat lelaki menyukai wanita dan begitulah sebaliknya. Allah s.w.t telah menyatakan perkara ini di dalam firmanNya :

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ ...

Maksudnya :

“Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia, kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak...”.

(Surah Āli 'Imrān [3]:14)

Mengikut Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī, pertemuan antara lelaki dan perempuan pada zatnya tidak haram. Sebaliknya ia adalah dituntut sekiranya niatnya adalah untuk bekerjasama melakukan kebaikan seperti menuntut ilmu. Tetapi ini tidak bermakna semuanya itu memberi ruang kebebasan kepada kedua golongan itu untuk membelakangi batasan atau melupakan had yang telah ditentukan syarak. Antara batasannya ialah kedua-dua pihak hendaklah menjaga pandangan, tidak melihat aurat atau memandang dengan pandangan nafsu, wanita hendaklah menjaga auratnya, memelihara adab sebagai wanita ketika berurusan dengan lelaki seperti menjaga

percakapan dan pergerakan, mengelakkan daripada menggunakan perkara yang boleh membangkitkan nafsu seperti memakai minyak wangi, mengelakkan daripada bersunyi-sunyian antara keduanya dan memastikan pertemuan itu adalah berdasarkan keperluan.²⁶³

Islam menegaskan agar manusia menjaga batasan pergaulan lelaki dan perempuan bermula dari pandangan mata lagi kerana pandangan mata akan turun dan melekat di hati. Pandangan mata boleh membawa kerosakan hati. Allah s.w.t memerintahkan manusia menjaga maruahnyanya sebagaimana menjaga pandangan mata²⁶⁴. Firman Allah s.w.t :

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ...

Maksudnya :

“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka...”.

(Surah al-Nūr [24]:30)

Realiti yang berlaku dalam ajaran yang menyeleweng memperlihatkan penguasaan *al-Hawā* terhadap diri mereka yang mengatasi syariat. Ada dalam kalangan ajaran yang menyeleweng yang meratib dengan keadaan bercampur gaul antara lelaki dan perempuan tanpa menjaga batasan aurat. Lebih dahsyat apabila ada guru yang mengajarkan halalnyanya zina guru dengan pengikut untuk membuktikan ketaatan dan kesetiaan kepada guru. Hubungan antara lelaki dan perempuan dalam kalangan mereka

²⁶³ Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, (Dr.) (1995), *Fatāwā Mu'āṣarah*, j. 5 dan 6. Zaidi Jalil *et al.* (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 498-502.

²⁶⁴ Ibn Kathīr (2002), *op.cit.*, j. 6, h. 48.

bukan kerana keperluan, tetapi kerana menurutkan keinginan *al-Hawā* yang menyukai pergaulan luar batasan antara mereka.

Wahyu Allah s.w.t telah mengingatkan :

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Maksudnya :

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

(Surah al-Isrā’[17]:32)

Balasan buat mereka juga amat berat.

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ ... ﴿٢٤﴾

Maksudnya :

“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat...”

(Surah al-Nūr[24]:2)

Tetapi *al-Hawā* enggan mengikut wahyu. *Al-Hawā* suka mengikut aspirasi syaitan yang membawanya kepada kecelakaan.

Percampuran antara lelaki dan perempuan merupakan perbuatan mendekati zina. Mereka berselindung di sebalik amalan meratib padahal ada keinginan *al-Hawā* supaya berlaku pergaulan antara lelaki dan perempuan. Syaitan begitu licik menyuntikkan jarumnya kepada *al-Hawā* manusia menyebabkan mereka tidak memandangnya sebagai pergaulan bebas dan pendekatan kepada zina, tetapi mereka hanya melihat perbuatan mereka yang dianggap baik iaitu meratib.²⁶⁵

Terdapat juga guru ajaran yang menyeleweng yang mensyaratkan pengikut wanita untuk melayaninya ketika sakit sebagaimana yang dibincangkan dalam bab tiga. Dia mengikut arahan *al-Hawā*nya yang sememangnya suka didekati dan didampingi wanita walaupun sekadar untuk berbual-bual. Kesukaan *al-Hawā* terhadap wanita juga menyebabkan guru menghalalkan pergaulannya dengan pengikut wanita sama ada yang telah bersuami atau tidak bersuami lebih-lebih lagi wanita yang mempunyai rupa paras yang menawan.

Obsesi *al-Hawā* terhadap wanita begitu membahayakan sehingga ada dalam kalangan kumpulan ajaran yang menyeleweng menghalalkan zina malah mensyaratkan pengikut wanita untuk memenuhi keinginan seks guru mereka jika mereka mahu mendapatkan pengampunan. Inilah caranya mereka melampiaskan keinginan *al-Hawā* yang membuak-buak untuk berseronok-seronok dengan wanita dengan cara yang mudah.

²⁶⁵ Terdapat bekas pengikut wanita yang menceritakan bahawa kegiatan meratib dalam Tarikat Hasan Anak Rimau diadakan bercampur lelaki dan perempuan dan dalam suasana yang gelap. Bermula dengan zikir, lama-kelamaan bertukar menjadi sebutan yang tidak jelas dengan suara yang semakin kuat. Dalam keadaan hingar bingar itu, berlakulah pencabulan terhadap pengikut wanita. Temubual, Haji Mamat bin Deraman, *op. cit.* dan Zakaria bin Mohd. Din.

Allah s.w.t menjadikan lelaki menyukai wanita dan Allah s.w.t telah menetapkan batasan-batasan dan peraturan-peraturan yang menghalalkan pergaulan kedua-dua mereka iaitu melalui ikatan akad nikah. Tetapi *al-Hawā* tidak suka dengan akad nikah kerana mereka perlu mematuhi syarat-syarat tertentu seperti mas kahwin dan mesti melefazkan akad melalui kadi dan sebagainya. Lafaz akad juga menuntut seseorang suami untuk menunaikan tanggungjawab terhadap isterinya zahir dan batin. Penetapan tanggungjawab ini tidak disukai *al-Hawā*. *Al-Hawā* tidak mahu dibebankan dengan tanggungjawab dan diberati dengan pelbagai peraturan. *Al-Hawā* hanya inginkan keseronokan bermesra bersama wanita. Penghalalan zina membolehkan mereka untuk berseronok dengan mana-mana wanita khususnya pengikut tanpa sebarang halangan.

Islam juga telah menetapkan jumlah isteri yang boleh dikahwini sekali gus iaitu seramai empat orang. Seorang suami tidak boleh menceraikan isteri sewenang-wenangnya. *Al-Hawā* tidak mahu mengikut peraturan. *Al-Hawā* ingin memiliki wanita lebih daripada bilangan yang ditetapkan dan *al-Hawā* tidak pernah puas dengan apa yang dimiliki. Oleh sebab itu *al-Hawā* menghalalkan zina agar dapat melampiaskan keinginan terhadap wanita yang berbeza-beza dan sentiasa bertukar ganti. *Al-Hawā* juga merasa bangga dan megah dengan dapat mengadakan hubungan dengan ramai wanita. Dalam sesetengah ajaran pula mereka mengamalkan nikah batin untuk mengaburi mata pengikut agar perhubungan tersebut kelihatan halal sedangkan amalan tersebut tidak berlandaskan syarak. Itu hanyalah tipu daya *al-Hawā* untuk berseronok dengan ramai wanita.

Kedudukan guru yang dianggap sebagai tuhan, orang yang paling mulia, mesti dipatuhi dan tidak boleh diingkari sedikit pun yang ditanam dalam jiwa pengikut menyebabkan guru ajaran yang menyeleweng begitu mudah mengeksploitasikan pengikut wanita untuk memuaskan keinginan *al-Hawā* mereka terhadap wanita.

Al-Hawā sukakan keseronokan mengejar duniawi. Manusia yang *al-'Aql* telah berjaya ditundukkan *al-Hawā* gagal mengawal keinginan terhadap wanita sehingga mereka menghalalkan perhubungan yang diharamkan Islam.

4.2.10. Membebaskan diri daripada terikat dengan peraturan

Islam adalah perlembagaan yang berobjektifkan mengangkat taraf kehidupan manusia.²⁶⁶ Islam menetapkan '*Tiada Tuhan Melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah Pesuruh Allah*'. Islam bermatlamat menyelamatkan manusia dan memberi kebahagiaan kepada mereka di dunia dan di akhirat.

Perlembagaan Islam berorientasikan perintah Allah s.w.t dan RasulNya. Ada perkara yang halal dan ada perkara yang haram. Ada perkara yang wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Peraturan atau undang-undang meluruskan manusia mengikut *ṣirāṭ al-Mustaqīm*.

²⁶⁶ Sayyid Sābiq (1967), *Islāmunā*, c. 2. Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, h. 8

Al-Hawā tidak suka dikongkong dengan pelbagai peraturan, menerima perintah atau arahan wahyu. *Al-Hawā* suka bebas dan mengikut telunjuk syaitan. Syaitan sentiasa berusaha menggelincirkan manusia daripada jalan Allah s.w.t menggunakan mekanisme *al-Hawā*. Justeru, pengamal ajaran yang menyeleweng menghalalkan perkara yang haram seperti menghalalkan zina yang menjadi kesukaan *al-Hawā*, mengubahsuai perintah Allah s.w.t mengikut keinginan sendiri seperti solat hakikat, haji di rumah sendiri dan menunaikan zakat dengan hanya bersyarah dan mengharuskan meninggalkan ibadat wajib seperti solat Jumaat. Bagi menjayakan lagi hasrat *al-Hawā* membebaskan diri daripada peraturan, ada yang mengaku sebagai Tuhan dan memasak keyakinan pengikut bahawa diri mereka sendiri adalah tuhan dan mengaku sebagai nabi. Justeru mereka tidak perlu tunduk kepada arahan sesiapa.

Keinginan *al-Hawā* untuk bebas daripada dikongkong dengan peraturan mencetuskan manusia untuk mempunyai kumpulan sendiri yang bergerak dengan hala tuju *al-Hawā* mereka sendiri yang terkeluar daripada kerangka wahyu.

4.2.11. Mengumpul harta kekayaan

Kecintaan kepada harta duniawi merupakan kecintaan yang Allah s.w.t perhiaskan untuk diri manusia. Manusia tidak pernah puas dengan harta kekayaan yang dimiliki. Perkara ini diakui oleh Nabi s.a.w dalam sabda baginda:

267 (لَوْ كَانَ لِابْنِ آدَمَ وَادِيَانِ مِنْ مَالٍ لَابْتَغَى ثَالِثًا وَلَا يَمْلَأُ جَوْفَ ابْنِ آدَمَ إِلَّا الشَّرَابُ...)

Maksudnya :

“Seandainya seseorang anak Adam (manusia) itu memiliki dua lembah harta nescaya dia akan mencari yang ketiga. Dan tidak akan penuh perut anak Adam melainkan dengan tanah(mati)...”.

Cinta kepada harta adalah perbuatan tercela sekiranya untuk dibanggakan, takabbur ke atas orang lemah dan *tajabbur*²⁶⁸ ke atas orang fakir. Cinta ini sebaliknya perbuatan mulia sekiranya bertujuan memberi nafkah kepada keluarga, memberi kebajikan dan ketaatan kepada Allah s.w.t.²⁶⁹ Orang kaya yang bersyukur lebih *afdal* di sisi jumbuh berbanding orang fakir yang sabar.²⁷⁰

Cinta harta dan kedudukan untuk mencapai fungsi jasad tidak tercela, tetapi kecintaan yang melampaui batas keperluan adalah perbuatan yang dicela. Malah, mencapai kedudukan dan harta melalui ibadah adalah kejahatan terhadap agama.²⁷¹

Nabi s.a.w bersabda :

272 (إِنَّ لِلْأُمَّةِ فِتْنَةً وَفِتْنَةُ أُمَّتِي الْمَالُ)

Maksudnya :

“Sesungguhnya bagi setiap kaum itu ada fitnah kekacauannya, dan fitnah kekacauan umatku ialah harta”.

²⁶⁷ Al-Syarqāwī, al-Syaykh 'Abdullah (2009), *al-Ahādīth al-Mukhtārah min Fath al-Mubdi bi Syarh Mukhtaṣṣar al-Zubaydī* Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 149.

²⁶⁸ Bermaksud membesarkan diri.

²⁶⁹ Ibn Kathīr (2002), *op.cit.*, j. 2, h. 22.

²⁷⁰ Al-Faṭānī (t.t), *op.cit.*, h. 52.

²⁷¹ Sa'īd Ḥawwā (2007), *Intisari Ihya' Ulumuddin Imam Al-Ghazali Mensucikan Jiwa Kaedah Tazkiyatun Nafs Bersepadu*. Aunur Rafiq Saleh Tamhid (terj.), Selangor: Pustaka Dini Sdn. Bhd., h. 160.

²⁷² Al-Tirmidhī (1983), *op.cit.*, j.3, h. 389.

Harta melambangkan kekuasaan pengikut *al-Hawā*. Keinginan untuk memiliki kekayaan mendorong ketua atau guru ajaran yang menyeleweng mengeksploitasikan pengikut untuk mengumpul harta kekayaannya. Pelbagai fahaman salah ditanam dalam pemikiran pengikut seperti pengorbanan harta untuk ketua atau guru dan seseorang itu bakal mendapat ganjaran besar dengan pengorbanan tersebut dan pemberian harta kepada guru menjadi lambang ketaatan pengikut terhadap guru. Ketaatan pengikut terhadap ketua dan kefanatikannya memudahkan ketua untuk mencapai hasratnya. *Al-Hawā* mencegahnya daripada berusaha keras memerah keringat untuk memperolehi harta. *Al-Hawā* suka bermalas-malas berpeluk tubuh mengharapkan pengikut melonggokkan harta untuknya.

Al-Hawā mengidamkan kekayaan hidup di dunia. *Al-Hawā* teruja dengan hidup yang mewah, harta yang banyak, kenderaan mewah, rumah yang lengkap dan canggih dan kehidupan yang senang lenang daripada harta yang banyak dengan memiliki pekerja dan orang gaji. *Al-Hawā* membisikkan boleh melakukan apa sahaja dengan kekayaan yang dimiliki termasuklah melakukan maksiat dan pengkhianatan terhadap Allah s.w.t. *Al-Hawā* juga dapat memperolehi pengaruh yang kuat hasil daripada harta yang banyak kerana orang jahil akan tunduk kepada orang berharta, dapat berseronok dengan wanita dan mempunyai orang-orang suruhan yang sanggup memperhambakan diri untuknya.

Al-Hawā suka bermewah dalam makanan. *Al-Hawā* suka makan makanan yang banyak, mahal, sedap dan mewah. Ketamakan *al-Hawā* kepada makanan mengundang pelbagai kejahatan kepada manusia. Perut yang kenyang menyebabkan saluran darah manusia membesar, membuka ruang yang luas kepada syaitan yang berjalan dalam salur darah manusia. Manusia menjadi semakin malas dan lalai daripada mengingati Allah s.w.t. Inilah aspirasi *al-Hawā*.

Al-Hawā menyebabkan manusia mengutamakan kehidupan dunia berbanding akhirat. *Al-'Aql* menjadikan ilmu sebagai pedoman berusaha mendapatkan harta manakala *al-Hawā* mendorong manusia melakukan apa sahaja untuk mendapatkan harta walaupun terpaksa menjual akidah asalkan diperolehi dengan cepat dan mudah tanpa perlu bersusah-payah. *Al-Hawā* membutakan mata manusia daripada menilai harga akhirat malah menolaknya dengan ketamakan kepada harta dunia.

4.2.12. Mendakwa diri dan pengikut mempunyai keistimewaan

Antara faktor yang mendorong orang ramai menyertai kumpulan ajaran yang menyeleweng adalah kerana terpicat dan tertarik dengan keistimewaan, keajaiban dan kuasa luar biasa yang dimiliki ketuanya. Kondisi ini mendorong pengasas ajaran yang menyeleweng mereka-reka keajaiban mereka atau mengusahakan kuasa luar biasa yang boleh diperolehi melalui amalan sihir.

Di dalam Islam, perkara luar biasa atau disebut sebagai *khāriq al-ʿĀdah* berlaku dalam tujuh bentuk iaitu mukjizat²⁷³, *irḥāṣ*²⁷⁴, *karāmah*²⁷⁵, *maʿūnah*²⁷⁶, *istidrāj*²⁷⁷, *ihānah*²⁷⁸ dan sihir²⁷⁹. Keluarbiasaannya ini adalah kurniaan Allah s.w.t kepada hamba-hambanya dan terjadi hanya dengan keizinanNya.

Ada antara kumpulan ajaran yang menyeleweng yang mendakwa mikraj ke langit sebanyak 17 kali, mendakwa Rasulullah sering berada di rumahnya dan dia boleh bertanya kepada Rasulullah, mendapat ilmu Ladunni tanpa perlu belajar dan menuntut dan mendakwa jemaah mereka sebagai penyambut ketibaan Imam Mahdi. Ayah Pin pula mendakwa kaabah dan air zamzam adalah hak miliknya dan dia juga memiliki kerajaan langit. Ada juga yang mengaku boleh nampak Tuhan. Ada juga yang mendakwa dapat mengetahui dan meramal masa hadapan.²⁸⁰ Dakwaan sebegini penulis tafsirkan sebagai dakwaan atau omong-omong kosong berbentuk lisan semata-mata. Sesiapa sahaja boleh mendakwa bermacam-macam perkara, kerana yang mempercayainya hanyalah pengikut-pengikut yang buta hati kerana taksub kepada ketua.

²⁷³Bermaksud perkara luar biasa yang berlaku kepada para Nabi dan Rasul yang tidak dipelajari, ditiru atau ditandingi seperti mukjizat al-Qur'an kepada Nabi Muhammad s.a.w mengalahkan segala syair-syair Arab Jahiliyah dan mukjizat tongkat Nabi Musa a.s. yang bertukar menjadi ular besar lalu menelan ular-ular sihir tukang sihir Firaun.

²⁷⁴Bermaksud perkara luar biasa kurniaan Allah s.w.t kepada seseorang yang bakal dilantik menjadi Rasul seperti Nabi Isa a.s boleh bercakap ketika masih bayi.

²⁷⁵Perkara luar biasa kurniaan Allah s.w.t kepada hamba-hambanya yang soleh seperti yang berlaku kepada *Aṣḥāb al-Kahf* yang ditidurkan Allah s.w.t selama 309 tahun dan dibangunkan semula.

²⁷⁶ Bermaksud perkara luar biasa yang dikurniakan Allah s.w.t kepada orang biasa yang beriman sebagai pertolongan Allah s.w.t kepada mereka seperti seseorang yang terselamat daripada sesuatu kemalangan yang mengakibatkan maut.

²⁷⁷Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang fasik atau kafir dan mereka menjadi semakin sesat seperti Firaun yang dianugerahkan Allah s.w.t kecerdikan dan kekuasaan tetapi menjadi semakin sesat.

²⁷⁸ Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang fasik atau kafir iaitu dakwaannya menjadi sebaliknya seperti yang berlaku kepada Musaylamah yang ingin menambah air perigi yang hampir kering dengan meludah ke dalam perigi tersebut, tetapi perigi menjadi kering kontang.

²⁷⁹Bermaksud perkara luar biasa yang berlaku kepada sesiapa sahaja yang mempelajari dan mengamalkan amalan tertentu dengan bantuan jin dan syaitan untuk melakukan kejahatan seperti pukau.

²⁸⁰ Perkara ini telah dijelaskan dalam Bab Tiga tesis ini.

Ahl al-Hawā suka menonjolkan dan mengetengahkan diri mereka sendiri dengan kehebatan dengan cara mendakwa memiliki kuasa luar biasa atau seumpamanya. *Al-Hawā* suka bermegah dan mengangkat diri sendiri. Matlamatnya memuaskan keinginan *al-Hawā* untuk dipuja disanjung, dihormati, disegani dan digeruni pengikut. Ketua biasanya begitu digeruni pengikut kerana mereka percaya akan dakwaan kuasa luar biasanya. Mereka dipuja, disanjung dan diberi pelbagai penghormatan oleh pengikut. Oleh itu, semakin berkuasalah *al-Hawā*nya terhadap diri.

Al-Hawā juga membisikkan kepada pemiliknya untuk membuat pelbagai dakwaan mempunyai kuasa ajaib dan seumpamanya untuk memperdaya pengikut dan memperteguhkan bahawa ajaran yang dibawakan adalah benar, buktinya kelebihan yang ada pada dirinya kerana melalui dakwaan ini ramai orang yang jahil tertipu dan terpedaya lalu turut serta menjadi pengikut. *Al-Hawā* suka mempertahankan dirinya, menyatakan dirinya di pihak yang benar dengan kebijaksanaan memanipulasikan kata-kata dan berhujjah menegakkan benang basah. Sokongan pengikut yang ramai menambahkan lagi kekerasan *al-Hawā* dan memperteguhkan lagi kedudukannya.

Al-Hawā inginkan kemasyhuran dan dikenali ramai sebagai manusia yang hebat. *Al-Hawā* mendorong manusia mengada-adakan dan menunjukkan kebolehan dan kehebatan luar biasa, aneh dan pelik yang boleh diusahakan melalui ilmu sihir. Apabila usahanya diizinkan Allah s.w.t *al-Hawā* semakin takjub dengan dirinya sendiri dan ingin menyebarkan lagi kehebatannya. Sedangkan Nabi s.a.w tidak menyohorkan

kehebatan diri baginda yang sememangnya manusia paling hebat, tetapi baginda memasyhurkan kalimah Allah s.w.t, begitu juga ulamak, *awliyā'* dan *ṣāliḥīn* yang dikurniakan karamah oleh Allah s.w.t. *Al-'Aql* mereka kuat, dapat mengekang pengaruh *al-Hawā*.

Keinginan *al-Hawā* untuk berkuasa dan berpengaruh melonjakkan manusia untuk mendakwa dirinya hebat dan memiliki pelbagai keajaiban. Manusia yang jahil tanpa ilmu mudah merasa kagum dengan maklumat di luar pengetahuannya menyebabkan *al-Hawā*nya mudah tertarik dan terpesona dengan dakwaan-dakwaan sedemikian. *Al-Hawā* yang mendominasi pengasas dan juga pengikut menjadikan ajaran yang menyeleweng semakin tersebar.

4.2.13. Menginginkan cara yang mudah dan cepat untuk ke syurga

Sikap ingin cepat dan gelojoh merupakan sikap syaitan. Dalam satu hadis, Nabi s.a.w menyebutkan :

²⁸¹ (العَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ)

Maksudnya :

“Sifat gelojoh itu adalah berpunca syaitan”.

²⁸¹ Al-Tirmidhī (1983), *op.cit.*, j.3, h. 248.

Orang yang gelojoh, matlamat mereka menghalalkan segala cara dan usaha. Oleh sebab itulah, munculnya pelbagai skim cepat kaya, ramai perempuan yang melacurkan diri, berleluasanya jenayah merompak, berjudi, riba dan sebagainya yang merupakan perbuatan keji hasil daripada keinginan untuk cepat mendapat hasil. Mereka ingin mencapai kemewahan hidup dalam masa yang singkat, dengan cara yang mudah tanpa menunggu masa yang lama walaupun terpaksa menggadaikan maruah diri dan akidah.

Islam menyarankan umatnya untuk bekerja dan berusaha berdasarkan landasan akidah dan syariat Islam. Allah s.w.t tidak memandang kepada hasil, tetapi usaha yang dilakukan hamba-hambanya. Manusia yang mengikut *al-Hawā* pula adalah sebaliknya kerana *al-Hawā* khilaf dengan wahyu. Manusia yang mengikut *al-Hawā* lebih mengutamakan hasil berbanding usaha. Orang yang mengikut *al-Hawā*nya bersifat gelojoh dan sentiasa ingin cepat mendapat hasil dalam semua pekerjaan yang dilakukan tanpa mempedulikan perintah dan larangan wahyu.

Keinginan memperoleh hasil dengan cepat menyebabkan sesetengah manusia memikirkan jalan cepat dan pintas untuk ke syurga. Matlamat untuk masuk syurga adalah matlamat setiap manusia kerana neraka tidak menjadi idaman sesiapa pun. *Al-Hawā* membisikkan bahawa melakukan kebaikan mengikut ketetapan akidah Islam adalah sukar kerana memerlukan kesungguhan dan mujahadah dalam beribadat dan menepati peraturan yang ditetapkan. *Al-Hawā* tidak suka bersusah-susah melakukan kebaikan dan beribadat, *al-Hawā* tidak suka diarah. *al-Hawā* inginkan cara yang cepat dan mudah dilakukan. Justeru *al-Hawā* menyarankan untuk menyertai kumpulan ajaran

yang menyeleweng yang mencanangkan cara untuk masuk syurga dengan cepat dan mudah melalui pelaksanaan amalan ajaran mereka yang menyimpang daripada landasan akidah.

Al-Hawā membisikkan untuk mengikuti ajaran yang menyeleweng kerana ajaran mereka mengikut kehendak dan keinginan *al-Hawā*, tidak perlu takut kepada dosa, azab kubur dan sebagainya. *Al-Hawā* bebas melakukan apa sahaja kehendak tanpa sebarang ikatan syariat dan peraturan dengan berbaiah dengan ajaran yang menyeleweng yang mendakwa ajaran mereka adalah yang terbaik dan menuju ke syurga.

Pada hemat penulis, mereka sebenarnya hanya berangan-angan untuk masuk syurga. Kononnya mereka ingin melalui jalan pintas ke syurga, tetapi hakikatnya *al-Hawā* mereka cuba mencari alasan untuk menghindarkan diri daripada melakukan pelbagai taklifan syariat. Mereka malas beramal dan melakukan ibadat kerana amal ibadat memerlukan kesabaran dan kesungguhan melawan desakan *al-Hawā* yang sentiasa ingin mengelak daripada melakukan ibadat. Mereka hanya ingin merasai kenikmatan syurga tanpa merasai kesukaran beribadat. Mereka sebenarnya hanya mengejar bayang-bayang syurga seperti mengejar fatamorgana. Mereka telah tertipu dengan bisikan syaitan.

4.2.14. Mengamalkan sifat takabbur

Takabbur ertinya membesarkan diri kerana lupakan diri yang hakikatnya hamba Allah yang kerdil. Seseorang itu merasai diri tinggi, besar, agung, gagah perkasa, sedangkan dia tidak lebih daripada makhluk yang melata di bumi, terjadi daripada tanah, menjelma menjadi mani, lalu menjadi orang.²⁸²

Takabbur juga sifat syaitan. Firman Allah s.w.t :

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ
وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya :

“Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada malaikat: Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam, lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan iblis; ia enggan dan takabbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir”.

(Surah al-Baqarah[2]:34)

Al-Hawā mengajak manusia bersifat takabbur. Seseorang yang takabbur merasa dirinya hebat, berpengaruh dan berkedudukan dan tidak perlu bergantung kepada sesiapa pun. Dengan keegoannya, *al-Hawā* tidak mahu manusia tunduk di bawah kekuasaan Allah s.w.t, bahkan mendorongnya untuk mengsiytiharkan dirinya menjadi Tuhan. *Al-Hawā* tidak suka diarah, tetapi dia yang akan mengarah.

²⁸² Hamka, (Prof., Dr.) (1984), *op.cit.*, j. 9, h. 74.

Seburuk-buruk takabbur ialah orang yang tidak mahu mengambil sesuatu manfaat daripada ilmu pengetahuan, tidak mahu menerima dan tunduk kepada kebenaran.²⁸³ Sifat ini turut melanda orang yang beriman hasil tipu daya syaitan.²⁸⁴ *Al-Hawā* membisikkan kepada manusia agar dia takabbur dengan ilmu yang dimiliki. Dengan itu dia akan mencipta ajaran sendiri, mempunyai peraturan sendiri, tidak perlu mengikut landasan akidah dan syariat Islam. Sifat takabbur mendorong Hasan Anak Rimau mendakwa hukum kefarduan solat, puasa, zakat, haji adalah ciptaan pemerintah, tiada kena-mengena dengan tuhan.²⁸⁵ Dia juga mendakwa ajaran guru-guru dan ustaz-ustaz selain daripadanya hanyalah ajaran kulit sahaja.²⁸⁶ Husein bin Awang pula mendakwa tak perlu solat Jumaat.²⁸⁷ Dollah bin Jusoh mengajarkan solat berjemaah tidak dikehendaki kerana mereka beriman dengan al-Qur'an sahaja.²⁸⁸ Sifat takabbur yang didorong al-Hawa menyebabkan Rahim Gombak mendakwa air penawarnya lebih baik daripada air zamzam.²⁸⁹ Takabbur menyebabkan dia beranggapan bahawa dia dan pengikutnya berada di pihak yang benar.

Sifat takabbur menghidupkan manusia daripada menerima kebenaran dan nasihat. Mereka memekakkan telinga, membutakan mata dan menutup hati daripada menerima kebenaran. Mereka tetap mempertahankan ajaran yang mereka selewengkan walaupun dinasihati atau diberi amaran. *Al-Hawā* suka manusia berkeras mempertahankan kesesatan mereka seterusnya mereka tidak akan tunduk kepada kebenaran. Hasan Anak Rimau mendakwa anak kunci syurga berada di tangannya, oleh

²⁸³ Al-Ghazzālī (1991), *op.cit.*, h. 635.

²⁸⁴ Hamka, (Prof., Dr.) (1984), *op.cit.*, j. 9, h. 74.

²⁸⁵ Nawi@Mohd. Nawi Haji Ismail, *op. cit.*, h. 52.

²⁸⁶ *Ibid.*.

²⁸⁷ Sumber: JAHEAIK, "Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat", *op. cit.*, h. 9.

²⁸⁸ *Ibid.*.

²⁸⁹ *Ibid.*, h. 10.

sesiapa yang mahu masuk syurga mestilah menjadi murid Hasan Anak Rimau.²⁹⁰

Balutan takabbur melupakan mereka terhadap hakikat diri mereka yang sebenar sebagai hamba Allah s.w.t dan penyelewengan mereka terhadap akidah Islam.

Firman Allah s.w.t :

سَأَصْرِفُ عَنْ آيَاتِيَ الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَإِنْ يَرَوْا
كُلَّ آيَةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الرُّشْدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِنْ
يَرَوْا سَبِيلَ الغَىِّ يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا ...

Maksudnya :

“Aku akan memalingkan (hati) orang-orang yang sombong takabbur di muka bumi dengan tiada alasan yang benar dari (memahami) ayat-ayatKu (yang menunjukkan kekuasaanKu); dan mereka (yang bersifat demikian) jika mereka melihat sebarang keterangan (bukti), mereka tidak beriman kepadanya, dan jika mereka melihat jalan yang (membawa kepada) hidayah petunjuk, mereka tidak mengambilnya sebagai jalan yang dilalui. Dan sebaliknya jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka terus mengambilnya sebagai jalan yang dilalui. Yang demikian itu, kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka sentiasa lalai daripadanya”.

(Surah al-A'rāf[7]:146)

Al-Hawā inginkan manusia jauh daripada Allah s.w.t. Takabbur menjauhkan mereka daripada Allah s.w.t malah mengundang kemurkaanNya. Orang yang takabbur akan melawan perundangan Allah s.w.t. dan mahu mencipta perundangan sendiri yang mengawlākan *al-Hawā*.

²⁹⁰ *Ibid.*, h. 55-56.

4.2.15. Menyelubungkan diri dengan kejahilan

Ilmu mengangkat darjat manusia daripada sekalian makhluk. Dengan ilmu, manusia mengenal Allah s.w.t, lantaran itu dimuliakan sebagai khalifah Allah. Ilmu berkait rapat dengan iman dan amal. Ilmu tanpa amal sia-sia, amal tanpa ilmu adalah gila. Kufurnya Yahudi adalah dari segi tidak beramal dengan ilmu. Mereka tahu kebenaran tetapi tidak mengikutinya. Kekufuran Nasrani pula dari segi amal tanpa ilmu. Mereka bersungguh beribadat tanpa syariat Allah. Mereka berkata terhadap Allah s.w.t apa yang mereka sendiri tak tahu.²⁹¹

Al-'Aql berkonfrontasi dengan *al-Hawā*, ilmu berkonfrontasi dengan kejahilan.

Manusia yang jahil mengikut kata *al-Hawā*nya kerana *al-'Aql* kosong tanpa ilmu. Kekosongan hatinya daripada ilmu wahyu membuka ruang kepada syaitan untuk dijadikan singgahsana kesukaannya.

Al-Hawā membisikkan manusia agar terus berada dalam kejahilan kerana kejahilan manusia mengaburkan mata hatinya daripada melihat kebenaran. Orang jahil mudah tertipu.²⁹² Tertipu dengan bisikan syaitan, keindahan duniawi dan kenikmatan yang bukan hakiki. Kejahilan akhirnya melemparkan manusia ke lembah kesesatan. Inilah yang diinginkan *al-Hawā*. Manusia yang terbelenggu dengan kejahilan tidak

²⁹¹Ibn Taymiyyah (t.t), *Iqtiḍā' al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm Mukhālafah Ashāb al-Jahīm*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 5.

²⁹²Al-Ghazzālī (1996), *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*, j. 3. Taḥqīq: Al-Syaḥḥāt al-Ṭaḥḥān, Abdullah al-Minsyāwī, Maṣūrah: Maktabah al-Īmān, h. 533.

dapat merasai kenikmatan hidup hakiki yang hanya boleh dicapai dengan iman sejati kepada Allah s.w.t.

Al-Hawā juga menginginkan manusia terus jahil dan berfikiran jumud kerana apabila manusia mendalami Islam, manusia akan semakin mengenali Allah s.w.t dan menambah cinta dan ketakwaan kepadaNya. Kecintaan dan ketakwaan akan membuahkan amal. *Al-Hawā* tidak suka manusia beramal kerana Allah s.w.t. *Al-Hawā* sukakan kejahilan yang akan menjauhkan manusia daripada Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t :

...إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ...

Maksudnya :

“... sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu...
(Surah Fāṭir[35]:28)

Manusia yang mendalami ilmu, akan semakin kenal Allah s.w.t dan menambah rasa takut kepadaNya. Ketakutan kepada Allah s.w.t akan menghindarkan manusia daripada mengikut *al-Hawā* dan menahan segala keinginan dan kelazatan berseronok melakukan dosa. *Al-Hawā* tidak suka manusia menahan keinginannya kerana akan melemahkan *al-Hawā*. *Al-Hawā* suka manusia diselubungi kejahilan yang menyekatnya daripada mempunyai paradigma dan jati diri.

Sama ada pengasas atau pengikut ajaran yang menyeleweng, kedua-duanya diselubungi kejahilan. Mereka jahil terhadap Allah s.w.t sekalipun merupakan cerdik pandai dalam kalangan manusia.²⁹³ Sekiranya mereka mengenali Allah s.w.t, mereka tidak mensyirikkanNya, mendustakanNya apatah lagi bersaing kuasa denganNya. Itu adalah perbuatan manusia jahil.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis, penulis dapat menyimpulkan bahawa perbuatan manusia mengikut segala keinginan *al-Hawā* mengundang pelbagai bahaya terhadap dirinya sendiri. *Al-Hawā* bukan sekadar mendorong manusia melakukan maksiat dan dosa bahkan boleh menjerumuskan manusia ke lembah syirik. Dosa syirik melayakkan manusia untuk dihumban ke neraka. Syaitan memainkan peranan besar dalam mencorakkan *al-Hawā* manusia. Manusia yang mengikut dorongan *al-Hawā* sebenarnya pengikut syaitan yang menjalankan misi besar menyesatkan manusia daripada jalan Allah s.w.t.

Mereka yang terlibat dalam penyelewengan akidah adalah mereka yang mempertuturkan *al-Hawā*. Sama ada mereka terlalu memberatkan urusan agama atau terlalu meringankan. Mereka tidak mahu mengikut ketetapan Allah s.w.t dan RasulNya,

²⁹³ Kebanyakan pengasas ajaran yang menyeleweng bukannya dalam kalangan orang yang berpendidikan agama sekalipun mereka mendakwa alim dan tahu urusan agama. Dari segi pengikut pula, kebanyakannya juga tidak berpendidikan agama walaupun ada segelintirnya yang mendapat pendidikan tinggi dalam bidang agama seperti di Universiti al-Azhar, Mesir dan ada juga yang merupakan golongan profesional. SS. Datuk Mohd. Syukri, *op. cit.*.

bahkan mereka sengaja menambah sesuatu atau mengurangi syariat mengikut kehendak *al-Hawā* sendiri untuk tujuan kepentingan diri dengan berselindung di sebalik nama agama Islam.

Bab 5

PENUTUP

5. PENUTUP

5.1. Kesimpulan

Kajian bertajuk *Al-Hawā* dalam Penyelewengan Akidah: Kajian di Kelantan ini banyak menyumbangkan maklumat dan fakta kepada penulis sendiri. Melalui kajian dan analisis yang dilakukan, penulis telah dapat mencapai objektif kajian yang digariskan.

Melalui kajian ini penulis dapat mengetahui konsep *al-Hawā* mengikut perspektif Islam berdasarkan definisi daripada kamus dan pandangan beberapa ulamak. Secara umumnya kalimah *al-Hawā* membawa pengertian keinginan, kehendak, kecenderungan seseorang terhadap sesuatu perkara sama ada baik atau buruk. Melihat kepada perspektif yang lebih rinci, *al-Hawā* menjurus kepada keinginan yang tidak baik yang mengikut panduan syaitan dan menolak wahyu. Begitulah juga yang diungkapkan oleh al-Qur'an dan al-Hadith, yang mengeji *al-Hawā* memperteguhkan bahawa *al-Hawā* adalah keinginan yang tidak mengikut lunas-lunas syarak, bahkan sentiasa berselisih dengan perintah Allah s.w.t dan RasulNya.

Penulis juga dapat mengetahui kedudukan *al-Hawā* dalam diri manusia yang tidak boleh disingkirkan kerana *al-Hawā* adalah sebahagian daripada fitrah kejadian manusia. Manusia tidak mampu memusnahkan *al-Hawā* untuk mengelakkan daripada pengaruh *al-Hawā*. Kecelakaan *al-Hawā* merujuk kepada perbuatan manusia yang

mengikuti *al-Hawā*. *Al-Hawā* sering berargumentasi dengan *al-'Aql* untuk merebut kuasa dalam *al-Hawā*. *Al-'Aql* yang kuat dengan ilmu dan keimanan akan berjaya menundukkan *al-Hawā* agar manusia mengikuti segala kehendak Allah s.w.t dan Rasulnya. Kemenangan yang berpihak kepada *al-Hawā* pula menyebabkan manusia alpa dengan keseronokan *al-Hawā* dan lupa akan Allah s.w.t dan RasulNya. *Al-Hawā* sebenarnya merupakan mekanisme syaitan untuk merealisasikan sumpahnya menyesatkan manusia manakala *al-'Aql* adalah sasaran wahyu Allah s.w.t terhadap manusia.

Berdasarkan kontradiksi ini, terbentuklah beberapa peringkat kualiti jiwa manusia. Kualiti yang paling rendah ialah manusia yang mempunyai *al-Nafs al-Ammārah bi al-Sū'* iaitu *al-Hawā* dapat mengalahkan *al-'Aql* dan menguasai *al-Qalb* dengan manifestasi segala kejahatan. Seterusnya, sekiranya penguasaan *al-Hawā* dapat distabilkan dengan *al-'Aql*, kadang *al-Hawā* menang dan kadangkala *al-'Aql* yang menang manusia dikatakan mempunyai *al-Nafs al-Lawwāmah* iaitu dia melakukan kejahatan, selepas itu dia menyesal. Apabila *al-'Aql* dapat menguasai *al-Qalb* dan *al-Hawā* pun dapat ditundukkan, manusia akan mencapai *al-Nafs al-Muṭmainnah*. Bisikan kejahatan syaitan sudah dapat ditepis.

Penulis berjaya mencapai objektif yang kedua iaitu untuk mengkaji peranan *al-Hawā* dalam penyelewengan dalam konteks sejarah Islam dan dalam akidah yang menyeleweng di Kelantan. Perbuatan mengikut *al-Hawā* membawa kedurjanaan yang

besar kepada manusia. Bahaya *al-Qalb* yang dikuasai *al-Hawā* menyebabkan orang kafir terus dengan syirik dan orang yang telah memeluk Islam keluar dari Islam. Dalam konteks sejarah Islam, kecelakaan *al-Hawā* telah menyelewengkan akidah umat, antaranya yang berlaku kepada Sāmiriyy, Aswad al-Ansi, Ṭulayḥah al-Asadi dan Musaylamah al-Kadhdhāb. Diri mereka dikuasai *al-Hawā* menyebabkan mereka menolak akidah Islam yang telah dianuti.

Peranan yang dimainkan syaitan mempengaruhi *al-Hawā* tidak akan berakhir sehinggalah tibanya hari kiamat. Oleh sebab itulah gejala penyeleweng akidah terus berlaku hingga ke hari ini. Kajian penulis dalam ajaran-ajaran yang menyeleweng di Kelantan mendapati peranan yang dimainkan *al-Hawā* adalah efektif. Beberapa kumpulan ajaran yang menyeleweng yang terdapat di Kelantan diasaskan kerana keinginan *al-Hawā* untuk menjayakan pelbagai hasrat peribadi seperti pengaruh, kekayaan, perempuan dan keseronokan. Untuk mencapai hasrat ini, mereka perlu berkuasa, untuk berkuasa mereka mesti menjadi ketua yang ditaati sepenuhnya tanpa sebarang bangkangan. Oleh itu, mereka mencipta ajaran-ajaran tertentu yang mempunyai daya tarikan agar mereka dapat menarik perhatian orang. Ajaran yang bertujuan jahat bukanlah ajaran Islam namanya. Ajaran yang diasaskan itu adalah ajaran yang menyeleweng daripada akidah Islam dan menepati kehendak *al-Hawā*. 'Title' sebagai ketua, guru, maha guru, maulana dan seumpamanya memungkinkan mereka mencipta dan mendekorasi amalan-amalan yang bertentangan dengan syariat. Bahkan kesukaan *al-Hawā* yang menjadi keutamaan.

Penulis mengkaji elemen-elemen *al-Hawā* yang terdapat dalam ajaran yang menyeleweng berdasarkan maklumat pihak JAHEAIK dan beberapa individu sama ada melalui dokumen atau temu bual. Hasil kajian dan analisis, penulis telah dapat mengenalpasti dua belas elemen *al-Hawā* yang terdapat dalam ajaran yang menyeleweng yang dikaji dan penulis menganalisis elemen-elemen tersebut dalam 15 subtopik untuk mengetengahkan pengaruh cukup besar yang dimainkan *al-Hawā*. *Al-Hawā* menginginkan kuasa dan pengaruh sehingga ada yang mengaku menjadi tuhan di samping dapat dibaluti kemewahan hidup dan didampingi perempuan-perempuan. Di samping itu, pengikut *al-Hawā* tidak mahu tunduk beribadah kepada Allah s.w.t lantas meninggalkan ibadat wajib dan menyelewengkan ibadah mengikut kehendak cita rasa sendiri. *Al-Hawā* ibarat kuda liar yang suka bebas tanpa sebarang kekangan. *Al-Hawā* tidak suka mengikut garis panduan Allah s.w.t dan RasulNya dan tidak mahu terikat dengan sistem dan perundangan Islam. Kecelakaan *al-Hawā* mengundang pelbagai bahaya sehingga manusia sanggup mendustakan Allah s.w.t dan RasulNya seperti tidak mengakui kewujudan malaikat, menolak kebenaran azab kubur, mengaku dirinya memiliki keistimewaan umpama nabi dan mampu merentas jalan ke syurga walaupun diri diliputi dosa dan memisahkan diri daripada ikatan akidah Islam.

Gejala penyelewengan akidah yang berlaku adalah kejayaan hasil usaha syaitan yang bertekad menyimpangkan manusia daripada Allah s.w.t. *Al-Hawā* menjadi instrumen syaitan untuk mencapai aspirasi jahatnya bermula dengan penyelewengan terhadap syariat sehinggalah akhirnya berjaya memecahkan benteng akidah manusia.

5.2. Cadangan

5.2.1. Kerajaan

5.2.1.1. Memperkasakan sistem pendidikan Islam yang hanya dianggap sebagai satu bidang ilmu semata-mata, dan dipinggirkan pula. Penerapan pendidikan Islam perlu diambil berat dalam pendidikan peringkat awal bermula di tadika, sekolah rendah, sekolah menengah hinggalah ke peringkat universiti dan alam pekerjaan. Kerajaan mesti mengubah sistem pendidikan yang ada sekarang yang dilihat tidak mementingkan pendidikan Islam.

5.2.1.2. Mengetengahkan aspek pengajian ilmu tasauf dan penyucian jiwa agar disiplin ilmu ini diambil berat oleh segenap lapisan masyarakat, tidak dipandang serong oleh sesetengah masyarakat atau diselewengkan oleh segelintir yang lain.

5.2.1.3. Mempertingkatkan program-program ilmiah sama ada di peringkat sekolah, universiti atau masyarakat awam. Program ilmiah seperti wacana, simposium, debat, forum perlu diperhebatkan lagi untuk melahirkan masyarakat yang cintakan ilmu. Ilmu akan memantapkan *al-'Aql*. *Al-'Aql* yang mantap akan berjaya menundukkan *al-Hawā*.

5.2.1.4. Memperkasakan jabatan agama seluruh negara dalam memperhebatkan fungsinya memberi pendedahan dan panduan kepada masyarakat tentang kehidupan beragama.

5.2.1.5. Mengawal media agar tidak hanya mementingkan hiburan, tetapi lebih kepada penekanan ilmiah dalam citra yang boleh diterima masyarakat kontemporari.

5.2.1.6. Menapis program-program hiburan agar tidak melangkaui batasan syarak sama ada melalui televisyen, pawagam, secara langsung dan sebagainya.

5.2.1.7. Menjalankan sistem perundangan Islam dalam membanteras jenayah, gejala sosial dan penyelewengan akidah.

5.2.2 Masyarakat

5.2.2.1. Ibu bapa mesti memberi pendidikan agama kepada anak-anak sejak dari kecil dan sentiasa memastikan anak-anak terus mendapat pendidikan agama sehinggalah dia baligh. Kejahilan akan menyuburkan pengaruh *al-Hawā*. Ibu bapa juga mesti mengawal pergerakan anak-anak dan sentiasa memantau aktiviti mereka tetapi tidak berbentuk mengongkong, sebaliknya mendidik.

5.2.2.2. Guru-guru perlu menerapkan penerapan akidah kepada pelajar walaupun bukan dalam mata pelajaran agama. Penerapan terhadap kepercayaan Allah s.w.t, keEsaanNya, kebesaranNya akan dapat membolehkan pelajar membuat kesinambungan antara pelajaran dan keTuhanan dan tidak memisahkan akidah dengan kehidupan seharian.

5.2.2.3. Pihak sekolah dan guru-guru perlu memberi penekanan aspek penjagaan *al-Hawā* seperti menghidupkan program-program ibadat pembersihan jiwa di samping menghentikan program yang menyuburkan *al-Hawā* seperti pertandingan nyayian, konsert dan sebagainya.

5.2.2.4. Setiap lapisan masyarakat mesti berperanan sekadar kemampuan mereka dalam mengekang *al-Hawā* diri sendiri sendiri dan orang lain. Sikap saling-menasihati mesti dihidupkan agar keterlanjuran dapat diundur kembali.

5.3. Penutup

Pemahaman konsep *al-Hawā* perlu diusahakan oleh setiap individu untuk memastikan dirinya tidak kalah di tangan *al-Hawā*.

Kecelakaan *al-Hawā* sangat besar, mendorong manusia memilih kejahatan sehingga boleh menjerumuskan manusia ke lembah syirik. Tanpa cahaya ilmu, manusia tidak menyedari bisikan syaitan ke dalam dirinya kerana syaitan pandai memujuk manusia melakukan kejahatan dalam situasi dia melihat bahawa perkara tersebut adalah baik. *Al-Hawā* dipandu syaitan menuju kesesatan, meminggirkan petunjuk Ilahi.

Hanya suluhan wahyu dapat menyelamatkan manusia. Allah s.w.t membantu manusia yang menyerah diri kepadaNya menunjukinya jalan keselamatan dan kejayaan

daripada kesesatan. Perlawanan manusia dengan *al-Hawā* memerlukan senjata ilmu wahyu. Dengan senjata ini, manusia berupaya melawan *al-Hawā* sebaliknya tanpa senjata ini manusia akan rebah sujud kepada *al-Hawā* yang mengendongnya menuju kesesatan.

Harapan penulis agar tesis ini dapat dapat memberi manfaat kepada penulis sendiri dan pembaca. Semoga usaha sebesar zarah ini diberkati Allah s.w.t.

Al-Faqīrah ilā Rabbihā,

Nailah binti Ismail,

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,

Akademi Islam Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

BIBLIOGRAFI

Bibliografi

Al-Qur'ān al-Karīm.

Ḥamṣī, Dr., Muhammad Hasan al- (t.t), *Qurān Karīm Tafsīr wa Bayān ma'a Asbāb al-Nuzūl li al-Suyūfī ma'a Fahāris Kāmilah li al-Mawādī' wa al-Alfāz*. Beirut: Dār al-Rasyīd.

Buku

A.S. Hombyy (t.t), *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. C. IV, (t.t.p): Oxford University.

Abū Dawud, Sulaymān ibn al-Asy'āth al-Sajistānī al-Azdī (t.t), *Sunan (al-Kutub al-Sittah)*. Istanbul: Gagri Yayinlari.

_____ (1998), *Sunan*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

_____ (t.t), *Sunan AbīDāwūd*, 4 j (j. 3). (t.t.p): Dar al-Fikr.

Abdul Halim el-Muhammady, (1994), *Penyelewegan al-Arḡam dari Aqidah Quran dan Sunnah Mengikut Perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Petaling Jaya: ABIM.

Abdul Hamid @ Yusoff bin Yunus (2008), *Penjelasan Terhadap 58 Ciri Ajaran Sesat di Malaysia*. Kelantan: JAHEAIK.

Abdulfatah Haron Ibrahim (1987), *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Afzalur Rahman (1995), *Ensiklopedia Sirah*, 7 j. (j. 2). Norhayati Mohd. Nor (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Ittiḥād al-Umamī li al-Jāmi al-Ilmiyyah (1969), *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Hadīth al-Nabawīan 'al-Kutub al-Sittah wa 'an al-Musnad al-Darimi wa Muwatta' Mālik wa Musnad Aḥmad Ibn Ḥanbal*. Madinah Lidan: Maṭbaah Brill.

- Amran Kasimin (1992), *Liku-liku Iblis Menipu Manusia*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Amīr, Muḥammad Ibn Muḥammad al- (1948), *Ḥāsyiyah Muḥammad Ibn Muḥammad al-Amīr 'Alā Syarḥ 'Abd al-Salām Ibn Ibrāhīm al-Mālikī li Jawharat al-Tawḥīd li al-Imām al-Laqqāni*. Pattani: Maṭba'ah Ibn Halābī.
- Anas Aḥmad Karzun, (Dr.) (1997), *Manhaj al-Islām fī Tazkiyah al-Nafs*. Arab Saudi: Dār Nūr al-Maktabāt.
- Atharī, 'Abdullah Ibn 'Abd al-Ḥamīd al- (2003), *Al-Wajīz fī 'Aqā'id al-Salaf al-Ṣōleḥ*, c. 4, Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Aṣfahānī, al-Rāghib al-, (al-'Allāmah) (1972), *Muḥjam Mufradāt Alfāz al-Qur'an*. Taḥqīq: Nadīm Mar'ashlī, (t.t.p): Dār al-Kātib al-'Arabī.
- Bahi, Mohammad al-, (Dr.) (1984), *Islam Dilitupi Awan Mendung*. Yusoff Zaky Yacob(terj.), Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.
- Banjari al-Makki, Muhammad Noeruddin Marbu al- (t.t), *Gejala Murtaḍ Mengikut Pandangan al-Qur'an dan al-Sunnah*. Kedah: Ma'ahad li al-Tafaqquh fi al-Dīn.
- Bayhānī, Muḥammad Salīm al- (1985), *al-Futūḥāt al-Rabbāniyyah*. Muhammad Labib Ahmad (terj.), Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr.
- Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi*, (t.t). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Univers/iti Malaya.
- Buraikan, Ibrahim Muhammad bin Abdullah al-, (Dr.) (2001), *Pengantar Pengajian Aqidah Islam Mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah*. Muhammad Anis Matta, et al. (terj.), Selangor: Pustaka Dini.
- Bustāni, Fu'ād Ifrām al- (1956), *Munjid al-Ṭullāb*. c. 15, Beirut: Dār al-Masyriq.
- Dārimī, al- (t.t), *Sunan (al-Kutub al-Sittah)*. Istanbul: Gagri Yayinlari.
- Dhahabī, al- (2008), *Dosa-dosa Besar*. Dr. Muhammad Amad Adly Ma (terj.), Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Elaine Higgleton, et al. (1995), *Essential English Dictionary*. Singapore: Federal Publications (S) Pte Ltd.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007), *Ajaran Sesat Mengenal Jalan yang Terpesong*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd..

- Faqīr Ḥusayn, Faraj 'Alī al-, (Dr.) (2003), *Mazāhir al-Taysīr wa Raf' al-Ḥaraj*. Beirut: Dār Qutaybah.
- Farahwahida Mohd. Yusof (2007), *Aliran Kepercayaan Sejarah dan Perkembangannya di Malaysia*. Selangor: Percetakan Info Meditasi Sdn. Bhd..
- Faṭānī, Aḥmad Ibn Muḥammad Zayn Ibn Muṣṭafā Ibn Muḥammad al- (2006), *Farḍat al-Farā'id fī Ilm al-Aqā'id (Mutiara Ilmu Akidah)*. Abd al-Ghani Jabal Maraḳi (terj.), Kota Bharu: Jabal Maraḳi Enterprise.
- Faṭānī, Zayn al-'Ābidīn al- (t.t), *'Aqīdah al-Nājīn fī Ilm Uṣūl al-Dīn*. Pattani: Maṭba'ah Ibn Halābī.
- Ghazali, Muhammad al- (1960), *Hādihā Dīnunā*. Mesir: Dār al-Kitāb al-Hadithah.
- _____ (1978), *Bukan Dari Ajaran Islam*. H. Mu'ammal Hamidy (terj.), Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Ghazzālī, al- (1978), *Kimia Kebahagiaan*. Abdul Majīd Ḥay Khātib (terj.), Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- _____ (1988), *Keajaiban Hati*. Nurhickmah (terj.), Singapura: Pustaka Nasional.
- _____ (1991), *Bimbingan Mukminin pada Mencari Redha Rabb al-'Ālamīn*, c. 2. Sayyid Aḥmad Samīṭ (terj.), Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd..
- _____ (1996), *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*, j. 3. Taḥqīq: Al-Syahḥāt al-Ṭahḥān, Abdullah al-Minsyāwī, Manṣūrah: Maktabah al-Īmān.
- _____ (1999), *Mukāsyafah al-Qulūb al-Muqarrab Ila Ḥaḍrah 'Allām al-Ghuyūb*. Taḥqīq: Ṭāha 'Abd al-Ra'ūf Sa'ad. Kaherah: Maktabah Zahrān.
- H. Zainal Arifin Abbas (1988), *Sejarah dan Perjuangan Nabi Muhammad*, j. 6, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Haji Mustakim (1999), *Indeks Al-Quran Panduan Mencari Ayat Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd..
- Hakkī, al-Syaykh Ismā'īl Bursali (1928), *Tafsīr Ruḥ al-Bayān*, 10 j. (j. 10), Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah.

- Hamka, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah, (Prof. Dr.) (1984), *Tafsir al-Azhar*, 30 j. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Harun Din, (Prof. Dr.) *et al.* (1990), *Manusia dan Islam*, 3 j. (j. 3). Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Yahya (2002), *Deep Thinking, (Bagaimana Seorang Muslim Berfikir)*. Catur Sriherwanto (terj.), Jakarta: Rabbani Press.
- Haythamī, Nūr al-Dīn 'Alī Ibn Abī Bakr al- (t.t), *Mawārid al-Zam'ān ilā Zawā'id Ibn Hibbān*. Taḥqīq: Muḥammad 'Abd al-Razzāq Ḥamzah, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad (t.t), *Musnad*, j. 3, Beirut: al-Maktab Al-Islāmī.
- Ibn Kathīr (1998), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, j. 7, Arab Saudi: Dār al-Qiblah.
- _____ (2002), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- _____ (2002), *Huru-hara Hari Kiamat*. H. Anshori Umar Sitanggal *et al.* (terj.), Jakarta: Pustaka al-Kauthar.
- _____ (2005), *Sejarah Tamadun Islam (al-Bidāyah wa al-Nihāyah)*, 12 j. (j. 6). Ahmad Nasir Mohd Yusoff *et al.* (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manẓūr (t.t), *Lisān al-'Arab*, j. 4 dan 6. Taḥqīq: Abdullah 'Alī al-Kabīr *et al.*, (t.t.p): Dār al-Ma'ārif.
- Ibn Taimiyyah, (Syaykh al-Islām) (t.t), *Iqtidā' al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm Mukhālafah Ashāb al-Jahīm*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- _____ (1980), *al-Ḥisbah Fī al-Islām*. Riyāḍ: Mansyūrāt al-Mu'assasah al-Su'ūdiyyah.
- Ibn 'Āsyūr, Muḥammad al-Ṭāhir (2001), *Maqāṣid al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah*. Taḥqīq Muḥammad al-Ṭāhir al-Misāwī. Jordan: Dār al-Nafā'is.
- Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.
- Jaafar Salleh (1996), *Tingkatan-tingkatan Nafsu Kemuliaan Martabat Insan*. Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn.Bhd..
- Jawziyyah, Syams al-Dīn Abū Abdillāh Ibn Qayyim al- (1982), *Al-Rūh*. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- _____ (t.t), *al-Fawā'id*. Taḥqīq: Muḥammad 'Uthmān al-Khasyat, (t.t.p): Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Jawzī, Jamāluddīn Abū al-Faraj Abd Raḥmān al- (1985), *Nuzḥah al-A'yun al-Nawāzīr fī 'Ilm al-Wujūh wa al-Nazā'ir*. Taḥqīq Muḥammad 'Abd al-Karīm Kaẓīm al-Rādhī, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- _____ (1403H), *Talbīs Iblīs*. Beirut: Dār al-Qalam.
- _____ (1987), *Dhamm al-Hawā*. Taḥqīq: Aḥmad 'Abd al-Salām 'Aṭā, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Jurjāni, 'Alī Ibn Muḥammad al-Sayyid al-Syarīf al- (2004), *Muḥjam al-Ta'rīfāt*. Kaḥerah: Dār al-Faḍīlah.
- Jūzū, Muḥammad 'Alī al-, (Dr.) (1983), *Maḥūm al-'Aql wa al-Qalb fī al-Qur'an wa al-Sunnah*. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn.
- Mahayudin Hj. Yahaya (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam* j. 1, 3 dan 5. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marbawī, Muḥammad Idrīs 'Abd al-Ra'ūf al- (t.t), *Qāmūs al-Marbawī*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Maydānī, 'Abd Raḥmān Ḥasan Ḥannabakah al- (1999), *al-Akhlāq al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, j. 1. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Maḥmūd Syalatūt (1966), *al-Islām 'Aqīdah wa Syarīah*. C. 3. Kaḥerah: Dār al-Qalam.
- Miṣrī, Zakariyyā 'Abd al-Razzāq al-, (Dr.) (2003), *Uṣūl al-'Aqīdah al-Islāmiyyah Durūs wa Tamārīn*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Mohd Ali bin Abu Bakar (1986), *Kejadian Manusia dan Perjuangan Hidup*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Muḥammad Aḥmad al-Khaṭīb *et al.* (1993), *Dirāsāt fī al-'Aqīdah al-Islāmiyyah*. C. 2. 'Ammān: Dār 'Ammār.
- Muhammad Hafizuddin (2005), *Rahsia Penciptaan Malaikat dan Tugas-tugasnya*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Muhammad Isa Selamat *et al.* (1998), *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenalinya*. Kuala Lumpur: Dar al-Nukman.

- Mujamma' al-Lughah al-'Arabiyyah (2004), *al-Mu'jam al-Waṣīfī*. Kaherah: Maktabah al-Syurūq al-Dawliyyah.
- Mundhirī, al- (t.t), *Mukhtaṣar Sunan AbīDāud*, j. 7. Taḥqīq: Muḥammad Ḥāmid al-Fiqī, Kaherah: Maktabah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah.
- Muḥammad Mahdī al-Āṣifī (1415 H), *al-Hawāfi Ḥadith Ahl al-Bayt*. (t.t.p): al-Mu'āwaniyyah al-Thaqāfiyyah li al-Majma' al-'Ālamī li Ahl al-Bayt.
- Muḥammad Na'im Yāsīn, (Dr.) t.t, *Al-Īmān Arkānuhu wa Haqīqatuhu wa Nawāqīḍuhu*. Kaherah: Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyyah.
- Muḥammad 'Adnān Salīm *et al.* (1996), *Mu'jam Tafsiṛ Kalimāt al-Qur'an*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Muḥāsibī, al-Ḥārith Ibn Asad al- (1969), *Al-Masā'il fī 'A'māl al-Qulūb wa al-Jawāriḥ, wa al-Makāsib wa al-Aql*. Kaherah: 'Ālim al-Kutub.
- Naceur Jabnoun (2005), *Islam and Management*. Arab Saudi: International Islamic Publisihing House.
- Nawawī, al- (t.t), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, j.11, (t.t.p): al-Maṭba'ah al-Miṣriyyah wa Maktabatuha.
- _____ (1995), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 8. (t.t.p): Dār Ibn Ḥayyān.
- Nawi @Mohd. Nawi Haji Ismail (2006), *Pemurnian Akidah Islamiah*. Kota Bharu: Percetakan dan Perniagaan Nik Daud Sdn. Bhd..
- Nik Abdul Aziz Nik Mat (2007), *71 Nota kepada Diri*. C. 2, Kuala Lumpur: Harakah.
- _____ (2008), *Taqwa*. Kuala Lumpur: Anbakri Publika.
- Nik Mohd. Rosdi *et al.* (1997), *Kenalilah al-Islam Bahagian Dua*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Nor Anisah Abdul Malek (1992), *Konsep Manusia Menurut Pandangan Islam, Satu Pembentukan ke Arah Teori Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd..
- Pusat Penyelidikan Islam Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (2008), *Penjelasan Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat*. C. 2, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (Dr.) (1994), *Tafsiṛ Sūrah al-Ra'd*. Taḥqīq Maḥmūd 'Iwaḍ, Mesir: Dār al-Basyīr li al-Thaqāfah wa al-'Ulūm.

- _____ (1995), *Fatāwā Mu'āṣarah*, j. 5. Zaidi Jalil, *et al.* (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Qurṭubī, Abū 'Abdillāh Muḥammad ibn Aḥmad al-Anṣārī āl- (1968), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, j. 19, Kaherah: Maktabah al-'Arabiyyah.
- Sayyid Sābiq (1967), *Islāmunā*. C. 2, Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah.
- _____ (t.t), *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Sa'īd Ḥawwā (1999), *al-Asās fī al-Tafsīr*, j. 2, Kaherah: Dār al-Salām.
- _____ (2007), *Intisari Ihya' Ulumuddin Imam Al-Ghazali Mensucikan Jiwa Kaedah Tazkiyatun Nafs Bersepadu*. Aunur Rafiq Saleh Tamhid (terj.), Selangor: Pustaka Dini Sdn. Bhd..
- Siti Norbaya Abd. Kadir (2002), *Ajaran Sesat Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Syahminan Zaini, (Dr.) (1980), *Mengenal Manusia Lewat al-Qur'an*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Syarqāwī, al-Syaykh 'Abdullāh al- (2009), *al-Aḥādīth al-Mukhtārah min Fatḥ al-Mubdī bi Syarḥ Mukhtaṣṣar al-Zubaydī*. Selangor: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Syaykh 'Abdullāh ibn Muḥammad Bāsmīḥ (1989), *Mastika Hadis Rasulullah s.a.w*, j. 1 c. 5. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Sādiq 'Affī, Muḥammad al- , (Dr.) (1977), *Al-Fikr Al-Islāmī*. Kaherah: Maktabah Al-Khānji.
- Teuku Iskandar (1994), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. C. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas Patrick Hughes (1982), *Dictionary of Islam*. C. 3, New Delhi: Cosmo Publications.
- Tirmidhī, Abū Isā Muḥammad Ibn Īsā Ibn Sūrah al- (t.t), *Sunan (al-Kutub al-Sittah)*, Istanbul: Gagri Yayinlari.
- _____ (1983), *Sunan al-Tirmidhī*, j. 4 c. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- _____ (1993), *Sunan al-Tirmidhi*. Drs. H. Moh. Zuhri (terj.), Kuala Lumpur: Victory Agencie.

- Ujayl, Luwis (1987), *Al-Munjid fi al-Lughah wa al-Ilām*. C. 29, Beirut: Dār al-Masyriq.
- Wahbah al-Zuhaylī, (Dr.), (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fi al-'Aqā'idah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*, 32 j. c. 8. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āšir.
- Yahyā Hāsyim Ḥasan Farghal (1978), *Al-Usus al-Manhajiyah li Binā' al-'Aqā'idah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī.
- Zuhriah Mohd Juoi (2002), *Penyakit Jiwa! Bagaimana Mengubatinnya?* Johor: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- 'Abd al-'Azīz Ḥājī (2003), *Tafsīr Āyāt al-'Aqā'idah*, j. 1. Kaherah: Dār al-Šābūnī.
- 'Ali Ibn Abī Ṭālib (t.t), *Nahj al-Balāghah*. Syarḥ al-Syeikh Muḥammad 'Abduh, j. 1, Beirut: Dār al-Hudā al-Waṭaniyyah.
- 'Alī Maḥfūz (1956), *Al-Ibdā' fī Maḍār al-Ibtidā'*. C. 5, Mesir: Dār al-'Itisām.
- 'Azāmā, al-Syaykh Salāmah al- (t.t), *Tanwīr al-Qulūb fī Mu'āmalah 'Allām al-Ghuyūb*. Taḥqīq: Najm al-Dīn Amīn al-Kardīy, (t.t.p): Dār al-Fikr
- Ḥaji Sa'īd Ḥaji Ibrāhīm (2000), *'Aqā'idah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Kuala Lumpur: Dār al-Ma'rifah.
- Ḥasan Ayyūb (1979), *Tabsīr al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*. Kuwait: Dār al-Buḥūth al-'Ilmiyyah.
- Šabbāgh, Muḥammad Ibn Luṭfī al-, (Dr.) (1992), *al-Insān fī al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmi.
- Šadiq Ḥasan Khān (t.t), *Fatḥ al-Bayān fī Maqāšid al-Qur'ān*, j. 10. (t.t.p): Dār al-Fikr al-'Arabī.
- Ṭibrisī, al-Syaykh Abū 'Alī al-Faḍl ibn al-Ḥasan al- (t.t), *Majma' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*, j. 5. Taḥqīq: al-Ḥāj al-Sayyid Hasyim al-Rasūlī al-Maḥallātī, Beirut: Dār al-Turāth al-'Arabī.

Tesis

Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi (2006), *Ajaran Sesat di Negeri Terengganu: Kajian Terhadap Faktor Penyebaran dan Langkah Mengatasinya*. Tesis, PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdul Haris (2002), *Sejarah Perkembangan Ajaran Sesat di Hulu Besut*. Tesis, MA, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd Zabri Yusoff (1996), *Ajaran-ajaran Sesat di Kelantan: Satu Kajian Khusus Terhadap Ajaran Mat Yamin Buloh Poh*. Tesis, BA Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Nawi@MohdNawi bin Ismail (2004), *Penyelewengan Akidah di Negeri Kelantan: Kajian Kes Ajaran Hassan Anak Rimau di Jajahan Tanah Merah, Kelantan*. Tesis, MA, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kertas Kerja/ Artikel

Abd. Aziz bin Jusoh (2000), "Mengetahui Ajaran Sesat" (Kertas Kerja Kursus Penguatkuasaan, Penyiasatan dan Pendakwaan di ILIM, JAKIM, 19 Jun 2000).

Abdul Halim Ahmad (1982), "Pendidikan Islam di Kelantan", *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

"Ajaran Kumpulan Tal Tujuh", (t.t), (t.t.p). (Kertas Kerja Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan).

Haji Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid, Dato' Seri Utama Diraja (2007), "Ancaman Ajaran Sesat Terhadap Keharmonian Rakyat Malaysia" (Kertas Kerja Simposium Dakwah Daerah Klang, Selangor).

Haji Zamihan Haji Mat Zin al-Ghari (2008), "Ajaran Sesat dan Bahayanya Terhadap Agama dan Negara". Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pemantapan Akidah dan Perpaduan Ummah Negeri Melaka pada 3 April 2008 di Auditorium Masjid al-Azim, Bukit Palah, Melaka.

Ismail Awang (1986), "Sejarah Masuknya al-Qur'an ke Kelantan", *Warisan Kelantan* V. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Jazā'irī, Abū Bakr Jābir al- (1999), “Kullu Biḍāah Ḍalālah wa Kullu Ḍalālah fī al-Nār”.
Abdullah al-Qari bin Haji Saleh (terj.), Pengasuh, Bil. 558, Muharram-
Safar 1420/ Mei-Jun 1999, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat
Istiadat Melayu Kelantan

“Laporan Perkembangan Ajaran Sesat Terkini/ Aktif Negeri Kelantan Tahun 2000” ,
(t.t), (t.t.p), (Kertas Laporan Bahagian Penyelidikan JAHEAIK).

“Laporan Penyebaran Ajaran Salah Kumpulan Ayah Pin di Perkampungan Orang Asli
Negeri Kelantan”, (t.t), (t.t.p), (Kertas Laporan JAHEAIK).

“Menangani Ajaran Sesat: Pengalaman Negeri Kelantan”, (t.t), (t.t.p). (Kertas Kerja
JAHEAIK).

“Rancangan 5 Tahun Pembasmian Ajaran Sesat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Kelantan” , (t.t), (t.t.p), (Kertas kerja yang dibentangkan dalam
Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat JAHEAIK).

“Taklimat Penyelidikan Ajaran Sesat”, (t.t), (t.t.p). (Kertas Kerja JAHEAIK).

Temubual

Encik Yahya bin Yusof (bukan nama sebenar), penduduk Kampung Bukit Gading,
Tanah Merah, Kelantan.

Encik Zakaria bin Mohd. Din, penduduk Kampung Bukit Gading, Tanah Merah,
Kelantan.

Haji Mamat bin Deraman, penduduk Kampung Bukit Gading, Tanah Merah, Kelantan.

Mohammad Syukri bin Mohammad, (Datuk), SS. Mufti Kelantan, Jabatan Mufti
JAHEAIK.

Puan Noorlailalawati Mamat, Penolong Pengarah Kanan Akidah dan Syariah,
JAHEAIK.

Puan Zaleha Hashim (bukan nama sebenar).

Laman Web

<http://www.islam.gov.my/e-rujukan/ajaransesat.html>. 4 Ogos 2009, 10.15 p.m.

<http://www.jheat.terengganu.gov.my/ajaranSesat.php> pada 07 Jun 2010, 1:07 pm.

<http://www.kelantan.gov.my/>.

<http://www.mailarchive.com/harakahdaily@yahogroups.com/msg00735.html>. 5 Ogos 2009

LAMPIRAN